

**KITAB HIDAYAH AL-SIBYAN. KARANGAN ABU ABDULLAH
HUSEIN BIN MUHAMMAD NASIR BIN MUHAMMAD THAYYIB
AL-MAS'UDI AL-BANJARI : KAJIAN TAHQIQ DAN ANALISIS**

**Tesis dikemukakan kepada Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia sebagai memenuhi keperluan
penganugerahan
Ijazah sarjana Pengajian Islam**

Oleh

Mohamad Akhyar bin Ismail al-Tantawi

2012, Akhyar

Kebenaran Penggunaan Tesis

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi keperluan ijazah tinggi daripada Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti membenarkan tesis ini dibaca. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin tesis ini dalam apa jua bentuk, sama ada secara keseluruhannya atau bahagian-bahagian tertentu untuk tujuan ilmiah, diberikan oleh mana-mana penyelia saya atau Dekan Penyelidikan dan Inovasi. Adalah difahami bahawa sebarang penyalinan, penerbitan atau mana-mana bahagiannya untuk tujuan mendapatkan keuntungan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah juga difahami bahawa peniktirafan diberikan kepada asalnya dan Universiti Utara Malaysia di atas penggunaan bahagian-bahagian daripada tesis ini sebagai bahan ilmiah. Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam tesis ini tidak boleh diterbitkan, disimpan dalam cara boleh dipergunakan lagi, dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara sekalipun, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa izin terlebih dahulu daripada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman, Malaysia.

Abstrak

Kajian ini bertujuan menjelaskan tentang perkara akidah dan ibadah yang terkandung dalam kitab *Hidayah al-Sibyan* bagi memudahkan pemahaman dan amalan orang ramai. Huraian kitab adalah satu daripada cara untuk memudahkan orang ramai memahami tentang akidah dan ibadah. Kajian ini berdasarkan kajian teks kitab *Hidayah al-Sibyan* yang telah dihasilkan oleh ulama terkenal iaitu Husein bin Muhammad Nasir dari wilayah Kepulauan Nusantara pada kurun ke-20 Masihi. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti dan menganalisis teks kitab berdasarkan bab akidah dan ibadah yang diungkapkan dalam bahasa Melayu klasik. Selain itu, kajian ini turut menghuraikan struktur ayat berdasarkan pendekatan kontemporari dan menjelaskan permasalahan berkaitan ilmu yang terkandung dalam kitab tersebut. Di samping itu, kajian ini melakukan *takhrij* hadis dan menentukan surah serta menganalisis secara kritis beberapa isu semasa yang dikenal pasti dalam aspek ibadah dengan menggunakan pandangan para ulama. Kajian ini berbentuk kualitatif. Data-data yang diperolehi daripada pihak-pihak yang berautoriti dalam bidang akidah dan ibadah di negeri Kedah. Data dan maklumat dianalisis dengan kaedah deduktif dan deskriptif. Sementara itu, perbincangan tentang perkara akidah menjelaskan tentang sifat 20 dan sifat yang wajib, sifat mustahil dan sifat harus kepada para rasul a.s. Selain itu, kitab ini juga membincangkan perkara yang berkaitan dengan ibadah, seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji. Hasil kajian ini mendapati bahawa akidah dan ibadah dilakukan menurut pendapat mazhab ahli Sunnah Wa al-Jama'ah dan mazhab Syafii. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa kitab *Hidayah al-Sibyan* telah berjaya memberi pengaruh yang besar terhadap pandangan intelektual di alam Melayu.

Kata Kunci : Kitab jawi, Tahqiq kitab, Husein Nasir.

Abstract

This study aims to clarify the matter of faith and worship contained in the book *Hidayah al-Sibyan* in order to facilitate public understanding and practice. One of the methods used to achieve this is by describing the content of a text. The book was written by the famous scholar, Muhammad Nasir Husein who lived in the Nusantara Archipelago region around the 20th century. Specifically, the study examined and analysed the chapters on faith and worship expressed in classical Malay language. In addition, it also described the sentence structure using the contemporary approach and explained the problems related to the knowledge contained in the book .Furthermore, this study conducted a *takhrij* on the hadith and determined the surah and critically analysed several current issues identified in the aspect of worship based on the views of the ulama. This is qualitative study. The data was obtained from people who have the authority in the field of faith and worship in the state of Kedah. Data and information were analyzed using the descriptive and deductive methods. Meanwhile, discussions related to faith explained the 20 mandatory nature of Allah and the compulsory nature, the impossible nature, and the possible (*harus*) nature of the prophet A.S. The book also discussed issues related to *ibadah* such as prayers, fasting, zakat and hajj. The findings showed that the faith and worship were performed in the opinion of the Sunni sect Wa al-Jama'ah and Shafi'i sect. Therefore, this study found that the book *Hidayah al-Sibyan* has a big influence on the Malay intellectual outlook.

Keyword: Book of jawi, Tahqiq book, Nasir Husein.

Penghargaan

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana telah memberi kekuatan untuk meneruskan usaha mempelajari dan memahami sebahagian daripada ilmu yang Allah s.w.t berikan sebagai panduan dan kesinambungan syariat ini.

Kajian yang saya lakukan ini adalah suatu penyelidikan terhadap sebuah kitab Jawi lama yang disebut sebagai *tahqiq*. Ia memerlukan penelitian dan menguasai topik kajian dengan menyeluruh. Ini sudah tentu memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang tersebut.

Oleh itu pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Shukri Bin Ahmad selaku penyelia yang banyak membantu dan membimbang saya dalam usaha menyiapkan kajian ini. Dengan ilmu dan kepakaran yang dimilikinya, maka dapatlah saya mempelajari dan berkongsi pengalaman dengan beliau terutama dari aspek ternik-teknik kajian dan penulisan. Saya amat menghargai apa yang telah dicurahkan oleh beliau berupa pandangan, nasihat dan teguran sepanjang tempoh kajian ini. Saya berharap kajian ini akan menjadi dorongan dan semangat kepada saya untuk meneruskan kajian-kajian yang lain.

Jutaan terima kasih juga saya tujukan kepada para guru agama seperti :

- Tuan Guru Hj. Ali bin Ahmad
(bekas guru Maktab Mahmud)
- Ustaz Aminuddin bin Abdul Rahim

(pensyarah Kolej Universiti Insaniah)

- Ustaz Wan Hafiz bin Wan Sallah

(anak murid Tuan Guru Hj. Chik bin Ahmad al-Kedahi)

Semangat serta dorongan dari rakan-rakan juga tidak dilupakan. Semoga ilmu dan kerjasama yang diberikan mereka dapat membantu meningkatkan lagi tahap keilmuan dan ketaqwaan. Hanya Allah s.w.t sahajalah yang dapat membalas jasa baik mereka.

Tidak ketinggalan, sekalung penghargaan dan sekudus kasih untuk ayah dan ibu yang sentiasa meniringi dengan doa ikhlas dan atas segala kesusahan untuk membesarkan dan memberi pendidikan kepada penulis. Tidak dilupakan juga kepada isteri tersayang, Farahdina binti Mat Isa yang setiasa di sisi memberi semangat dan dorongan serta anak-anak Mohamad Zoreef, Mohamad Azhad dan Mohamad Syafi yang menjadi sumber inspirasi dalam menyiapkan disertasi ini. Diucapkan juga jutaan terima kasih buat semua ahli keluarga dan sahabat seperjuangan di atas segala bantuan dan ihsan yang diberikan. Semoga Allah s.w.t memberi kepada kita kerahmatan di dunia dan di akhirat, amin.

Senarai Kandungan

Kebenaran Penggunaan Tesis	i
Abstrak	ii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vii
Senarai Singkatan	xi
Jadual Transliterasi	xii

BAB SATU - PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan masalah	5
1.3 Persoalan kajian	6
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Kepentingan kajian	7
1.6 Skop kajian	8
1.7 Ulasan karya	10
1.8 Metodologi kajian	12
1.8.1 Rekabentuk kajian	12
1.8.2 Pengumpulan data	13
1.8.3 Penganalisisan data	14
1.8.4 Metodologi <i>tahqiq</i>	15
1.8.5 Metodologi <i>Takhrij</i>	16
1.8.6 Skop kajian	18
1.9 Penutup	19

BAB DUA – RIWAYAT HIDUP TUAN HUSEIN KEDAH

2.1 Pendahuluan	21
2.2 Nama dan susurgalur keturunan Tuan Husein Kedah	22
2.3 Tarikh dan tempat lahir Tuan Husein Kedah	23
2.4 Pendidikan Tuan Husein Kedah	24
2.5 Membuka pondok pengajian	26
2.6 Guru-guru Tuan Husein Kedah	27
2.7 Murid-murid Tuan Husein Kedah	29
2.8 Hasil karya Tuan Husein Kedah	32
2.9 Penutup	37

BAB TIGA – *TAHQIQ* DAN TRANSLITERASI BAB AKIDAH

3.1 Bahagian akidah, muqaddimah Iman dan Islam	38
3.2 Makna Iman	41
3.3 Makna Islam	43
3.4 Rukun Iman	43
3.5 Rukun Islam	44

3.6	Hakikat makrifat	45
3.7	Sifat wajib bagi Allah	50
3.8	Sifat wajib bagi Rasul	78
3.9	Penutup	86

BAB EMPAT - *TAHQIQ DAN TRANSLITERASI BAB IBADAH*

4.1	Bahagian ibadah, bab sembahyang	87
4.2	Syarat wajib sembahyang	87
4.3	Syarat sah sembahyang	88
4.4	Hadas kecil dan fardu wuduk	90
4.4.1	Sebab-sebab berlakunya hadas kecil	90
4.4.2	Fardu wuduk	92
4.5	Hadas besar dan fardu mandi	95
4.5.1	Perkara-perkara yang mewajibkan seseorang itu mandi	95
4.5.2	Datang darah haid	97
4.5.3	Datang darah nifas	98
4.6	Fardu mandi	100
4.7	Wuduk, mandi dan tayammum	103
4.7.1	Syarat wuduk dan mandi	103
4.7.2	Wuduk orang yang <i>darurah</i>	106
4.8	Air mutlak	107
4.9	Sebab-sebab yang menghilangkan sifat air mutlak	108
4.10	<i>Tayammum</i>	110
4.11	Hadas kecil dan hadas besar	112
4.11.1	Perkara-perkara yang ditegah bagi orang yang berhadas kecil	112
4.11.2	Perkara-perkara yang ditegah bagi orang yang berjunub	113
4.11.3	Perkara-perkara yang ditegah bagi orang yang kedatangan haid dan nifas	114
4.12	<i>Istinja'</i>	116
4.13	Syarat sah <i>istinja'</i>	118
4.14	'Ain najis serta kaifiat untuk menghilangkannya	120
4.15	Pembahagian najis	122
4.16	Kaifiat membasuh najis ' <i>aini</i>	124
4.17	Najis itu adakalanya darah dan seumpamanya, dan adakala selain daripada darah	125
4.18	Mengetahui masuk waktu sembahyang	128
4.19	'Ain kiblat	131
4.20	Menutup 'aurat, kaifiat dan tempat sembahyang	133
4.20.1	Munutup 'aurat	134
4.20.2	Kaifiat sembahyang	136
4.20.3	Tempat sembahyang	137
4.21	Perkara-perkara yang membatalkan sembahyang	138
4.22	Sembahyang fardu lima waktu	149
4.23	Bang dan qamat	150
4.24	Rukun-rukun sembahyang	159
4.24.1	Niat sembahyang	161
4.24.2	TakbiratuIihram	166
4.24.3	<i>Qiyam</i>	174
4.24.4	Membaca <i>al-fatihah</i>	177

4.24.5 Rukuk	181
4.24.6 Iktidal	183
4.24.7 Sujud	187
4.24.8 Duduk antara dua sujud	190
4.24.9 Membaca tahiyyat awal	192
4.24.10 Membaca tahiyyat akhir	194
4.24.11 Selawat ke atas Nabi di dalam tahiyyat akhir	197
4.24.12 Duduk <i>tawarruk</i>	198
4.24.13 Memberi salam	199
4.25 Perkara-perkara yang disunatkan selepas memberi salam	202
4.25.1 Sunat melatakan tapak tangan kanan atas ubun kepala sambil menyapu mukanya	202
4.25.2 Membaca wirid	203
4.25.3 Membaca doa	209
4.25.4 Selawat dan salam ke atas Rasulullah	209
4.26 Doa-doa yang <i>ma 'thur</i>	210
4.27 Sujud <i>sahwi</i>	212
4.28 Sembahyang sunat	216
4.29` Sembahyang qasar dan jamak	225
4.30 Sembahyang berjamaah	234
4.31 Sembahyang jumaat	246
4.31.1 Syarat wajib jumaat	246
4.31.2 Syarat sah jumaat	247
4.31.3 Rukun dua khutbah	252
4.31.4 Syarat dua khutbah	254
4.31.5 Perkara sunat bagi khatib	257
4.31.6 Amalan selepas memberi salam	259
4.31.7 Amalan yang disunatkan melakukannya pada hari jumaat	261
4.31.8 Hukum meninggalkan sembahyang jumaat	262
4.32 Penutup	265
4.32.1 Beberapa peringatan bagi orang yang sedang sakit	265
4.32.2 Setelah meninggal dunia	270
4.32.3 Memandikan mayat	275
4.32.4 Rukun sembahyang mayat	280
4.32.5 Menziarahi kubur orang Islam	288
4.33 Bab zakat	289
4.33.1 Dalil al-Quran tentang zakat	289
4.33.2 Dalil daripada hadis nabi tentang zakat	291
4.33.3 Pembahagian zakat	296
4.33.3.1 Zakat binatang	296
4.33.3.2 Zakat perbelanjaan	297
4.33.3.3 Zakat buah-buahan	298
4.33.3.4 Zakat biji-bijian	298
4.33.3.5 Zakat perniagaan	299
4.33.3.6 Zakat fitrah	300
4.34 Beberapa masaalah tentang perihal zakat	301
4.34.1 Wajib berniat	301
4.34.2 Wajib bersegera memberi zakat	303
4.34.3 Orang yang berhak menerima zakat	304
4.34.4 Masalah pertama	305

4.34.5	Masalah kedua	306
4.34.6	Masalah ketiga	307
4.35	Bab puasa	308
4.35.1	Hukum puasa	308
4.35.2	Syarat wajib puasa	310
4.35.3	Syarat sah puasa	311
4.35.4	Rukun puasa	312
4.35.5	Niat puasa	312
4.35.6	Beberapa masalah tentang perihal puasa	315
4.35.6.1	Perkara-perkara yang membatalkan puasa	315
4.35.6.2	Orang yang diharuskan berbuka puasa	318
4.36	Bab Haji dan Umrah	321
4.36.1	Syarat wajib Haji dan Umrah	321
4.36.2	Kaifiat melakukan Haji dan Umrah	323
4.36.3	Rukun-rukun Haji	326
4.36.4	Rukun-rukun Umrah	327
4.36.5	Syarat melakukan Tawaf	327
4.36.6	Syarat melakukan Sa'ie	329
4.36.7	Perkara-perkara wajib Haji	330
4.36.8	Perkara-perkara wajib Umrah	332
4.36.9	Perkara-perkara yang dilarang semasa ihram	333
4.37	Muhasabah diri	336
4.38	Penutup	342

Bab 5 – Analisis hukum mengikut perkembangan semasa

5.1	Pendahuluan	343
5.2	Isu-isu tentang ibadah	343
5.2.1	Bacaan talqin	343
5.2.2	Hadiyah pahala amalan kebajikan kepada orang yang telah meninggal dunia	353
5.2.3	Najis babi dan anjing	363
5.3	Penutup	373

Bab 6 – Kesimpulan Dan Cadangan

6.1	Pendahuluan	374
6.2	Kesimpulan	374
6.3	Cadangan	377
6.3.1	Cadangan Umum	377
6.3.2	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	378
6.4	Penutup	380

Senarai Rujukan	382
-----------------	-----

Senarai Singkatan

- bil. Bilangan
- dll. Dan lain-lain
- ed. Edit, editor oleh
- H. Hijrah
- jil. Jilid
- kw. *Karrama Allah wajhah*
- M. Masihi
- m. meninggal dunia
- pnys. Penyusun
- pnyt. Penyunting
- ptrj. Penterjemah
- r.a *radiya Allah 'anh*
- S.A.W *salla Allah 'alaih wassalam*
- S.W.T *Subhanahu wa ta'ala*
- t.pt. tiada penerbit
- t.th. tiada tahun
- t.tp. tiada tempat

Jadual Transliterasi

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh
Transliterasi			
ء	,	سأْل	sa'ala
ب	b	بَدْل	badala
ت	t	تَمْر	tamr
ث	th	ثُورَة	tsawrah
ج	j	جَمَال	jamal
ح	h	حَدِيث	hadis
خ	kh	خَالِد	khalid
د	d	دِيَوَان	diwan
ذ	dh	مَذْهَب	madhab
ر	r	رَحْمَن	rahman
ز	z	زَمْزَم	zamzam
س	s	سَرَاب	sarab
ش	sy	شَمْس	syams
ص	s	صَبْر	sabr
ض	d	ضَمِير	domir
ط	t	طَاهِر	tohir
ظ	z	ظَاهِر	zohor
ع	c	عَبْد	'abd
غ	gh	غَيْب	ghaib
ف	f	فَقْه	fiqh
ق	q	قَاضِى	qadi

ك	k	كأس	ka:s
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
و	w	وصل	wasal
ه	h	هبط	habata
ي	y	يسار	yasar

Vocal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	Contoh Transliterasi
أ	a	فعل	Fa'ala
إ	i	حبيب	hasiba
ئ	u	كتيب	kutiba

Vocal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	Contoh Transliterasi
أ	a	كاتب , قضى	katib
إ	i	كريمة	karim
ئ	u	حروف	huruf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	Contoh Transliterasi
أو	aw	قول	qawl
إي	Ay	سيف	sayf
ئي	iyy/i	رجعي	raj'iyy/raj'i
ؤو	uww/u	عد	'aduww/'adu

Pengecualian

1. Huruf ئ (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ‘a. contohnya : أَكْبَرُ, transliterasinya : *akbar* bukan *‘akbar*.
2. Huruf Arab ت (ta’ al-Marbutoh) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. contohnya : وَزَارَةُ التَّعْلِيمِ transliterasi : *wizarat al-ta’lim*. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta’ marbutoh ditransliterasikan kepada ‘h’.

<u>Contoh</u>	<u>transliterasi</u>
المكتبة الأهلية	al-Maktabah al-Ahliyyah
قلعة	qal’ah
دار وهبة	Dar Wahbah

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Masyarakat Melayu amat terkenal dengan sifat lemah lembut, sopan santun dan kuat beragama (Zakiah, 1984: 2). Kehidupan harian mereka sangat dipengaruhi oleh agama Islam yang merupakan agama anutan dan sebagai cara hidup. Pegangan akidah dan amalan ibadah telah menjadi kemestian yang diwarisi daripada generasi kepada satu generasi. Pegangan ini “tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas” dan terus diamalkan walaupun berlaku perubahan zaman.

Penyebaran Islam dalam kalangan masyarakat Melayu bermula dengan usaha gigih para ulama menyebarkan karangan mereka dengan menggunakan tulisan jawi (Munif Zarirruddin, 2000: 9). Ulama Tanah Melayu telah memainkan peranan yang cukup penting dalam mengembangkan ilmu akidah dan ibadah yang ditulis dengan tulisan jawi versi lama dan dicetak sebagai kitab atau risalah bagi membangunkan sistem pendidikan Islam, mencetus kesedaran politik, di samping menangani pelbagai isu dan masalah dalam masyarakat Melayu Islam. Kitab jawi lama ini yang lebih dikenali dengan panggilan “kitab kuning” banyak memberi manfaat dan input yang berfaedah kepada masyarakat Melayu. Kandungannya lebih bermakna apabila berjaya mendidik generasi terdahulu agar berpegang dengan akidah *Ahli Sunnah wa al-Jamaah al-Asya’irah* dan amalan ibadah mazhab *al-Syafi’iyah* yang mantap.

Menjelang abad ke-19, corak kehidupan beragama di Tanah Melayu bertambah baik dengan usaha dan peranan ulama, termasuk inisiatif dalam memperkenalkan sistem pengajian pondok. Pada peringkat awal, kitab-kitab bahasa Arab di samping karya-karya terjemahan hasilan ulama-ulama luar yang terkenal digunakan sebagai bahan pengajaran, termasuklah karya pengarang besar di Nusantara ketika itu seperti Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani, Syeikh Muhammad Arshad bin Abdullah Al-Banjari, Syeikh Abdul Samad Al-Falimbani, dan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fatani (Wan Shamsudin, 1999 : 7).

Antara ulama yang berjasa di Tanah Melayu pula ialah Tuan Haji Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zin bin Wan Mustafa al-Fatani¹(1856-1908) (Ahmad, 2009 : 51), Tuan Haji Ismail bin Abdul Kadir al-Fatani²(1882-1965) (Ahmad, 2009 : 193), dan Tuan Husein yang dikenali sebagai Tuan Husein Kedah (1863-1936) (Wan Mohd Shaghir, 2009 : 117).³ Melalui karya-karya mereka, kepelbagaiannya ilmu agama dapat dilihat dalam bidang yang diketengahkan. Ulama pondok ini bukan sahaja membangunkan corak hidup beragama dan akhlak masyarakat Islam, malah turut menjana aktiviti ekonomi masyarakat Islam. Dalam erti kata, mereka berperanan menterjemahkan Islam sebagai suatu cara hidup yang syumul.

¹ Pengarang kepada kitab *Faridah al-faraaid Fi Ilmi 'Aqaid* membicarakan ilmu tauhid atas Mazhab Imam al-Asty'ari.

² Pengarang kepada kitab *Bakurah al-Amani* yang membicarakan tentang ilmu tauhid.

³ Nama sebenar Tuan Husein Kedah ialah, Abu Abdullah Husein bin Muhammad Nasir bin Muhammad Thayyib.

Selain itu, sistem pengajian madrasah juga merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan di Tanah Melayu selepas kedatangan Islam (Ismail, 1997: 56). Sistem pendidikan ini merupakan lanjutan kepada pengajian di masjid dan surau. Di madrasah, kitab bahasa Arab atau bahasa Melayu ditulis mengikut struktur bahasa Arab menjadi medium utama. Dalam pengajian, tuan guru akan menterjemahkannya dan menjelaskan pengertiannya.

Dengan adanya sistem pengajian pondok dan madrasah di rantau ini, tulisan jawi telah menempa sejarahnya sebagai media persuratan Islam. Kitab-kitab jawi yang ditulis ulama silam dalam pelbagai bidang ilmu dan tahap atau tingkat kemampuan pembaca sama ada dari Minangkabau, Aceh, Fatani, Kelantan mahupun tempat-tempat lain, masih terpelihara dengan baik hingga kini (Shafie, 1977 : 22). Ketika itu, tulisan jawi sebagai medium persuratan Islam dalam bahasa Melayu telah mencapai kejayaan yang sangat memuaskan di rantau ini. Buku atau kitab agama bertulisan jawi yang memberi manfaat kepada umat Islam sebagai rujukan banyak dihasilkan. Bagi penutur bukan bahasa Melayu, seperti rakyat Kemboja, mereka sering menggunakan kitab-kitab jawi ini sebagai asas untuk mempelajari Islam seperti *Munyah al-Musholli*, *Wisyah al-Afraah wa Mishbahul al-Falah* dan *Matla' al-Badraini* yang dilihat sangat berharga kepada mereka sebagai rujukan bagi pengetahuan Islam.

Dalam hal ini, sumbangan ulama Melayu tidak dapat dinafikan lagi. Kehadiran mereka memberi kesan positif terhadap penyebaran ilmu agama. Hasil karya mereka mencakupi

segala bidang keilmuan berkaitan agama. Di Kedah misalnya, mereka yang begitu prolifik termasuklah Haji Uthman al-Yunusi atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Man (Bukit Besar) (1904-1987) (Ismail, 2007 : 327), Haji Wan Sulaiman Wan Siddiq (Limbung Kapal) (1874-1935) (Wan Mohd Shaghir, 36 : 2009), Haji Said (Yan) (1877-1962) (Wan Mohd Shaghir, 36 : 2009) dan Haji Abdullah Abbas Nasution (Tanjung Pauh) (1912-1987) (Wan Shamsudin, 1999 : 7). Mereka telah menulis kitab kuning dalam tulisan jawi bagi merealisasikan penyebaran ilmu ibadah dan akidah untuk diwarisi oleh generasi seterusnya.

Selain itu, Tuan Husein Kedah juga adalah antara ulama di Tanah Melayu yang banyak mengarang kitab dalam tulisan jawi. Sumbangan beliau terhadap ilmu agama, terutama aspek ibadah dan akidah telah bermula sejak tahun 1887 lagi (Tajuddin, 1993: 75). Beliau telah menghasilkan sebanyak 18 buah kitab agama yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Melayu dan bertulisan jawi (Ishak, 14 : 2009). Salah sebuah kitab beliau yang terkenal ialah *Hidayah al-Sibyan* yang menyentuh soal akidah sebagai pendahuluan yang membicarakan sifat dua puluh secara ringkas, kemudiannya disusuli pula soal ibadah yang amat terperinci. Perbahasan itu ditulis secara khusus dalam bab sembahyang. Kitab ini sangat besar sumbangannya kepada masyarakat Melayu. Pelbagai perkara dibincangkan yang meliputi aspek akidah, ibadah dan lain-lain. Dalam mendidik ummah setempat, Tuan Husein turut mengajarkan tulisan jawi serta mendirikan pondok sebagai institusi pendidikan. Karya beliau sangat berharga dan perlu dikaji untuk menterjemahkan ilmu agama yang sangat mendalam ini di dalam bentuk terkini, agar mudah difahami dan dihayati oleh generasi yang akan datang.

1.2 Penyataan masalah

Kajian ini penting berdasarkan pengamatan awal pengkaji, tentang signifikan kitab *Hidayah al-Sibyan* (HS) dan penggunaannya dalam masyarakat Malaysia. Secara umumnya, terdapat beberapa faktor memungkinkan pengkaji untuk meneliti kitab ini :

Pertama, ketokohan Tuan Hussien Kedah al-Banjari atau nama penuhnya Abu Abdullah Husein bin Muhammad Nasir bin Muhammad Thayyib bin Mas'ud dilihat setaraf dengan ulama yang ada pada zaman sekarang. Beliau merupakan keturunan seorang ulama yang sangat terkenal di Nusantara, iaitu Kadi Haji Su'ud anak kepada Muhammad Arsyad al-Banjari yang sangat terkenal kerana bukunya *Sabil al-Muhtadin* menjadi kitab rujukan seluruh Asia Tenggara. Kadi Haji Su'ud pernah menjadi guru kepada sultan dan para pembesar di Banjar dan guru kepada Sultan Sulaiman. Selain itu, beliau juga mewarisi ilmu kepahlawanan daripada bapanya.(Abdul Rahman, 2005 : 30). Seterusnya, Tuan Husein juga telah melakarkan pengalaman yang penuh dengan liku-liku yang mencorakkan sahsiah dan jati diri seorang ulama. Dalam kesibukan mengajar, beliau masih sempat lagi untuk menulis kitab untuk diwariskan kepada generasi seterusnya.(Zahidi, 1996 : 110). Beliau banyak menulis kitab yang berautoriti sesuai mengikut peredaran semasa (Persatuan bekas-bekas pelajar al-Madrasah al-Khairiah, 2009 : 14). Kitab beliau mempunyai nilai yang tinggi, antaranya ialah *Hidayah al-Sibyan* .

Kedua, kitab *Hidayah al-Sibyan* banyak memberi impak pada pembinaan generasi rabbani, seiring dengan peredaran zaman. Ilmu yang terkandung dalam kitab ini menjadi asas untuk diaplikasikan kepada kanak-kanak sebelum mereka meningkat dewasa. Oleh sebab itu, kitab ini mempunyai nilai tersendiri sehingga dikenali sebagai mutiara ilmu yang berharga (Wan Shamsudin, 1999 : 7).

Ketiga, kandungan kitab *Hidayah al-Sibyan* menjurus pada permasalahan hukum hakam yang berkaitan dengan ibadah. Oleh itu, perbincangan dalam tesis ini berfokus pada masalah ibadah ini agar isi kandungan *Hidayah al-Sibyan* dapat diperluaskan supaya dapat diamalkan oleh generasi yang akan datang dan seterusnya boleh dijadikan bahan bacaan ilmiah.

Maksud kitab *Hidayah al-Sibyan* ini ialah, petunjuk atau suatu jalan bagi kanak-kanak yang berkehendak untuk belajar ilmu agama. Bagi pendapat pengkaji Tuan Husein memilih nama kitab tersebut iaitu *Hidayah al-Sibyan* kerana suasana dan persekitaran pada masa itu amat berkait rapat dengan pembelajaran mengenai Islam. Seterusnya Tuan Husein menamakan kitab beliau sebagai *Hidayah al-Sibyan* untuk memenuhi kehendak mengikut acuan semasa serta dikhurasukan kitab tersebut untuk kanak-kanak untuk mengenali secara mendalam tentang ilmu yang berkait rapat dengan ilmu akidah dan ibadah.

1.3 Persoalan kajian

1. Bagaimanakah bentuk huraiyan yang dilakukan terhadap teks serta penterjemahan ke atas bahasa Arab dan istilah yang terkandung di dalam kitab (HS)?
2. Apakah masalah yang terdapat dalam bab akidah dan ibadah yang perlu diperjelaskan?
3. Bagaimanakah caranya hendak menentukan status hadis itu sahih atau sebaliknya?
4. Sejauh manakah isu-isu yang dibincangkan oleh Tuan Husein Kedah dalam aspek Akidah dan Ibadah menepati pandangan pelbagai ulama?

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menghuraikan struktur ayat berdasarkan pendekatan kontemporari di samping menerangkan maksud perkataan bahasa Arab dan istilah yang digunakan.
2. Menjelaskan permasalahan berkaitan ilmu yang terkandung dalam kitab tersebut secara holistik.
3. Mentakhrij hadis dan menentukan surah (ayat al-Quran).
4. Menganalisis secara kritis beberapa isu semasa yang dikenal pasti dalam aspek ibadah dengan menggunakan pandangan pelbagai ulama.

1.5 Kepentingan kajian

Terdapat beberapa alasan yang munasabah agar kajian *tahqiq* kitab *Hidayah al-Sibyan* (HS) ini dianggap relevan dan sesuai dalam era globalisasi ini. Fakta-fakta yang sesuai tentang betapa pentingnya *tahqiq* kitab HS ini perlu diteruskan kajiannya akan diberikan. Sebagai bahan bukti atau sebab pengkaji ingin meneruskan penyelidikan tentang *tahqiq* kitab ini adalah seperti berikut:

1. Pengkaji tidak mendapati kajian berbentuk *tahqiq* yang dibuat terhadap kitab *Hidayah al-Sibyan* hingga ke hari ini. Pengkaji cuba mengkajinya agar ia dijadikan subjek bacaan atau rujukan oleh mana-mana pengkaji lain.
2. Pengkaji tidak mendapati kajian berbentuk *tahqiq* yang dilakukan terhadap kitab *Hidayah al-Sibyan* (HS) dalam menyelesaikan permasalahan berdasarkan pendekatan kontemporari. Pengkaji merasakan bahawa rujukan kepada kitab HS ini merupakan satu kaedah terbaik untuk menyelesaikan setiap masalah asas fardu ‘Ain yang berkaitan akidah dan ibadah terhadap masyarakat dewasa ini.
3. Tidak dapat dinafikan bahawa kitab ini penting kepada masyarakat kerana di dalamnya terkandung khazanah ilmu yang berharga. Walau bagaimanapun, disebabkan halangan dari segi maksud teks yang dikehendaki dan terdapat kesalahan ejaan dalam tulisan jawi yang dicetak berbanding tulisan asal pengarang Tuan Husien Kedah, maka pengkaji terpanggil untuk mentahqiq dan membuat transformasi agar kitab kuning lama ini seiring dengan kitab-kitab moden pada zaman sekarang.

1.6 Skop kajian

Dalam kajian ini, beberapa perkara perlu diberi perhatian dan penerangan sebagai panduan kepada masyarakat tanpa mengira peringkat umur, bangsa, agama dan sebagainya. Pemurnian akan dilakukan terhadap tulisan jawinya dalam memberi kemudahan kepada pembaca untuk membaca dan memahami setiap ayat yang ditulis.

Terdapat dua elemen penting yang digarap oleh pengkaji dalam kajian ini. Pertama dari segi huraian kepada bab akidah, ia disampaikan bagi memenuhi dengan keperluan dan kefahaman masyarakat. Misalnya, huraian berkenaan beriman dengan sifat-sifat Allah S.W.T sama ada yang wajib, mustahil mahupun yang harus pada hak Allah S.W.T. Perlu diambil kira dengan pandangan ulama kontemporari dewasa ini. Elemen kedua melibatkan huraian tentang ilmu ibadah yang terkandung dalam kitab HS, terutama perkara berkaitan sembahyang yang merupakan tiang agama yang perlu diambil berat oleh setiap Muslim. Justeru perkara ibadah, khususnya sembahyang tidak boleh dipandang remeh selagi manusia tidak memahami dan menghayatinya seperti yang diutarakan oleh Tuan Husein Kedah di dalam kitab HS.

Di samping itu, pengkaji cuba menghuraikan bab akidah dan ibadah yang terkandung dalam HS agar selari dengan peredaran zaman dari sudut bahasa, penyusunan ayat, dan hukum hakam yang terkandung di dalamnya. Terjemahan kembali akan dilakukan dengan membuat sedikit rujukan daripada kitab-kitab yang berautoriti pada zaman ini. Oleh yang demikian, satu transformasi dilakukan dari sudut bahasa Melayu klasik dan tulisan jawi ke dalam tulisan rumi. Kesemua zikir dan doa serta perkataan bahasa Arab yang terkandung dalam bab akidah dan ibadah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Permasalahan dan pandangan pelbagai ulama dalam sesuatu perkara yang rumit yang berlaku dewasa ini akan dinyatakan dengan jelas supaya mudah difahami oleh orang awam tanpa menjaskan kehendak dan maksud pengarang kitab yang sebenar.

1.7 Ulasan karya

Kajian pengkajian berbentuk *tahqiq* kitab banyak dibuat oleh sarjana Islam di Timur Tengah. Antaranya ialah Muhammad Bakar Ismail (1994) yang mentahqiq kitab *al-Iqna' Fi Hal al-Alfaz Abi Syuja'* karya al-Syeikh Shamsuddin al-Syarbini yang menghuraikan ilmu fikah. Muhammad Nasir al-Din al-Albani (1992) pula mentahqiq kitab hadis *Riyad al-Solihin* karangan Imam al-Nawawi yang menghuraikan ilmu hadis manakala Muhammad Muhyuddin Abdul Hamid (2005) mentahqiq kitab *Mugni Labib* karya al-Imam Abi Muhammad Abdullah Jamal al-Addin bin Yusuf bin Ahmad Ibnu Abdullah Hisyam al-Ansari al-Misri yang berfokus pada ilmu-ilmu alat (nahu). Selain itu, Muhammad Muhammad Tamir dan Hafiz 'Asyur Hafiz (2006) pula mentahqiq kitab *al-Asybah Wa al-Nazair fi Qawaaid Wa Furu' al-Syaft'iyyah* karya al-Imam Jalaluddin Abdul Rahman al-Sayuti (2006) yang menghuraikan perkara berkaitan *Qawaaid Fiqhiyyah*.

Namun kajian berbentuk *tahqiq* kitab di Malaysia ini, pengkaji mendapati di Perpustakaan Universiti Malaya hanya terdapat enam buah tesis dan di Universiti Kebangsaan Malaysia pula hanya terdapat empat buat tesis yang berbentuk *tahqiq* yang

ditulis di dalam bahasa Malaysia. Antara yang pengkaji sempat membaca dan membuat perbandingan tesis tersebut ialah kajian yang dilakukan oleh Marwazi bin Dzyauddin (2004), Abd Razak Samsudin @ Mansor (2002) dan Mohd Fawzi Bin Muhammad Amin dari UKM (1999). Marwazi mentahqiq kitab *Munyah al-Musalli*, iaitu sebuah kitab fiqh yang menumpukan pada *takhrij* hadis, ringkasan dan penstruktur semula kitab tersebut, manakala Abd Razak Samsudin @ Mansor pula mentahqiq kitab *Kifayah al-Muhtaj Fi Isra' Wa Mikraj* dengan mentahqiq dan menulis semula teks kitab *Kifayah al-Muhtaj* karangan Syeikh Daun Fatani dan mentahqiq hadis serta menentukan surah yang terkandung di dalamnya. Bagi Mohd Fawzi pula, beliau mentahqiq kitab *Tanbih al-Ghafilan* karangan Syeikh Abdullah Bin Abdul Mubin dengan memberi tumpuan terhadap kepentingan dan kekurangan kitab tersebut seperti tidak menyebut asal hadis yang diberi, ketiadaan sanad dan darjah hadis, susunan hadis tidak begitu teratur, dan tidak disebut nas atau kalimah asal dalam bahasa Arab.

Kajian mengenai kitab karangan Tuan Husein Kedah masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Yang ada hanya dalam bentuk huraian sahaja seperti tulisan Zakaria bin Ahmad Wan Besar Kitab *al-Jawahir al-Shufiah* yang memberikan huraian kitab *Qatru al-gahisiyyah fi 'ilmi al-Shufiyyah 'ala Syari'ah al-Muhammadiyyah* dalam memurnikan pengkajian dan bahasa lama kepada bahasa yang mudah difahami serta tersusun. Kitab *Hidayah al-Sibyan fi ma'rifah al-Islam wa al-Iman* pula telah diubah suai oleh Noraine Bt Abu dengan mengalih bahasa daripada tulisan jawi kepada rumi tanpa meminda teks asalnya.

Buku yang berjudul *Tokoh Ulung* pula yang diterbitkan oleh Persatuan Bekas-bekas Pelajar al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah Pokok Sena Kepala Batas Seberang Perai, Pulau Pinang pada tahun 1979 menyentuh ketokohan Tuan Husein Kedah sebagai penyebar ilmu agama suatu ketika dahulu. Namun buku ini hanya membicarakan riwayat hidup beliau sahaja seperti salasilah Tuan Husein Kedah sebagai seorang ulama yang kreatif, pelajar beliau yang ternama setelah beliau meninggal dunia, hasil karya yang diusahakan beliau dan keperibadian serta prinsip hidup Tuan Husein Kedah sewaktu hayatnya.

1.8 Metodologi Kajian

Dalam apa-apa penyelidikan atau kajian, metodologi merupakan suatu kaedah yang terpenting supaya kajian itu dapat dihasilkan dengan baik. Ini kerana penyelidikan merupakan suatu aktiviti mengumpul dan menganalisis data bagi mendapatkan hasil yang terbaik. Dalam kajian ini, metod yang diaplikasikan melibatkan lima peringat berikut:

1.8.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif yang banyak melibatkan kajian perpustakaan di mana pandangan ulama dalam perbahasan ilmu akidah dan ibadah ini dapat dikemukakan dengan pelbagai pendapat mengikut mazhab *Ahli Sunnah wa al-Jamaah* dan mazhab *Syafi'iyah*.

1.8.2 Pengumpulan Data

Metod ini adalah sangat penting dalam setiap kajian yang hendak dijalankan. Melalui metod ini pengkaji berusaha mengumpul data-data yang diperlukan dari pelbagai sumber. Antara sumber paling utama ialah perpustakaan. Pengkaji telah mengunjungi perpustakaan-perpustakaan seperti, Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah Alor Setar, Perpustakaan Awan Kedah, Muzium Negeri Kedah Darulaman dan Arkib Negeri Kedah Cawangan Kedah dan Perlis.

Di samping itu juga pengkaji berjumpa, temu bual dan mempelajari kitab HS ini daripada beberapa orang tokoh agama di sekitar Alor setar, antaranya ialah, Yuan Guru Hj. Hanafi bin Salleh (bekas guru Maktab Mahmud), Tuan Guru Hj. Ali bin Ahmad (bekas guru Maktab Mahmud), Ustaz Aminuddin bin Abdul Rahim (pensyarah Kolej Universiti Insaniah), dan Ustaz Wan Hafiz bin Wan Sallah (anak murid Tuan Guru Hj. Chik bin Ahmad al-Kedahi).

Data yang akan dikumpulkan dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu data primer dan data sekunder.

1. Data Primer⁴

Data primer adalah dalam bentuk karya-karya ulama Timur Tengah dan ulama al-Fatani dalam ilmu Tauhid yang hendak dikaji serta kitab-kitab Tauhid yang muktabar yang dikarang oleh tokoh-tokoh ulama Asya'irah seperti Imam Asya'ari, Imam Sanusi, Syeikh al-Suhaimi dan Imam al-Laqqani.

2. Data Sekunder⁵

Data Sekunder pula adalah dalam bentuk buku, jurnal, kertas kerja tesis dan latihan ilmiah yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji tentang akidah dan ibadah. Untuk tujuan itu, pengkaji telah mengunjungi Perpustakaan Awam, Perpustakaan Universiti Utara Malaysia, Kolej Universiti Insaniah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

1.8.3 Penganalisisan data

Penggunaan kaedah Penganalisisan data adalah seperti berikut :

1. Kaedah Deduktif :

Membuat kesimpulan berdasarkan fakta-fakta yang bersifat umum untuk dijadikan dasar bagi mencari kesimpulan yang bersifat khusus.

2. Kaedah Deskriptif:

Untuk menghurai dan memerincikan fakta-fakta tumpuan kajian yang terkandung di dalam sampel kajian.

⁴ Sila lihat tesis yang ditulis oleh Md Hilmi bin Sulaiman, 2011 : 15.

⁵ Sila lihat juga tesis yang ditulis oleh Md Hilmi bin Sulaiman, 2011 : 15.

1.8.4 Metodologi *Tahqiq*

Al-Suyuti (al-Suyuti, 2006 : 6) menjelaskan kaedah *tahqiq* yang sempurna seperti berikut, di dalam mentahqiq sesuatu kitab perlu diambil kira pra syarat seperti yang digariskan sebahagian ulama, antaranya ialah :

1. Mengenal pasti teks asal dan menjelaskan isi kandungan teks secara terperinci.
2. Meletakkan footnote atau huraian di bahagian bawah teks asal pengarang sebagai penjelasan yang jelas maksudnya daripada pentahqiq.
3. Menentukan surah al-Quran al-Karim mengikut urutan surah dan meletakkan nombor pada ayat tersebut.
4. Mencantumkan *Mentakhrij hadis* yang terdapat di dalam kitab tersebut sebagai memenuhi kehandak *tahqiq*.
5. Membuat penyelidikan tentang latar belakang riwayat hidup sebenar pengarang, serta hasil karya beliau.
6. Menterjemah setiap kalimah bahasa Arab yang digunakan di dalam kitab *Hidayah al-Sibyan* ke dalam bahasa Melaya.
7. Membuat rujukan kitab-kitab yang muktabar yang selaras dengan pandangan pengarang kitab *Hidayah al-Sibyan*.
8. Menterjemah segala doa yang terkandung di dalam kitab tersebut.

Untuk menyempurnakan kajian ini, kaedah perpustakaan digunakan untuk memperolehi maklumat mengenai latar belakang pengarang dan kaedah-kaedah *mentakhrij hadis*.

Sumber maklumat ini meliputi kitab-kitab, kertas kerja, buku tesis. Seterusnya bagi mendapatkan maklumat lanjut terhadap hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *Hidayah al-Sibyan* ini, maka kaedah *mentakhrij* hadis akan digunakan.

Takhrij ialah suatu ilmu yang unik dan penting dalam menyelidiki hadis-hadis Rasulullah S.A.W. Pengertian bagi *takhrij* hadis iaitu, mengkaji tentang hadis tertentu dengan tujuan untuk mengeluarkannya dan menentukan siapa perawinya daripada kalangan imam-imam hadis di dalam kitab mereka yang muktabar.

1.8.5 Metodologi *Takhrij*

Terdapat lima kaedah yang telah disusun oleh ulama hadis dalam teori *takhrij* hadis iaitu :

1. *Takhrij* dengan cara mengetahui kata pangkal pertama daripada lafaz hadis. Penggunaan dikehendaki mengetahui dengan pasti kata pertama atau huruf pertama lafaz hadis yang akan ditakhrijkan. Setelah pasti, maka hendaklah dirujuk kepada kitab *Faharis* (indeks) seperti kitab *Mausu'ah Atraf al-Hadis* karangan Abu Hajir Muhamad Busyuni.
2. *Mentakhrij* dengan cara mengetahui nama sahabat yang merawikan hadis. Penggunaan kaedah ini dikehendaki mengetahui nama sahabat yang meriwayatkan hadis tersebut. Jika diketahui nama perawi tersebut bolehlah dirujuk kepada kitab hadis yang menyusun atas urutan nama sahabat umpama kitab *Musnad* yang menyusun hadis mengikut urutan nama sahabat.

3. Mentakhrij dengan cara mengesan satu kalimat yang terdapat pada lafaz hadis tersebut. Pengguna boleh memilih satu lafaz yang tertentu kemudian mencarinya dalam *al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Hadis*. Setelah ditemui hadis tersebut maka dinyatakan tentang kedudukan hadis tersebut pada kitab-kitab tertentu.
4. Mentakhrij dengan cara mengetauui satu tajuk daripada tajuk-tajuk yang terdapat dalam hadis tersebut. Selalunya hendaklah dipilih tajuk-tajuk yang masyhur dan dikenali. Kaedah ini menghendaki penggunanya mengambil satu tajuk dalam hadis tersebut dan mencarinya pada kitab-kitab tertentu yang mengandungi tajuk tersebut.
5. Mentakhrij dengan cara meneliti sifat-sifat khas yang dimiliki pada hadis tersebut sama ada pada sanad atau matannya. Kaedah ini agak sukar jika dibandingkan dengan kaedah lain terutamanya bagi mereka yang bukan ahlinya. Penggunaan kaedah ini memerlukan penggunanya mengenal pasti sifat-sifat khas yang ada dalam hadis tersebut sama ada terdapat di dalam sanad seperti irsal atau yang terdapat pada matan seperti mempunyai cirri-ciri hadis yang bersifat hadis masyhur, palsu, gharib dan sebagainya.

Kelima-lima kaedah tersebut di atas adalah kaedah-kaedah *takhrij* yang mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Dalam proses mentakhrij hadis yang terdapat di dalam kitab *Hidayah al-Sibyan* ini tidak tertumpu kepada satu atau dua kaedah sahaja, malah kelima-lima kaedah ini digunakan untuk memudahkan pencarian hadis.

Seterusnya hadis-hadis yang telah ditakhrij ini akan ditentukan hukumnya. Hukum bagi hadis-hadis ini akan menuruti apa yang telah ditentukan oleh para ulama hadis yang muktabar. Bagi hadis-hadis yang terdapat di dalam riwayat al-Bukhari dan Muslim

ataupun salah seorang daripada mereka, maka hadis tersebut akan dihukum sebagai *sahih*.

Untuk menghukum hadis-hadis yang diriwayatkan selain daripada al-Bukhari dan Muslim, pengkaji akan berusaha mencari pendapat-pendapat ulama hadis yang telah menentukan hukam pada hadis tersebut sama ada ulama terdahulu seperti al-Tarmizi, al-Hakim, al-Baihaqi dan lain-lain atau ulama selepas mereka seperti al-Dhahabi, al-Suyuti, al-Haythami dan lain-lain.

1.8.6 Skop kajian

Kajian ini ditumpukan kepada sifat-sifat Allah S.W.T sama ada yang wajib, mustahil mahupun yang harus pada hak Allah S.W.T dan sifat-sifat para rasul a.s sama ada yang wajib, mustahil mahupun yang harus pada hak mereka. Permasalahan akidah merupakan asas terpenting dalam pegangan setiap Muslim dan menjadi asas kepada skop-skop yang lain dalam ilmu akidah seperti ilmu *ilahiyat*, *nubuwwat* dan *sam'iyyat*. Seterusnya melibatkan huraian tentang ilmu ibadah yang terkandung dalam kitab HS, terutama perkara berkaitan sembahyang yang merupakan tiang agama yang perlu diambil berat oleh setiap Muslim.

1.9 Penutup

Kitab *turath*⁶ (kitab warisan) atau kitab jawi lama sepatut menjadi bahan rujukan dan bacaan para pelajar. Namun demikian, dalam memahami kitab jawi lama, ia bukanlah sesuatu yang mudah kerana gaya bahasa yang digunakan tidak begitu banyak digunakan lagi dalam konteks pendidikan masa kini. Oleh sebab itu, kitab-kitab sebegini perlu diajar dan dibimbing oleh guru-guru pakar dan berkebolehan dalam membaca dan memahami isi kandungannya. Ini merupakan cabaran kepada para ilmuwan dan cendekiawan dalam memberikan didikan dan tunjuk ajar kepada pelajar. Ini juga jelas memperlihatkan bahawa pentingnya kemahiran untuk memahami kitab *turath* dalam kalangan pelajar selaku generasi penerus kepada para ulama yang juga merupakan pewaris para nabi.

Jika dirujuk dan diimbas kembali sejarah keilmuan dan sistem pengajian dahulu, khasnya di Alam Melayu Nusantara seperti sistem pengajian pondok, madrasah, masjid dan sebagainya, kitab (HS) yang juga dikenali sebagai kitab kuning digunakan oleh para ulama Islam dan guru-guru dalam mengajar dan menyampaikan ilmu, sepatutnya disebarluaskan kepada generasi baru lebih-lebih lagi dalam konteks pendidikan dan penyebaran ilmu-ilmu Islam masa kini baik sama ada dalam bentuk pengajaran formal ataupun tidak formal. Kitab ini juga sepatut menjadi bahan rujukan dan bacaan para pelajar. Namun demikian, dalam memahami kitab (HS) tentulah tidak semudah yang

⁶ التراث iaitu sesuatu yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi (Ibnu Manzur, 2004, jilid 15-16 : 190).

disangkakan kerana struktur ayatnya dan gaya bahasa yang digunakan tidak begitu mengizinkan ia digunakan dalam konteks pendidikan masa kini.

BAB DUA

RIWAYAT HIDUP TUAN HUSEIN KEDAH

2.1 Pendahuluan

Syeikh Abu Abdullah Husein bin Muhammad Nasir ialah satu nama yang tidak asing di Tanah Melayu sejak abad ke-20. Beliau seorang ulama yang dikenali ramai, terutama di sebelah utara Semenanjung Tanah Melayu. Beliau berlatarbelakangkan keluarga yang sederhana, tetapi kaya dengan lautan ilmu pengetahuan agama.

Syeikh Abu Abdullah Husein atau lebih mesra dipanggil Tuan Husein Kedah amat mulia keturunannya sehingga ada beberapa pandangan menyatakan beliau mempunyai salasilah pertalian dengan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Beliau yang berasal dari Kedah banyak menggembeleng tenaga dalam mencerahkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat pada zamannya.

Tuan Husein Kedah mendapat pendidikan asas sistem pondok dari datuknya Haji Muhammad Thayyib Kedah al-Banjari di Titi Gajah, Kedah. Selepas itu, beliau merantau pula ke Pattani Thailand dan menghabiskan masa lebih 10 tahun dalam kembara dan menuntut ilmu, termasuklah di Kelantan, Terengganu serta Singapura (Ishak, 2009: 9).

Dengan usaha Tuan Husein Kedah ini, beliau memperoleh hasil yang cukup memberangsangkan apabila beliau mendapat anak didik yang ramai di Tanah Melayu. Selama lebih 49 tahun berkecimpung dalam kegiatan dakwah dan penulisan, beliau banyak mengarang kitab sehingga terhasil sebanyak 18 buah kitab daripadanya (Ishak, 2009 : 14). Itulah jasanya kepada masyarakat sehingga ramai yang dapat menghayati ilmu pengetahuannya dengan penuh keyakinan.

2.2 Nama dan susurgalur keturunan Tuan Husein Kedah

Nama penuh beliau ialah Abu Abdullah Husein bin Muhammad Nasir bin Muhammad Thayyib bin Mas'ud. Lebih dikenali dengan panggilan Tuan Husein Kedah al-Banjari, beliau ialah seorang ulama besar, guru kepada sultan dan para pembesar Kedah, dan banyak menulis kitab (Ismail, 1992 : 44).

Bapa beliau ialah Haji Muhammad Nasir bin Muhammad Thayyib bin Mas'ud bin Qadhi Abu Su'ud bin Syaikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, manakala ibunya ialah Tengku Fathimah binti Tengku Mahmud, seorang kerabat diraja Kubang Pasu, Darul Qiyam.

Keturunan Abu Abdullah Husein bin Muhammad Nasir atau lebih dikenali dengan panggilan Tuan Husein Kedah, dikatakan mempunyai susur galur dengan keturunan Nabi Muhammad S.A.W. Jurai keturunan penuh Tuan Husein Kedah ini boleh dilihat dalam lampiran yang disertakan. Jalur keturunannya sangat menarik kerana melalui kajian ini didapati bahawa salasilah keturunan Tuan Husein Kedah ini mempunyai

hubungan terus kepada Nabi Muhammad S.A.W. Secara ringkasnya, Tuan Husein Kedah dikatakan berketurunan ulama dan keluarga yang besar serta mempunyai hubungan dengan ulama dan pembesar di rantau Nusantara ini.⁷

2.3 Tarikh dan tempat kelahiran Tuan Husein Kedah

Salah seorang keturunan Syekh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari yang mempunyai pertalian dengan orang Kedah ialah Tuan Husein Kedah al-Banjari, yang nama lengkapnya ialah Tuan Haji Husein Kedah bin Muhammad Nasir bin Syekh Muhammad Thaiyyib (Wan Mohd Shaghir, 2009 : 117).

Beliau dilahirkan pada hari Ahad, 20 Jamadilawal 1280H bersamaan 2 November 1863 di Titi Gajah, Kedah. Nama timangan sewaktu kecilnya ialah Che Megat. Gelaran Megat diperoleh kerana ayahnya Haji Muhammad Nasir merupakan orang kebanyakan telah berkahwin dengan Tengku Fathimah binti Tengku Mahmud, seorang kerabat Diraja Kubang Pasu, Darul Qiyam. Beliau kemudiannya dikenali dengan nama Tuan Guru Tuan Hussien Kedah. Keturunan Tuan Hussin Kedah sebenarnya berasal dari Kelompoyan Martapura Banjarmasin, Kalimantan, Indonesia (Tajuddin, 1993 : 72).

⁷ Wawancara dengan cucu Tuan Husein Kedah yang bernama Hj Abdullah bin Hj Ahmad bin Husein pada 15.2.2010 di al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah. Beliau seorang pesara guru dan berumur 66 tahun. Beliau menjelaskan bahawa beliau sendiri tidak pasti sama ada salasilah keturunan Tuan Husein Kedah ini sampai kepada Nabi Muhammad S.A.W. Menurut beliau, ayah beliau sendiri tidak pernah menceritakan hal ini sewaktu beliau kecil. Salasilah Tuan Husein hanya bermula daripada Abu Abdullah Husein bin Muhammad Nasir bin Muhammad Thayyib bin Mas'ud bin Qadhi Abu Su'ud bin Syeikh Muhammad Arsyad sahaja. Yang seterusnya ayah beliau tidak menceritakannya. Yang pasti Hj Abdullah atau lebih dikenali sebagai Pak Uda memberitahu keturunan Muhammad Arsyad yang berada di Indonesia, iaitu sebelah Banjari sahaja yang menyatakan ada salasilah itu sampai kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Beliau berasal daripada keturunan seorang ulama yang sangat tersohor di Nusantara, iaitu Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari, pengarang kitab *Sabil al-Muhtadin*.⁸ Sejarah kedatangan keturunan beliau ke Kedah bermula apabila datuk kepada datuknya yang bernama Qadhi Haji Abu Su'ud diceritakan pulang dari Makkah telah singgah di Kedah sebelum meneruskan perjalanananya ke Banjar. Apabila sultan Kedah mendapat tahu kehadiran ulama Banjar ini, maka baginda telah memintanya supaya tinggal di Kedah untuk menjadi guru baginda dan juga rakyat di negeri itu. Di Kedah, Qadhi Haji Abu Su'ud al-Banjari atas kehendak Sultan Kedah telah berkahwin dengan Rajmah dan memperoleh anak yang dinamakan Mas'ud, iaitu moyang kepada Tuan Hussin Kedah. Moyang kepada Tuan Hussin Kedah ini, iaitu Haji Mas'ud bin Qadhi Abu Su'ud selain menjadi ulama di Kedah, beliau juga dilantik oleh Sultan Kedah sebagai salah seorang panglima perang kerajaan Kedah ketika menentang kerajaan Thai (Siam Buddha). Namun, beliau gugur sebagai syahid ketika peperangan antara Melayu (Islam) dengan Siam (Buddha) di Kedah (Tajuddin, 1993 : 73).

Setiap yang bernyawa pasti akan mati. Begitulah juga dengan tuan guru yang bertubuh kecil ini. Suratan takdir telah metapkan saat kematian pada hari Isnin 18 Zulqa'idah 1354 Hijrah bersamaan 10 Februari 1936 Masihi.(Wan Mohd Shaghir, 2004 : 117). Jenazah al-Marhum dikebumikan di Masjid Tuan Husein Titi Gajah tempat beliau dilahirkan.

2.4 Pendidikan Tuan Husein Kedah

⁸ Dalam bahasa Arab, kitab ini ditulis dengan perkataan سبيل المهتدین .

Tuan Husein Kedah mendapat pendidikan asas sistem pondok daripada datuknya, Haji Muhammad Thayyib bin Mus'ud al-Khalidi an-Naqsyaban, di pondok Titi Gajah. Datuknya seorang ulama besar yang turut menghasilkan beberapa buah karya. Beliau kemudian menyambung pelajarannya di Pondok Bendang Daya, Patani dan berpeluang menimba ilmu dengan Tuan Guru Syeikh Haji Wan Mustafa bin Muhammad al-Fatani (Tok Bendang Daya I) dan anaknya, Syeikh Abdul Qadir bin Syaikh Wan Mustafa (Tok Bendang Daya II). Ketika di Bendang Daya, beliau dikatakan bersahabat dengan Wan Ismail bin Mustafa al-Fatani (Tok Ayah Doi pengasas pondok Gajah Mati, Kedah) dan Tok Kelaba. Selain di Bendang Daya, Tuan Husein Kedah juga pernah belajar di Pondok Semela, iaitu pondok tempat datuknya pernah menuntut ilmu (Wan Mohd Shaghir, 2004 : 118).

Ketika berusia 19 tahun, Tuan Hussain Kedah mula merantau. Beliau memilih untuk ke Patani kerana negeri tersebut pada waktu itu cukup terkenal sebagai pusat penyebaran ilmu. Setahun di Patani, Tuan Husein meneruskan pengembalaan ke negeri-negeri lain pula selama lebih 10 tahun seperti Kelantan, Terengganu, Singapura, Johor dan Perak untuk mendalami ilmu agama (Ismail Mat, 1992 : 41). Seakan tidak puas menjelajah di serata Tanah Melayu, Tuan Husein menyeberang Selat Melaka menuju ke Medan dan Aceh (Ismail Mat, 1992 : 41). Lebih kurang setahun di Sumatera, Tuan Husein kembali semula ke tanah air.

Kepulangan beliau disambut dengan senang hati oleh kaum kerabatnya. Setelah itu, Tuan Husein mula mencurahkan ilmu dan jasa di pondok datuknya di Titi Gajah.

Walaupun sudah bergelar guru dan berumah tangga, minat serta kecintaan terhadap ilmu tidak pernah pudar dari jiwanya. Dalam usia 33 tahun, beliau bertolak ke Mekah bersama isterinya, iaitu Wan Khadijah binti Wan Yusuf untuk mengerjakan haji di samping menambahkan ilmu pengetahuan agamanya (Ismail Saleh, 1997 : 55). Pemergian beliau mendapat restu dan sokongan kewangan dari datuknya sendiri. Setelah menghabiskan masa kira-kira empat tahun di Mekah, Tuan Husein kembali semula ke Kedah dan meneruskan khidmat pengajian di pondok Titi Gajah.

2.5 Membuka pondok pengajian

Selepas kembali dari Mekah, Tuan Husein mula giat membangunkan pondok pengajiannya sendiri. Atas permintaan penduduk tempatan, Tuan Husein membina pondok pertamanya di Alor Ganu Kepala Batas. Beberapa tahun berikutnya, beliau membuka pula pondok di Bohor, Alor Setar, namun selepas lebih 10 tahun mencerahkan ilmu dan jasa bakti kepada penduduk Bohor dan orang luar yang datang menadah ilmu, Tuan Husein berhijrah lagi.

Pada tahun 1912 sebuah lagi pondok pengajian dibangunkan oleh beliau di Bagan Ulu, Pantai Merdeka. Namun, di situ bukan pondok yang terakhir dibangunkan beliau kerana lebih kurang tujuh tahun kemudian Tuan Husein membina pula pondok pengajiannya keempat di Kampung Selengkoh, Sungai Limau.

Lima tahun berikutnya (1924) dalam usia 61 tahun, ulama berketurunan Banjar dan berdarah panglima ini membuka pondoknya yang kelima di Batu 16 Padang Lumat. Pondok pengajian ini diberi nama pondok al-Taufiqiah al-Khairiah dan cukup popular di utara sehingga hari ini. Seterusnya Tuan Husein bersama-sama keluarganya berangkat

pula meninggalkan Batu 16 Padang Lumat menuju ke Bagan Serai (Butterworth) dan mendirikan sebuah pondok serta terus menetap di situ sehingga akhir hayat (Ismail Mat, 1992 : 49).

2.6 Guru-guru Tuan Husein Kedah

Menjadi tradisi dan kebiasaan penuntut-penuntut dari rantau Nusantara atau Melayu untuk mendampingi komuniti Melayu terlebih dahulu dan mempelajari pelbagai ilmu daripada guru-guru Melayu dan penuntut-penuntut yang lebih lama sebelum belajar dengan guru-guru berbangsa Arab. Oleh itu, Tuan Husein Kedah juga mempunyai ramai guru yang berbangsa Melayu dan Arab.

Walaupun, maklumat tentang guru-guru Tuan Husein Kedah tidak banyak diperoleh berdasarkan data-data yang diperoleh daripada buku dan koleksi dapatlah dikatakan bahawa beberapa orang ulama daripada kalangan bangsa Arab dan Melayu telah menjadi gurunya semasa beliau di Mekah dan Nusantara (Wan Mohd Shaghir, 2009 : 118). Antara individu yang pernah menjadi guru beliau adalah seperti berikut:

1. Bangsa Melayu:

- i. Tuan Guru Syeikh Haji Wan Mushthafa bin Muhammad al-Fathani atau Tok Bendang Daya I (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2009 : 118).
- ii. Syeikh Abdul Qadir bin Syaikh Wan Mushthafa atau Tok Bendang Daya II, iaitu anak kepada Tuan Guru Syaikh Haji Wan Mushthafa

bin Muhammad al-Fathani (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2009 : 118).

- iii. Tuan Haji Muhammad Taib, iaitu datuk kepada Tuan Husein sendiri (Ismail Saleh, 1997 : 54).
- iv. Tuan Semela al-Fatani, iaitu murid kepada datuk Tuan Hussien (Ismail Saleh, 1997 : 54).

2. Bangsa Arab:

- i. Syeikh Nawawi Bintani.
- ii. Syeikh Ahmad Lingga.
- iii. Syeikh Muhammad Sulaiman Hasbullah al-Makki (Wan Mohd Shaghir, 2009 : 118)
- iv. Syeikh Umar Sembawa.
- v. Tuan Syeikh Umar Bali.
- vi. Tuan Syeikh Muhammad Khafat.
- vii. Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani (Wan Mohd Shaghir, 2009 : 118).
- viii. Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan (Wan Mohd Shaghir, 2009 : 118).
- ix. Syaikh Wan Ahmad al-Fathani (Ismail Saleh, 1997 : 55).

Di samping itu, Tuan Husein juga mempunyai beberapa orang sahabat karib sewaktu di Mekah. Antaranya adalah seperti berikut :

1. Haji Muhammad Yusuf Kelantan (Tok Kenali).(Tajuddin, 1993 : 75).

2. Haji wan Sulaiman Wan Sidik (Pak Wan Sulaiman).(Tajuddin, 1993 : 75).
3. Tuan Haji Yaakub, Sik Kedah.(Ismail Saleh, 1997 : 55).
4. Haji Muhammad Saleh, pulau pisang.(Wan Mohd Shaghir, 2009 : 118).

2.7 Murid-murid Tuan Husein Kedah

Jumlah murid Tuan Husein Kedah tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana tidak ada maklumat yang menunjukkan bilangan mereka yang belajar di pondok-pondok yang dikendalikan beliau. Namun jumlahnya memanglah ramai.

Antara penuntut beliau yang ternama adalah seperti yang berikut:

1. al-Marhum Lebai Zakaria dari Padang yang meninggal dunia ketika masih muda.
2. al-Marhum Tuan Umar, iaitu adik kepada Lebai Zakaria Pahang.
3. al-Marhum Lebai Daha dari Perak.
4. al-Marhum Lebai Sulung dari Sungai Bengkalis.
5. al-Marhum Haji Turidi dari Bagan Datok.
6. al-Marhum Haji Wan Nik, Cik Nik dan Wan Din dari Patani.
7. al-Marhum Syekh Ismail Hamzah, bekas Mufti Perak.
8. al-Marhum Nikmatullah Tuan Hj Ahmad Tuan Husein anak kepada Tuan Husein.
9. Tuan Haji Wan Abdullah Zawawi bin Hj Wan Muhammad, bekas kadi Perak.
10. Tuan Haji Abd Rahman bin Haji Abdullah (Datuk Murshid di Raja A.M.N, J.P Kedah).

11. Tuan Haji Ghazali bin Hj Arshad, Mudir Sekolah al-Irshadiah al-Diniah, Bagan Datok Perak.

Di samping itu, terdapat maklumat yang menyatakan bahawa Tuan Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi, iaitu pengarang kitab *Bahrul Mazi* juga pernah menjadi murid kepada Tuan Husein sewaktu beliau mengajar di pondok Bohor (1319H/1890M – 1333H/1913M). (Ishak, 14 : 2009).

Jasanya berterusan walaupun Tuan Husein telah meninggal dunia kerana ilmu yang dicurahkannya masih subur hingga sekarang. Beliau telah meninggalkan sebuah sekolah yang diberi nama al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah Pokok Sena, Seberang Prai yang kini berkembang dengan baik sekali. Al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah Pokok Sena ini juga telah melahirkan ramai pelajar yang sangat berjasa seperti berikut :

1. Ustaz Haji Abd Hamid Afendi.
2. Ustaz Haji Suhaimi Haji Sulaiman.
3. Ustaz Ishak Manaf.
4. Ustaz Ismail Hashim.
5. Ustaz Othman Fauzi Abd Rahman.
6. Ustaz Abd Kadir Haji Hamzah.
7. Ustaz Abu Bakar Kasim.
8. Ustaz Ishak Rejab.
9. Ustaz Mohd Zain Haji Othman (Ishak, 29 : 2009).

Mereka semua mempunyai misi dan visi yang sangat besar untuk menyumbang dan mengembangkan agama Islam, terutama di utara tanah air. Dengan pengorbanan yang dilakukan jelas bahawa ilmu yang diperoleh daripada Tuan Husein dimanfaatkan oleh mereka untuk generasi sekarang.

Di samping itu, anaknya al-Marhum Tuan Guru Hj Ahmad, iaitu bekas pengetua al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah juga telah mengembangkan madrasah berkenaan dalam usaha menyambung tugas perjuangan Tuan Husein Kedah. Sehingga kini amanah tersebut diteruskan pula oleh anak Tuan Guru Hj Ahmad, iaitu Tuan Guru Hj Ali bin Hj Ahmad yang kini berusia 84 tahun yang juga merupakan seorang pesara guru. Sehingga sekarang al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah masih ditadbir oleh keturunan Tuan Husein Kedah, iaitu anak kepada Tuan Guru Hj Ali yang bernama Ustaz Ahmad Mufbi bin Hj Ali yang kini dilantik sebagai pemangku pengetua di madrasah berkenaan.⁹

Jelas bahawa Tuan Husein Kedah telah banyak berjasa pada agama, bangsa dan tanah air. Beliau ibarat lampu yang meninari alam Nusantara ini. Nilainya sebagai ulama yang berjasa dalam mengembangkan ilmu Islam dan dakwah Islamiah perlu menjadi contoh kepada generasi sekarang, iaitu menyampaikan dakwah yang berbentuk praktikal seperti membuka pondok, mengarang kitab dan mengajar di samping berkebolehan berpidato. Yang paling penting dalam usaha ini ialah semangat dan jiwa yang besar serta ikhlas kepada Allah s.w.t.

⁹ Wawancara bersama cucu Tuan Husein Kedah, iaitu Hj Abdullah bin Ahmad Tuan Husein pada 16.2.2010M bersamaan 2 Rabiul awal 1431H.

2.8 Hasil karya Tuan Husein Kedah

Sebagai seorang yang cinta akan ilmu, apatah lagi pernah berguru di Tanah Arab dan berdamping dengan para ulama, semuanya memberi kesan yang mendalam kepada Tuan Hussin Kedah untuk menghasilkan karyanya sama ada dalam bahasa Arab mahupun Melayu. Walau bagaimanapun tidak dapat dipastikan bila beliau mula menulis serta jumlah hasil tulisannya yang tepat (Ismail, 1997 : 59). Antara kitab tulisannya adalah seperti berikut :

1. *al-Nur al-Mustafid fi 'Aqaidi Ahli al-Tauhid* yang diselesaikan pada tahun 1305H/1887M. Kandungannya membicarakan tentang ilmu tauhid, akidah *Ahli Sunnah wa al-Jamaah*. Kitab ini merupakan kitab pertama yang dikarang beliau.
2. *Bidayah al-Tolibin ila Ma'rifah Robbil al-'Alamin* yang membicarakan tentang ilmu tasawuf yang diselesaikan pada tahun 1344H/1924M. Cetakan keduanya oleh The United Press, No. 3 Dato' Keramat Road, Pulau Pinang, 1357 Hijrah dan ditashih oleh Ilyas Ya'qub al-Azhari.
3. *Bunga Geti* (1354H/1935M) yang membicarakan perkara berkaitan sembahyang qada atau mengganti sembahyang yang ketinggalan. Kitab ini merupakan kitab terakhir yang beliau karang.
4. *Tabsyirah li Ulil al-Albab* (1351H/1931M) yang membicarakan perkara-perkara akidah/tauhid.
5. *Tadkir Qabail al-Qadi*, iaitu terjemahan Hadis *Jawahir al-Bukhari* yang terdiri daripada dua juzuk (yang telah dijumpai hanya juzuk pertama), diselesaikan pada 1343H/1923M. Cetakan pertama dilakukan oleh Al-Maktabah Zainiyah,

Taiping Perak pada 1350H dengan tercatat, “Titah membenarkan dicetak dari bawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Perak atas minit paper Qadhi Kuala Kangsar nombor 149/30”.

6. *Tafrih al-Sibyan fi Maulidi al-Nabi min Waladi 'Adnan* yang diselesaikan pada hari Selasa 3 Rabiulawal 1346H/1926M, mengandungi sejarah kelahiran Nabi Muhammad S.A.W dan dicetak oleh Mathba'ah Persama, 83-85, Acheh Street, dekat Masjid Melayu, Pulau Pinang pada 1346H/1926M.
7. *Tamrin al- Sibyan fi Bayani Arkanil al-Islam wal al-Iman*, diselesaikan pada hari Sabtu, 1 Syaaban 1318H/1899M dengan menggunakan nama Husein Nasir bin Muhammad Thaifyib al-Mas'udi al-Banjari. Kandungannya membicarakan tentang ilmu tauhid, akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah dengan merujuk pada *Ummul al-Barahin*, *Syarah Hudhudi*, karya al-Suhaimi, Hasyiyah Syarqawi dan Dhiyaul Murid. Kitab ini dicetak oleh Mathba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Mesir pada Zulkaedah 1346H dan ditashih oleh Ilyas Ya'qub al-Azhari.
8. *Tanbih al-Ikhwan fi Tadbir al-Ma'isyah wa Tasih al-Buldan* yang diselesaikan pada tahun 1354H/1935M membicarakan perkara berkaitan penghidupan dan pentadbiran pemerintahan.
9. *Qatr al-Ghaisiyyah fi 'Ilmi al-Sufiyyah `ala Syari'atil al-Muhammadiyyah*, diselesaikan 25 Jumadilawwal 1344H/1924M. Kandungannya membicarakan tasawuf. Cetakan yang kedua dilakukan oleh Mathba'ah Persama, 93 Acheh Street, Pulau Pinang.

10. *Kasr al-Iksir*, diselesaikan pada hari Khamis, 25 Rabiulakhir 1340H. Kandungannya membicarakan tentang tasawuf dan tariqat. Cetakan yang ketiganya adalah oleh al-Huda Press, Pulau Pinang pada Safar 1356H/April 1920M.
11. *Majmu' al-La'ali*, juzuk yang pertama, diselesaikan pada hari Jumaat, 5 Jamadilakhir 1352H/1933M. Kandungan mukadimahnya menyatakan bahawa judul ini terdiri daripada sepuluh juzuk. Juzuk yang pertama, membicarakan hukum taharah dalam bentuk soal-jawab. Cetakan yang ketiga The United Press, Pulau Pinang, Jamadilakhir 1360H.
12. *Malaqit al-Lamiyah wa al-Syafiyah*, diselesaikan 1345H/1925M. Kandungannya membicarakan ilmu sorof atau perubahan perkataan dalam bahasa Arab.
13. *Hidayah al-Sibyan fi Ma'rifah al-Islam wal al-Iman* dikarang menggunakan nama Abi Abdullah Husein Nasir bin Muhammad Thaiyib al-Mas'udi al-Banjari dan diselesaikan pada hari Isnin, 18 Muharam 1330H/1911M. Kandungannya membicarakan tentang ilmu tauhid dan fikah. Cetakan yang pertama Mathba'ah At-Taraqqil Majidiyah al-'Utsmaniyah 1330H dan kemudian dicetak pula oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura pada 1345H/1927H serta ditashih oleh Syeikh Idris bin Husein al-Kalantani.
14. *Hidayah al-Ghilman*, diselesaikan pada tahun 1351H. Kandungannya membicarakan perkara berkaitan akidah/tauhid dan ditulis dalam bahasa Arab.
15. *Hidayah al-Atfal* (Tauhid) ditulis pada tahun 1336H/1917M.
16. *Hidayah al-Mutafakkirin fi Tahqiqi Ma'rifah Rabbil al-'Alamin*, diselesaikan pada 3 Rabiulakhir 1337H/1918M. Kandungannya membicarakan tentang ilmu

tauhid, berdasarkan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Cetakan pertama dilakukan oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura, 1345H/1927M manakala cetakan kelimanya oleh Mathba'ah Persama, 83-85, Achen Street, dekat Masjid Melayu, Pulau Pinang pada 1377H/1957M.

17. *Hidayah al-Nikah*, diselesaikan 1347H/1928M dengan kandungannya membicarakan perkara-perkara mengenai nikah kahwin.
18. *Usul al-Tauhid fi Ma'rifah Turuqil al-Iman li al-Rabbil al-Majid*, diselesaikan 6 Syawal 1346H/1927M. Kandungannya membicarakan falsafah ilmu tauhid dan ilmu fikah. Dicetak oleh Mathba'ah az-Zainiyah, Taiping, Perak, hari Jumaat, 4 Jamadilakhir, 1347H (cetakan kedua). Cetakan ulangan oleh percetakan yang sama pada tahun 1355H (cetakan ketiga) dan dicetak semula dengan kebenaran anak pengarangnya Tuan Guru Haji Ahmad bin Tuan Husein, Qadhi Besar Pulau Pinang dan Seberang Perai oleh The United Press, Pulau Pinang pada 11 Jamadilawal 1393H.

Di antara 18 buah karya beliau ini, kitab-kitab Tuan Husein Kedah yang masih terdapat di pasaran ialah *Bidayah al-Tolibin ila Ma'rifah Robbil al-'Alamin, Tafrih al-Sibyan fi Maulidi al-Nabi min Waladi 'Adnan, Tamrin al-Sibyan fi Bayani Arkanil al-Islam wal al-Iman, Qatr al-Ghaisiyyah fi 'Ilmi al-Sufiyyah `ala Syari'atil al-Muhammadiyah, Hidayah al-Mutafakkirin fi Tahqiqi Ma'rifah Rabbil al-'Alamin*, dan *Hidayah al-Sibyan fi Ma'rifah al-Islam wal al-Iman*. Adapun yang selebihnya masih ada tersimpan di rumah cucu Tuan Husein Kedah yang bernama Abdullah bin Ahmad Tuan Husein di Sekolah Menengah Agama al-Kahairiyyah al-Islamiyyah Pokok Sena Kepala Batas Seberang Perai Pulau Pinang.

Berdasarkan senarai berkenaan, jelas bahawa penulisan Tuan Husein Kedah berkaitan dengan ilmu Tauhid, Fikah dan Tasawwuf yang merupakan ilmu asas yang mesti diketahui oleh setiap individu Muslim. Kesemua karya beliau ditulis dalam bahasa Melayu kecuali *Malaqitl al-Lamiyah wa al-Syafiyah* yang membicarakan ilmu sorof atau perubahan perkataan dalam bahasa Arab dan kitab *Hidayah al-Ghilman*. Kedua-dua buah kitab ini ditulis dalam bahasa Arab dan isi kandungan kitab tersebut membicarakan perkara berkaitan akidah atau tauhid (Ishak, 14 : 2009).

2.9 Penutup

Ketekunan serta semangat yang terdapat pada Tuan Husein Kedah amat besar nilainya. Beliau sering mengajar dan berkarya, malah masyarakat sekeliling ketika itu sangat mengasihi beliau. Selain itu, beliau telah mewakafkan tanah miliknya untuk membina pondok pengajian, masjid, perkuburan orang Islam, dan lain-lain. Antara hasil peninggalan Tuan Husein Kedah yang masih ada sehingga kini ialah Sekolah Agama Padang Lumat, Kedah. Sekolah Agama di Pokok Sena, Seberang Perai Pulau Pinang dan lain-lain.

Umumnya, sejarah telah membuktikan bahawa Tuan Husein Kedah merupakan seorang ulama yang berpengetahuan luas dan berprofil tinggi, terutama dalam hasil karyanya yang melibatkan penulisan kitab jawi serta ilmu agama yang berkaitan akidah dan ibadah. Justeru, usaha ini perlu dipertahankan dan penulisan kitab jawi ini perlu dipelihara agar ilmu yang terdapat di dalamnya dapat disebarluaskan kepada masyarakat dengan cara diperbaharui huraiannya seperti *ditahqiq* kitab hasil karya Tuan Husein Kedah. Ini boleh dilakukan dengan menterjemahkan *matan* kitab beliau kepadauraian yang lebih jelas dan selesa serta diluaskan perbahasan mengikut keadaan semasa.

BAB TIGA

TAHQIQ¹⁰ DAN TRANSLITERASI

(AKIDAH)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

3.1 Bahagian akidah, muqaddimah Iman dan Islam

Muqaddimah fi al-Iman wa al-Islam

(الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَوْجَبَ عَلَىٰ عِبَادِهِ مَعْرِفَةَ الْوُهْيَتِ وَالْأَرْمَهُمُ النَّقْوَىٰ وَإِقَامَةَ حَقَّ رُبُونِيَّتِهِ)

(Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Bermula segala puji tertentu bagi tuhan yang mewajib ia atas segala hambanya akan mengenal sifat ketuhanan. Dan *melazim*¹¹ ia akan mereka itu takut akan dia dan mendiri akan hak *rububiyyah*¹² Nya).

Penjelasan :

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala pujian itu dikhurusukan kepada Allah S.W.T yang mewajibkan hamba-Nya supaya mengenal

¹⁰ تَحْقِيقٌ iaitu penentusan, pengesahbetulan dan soal siasat sesuatu fakta.(Mohd Khairi, 2008 : 431).

¹¹ لَازِمٌ maknanya yang mesti dan tidak dapat tidak. Yang mesti.(Ibrahim, 1985 : 856).

¹² ربٌّ , kata masdarnya رَبِّيَّةٌ , ketuhanan (Mohd Khairi, 2008 : 855).

Tauhid dibahagikan kepada tiga bahagian:

1. tauhid pada zat, nama-nama dan sifat Allah S.W.T
2. tauhid *rububiyyah*, komponennya ialah iktikad bahawa Allah S.W.T itu esa pada ciptaanNya, kekuasaan, pentadbiran, dan sebagainya.
3. tauhid *uluhiyyah*, komponennya ialah iktikad bahawa Allah S.W.T itu yang sebenarnya berhak disembah. Ianya berkait dengan perihal ibadah kepada Allah S.W.T dengan perbuatan hati dan anggota tubuh badan manusia, seperti sembahyang, puasa, menunaikan haji dan sebagainya.(Abu Bakar , 1997 : 55-63).

sifat-sifat ketuhanan, dan Allah S.W.T juga memerintah hamba-Nya supaya takut dan melaksanakan segala perintah-Nya yang dikenali sebagai hak *rububiyyah*.¹³

(وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى خَيْرِ الْأَنَامِ وَعَلَى اللَّهِ وَصَاحْبِهِ مَصَابِيحُ الظُّلَامِ)

(Bermula rahmat Allah dan salamNya atas Nabi yang sebaik-baik manusia dan atas segala keluargaNya dan segala sahabatNya mereka itu beberapa pelita yang menunjukkan pada malam yang sangat kelam¹⁴).

Penjelasan :

Rahmat Allah S.W.T serta salam-Nya ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang dikenali dengan sebaik-baik makhluk, ke atas keluarganya, sahabat-sahabatnya serta para sahabat Nabi Muhammad S.A.W. Mereka itu diumpamakan seperti pelita atau cahaya yang menerangi malam yang sangat gelap gelita.

(وَبَعْدُ)

(Maka inilah satu risalah yang kecil pada menyatakan barang yang tak dapat tiada bagi tiap-tiap *makallaf*¹⁵, bahawa mengetahui akan dia daripada Iman dan Islam dan *Aqaid*

¹³ Seperti berkeyakinan dan beriman bahawa Allah S.W.T itu Maha Esa, mempunyai kekuasaan yang agung dan berkemampuan mentadbir sekalian alam yang luas terbentang.

¹⁴ Kelam: tidak berapa terang atau tidak jelas kelihatan.(Neresah , 2007 : 710).

¹⁵ مَكَافِئٌ ialah seorang yang diberati hukum-hukum dan perintah-perintah agama Islam. Maka hukum syarak terpikul di atas bahu tiap-tiap orang yang mukallaf. Syarat jadi mukallaf :

1. ‘Akil : orang yang berakal iaitu orang yang tidak hilang akalnya dengan sebab mabuk, gila dan seumpamanya.
2. Baligh : orang yang sampai umurnya lima belas tahun, orang yang keluar mani dengan mimpi dan lain-lain. Atau perempuan yang umurnya sembilan tahun yang keluar darah haid.

al-Tauhid dan sembahyang dan puasa dan lainnya daripada beberapa kaedah Agama Islam. Mudah-mudahan memberi *munafaat*¹⁶ dengan dia akan segala kanak-kanak yang baru belajar pada medan ini).

Penjelasan :

Kitab ini dikatakan sebagai suatu risalah yang perlu diketahui dan diterokai oleh setiap manusia yang bergelar mukallaf. Di dalamnya membicarakan pelbagai hal termasuklah rukun Iman, rukun Islam, kepercayaan atau pegangan yang mantap kepada Allah, ibadat sembahyang, puasa dan sebagainya mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Islam. Semoga dengan kehadiran kitab ini dapat memberi dorongan dan motivasi kepada anak bangsa yang ingin mempelajari ilmu agama yang tercinta ini.

(وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ)

(Dan tiada daya dan tiada upaya aku atas menghasil barang yang aku kehendaki melainkan dengan Allah yang *A'li* lagi *A'zim*).

Penjelasan :

-
3. Sampai seruan : iaitu sampai dakwah rasul. Iaitu mereka yang tinggal di kawasan yang boleh sampai seruan rasul. Dan tidak dikira mukallaf bagi mereka yang tidak boleh sampai seruan rasul.(Muhammad Zamri , 1999 : 8).
mereka yang tidak cacat penglihatan dan pendengaran walaupun cacat pancaindera yang lain masih dikira mukallaf ataupun cacat salah satu daripada keduanya juga dikira mukallaf. sekiranya mereka cacat pendengaran dan penglihatan maka terangkatlah hukum mukallaf itu daripada mereka.
¹⁶ منافعه maksudnya yang sangat berguna, sangat patut dan sangat berfaedah.(Ibrahim, 1985 : 979).

Tidak ada kuasa dan upaya untuk menghasilkan setiap perkara yang aku hajati (pengarang kitab *Hidayah al-Sibyan*), melainkan dengan keizinan dan kehendak daripada Allah S.W.T yang bersifat Maha Tinggi dan yang sangat agung.

(مُقْدَّمةٌ فِي الإِيمَانِ وَالإِسْلَامِ)

3.2 Makna Iman

(Ketahuilah oleh mu, bahawa makna Iman pada *syarak*¹⁷ iaitu *tasdiq*¹⁸ hati dengan Allah dan dengan rasulNya dan dengan segala hukum yang didatang akan dia oleh rasul daripada Allah ta'ala yang diketahui akan dia daripada agama dengan *darurah*¹⁹ seperti *iktiad*²⁰ dan *ibadah*²¹ dan *muamalah*²² dan *munakahat*²³ dan *jinayat*²⁴ dan lain-lainnya.

¹⁷ شَرْعٍ iaitu peraturan atau undang-undang Allah S.W.T. Syariat Allah S.W.T itu juga dikenali dengan istilah undang-undang syarak. Maka makna iman di sini iaitu yang dikehendaki pada istilah syarak.(Ibrahim, 1985 : 498).

¹⁸ تَصْدِيقٌ صَدِيقٌ maknanya percaya dengan hati. Berasal dari kalimah (صَدِيقٌ تَصْدِيقٌ).(Al-Jailani, 1998 : 727).

¹⁹ ضَرُورَةٌ حاجَةٌ maksudnya berhajat atau suatu keperluan. Dengan kata lain iaitu sangat berhajat.(Mohd Khairi, 2008 : 1100).

Darurah boleh diertikan perkara yang tidak perlu kepada berfikir. Seperti sifat Allah ada berapa? sudah tentu budak-budak boleh menjawab dengan katanya ada dua puluh sifat. Tetapi kalau *Nazari* memerlukan budak-budak itu supaya berfikir, seperti wujud (adanya Allah S.W.T) sebaliknya tiada, serta dalil-dalil yang menunjukkan adanya Allah S.W.T. (Temubual dengan Tuan Guru Hj Hanafi bin Salleh, pada 21/02/2010M, di rumah beliau Pondok Titi Besi Alor Setar Kedah).

²⁰ اعتقاد maksudnya kepercayaan atau yang dipegang dengan hati.(Ibrahim, 1985 : 637).

²¹ عِبَادَةٌ عَبَادَاتٌ kata jamaknya, maksudnya kerja-kerja yang disukai oleh Allah S.W.T.(Ibrahim, 1985 : 601).

²² معاملَةٌ معاملَاتٌ maksudnya perihal jual beli, gadayan, pajakan dan lain-lain.(Ibrahim, 1985 : 652).

²³ مُنَاكَحَاتٌ مُنَاكَحَاتٍ maksudnya perihal nikah kawin, talak, rujuk dan lain-lain.(Ibrahim, 1985 : 989).

²⁴ جَنَابَاتٌ جَنَابَاتٍ maksudnya perihal hukum hudud, qisas, diat dan lain-lain.(Ibrahim, 1985 : 147).

Dan dikehendaki dengan *tasdiq* iaitu *qabul*²⁵ hati. Artinya terimanya dengan bersungguh-sungguh akan segala yang tersebut itu supaya keluar dengan dia *tasdiq* segala kafir baginya.)

Penjelasan

Iman pada syarak, iaitu hati membenarkan apa-apa yang datang daripada Allah dan apa-apa yang dibawa oleh rasul-Nya tentang segala peraturan, hukum hakam dan segala perkara yang dibawa oleh rasul, menjadi keperluan bagi manusia di dalam dunia ini seperti ilmu ketuhanan, ibadat, munakahat, muamalat dan jinayat dan lain-lainnya. Dan yang dikehendaki dengan *tasdiq*, iaitu hati menerima dengan bersungguh-sungguh apa-apa yang dibawa dan yang telah disampaikan oleh rasul supaya ada perbezaan dengan kepercayaan orang yang bukan Islam.²⁶

3.3 Makna Islam

²⁵ قبول iaitu berkuasa atau berupaya.(Ibrahim, 1985 : 1739).

²⁶ Orang Yahudi berkata Uzair ialah anak Allah. Dan orang-orang Nasrani pula berkata al-Masih ialah anak Allah. Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri mereka menyamai perkataan orang-orang kafir yang terdahulu. Semoga Allah S.W.T binasakan mereka. Bagaimanakah mereka boleh terpaling dari kebenaran? (al-Taubah, 30 : 9). Seterusnya orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata “ Kami anak-anak Allah (orang yang rapat sekali pada Allah) dan sangat-sangat disayangi-Nya. Katakanlah wahai Muhammad kalau betul demikian itu, maka mengapakah Ia menyeksa kamu dengan sebab dosa-dosa kamu? (Sebenarnya bukankah sebagaimana yang kamu dakwakan) bahkan kamu semuanya adalah manusia biasa di antara manusia-manusia lain yang dijadikan-Nya.(Al-Maidah, 18 : 5). Maka *tasdiq* jenis ini terkeluar daripada kepercayaan hati dengan rukun iman dan segala sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah S.W.T.

Dan bahawasanya makna Islam pada *syarak* iaitu menjunjung akan barang yang didatang akan dia oleh rasul daripada segala pekerjaan agama. Iaitu seperti sembahyang dan puasa dan lain-lainnya).

Penjelasan :

Islam pula pada pandangan syarak melibatkan pelaksanaan perkara-perkara yang dibawa oleh rasul seperti sembahyang, puasa dan lain-lain.

3.4 Rukun Iman

(Dan bahawasanya rukun Iman itu enam perkara:

1. Wajib percaya kita dengan Allah.
2. Wajib percaya kita dengan segala malaikatNya.
3. Wajib percaya kita dengan segala kitabNya.
4. Wajib percaya kita dengan segala anbiyak²⁸Nya.
5. Wajib percaya kita dengan hari yang kemudian dan barang yang bergantung denganNya.
6. Wajib percaya kita dengan untung baik dan jahat itu daripada Allah ta'ala.

Bermula untung baik iaitu iman dan taat. Dan untung jahat iaitu kufur dan maksiat.)

Penjelasan :

²⁸ kata jamaknya نَبِيٌّ. Iaitu para nabi.(Ibrahim, 1985 : 935).

Di dalamnya terdapat rukun iman yang terdiri daripada enam perkara berikut:

1. Percaya kepada Allah S.W.T.
2. Percaya kepada Malaikat.
3. Percaya kepada kitab.
4. Percaya kepada Nabi.
5. Percaya kepada hari kiamat.
6. Percaya dengan ketetapan yang baik dan sebaliknya²⁹ yang datang daripada Allah S.W.T.

Ketetapan baik (untung baik) dan jahat yang datangnya daripada Allah S.W.T.

Ketetapan yang baik itu seperti iman dan taat kepada Allah S.W.T. Manakala ketetapan yang jahat itu ialah kufur dan maksiat.

3.5 Rukun Islam

(Dan bahawasanya rukun Islam itu lima perkara:

1. Mengucap dua *kalimah syahadah*.³⁰

²⁹ Wajib beriman, percaya atau reda dengan ketetapan baik dan jahat yang datangnya daripada Allah S.W.T. Ketetapan yang baik itu seperti iman dan taat kepada Allah S.W.T. manakala ketetapan yang jahat itu ialah kufur dan maksiat. Seseorang itu wajib beriman dan reda dengan ketetapan yang baik seperti diberi peluang oleh Allah untuk bersembahyang dan taat kepada arahan-Nya. Ketetapan yang jahat seperti pemberian tenaga oleh Allah S.W.T kepada seseorang untuk melakukan kejahatan seperti mencuri atau berzina juga wajib diterima dengan reda, tetapi bukan reda dengan perbuatan mencuri atau berzina yang dilakukannya. Ini bermakna setiap perbuatan yang baik yang diberikan Allah wajib disyukuri, dan perbuatan yang jahat pula wajib diikuti segera dengan taubat.

2. Mendiri akan sembahyang lima waktu.
3. Memberi zakat.
4. Puasa bulan Ramadan.
5. Mengerjakan Haji kepada *baitullah*³¹ jika kuasa berjalan kepadanya).

Penjelasan :

Rukun Islam pula ada lima perkara:

1. Mengucap dua kalimah *syahadah*.
2. Mendirikan sembahyang.
3. Mengeluarkan zakat.
4. Puasa di bulan Ramadan.
5. Menunaikan Haji bagi mereka yang berkuasa melakukannya.

3.6 Hakikat makrifah

(Dan bahawasanya *hakikat makrifah*³³ itu tiga perkara iaitu.

(الْجَزْمُ الْمُطَابِقُ لِلْحَقِّ عَنْ دَلِيلٍ)

Ertinya, iktikad yang tetap yakni tiada berubah. Dan tiada *syak*³⁴ yang *muwafakat*³⁵ bagi yang sebenarnya, ertinya bagi diri pekerjaan yang ia iktikad akan dia lagi daripada dalil.

³⁰ شهادة شهد kata masdarnya pengakuan. Iaitu aku naik saksi tiada tuhan yang disembah melaikan Allah dan aku naik saksi nabi Muhammad itu pesuruh Allah.(Ibrahim, 1985 : 517).

³¹ بَيْتُ اللَّهِ iaitu ka'abah Allah S.W.T.(Ibrahim, 1985 : 81).

³³ مَعْرِفَةٌ عَرَفَ kata masdarnya mengenal dan mengetahui. Iaitu mengetahui dalil untuk mengenal Allah S.W.T.(Ibrahim, 1985 : 617).

Maka barang siapa tiada *jazam*³⁶ pada *iktikadnya* maka dinamakan akan dia *jahil basit*.

Dan jika *jazam* ia padanya tetapi *muwafakat* ia bagi diri pekerjaannya dinamakan dia *jahil murakkab*.

Dan jika *jazam* ia padanya dan *muwafakat* ia banginya tetapi tiada daripada dalil dinamakan ia *taklid*.)

Penjelasan :

Dalam membincangkan hakikat makrifat (jalan untuk mengenal Allah S.W.T), ia boleh dibahagikan kepada tiga bahagian:

الجزء المطابق للحق عن دليل

Ertinya, suatu kepercayaan yang jitu yang tidak mudah berubah, tidak ada keraguan tentang kepercayaan kepada Allah mengenai apa-apa yang dipegang oleh seseorang itu, malah pegangannya itu hendaklah mempunyai dalil.

1. Manusia yang tidak mempunyai kepercayaan sebenar tentang *iktikadnya*, iaitu tidak mengetahui langsung perihal mengenal Allah S.W.T dinamakan sebagai **الجاهل الباطل**.
2. Manusia yang kuat pegangan hatinya, tetapi tidak bertepatan dengan yang sebenarnya dengan apa-apa yang diiktikadkan dinamakan sebagai **الجاهل المركب**.

³⁴ شک kata jamaknya : شکوک : ragu-ragu. syak juga sama arti dengan تردد (Ibrahim, 1995 : 348).

³⁵ موافق kata masdarnya وافقه, setuju. (Al-Jailani ,1988 : 1323).

³⁶ جزم kata masdarnya جزم. Yang tetap, tiada berubah dan teguh dan tidak berbelah bahagi. (Al-Jailanai, 1988 : 247).

3. Manusia yang kuat kepercayaan atau pegangan hati tentang Allah S.W.T, dan bertepatan dengan yang sebenarnya dengan apa-apa yang diiktikadkan tetapi pegangan mereka itu tidak bersandarkan kepada dalil dinamakan sebagai تقلید .

(Maka barangsiapa *jahil*³⁷ ia pada *Aqaid Iman*³⁸ yang bergantung dengan Allah dan dengan RasulNya daripada barang wajib diketahui akan dia dengan *tafsilnya*³⁹ maka tiada *ikhtilaf* ulama daripada ketiadaan imannya. Adapun Iman orang yang taqlid maka iaitu bersalahan ulama padanya. (Bermula) makna taqlid iaitu mengikut orang lain pada iktikadnya pada hal tiada daripada dalil. Dan bahawasanya akal itu setengah daripada alat yang didapat dengan dia akan sesuatu).

Penjelasan :

Sesiapa yang jahil dalam *Aqaid Iman*, iaitu mengenal Allah S.W.T para rasul-Nya dan perkara yang wajib diketahui dengan terperinci dikatakan tidak mempunyai iman oleh para ulama tanpa sebarang khilaf (perselisihan). Namun para ulama tauhid berbeza pendapat tentang iman orang yang bertaklid dalam *Aqaid Iman*.⁴⁰ “Taklid” merujuk pada

³⁷ جهل kata masdarnya جهلاً : tidak mengetahui. kalau *isim fa'il* iaitu kata nama dengan makna orang yang tidak mengetahui.(Ibrahim, 1985 : 149).

³⁸ عقائد الإيمان iaitu simpulan iman.(Ibrahim, 1985 : 736).

³⁹ تفصيل ertinya satu persatu. Lawannya إجمال ertinya ringkas.(Ibrahim, 1995 : 473).

⁴⁰ Antara kenyataan tersebut ialah :

1. Bertaklid sahaja tidak dianggap memadai kerana mengenal Allah dengan dalil merupakan satu kewajipan asas. Orang yang bertaklid tidak dikatakan mengenal Allah kerana tidak mempunyai dalil, maka hukumnya adalah kafir. Ini ialah pendapat Abu Hashim al-Jubaie dalam kalangan Muktazilah dan disokong oleh Imam Sanusi dalam kitab beliau, *al-syarh al-kabir*, yang menyatakan bahawa ulama yang menyatakan kafir bagi mereka yang bertaklid itu termasuklah Imam al-Asyaari dan Qadi Abu Bakar serta beberapa ulama yang lain (Al-Fatani, t.t : 12).
2. Bertaklid adalah memadai, tetapi tidak berdosa bagi orang berkemampuan untuk berfikir mencari dalil atau tidak kerana mengenal Allah dengan dalil ialah satu kewajipan yang merupakan (*furu'*) cabang sahaja.

seseorang yang mengikut orang lain dalam perkara akidah tanpa dalil. Dalam apa-apa hal, akal memainkan peranan penting kepada manusia dengannya manusia boleh berfikir sesuatu perkara.⁴¹

(Maka barang yang didapat akan dia oleh akal iaitu terbahagi ia atas tiga bahagi.

1. Barang yang mendapat akan dia oleh akal akan ada semata-mata pada hal tiada menerima ia akan nafi sekali-kali. Maka dinama akan dia wajib. Seperti *qidam* bagi Allah ta'ala dan wajib mengambil lapang bagi tiap-tiap *jirim*.⁴²
 2. Barang yang didapat akan dia oleh akal akan tiadanya semata-mata padahal tiada menerima ia akan *shubut*⁴³ sekali-kali, iaitu dinama akan dia mustahil. Seperti baharu bagi Allah ta'ala dan tiada mengambil lapang bagi *jirim* pada waktu wujudNya.
 3. Barang yang sah pada akal adanya dan tiadanya seperti, mengada Allah ta'ala akan makhluk ini maka iaitu di namakan akan dia harus).
-
3. Bertaklid itu dianggap sudah memadai, tetapi berdosa bagi orang yang berkemampuan untuk berfikir, tetapi tidak mencari dalil. Pendapat ini berdasarkan bahawa mengenal Allah itu satu kewajipan yang merupakan furu' dan disyaratkan dengan ada kemampuan dan kekuasaan.
 4. Bertaklidkan Quran dan Hadis yang diyakini benarnya adalah sah dan selamat kerana ini merupakan taklid kepada barang yang tidak mungkin bersalah. Tetapi bertaklidkan yang lain daripada dua itu tidak sah kerana ada kemungkinan salah.
 5. Bertaklid itu sudah memadai dan tidak berdosa kerana dalil itu hanya merupakan syarat kesempurnaan sahaja.
 6. Bertaklid itu memadai dan memikirkan soal ketuhanan itu haram kerana mungkin membawa kepada kesesatan sebagaimana telah berlaku kepada kebanyakan ahli falsafah (Al-Fudhali al-Syafie, t.t : 17).

⁴¹ Sebagai contoh manusia boleh menggunakan akal untuk mengenal Allah S.W.T dan sebagainya.

⁴² جرم iaitu batang tubuh. Atau diri sesuatu benda.(Ibrahim, 1985 : 123).

⁴³ ثبوت iaitu ketetapan ada.(Ibrahim, 1985 : 97).

Penjelasan :

Hukum akal terbahagi kepada tiga bahagian seperti berikut:

1. Akal menerima sesuatu perkara yang ada semata-mata dan tidak menerima perkara yang tiada. Dalam perkara ini, wajib pada akal menerima hakikat itu sama seperti wajib bagi Allah itu sedia ada sejak azali dan setiap sesuatu itu pasti ada tempat dan mengambil ruang untuk dirinya.
2. Akal menerima sesuatu perkara yang pasti tidak akan berlaku dan tidak menerima sama sekali perkara itu ada. Dalam perkara ini dinamakan mustahil pada akal menerima hakikat itu, misalnya Allah itu baharu bukan *qadim* dan setiap sesuatu itu pasti tidak ada tempat dan tidak mengambil ruang untuk dirinya.
3. Akal menerima perkara yang mungkin ada atau sebaliknya. Misalnya, Allah menjadikan setiap makhluk di alam ini, dan dalam perkara akal harus menerima hakikat itu.

3.7 Sifat wajib bagi Allah

(Dan bahawasanya wajib atas tiap-tiap mukallaf pada *syarak*⁴⁴, mengetahui segala sifat yang wajib bagi Allah ta'ala dan segala sifat yang mustahil atasNya dan segala sifat

⁴⁴ Syarak, undang-undang, peraturan, ajaran Islam.(Mohamad Khairi, 2008 : 1013).

yang harus padaNya. Dan demikan lagi segala sifat yang *ta'alluk*⁴⁵ bagi *zat*⁴⁶ sekelian rasul *alaihim al-solatu wassalam*).⁴⁷

Penjelasan :

Wajib ke atas tiap-tiap mukallaf pada syarak mengetahui segala sifat yang wajib, mustahil dan yang harus pada hak Allah S.W.T. Demikian juga setiap sifat yang ada hubung kait dengan diri para rasul.

(Dan bahawasanya segala sifat yang wajib bagi Allah ta'ala yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengetahui akan dia dengan *tafsil*⁴⁸nya itu dua puluh sifat jua.

1. (Pertamanya *wujud* (وجود) ertiya ada Allah ta'ala, mustahil Ia '*adam* (عدم), ertiya tiada. Bermula makna wujud itu satu sifat yang *sabit*⁴⁹ bagi zat selama-lama ada zat, pada hal tiada dikeranakan dia dengan satu sifat yang lain. Dalilnya firman Allah ta'ala yang bermaksud, (bermula Allah ta'ala Ialah yang menjadikan tujuh petala langit dan bumi)⁵⁰. Dan lagi firmanNya, (adakah syak pada wujud Allah?)⁵¹ Yakni tiada syak seseorang pada wujud Allah ta'ala).

Penjelasan :

⁴⁵ تعلق iaitu yang berkait, yang berhubung atau yang bergantung.(Ibrahim, 1985 : 654).

⁴⁶ ذات iaitu diri atau tubuh.(Ibrahim, 1985 : 319).

⁴⁷ عليهم الصلاة والسلام iaitu selawat dan salam Allah S.W.T kepada semua para Nabi dan para rasul sekelian.

⁴⁸ تفصيل ertiya satu persatu. Lawannya إجمال ertiya ringkas.(Ibrahim, 1995 : 473).

⁴⁹ ثابت iaitu yang tetap pada zat Allah S.W.T.(Ibrahim, 1985 : 97).

⁵⁰ Surah al-A'raf, 7 : 54.

⁵¹ Surah Ibrahim, 14 : 10.

Sifat wajib bagi Allah S.W.T yang perlu diketahui oleh setiap mukallaf dengan terperinci ialah 20 sifat-Nya seperti yang berikut:

1. *Wujud* bererti adanya Allah S.W.T., bukan tiada. Mustahil Allah S.W.T itu tiada. “*Wujud*” merujuk pada sifat yang tetap ada pada zat selagi zat itu ada, dan sifat *Wujud* itu terdapat pada zat tanpa ada kaitan dengan sesuatu yang lain. Dalil *Wujud* boleh dilihat dalam surah al-A’raf ayat 54 yang bermaksud “sesungguhnya tuhan kamu ialah Allah, yang menciptakan langit dan bumi”, dan surah Ibrahim ayat 10 yang berbunyi, “rasul-rasul mereka bertanya, patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang *Wujudnya* Allah S.W.T?”
2. (Keduanya *qidam* (قِدَمْ) ertinya sedia Allah ta’ala. Mustahil Ia *hudus* (حدُوثْ), ertinya baharu. (Bermula) makna *qidam* iaitu tiada awal dan tiada permulaan bagi zat Allah ta’ala dan bagi segala sifatNya. Artinya zat Allah ta’ala dan segala sifatNya tiada mendahulu akan dia oleh tiada. Dalilnya firman Allah ta’ala. Ertinya (Ialah yang awal yang tiada permulaan bagiNya)⁵².

Penjelasan :

2. *Qidam* bererti sedia ada, bukannya baharu. Sifat ini merujuk pada tidak ada detik permulaan dan tidak ada mula berlakunya kejadian zat (diri) Allah S.W.T

⁵² Surah al-Hadid, 57 : 3.

serta segala sifat-sifat-Nya. Ini bererti zat Allah S.W.T dan segala sifat-Nya tidak didahului dengan tiada. Dan dalil *qidam* terdapat seperti dalam surah al-Hadid ayat 3 yang bermaksud “Dialah yang awal”, yang bererti Allah S.W.T. Dialah yang awal yang tiada permulaan.

3. (Ketiga *baqa'* (بقاء) ertinya kekal Allah ta'ala. (Bermula) maknanya iaitu tiada akhir dan tiada kesudahan bagi zat Allah ta'ala dan bagi segala sifatNya. Lawannya *torru wa al-'adam* (طُرُّ وَ الْعَدَمْ) ertinya, kedatangan oleh ‘*adam* padaNya, iaitu mustahil. Dalil firman Allah ta'ala. Ertinya (dan kekal zat tuhanmu yang mempunyai *jalal*⁵³ dan *ikram*⁵⁴).⁵⁵

Penjelasan :

3. *Baq'a*' bererti kekal, iaitu tiada sesudahnya atau berakhirnya kewujudan zat Allah S.W.T serta segala sifat-Nya dan tidak berlakunya kebinasaan pada zat Allah S.W.T. Itu mustahil berlaku. Dalil *baqa'* boleh dilihat seperti dalam surah al-Rahman ayat 27 yang bermaksud “dan kekallah zat tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.”

4. (Keempatnya *mukhalafatuhu lilhawadis* (مخالفته للحوادث) ertinya bersalahan Allah ta'ala bagi segala yang baharu ini pada zatNya dan pada segala sifatNya dan

⁵³ جَلَلْ ialah sifat Allah S.W.T yang bermaksud yang mempunyai kebesaran.(Mahmud Yunus, 1969 : 794).

⁵⁴ إِكْرَامْ ialah sifat Allah S.W.T yang bermaksud yang mempunyai kemurahan.(Mahmud Yunus, 1969 : 794).

⁵⁵ Surah al-Rahman, 55 : 27.

segala perbuatanNya. (Bermula) maknanya iaitu tiada menyamai akan zat Allah ta'ala dan segala sifatNya dan segala perbuatanNya oleh segala zat yang baharu ini, dan segala sifat mereka dan segala perbuatan mereka itu. Lawannya *mumasalatuhu lilhawadis* (مماثلته للحوادث) ertinya bersamaan Allah ta'ala bagi segala yang baharu ini, iaitu mustahil. Dalilnya firman Allah ta'ala, ertinya (tiada sesuatu seumpama Allah ta'ala).⁵⁶

Penjelasan :

4. *Mukhalafatuhu lilhawadis* bererti Allah S.W.T tidak sama dengan segala kejadian di alam ini sama ada pada zat-Nya, sifat-Nya mahupun perbuatan-Nya. Segala yang berkaitan Allah S.W.T. tidak serupa dengan zat, sifat dan perbuatan makhluk-Nya, sebaliknya yang serupa dengan Allah S.W.T ialah segala yang baharu, namun itu mustahil berlaku. Ini disokong dengan dalil seperti dalam surah al-Syura ayat 11 yang bermaksud “tiada sesuatu pun yang sebanding dengan-Nya (zat-Nya, sifat-Nya dan pentadbiran-Nya).”
5. (Kelimanya *qiyamuhu bi nafsihi* (قِيامَه بِنَفْسِهِ) ertinya berdiri Allah ta'ala dengan sendiriNya. Bermula maknanya iaitu tiada berkehendak Ia kepada zat kerana Ia zat dan tiada berkehendak Ia kepada yang menjadi akan dia kerana Ia *qadim*. Lawannya *qiyamuhu bi ghairihi* (قِيامَه بِغَيْرِهِ) ertinya berdiriNya dengan yang lainNya, iaitu mustahil. Dalilnya firman Allah ta'ala ertinya (Ialah tuhan yang

⁵⁶ Surah al-Syura, 42 : 11.

hidup lagi yang berdiri dengan sendiriNya).⁵⁷ Ertinya kayaNya daripada zat dan daripada *fa'eil*).

Penjelasan :

5. *Qiyamuhu bi nafsihi* bererti berdirinya Allah S.W.T itu dengan sendirinya, iaitu dengan zat-Nya. Allah S.W.T tidak berhajat kepada sesuatu zat (diri) di dunia ini kerana Dia telah mempunyai zat yang tersendiri serta sedikit pun tidak berkehendak kepada sesuatu untuk mencipta atau menjadikan-Nya memandangkan Allah S.W.T itu bersifat *qadim* (sedia ada lagi). Berdiri atau terjadinya Allah S.W.T dengan sebab yang lain adalah mustahil. Ini dibuktikan dengan dalil seperti dalam surah al-Baqarah ayat 255 yang bermaksud “dialah Allah, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, yang tetap hidup yang kekal selama-lamanya mentadbirkan sekalian makhluk”.
6. (Keenamnya *wahdaniah* (وحدةٌ) ertinya esa zat Allah ta’ala dan segala sifatNya dan segala perbuatanNya. (Bermula) maknanya iaitu tiada yang mendua Ia pada zatNya dan pada segala sifatNya dan pada segala perbuatanNya. Lawannya *la yakunu wahidun fima zukira* (لا يكُون واحدٌ فيما ذكر) ertinya tiada ia esa pada barang yang tersebut itu, iaitu mustahil. Dalilnya firman Allah ta’ala ertinya (bermula tuhan kamu iaitu tuhan yang esa).⁵⁸

⁵⁷ Surah al-Baqarah, 2 : 255.

⁵⁸ Surah al-Baqarah, 2 : 163.

Penjelasan :

6. *Wahdaniah* bererti esa zat Allah S.W.T, segala sifat-Nya, dan begitu juga segala perbuatan-Nya. Ini menunjukkan zat Allah S.W.T itu esa dan tidak berbilang, begitu juga segala sifat serta perbuatan-Nya. Adalah mustahil Allah S.W.T tidak esa pada zat, sifat dan perbuatan-Nya. Dalil Allah bersifat dengan *wahdaniah* boleh dilihat seperti dalam surah al-Baqarah ayat 163 yang berbunyi “dan tuhan kamu ialah tuhan yang Maha Esa.”
7. (Ketujuh *qudrat* قدرة ertinya kuasa Allah ta’ala. (Bermula) maknanya iaitu satu sifat yang *maujud*⁵⁹ yang berdiri ia pada zat yang wajib ia bagi zat akan *kaunuhu qadiran*⁶⁰ yang *ta’luk*⁶¹ ia dengan mengadakan tiap-tiap *mungkin*⁶² dan meniadakan dia atas *muwafakat iradah*⁶³Nya. Ertinya mengada oleh Allah ta’ala akan satu *mungkin* melainkan atas sifat yang ditentukan dia oleh *iradah*Nya. Lawannya *al-ajzu*⁶⁴ ertinya lemah, iaitu mustahil. Dalilnya firman Allah ta’ala ertinya (Bermula Allah ta’ala atas tiap-tiap sesuatu amat kuasa).⁶⁵

Penjelasan :

⁵⁹ موجود maknanya yang didapati atau yang ada pada zat Allah S.W.T.(Ibrahim, 1985 : 1055).

⁶⁰ قادر maknanya keadaan Allah S.W.T itu yang berkuasa.(Abdul Aziz, 1994 : 28).

⁶¹ تعلق maknanya, sifat yang ada pada zat Allah S.W.T itu menuntut satu pekerjaan atau perkara yang lain daripada menuntut di zat Allah S.W.T. Dalam erti kata yang lain, kerja atau tugas untuk mengadakan tiap-tiap yang mungkin (harus/yang boleh jadi) atau sebaliknya.(Abdul Aziz , 1994 : 22).

⁶² ممكня maknanya yang harus. Boleh jadi ada dan boleh jadi tiada.(Mohd Khairi, 2008 : 1742).

⁶³ موافقة اراده maknanya di atas ketentuan kehendak Allah S.W.T.(Mohd Khairi, 2008 : 1941).

⁶⁴ العجز maksudnya lemah.(Mohd Khairi, 2008 : 1161).

⁶⁵ Surah Ali ‘Imran, 3 : 29.

7. *Qudrah* bererti berkuasa, iaitu satu sifat yang terang dan jelas ada. Sifat kuasa itu ada pada zat (diri) ketika Allah S.W.T bertindak atau melakukan sesuatu perkara. Pada ketika itu, *ta'luk* (kerja buat) kuasa itu pasti akan mengadakan setiap makhluk atau sebaliknya dengan persetujuan kehendak-Nya. Ini bermakna Allah S.W.T tidak menjadikan makhluk-Nya melainkan dengan kehendak-Nya. Sifat berlawanan daripadanya ialah lemah, namun itu mustahil berlaku. Dalil Allah bersifat dengan *qudrat* terdapat dalam surah ali-Imran ayat 29 yang berbunyi “dan Allah amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”
8. (Kelapan *iradah* اراده ertinya berkehendak Allah ta’ala. (Bermula) maknanya iaitu satu sifat yang *maujud* yang berdiri dengan zat yang wajib ia bagi zat akan *kaunuha muridan*⁶⁶ yang *ta'luk* ia dengan menentukan *mungkin* dengan satu sifat daripada segala sifat yang harus atasnya atas *muwafakat ilmu*⁶⁷ Nya. Ertinya tiada menentu Allah ta’ala akan *mungkin* melainkan barang yang diketahui dengan ilmuNya. Lawannya *al-karahiah*⁶⁸ ertinya benci ia. Yakni mengada sesuatu dengan tiada ditentu akan dia iaitu mustahil. Dalilnya firman Allah ta’ala ertinya (bahawasanya Allah ta’ala perbuat ia akan barang yang dikehendakinya akan dia)⁶⁹.

Penjelasan :

⁶⁶ كونه مريدا maknanya keadaan Allah S.W.T itu yang menghendaki.(Abdul Aziz, 1994 : 29).

⁶⁷ موافقة علمو maknanya di atas ketentuan ilmuNya.(Mohd Khairi, 2008 : 1941).

⁶⁸ الكراهة maknanya benci.(Mohd Khairi, 2008 : 1392).

⁶⁹ Surah al-Hajj, 22 : 14.

8. *Iradah* ertinya berkehendak, iaitu satu sifat yang terang dan jelas ada dan ditentukan dengan adanya sifat kehendak itu pada zat (diri) ketika Allah S.W.T berkehendak atau menginginkan sesuatu perkara. Pada ketika itu, *ta'luk* (kerja buat) kehendak itu pasti akan menentukan setiap makhluk, dengan satu sifat daripada segala sifat yang harus ke atas Allah S.W.T mengikut persetujuan ilmu-Nya. Ini bermaknanya Allah S.W.T tidak menentukan sesuatu pada setiap makhluk itu melainkan perkara itu yang telah diketahui melalui ilmu-Nya (pengetahuan-Nya). Allah S.W.T tidak dipaksa mengadakan sesuatu perkara tanpa ilmu pengetahuan-Nya. Antara dalil yang menunjukkan Allah bersifat *iradah* adalah seperti dalam surah al-Hajj ayat 14 yang bermaksud “sesungguhnya Allah melakukan apa yang ditentukan-Nya.”

9. (Kesembilan *ilmu* (علم) ertinya mengetauui Allah ta'ala. (Bermula) maknanya iaitu satu sifat yang *maujud* yang berdiri dengan zat yang mewajib bagi zat akan *kaunuhu 'aliman*⁷⁰ yang *ta'luk* ia dengan mengetahui dengan sekelian yang wajib dan sekelian yang mustahil dan sekelian yang harus atas sifat yang ada sekeliannya itu dengan dia akan sebagai mengetahui yang tiada dimenerima lawan pada satu jalan jua pun. Lawannya *al-jahlu* (الجهل) ertinya jahil iaitu mustahil. Dalilnya firman Allah ta'ala ertinya (bermula Allah ta'ala dengan tiap-tiap sesuatu amat mengetahui)⁷¹.

⁷⁰ maknanya keadaan Allah S.W.T itu yang mengetahui.(Abdul Aziz, 1994 : 29).

⁷¹ Surah al-Tghabun, 64 : 11.

Penjelasan :

9. *Ilmu* bererti mengetahui, iaitu satu sifat yang terang dan jelas ada pada Allah S.W.T. dan sifat ini ditentukan ada pada zat (diri) ketika Allah S.W.T mengetahui sesuatu perkara. Pada ketika itu, *ta'luk* mengetahui itu meratai seluruh perkara yang wajib, mustahil dan yang harus walaupun apa pun bentuk sifat yang ada pada sekaliannya. Ini berlawanan dengan *al-jahlu* iaitu jahil yang demikian mustahil berlaku. Dalil Allah bersifat dengan *ilmu* adalah seperti dalam surah al-Tghabun ayat 11 yang berbunyi “dan Allah amat mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

10. (Kesepuluh *hayah* (حياة) ertinya hidup Allah ta’ala. (Bermula) maknanya iaitu satu sifat yang *maujud* yang berdiri dengan zat yang mewajib bagi zat akan *kaunuhu hayyan* yang mengesah ia bagi zat akan bersifat ia dengan segala sifat *ma’ani* pada hal tiada *ta'luk* ia dengan sesuatu jua pun. Lawannya *al-maut* (الموت) ertinya mati iaitu mustahil. Dalilnya firman Allah ta’ala ertinya (berserah olehmu atas tuhan yang hidup yang tiada mati)⁷².

Penjelasan :

10. *Hayah* ertinya hidup, iaitu satu sifat yang terang dan jelas ada pada Allah S.W.T. dan sifat ini ditentukan ada pada zat (diri). Yang menjadi kewajipan sifat

⁷² Surah al-Furqan, 25 : 58.

hidup itu pasti ada pada zat (diri) adalah ketika keadaan-Nya itu hidup dan mengesahkan sifat hidup itu ada bersama dengan zat (diri), serta zat itu dengan sendirinya akan bersifat dengan segala sifat-sifat *ma'ani*. Sifat *hayah* tidak mempunyai *ta'luk*, sebaliknya sifat ini memastikan dan membenarkan zat memiliki sifat-sifat *ma'ani* yang lain. Sifat ini bertentangan dengan mati atau binasa yang tidak mungkin berlaku pada Allah S.W.T. Dalil Allah bersifat *hayah* adalah seperti yang terdapat dalam surah al-Furqan ayat 58 yang bermaksud “dan berserahlah engkau kepada tuhan yang hidup yang tidak mati.”

11. (Kesebelasnya *sama'* (سمع) ertinya mendengar Allah ta'ala. Bermula maknanya iaitu satu sifat yang *maujud* yang berdiri ia dengan zat yang mewajib ia bagi zat akan *kaunuhu sami'an* yang *ta'luk* ia dengan mendengar tiap-tiap yang wajib dan tiap-tiap yang harus. Lawannya *al somamu* (الصمم) ertinya tuli iaitu mustahil. Dalilnya firman Allah ta'ala ertinya (bahawasanya Allah ta'ala yang amat mendengar lagi amat mengetahui).⁷³

Penjelasan :

11. *Sama'* bermaksud mendengar. Ini merupakan satu sifat yang terang dan jelas ada dan yang menjadi kewajipan sifat mendengar itu pasti ada pada zat (diri) adalah ketika itu Allah S.W.T dalam keadaan-Nya yang sentiasa mendengar. Sifat *sama'* mempunyai *ta'luk*, iaitu mendengar setiap perkara yang wajib dan yang harus. Sifat ini berlawanan dengan tuli atau pekak, maka yang demikian itu

⁷³ Surah al-Baqarah, 2 : 181.

mustahil berlaku. Dalil Allah bersifat dengan *sama'* adalah seperti dalam surah al-Baqarah ayat 181 yang berbunyi “sesungguhnya Allah amat mendengar lagi amat mengetahui”.

12. (Kedua belasnya *basor* (بصر) ertinya melihat Allah ta'ala. Lawannya *al-'ama* (العمى) ertinya buta iaitu mustahil. Bermula maknanya iaitu satu sifat yang *maujud* yang berdiri ia dengan zat yang mewajib bagi zat akan *kaunuhu basiran* yang *ta'luk* ia dengan melihat sekalian yang *maujud* ini iaitu tiap-tiap yang wajib dan tiap-tiap yang harus. Dalilnya firman Allah ta'ala ertinya bahawasanya Allah ta'ala dengan sekelian hambanya amat mengetahui lagi amat melihat).⁷⁴

Penjelasan :

12. *Basor* ertinya sifat melihat Allah S.W.T yang berlawanan dengan buta, iaitu sesuatu yang mustahil berlaku. Ini satu sifat yang terang dan jelas serta pasti ada pada zat (diri) ketika Allah S.W.T dalam keadaan-Nya melihat. Sifat *basor* ini mempunyai *ta'luk* (kerja buat), iaitu melihat sekalian yang ada di dunia ini pada setiap perkara yang berlaku itu sama ada perkara yang wajib ataupun yang harus. Dalil Allah bersifat dengan *basor* adalah seperti dalam surah al-Syura ayat 27 yang berbunyi “sesungguhnya Ia mengetahui dengan mendalam akan segala keadaan hambanya lagi melihat dengan nyata.”

⁷⁴ Surah al-Syura, 42 : 27.

13. (Ketiga belasnya *kalam* (كَلَم) ertinya berkata-kata Allah ta'ala. (Bermula) maknanya iaitu satu sifat yang *maujud* yang berdiri dengan zat yang mewajib bagi zat akan *kaunuhu mutaklliman*, yang *ta'luk* ia dengan barang yang *ta'luk* dengan dia oleh ilmu iaitu sekelian yang wajib dan yang mustahil dan yang harus akan sebagai *ta'luk dilalah*. Lawannya *al-bakamu* (البِكْم) ertinya kelu, iaitu mustahil dalilnya firman Allah ta'ala ertinya telah berkata-kata Allah ta'ala akan nabi Musa akan beberapa perkataan).⁷⁵

Penjelasan :

13. *Kalam* bererti berkata-kata, iaitu satu sifat yang terang dan jelas ada serta pasti ada pada zat (diri) ketika Allah S.W.T keadaan-Nya itu berkata-kata. Sifat *kalam* ini mempunyai *ta'luk* (kerja buat atau hubung kaitnya) yang berhubung dengan ilmu Allah S.W.T yang meliputi semua yang ada di dunia ini dan setiap perkara yang berlaku itu sama ada perkara wajib, mustahil ataupun harus yang dikenali sebagai *ta'luk dilalah*.⁷⁶ Sifat lawannya ialah bisu dan itu mustahil berlaku. Dalil Allah bersifat dengan *kalam* adalah seperti dalam surah al-Nisa'

⁷⁵ Surah an-Nisa', 4 : 164.

⁷⁶ *Ta'luk Dilalah* bermakna menunjuk atau memberi faham, iaitu menerangkan atau menunjukkan sesuatu dengan kalam Allah S.W.T dengan sesuatu penerangan. Kalam Allah yang berta'luk dengan yang wajib itu seperti firman-Nya "Akulah Allah tiada tuhan selain Aku". Maka inilah *kalam* Allah yang menunjuk bahawa Allah S.W.T berkata-kata dengan yang wajib. *Kalam* Allah yang berta'luk dengan yang mustahil pula seperti firman-Nya "Allah S.W.T tidak beranak dan tidak pula diperanakkkan". Maka semuanya ini menunjuk atas mustahil bagi Allah S.W.T. Dan *kalam* Allah yang berta'luk dengan yang harus pula seperti firman-Nya "Dialah Allah yang menjadikan langit dan bumi dan di antara keduanya". Ini juga menunjuk dan memberi faham kepada kita Allah S.W.T berkata-kata atas perkara yang harus. Maka inilah *ta'luk dilalah* ataupun disebut juga dengan *dalah* dan *dulalah* (Abdul Aziz , 1994 :27-28).

ayat 164 yang bermaksud “dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung tidak ada perantaraan).”

14. (Keempat belasnya *kaunu hu qadiran* (كونه قادر) ertinya keadaanNya Allah ta’ala yang kuasa. Bermula maknanya iaitu satu sifat yang sabit bagi zat selam lamanya ada zat itu bersifat dengan *qudrat*, iaitu lain daripada *qudrat* dan melazim ia bagi *qudrat*. Lawannya *kaunu hu ‘ajizan* (كونه عاجزا) ertinya keadaanNya yang lemah iaitu mustahil).

Penjelasan :

14. *Kaunu hu qadiran* ertinya keadaan Allah S.W.T yang berkuasa, iaitu sifat yang telah ditentukan ada pada zat (diri) selama adanya zat tersebut yang juga bersifat dengan *qudrat*. *Kaunu hu qadiran* tidak sama dengan *qudrat*, tetapi sifat ini semestinya atau wajib ada bersama sifat *qudrat*. Sifat *qudrat* pula menjadi lazim dengan adanya *kaunu hu qadiran*. Kedua-dua sifat ini berlainan. Perkara sebaliknya, iaitu Allah S.W.T itu bersifat dengan lemah, adalah sesuatu yang mustahil berlaku.

15. (Kelima belasnya *kaunu hu muridan* (كونه مریدا) ertinya keadaanNya yang berkehendak. (Bermula) maknanya iaitu satu sifat yang sabit bagi zat selama lamanya ada zat itu bersifat dengan *iradah*, iaitu lain daripada *iradah* dan melazim ia baginya. Lawannya *kaunu hu karihan* (كونه کارها) ertinya keadaanNya yang benci iaitu mustahil).

Penjelasan :

15. *Kaunu hu muridan* ertinya keadaan Allah S.W.T yang berkehendak yang merupakan satu sifat yang telah ditentukan ada pada zat selagi zat tersebut ada. Sifat ini tidak sama dengan *iradah*, tetapi *kaunu hu muridan* (keadaan Allah yang berkehendak itu) menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya sifat *iradah* manakala sifat *iradah* itu pula menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya *kaunu hu muridan*. Maka, kedua-duanya itu dua sifat yang berlainan. Lawan baginya ialah benci, namun ia mustahil ada pada-Nya.

16. (Keenam belasnya *kaunu hu ‘aliman* (كونه عالما) ertinya keadaannya Allah ta’ala yang mengetahui. Bermula maknanya iaitu satu sifat yang sabit bagi zat selama-lama ada zat itu bersifat dengan ‘ilmu, iaitu lain daripada ‘ilmun dan melazim ia baginya. Lawannya *kaunu hu jahilan* (كونه جاهلا) ertinya keadaanNya yang jahil iaitu mustahil).

Penjelasan :

16. *Kaunu hu ‘aliman* bererti keadaan Allah S.W.T yang mengetahui. Sifat ini telah ditentukan ada pada zat (diri) selagi zat tersebut ada. Zat tersebut beriringan dengan sifat *ilmu*. Namun, *kaunu hu ‘aliman* tidak sama dengan Allah S.W.T yang bersifat *ilmu*, tetapi menjadi lazim dengan adanya sifat *ilmu* dan sifat *ilmu* itu pula menjadi lazim dengan adanya *kaunu hu ‘aliman*. Maka kedua-duanya itu

dua sifat yang berlainan. Lawan kepada sifat ini ialah jahil, namun itu mustahil berlaku pada-Nya.

17. (Ketujuh belasnya *kaunuḥu ḥayyan* (كونه حي) ertinya keadaannya Allah ta’ala yang hidup. Bermula maknanya iaitu satu sifat yang sabit bagi zat selama-lama ada zat itu bersifat dengan *hayah*, iaitu lain daripada *hayah* dan melazim ia baginya. Lawannya *kaunuḥu mayyitan* ertinya keadaanNya yang mati iaitu mustahil).

Penjelasan :

17. *Kaunuḥu ḥayyan* ertinya keadaan Allah S.W.T yang hidup. Sifat ini telah ditentukan ada pada zat (diri) selagi adanya zat tersebut, malah zat tersebut bersifat dengan *hayah*. Namun, *kaunuḥu ḥayyan* tidak sama dengan Allah S.W.T yang bersifat *hayah*. *Kaunuḥu ḥayyan* (keadaan Allah yang hidup itu) menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya sifat *hayah* dan sifat *hayah* pula menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya *kaunuḥu ḥayyan*. Maka kedua-duanya itu dua sifat yang berlainan. Kata lawan pada sifat ini ialah mati atau binasa, tetapi yang demikian itu mustahil berlaku pada keadaan Allah S.W.T.

18. (Kelapan belasnya *kaunuḥu sami’an* (كونه سميعا ertinya keadaan Allah ta’ala yang mendengar. Bermula maknanya iaitu satu sifat yang sabit bagi zat selama-lama ada zat itu bersifat dengan *sama’*, iaitu lain daripada *sama’* dan melazim ia

baginya. Lawannya *kaunuahu Asham* ertinya keadaanNya yang tuli iaitu mustahil).

Penjelasan :

18. *Kaunuhu sami'an* ertinya keadaan Allah S.W.T yang mendengar, iaitu satu sifat yang telah ditentukan ada pada zat selama adanya zat tersebut. Zat tersebut bersifat dengan *sama'*, namun sifat *kaunuhu sami'an* tidak sama dengan Allah S.W.T yang bersifat *sama'*. *Kaunuhu sami'an* (keadaan Allah yang mendengar itu) menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya sifat *sama'* dan sifat *sama'* itu pula menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya *kaunuhu sami'an*. Maka, kedua-dua sifat itu adalah berlainan. Berlawanan dengannya ialah tuli atau pekak, yang demikian itu mustahil berlaku pada-Nya.

19. (Kesembilan belasnya *kaunuhu basiran* (كونه بصير) ertinya keadaannya Allah ta'ala yang melihat. Bermula maknanya iaitu satu sifat yang sabit bagi zat selama-lama ada zat itu bersifat dengan *basor*, iaitu lain daripada *basor* dan melazim ia baginya. Lawannya *kaunuhu 'ama*, ertinya keadaanNya yang buta iaitu mustahil).

Penjelasan :

19. *Kaunuḥu basiran* ertinya keadaan Allah S.W.T yang melihat. Ini merupakan satu sifat yang telah ditentukan ada pada zat (diri) selama adanya zat tersebut, dan zat tersebut berkaitan dengan sifat *basor*. Namun, *kaunuḥu basiran* tidak sama dengan Allah S.W.T yang bersifat *basor*, tetapi menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya sifat *basor* dan sifat *basor* pula menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya *kaunuḥu basiran*. Kedua-duanya merupakan dua sifat yang berlainan. Sifat yang berlawanan dengannya ialah keadaan Allah S.W.T itu buta, tetapi itu mustahil berlaku.

20 .(Kedua puluhnya *kaunuḥu mutakalliman* (كونه متكلما) ertinya keadaan Allah ta'ala yang berkata-kata. Bermula maknanya iaitu satu sifat yang sabit bagi zat selama-lama ada zat itu bersifat dengan *kalam*, iaitu lain daripada *kalam* dan melazim ia bagi *kalam*. Lawannya *kaunuḥu abkam* ertinya keadaaNya yang kelu iaitu mustahil).

Penjelasan :

20. *Kaunuḥu mutakalliman* ertinya keadaan Allah S.W.T yang berkata-kata, iaitu satu sifat yang telah ditentukan ada pada zat (diri) selama adanya zat tersebut. Zat tersebut beriringan dengan sifat *kalam*. *Kaunuḥu mutakalliman* tidak sama dengan Allah S.W.T yang bersifat *kalam*, tetapi sifat itu menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya sifat *kalam* dan sifat *kalam* pula menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan adanya *kaunuḥu*

mutakalliman. Maka jelas bahawa kedua-duanya sifat itu berlainan. Kata lawan bagi sifat itu ialah keadaan Allah S.W.T itu bisu, namun itu mustahil berlaku pada-Nya.

(Ketahuilah olehmu) bahawasanya dalil atas segala sifat *ma'nawiyyah* iaitu ‘ain dalil sifat *ma'ani*).

Penjelasan :

Dalil sifat-sifat *ma'nawiyyah* itu adalah sama seperti yang terdapat pada sifat-sifat *ma'ani*.

(Dan bahawasanya segala sifat yang dua puluh itu tarbahagi atas empat bahagi :

- Pertamanya Sifat *Nafsiyah* namanya, iaitu satu *Wujud*.
- Keduanya Sifat *Salbiyyah* namanya, iaitu lima sifat. Iaitu *Qidam* dan *Baqa'* dan *Mukhalafatuhu lil hawadis* dan *Qiyamuhi Bi Nafsihi* dan *Wahdaniyah*.
- Ketiganya Sifat *Ma'ani* namanya, iaitu tujuh sifat. Iaitu *Qudrah* dan *Iradah* dan *'ilmu* dan *hayah* dan *Sama'* dan *basor* dan *Kalam*.
- Keempatnya Sifat *Ma'nawiyyah* namanya, iaitu tujuh sifat pula, iaitu *Kaunuhi Qadiran* dan *Kaunuhi Muridan* dan *Kaunuhi 'Aliman* dan *Kaunuhi Hayyan* dan *Kaunuhi Sami'an* dan *Kaunuhi Basiron* dan *Kaunuhi Mutakalliman*).

Penjelasan :

Sifat 20 boleh dibahagikan kepada empat bahagian seperti yang berikut:

1. Sifat *nafsiyah*, yang hanya ada satu sahaja, iaitu *wujud*.
2. Sifat *salbiyah* yang terdiri daripada lima, iaitu *qidam*, *baqa'*, *mukhalafatuhu lil hawadis*, *qiyamuhu bi nafsihi* dan *wahdaniyah*.
3. Sifat *ma'ani* yang terdiri daripada tujuh sifat, iaitu *qudrat*, *iradah*, *'ilmun*, *hayah*, *sama'*, *basor* dan *kalam*.
4. Sifat *ma'nawiyah* yang melibatkan tujuh sifat, iaitu *kaunuha qadiran*, *kaunuha muridan*, *kaunuha 'aliman*, *kaunuha hayyan*, *kaunuha sami'an*, *kaunuha basiron* dan *kaunuha mutakalliman*.

(Maka maknanya sifat *nafsiyah* iaitu tiap-tiap sifat yang sabit bagi zat selama-lama *majud* zat pada hal tiada di keranakan dengan satu kerana. Ertinya tiada melazim ia bagi satu sifat yang lain).

Penjelasan :

Sifat *nafsiyyah* ialah satu sifat yang terang dan jelas ada pada zat (diri) Allah S.W.T. Namun, sifat ini ada pada zat tanpa adanya kaitan dengan sesuatu perkara yang lain. Ini bermaknanya sifat *nafsiyyah* tidak menjadi lazim (semestinya atau wajib bersama) dengan sifat yang lain.

(Dan makna sifat *salbiyyah* iaitu tiap-tiap sifat yang maknanya itu menafikan barang yang tiada patut bagi zat dan bagi segala sifat⁷⁷ seperti *qidam* maknanya itu menafikan awal dan permulaan bagi zat Allah S.W.T dan bagi segala sifatNya. Dan *baqa'* menafikan akhir dan berkesudahan bagi keduanya. Demikianlah engkau kata pada segala makna yang tinggal lagi daripada sifat *salbiyyah*).

Penjelasan :

Sifat *salbiyah* merujuk pada sifat yang bermaksud menafikan (tidak ada) perkara yang tidak layak ada pada zat Allah S.W.T dan pada segala sifat-Nya seperti *qidam* yang menafikan (iaitu tidak ada) sifat permulaan pada diri Allah serta pada segala sifat-Nya sama seperti makhluk lain. *Baqa'* pula menafikan perkara yang akan berlakunya kesudahan atau penghabisan pada zat Allah S.W.T serta segala sifat-Nya yang lain seperti berbilang-bilang tuhan. Sifat berbilang-bilang tuhan itu tidak ada pada sifat Allah S.W.T. Begitu juga dengan sifat *salbiyah* yang lain.

(Maka ada permulaan bagi Allah ta'ala dan akhir bagiNya dan bersamaanNya bagi segala yang baharu dan berkehendak kepada zat dan kepada *fa'il* yang menjadi ia akan dia dan ada yang mendua pada zatNya dan pada segala sifatNya dan pada segala perbuatanNya sekeliannya itu tiada patut bagi zat Allah ta'ala dan bagi segala sifatNya, kerana membawa ia kepada baharu dan lemah dan kekurangan. Bermula yang demikian itu mustahil atas Allah ta'ala).

⁷⁷ Iaitu sifat yang dibangsakan kepada menafikan (menidakkannya). Ertinya sifat itu menolak segala perkara yang tidak layak bagi Allah S.W.T.

Penjelasan :

Setiap perkara yang ada permulaan dan pengakhiran pada zat Allah S.W.T, adanya persamaan antara Allah S.W.T dengan yang baharu, berkehendak atau berhajat pada sesuatu zat yang lain, berkehendak yang lain untuk menjadikan diri-Nya, dan persekutuan pada zat Allah, sifat-Nya dan perbuatan-Nya, tidak mungkin ada pada Allah S.W.T serta segala sifat-Nya. Ini kerana semua itu akan menunjukkan atau membuktikan bahawa adanya kelemahan dan kekurangan pada diri Allah S.W.T. Oleh sebab itu, semua itu mustahil berlaku pada Allah S.W.T.

(Dan dinamakan sifat *Salbiyyah* ini sifat ‘*Adami* ertinya tiada *maujud* kerana tiada berdiri ia pada zat dan tiada *maujud* padanya. ertinya tiada sah dilihat akan dia dan tiada melazim ia bagi sifat yang lain dan tiada *ziyadah*⁷⁸ ia atas zat dan atas sifat yang lain. Dan maknanya menunjuk atas me’*adamkan*⁷⁹ sesuatu yang tiada patut bagi zat dan bagi sifat. Bukan makna ‘*adam* itu ‘*adam* daripada zat, ertinya tiada bersifat zat dengannya iaitu mustahil. Kerana kafir orang yang menafikan sifat *salbiyyah* yang *qadim* dengan ijmak ulama).

Penjelasan :

Sifat *salbiyyah* dibangsakan kepada sifat ‘*adami*, iaitu perkara yang tidak ada (yang tidak dapat dilihat). Sifat *salbiyyah* ialah sifat yang tidak dapat dilihat dan ini berbeza

⁷⁸ زباده ertinya bertambah.(Karim, 2009 : 358)

⁷⁹ عد ertinya menidakkan dan menafikan.(Karim, 2009 : 509)

dengan sifat *ma'ani* iaitu sifat yang boleh dilihat. Sifat ini tidak semestinya atau wajib ada bersama dengan sifat *ma'nawiyyah* yang lain dan sifat ini juga tidak bertambah pada sifat *ma'ani* dan sifat *ma'nawiyyah*. Sifat *salbiyyah* menunjukkan sesuatu perkara yang tidak patut ada pada zat Allah dan sifat-Nya. Walaupun tidak ada atau tidak dapat dilihat, bukan bererti zat itu tidak ada. Zat itu tetap ada, tetapi sifat *salbiyyah* itu yang tidak dapat dilihat ada pada zat dan pada sifat Allah S.W.T. Mengikut ijmak ulama, orang yang menafikan sifat *salbiyyah* yang ada sejak azali lagi, hukumnya terkeluar daripada agama Islam.⁸⁰

(Dan makna sifat *ma'ani* iaitu tiap-tiap sifat *maujud*, ertinya sah dilihat akan dia jika dibuka bagi kita *hijab*⁸¹ yang berdiri ia dengan zat. Ertinya tiada terkaya ia daripada zat dan *ziyadah* ia atas zat yang mewajib ia bagi zat akan bahawa bersifat ia dengan sifat *ma'nawiyyah*).

(Dan makna sifat *ma'nawiyyah* iaitu tiap-tiap sifat yang sabit bagi zat selama-lama ada zat bersifat dengan sifat *ma'ani* dan lebih ia atas sifat *ma'ani* dan melazim ia baginya).

Penjelasan :

Sifat *ma'ani* pula ialah sifat yang *maujud*, iaitu dapat dilihat sekiranya Allah S.W.T membuka *hijab* kepada kita. Sifat *ma'ani* ini dikenal pasti ada pada zat, tetapi tidak boleh mengatasi kelebihan zat Allah S.W.T serta tidak boleh berlaku sebarang

⁸⁰ Secara kesimpulannya sifat *salbiyyah* itu menunjukkan sesuatu perkara yang tidak patut ada pada zat dan pada sifat Allah S.W.T. Contohnya, sifat *baqa'* (kekalan) itu menunjukkan Allah S.W.T itu sama sekali tidak akan binasa dan *qidam* (sedia ada) itu menunjukkan Allah S.W.T itu sama sekali tidak akan ada kesudahan. Bukan makna '*adam*' itu zat Allah tidak ada tetapi benda baharu yang sepatutnya tidak layak ada pada zat Allah S.W.T. Maka zat Allah S.W.T yang bersifat dengan benda yang baharu itu hukumnya mustahil.

⁸¹ حجاب ertinya dinding dan penutup.(Karim, 2009 : 149).

penambahan ke atas zat-Nya Sifat ini hanya menjadi kewajipan yang perlu ada atau wajib ada pada zat. Dengan adanya sifat *ma'ani* ini, maka akan terwujudlah sifat *ma'nawiyyah*, iaitu sifat-sifat yang dikenal pasti atau telah diakui wujud selagi adanya sifat-sifat *ma'ani*. Sifat *ma'nawiyyah* ialah lebihan daripada sifat *ma'ani*. Sifat *ma'nawiyyah* wujud dengan adanya sifat *ma'ani*.

(Adapun sifat yang harus pada zat Allah ta'ala yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengenal akan Dia dengan *tafsilnya* itu satu sifat jua iaitu:

فَعْلُ كُلِّ مُمْكِنٍ أَوْ تَرْكُهُ

Ertinya berbuat tiap-tiap *mumkin* atau meninggal akan dia. Lawannya wajib ia atau mustahil ia (iau mustahil).

Penjelasan :

Terdapat satu sifat yang harus yang ada pada zat Allah S.W.T yang menjadi kewajipan bagi setiap orang yang mukallaf untuk mengetahuinya dengan terperinci. Sifat itu ialah harus bagi Allah S.W.T memperbuat sesuatu perkara atau meninggalkannya. Ini bertentangan dengan sifat yang mewajibkan bagi Allah S.W.T untuk memperbuat sesuatu perkara atau mustahil bagi Allah S.W.T meninggalkan suatu perkara. Maka yang demikian itu mustahil berlaku.

(*Syahdan*⁸² dan dibahagi pula sifat dua puluh ini atas dua bahagi:

⁸² شهداً atau syahadan ertinya kata yang biasa dipakai pada permulaan cerita atau bab.(Noresah, 2007 : 1557)

1. Bahagi yang pertama dinama akan dia *istighna'* ertinya kaya tuhan daripada tiap-tiap barang yang lainnya. Iaitu kayaNya daripada zat dan kayaNya daripada *fa'il* yang menjadi akan dia, maha suciNya daripada kekurangan. Ertinya tiada berkehendak Ia kepada zat kerana Ia zat dan tiada berkehendak Ia kepada *fa'il* yang menjadi akan Dia. Kerana Ia *qadim* dan tiada berkehendak Ia kepada orang yang menolak daripadanya kekurangan kerana Ia maha suci daripada kekurangan.

Yang masuk di dalam *istighna'* ini daripada sifat yang wajib bagi Allah ta'ala sebelas sifat iaitu:

1. *Wujud* dan
2. *Qidam* dan
3. *Baq'a*' dan
4. *Mukhalafatuhu lil hawadith* dan
5. *Qiyamuhu bi nafsihi* dan
6. *Sama'* dan
7. *Basor* dan
8. *Kalam* dan
9. *Kaunuhu sami'an* dan
10. *Kaunuhu basiran* dan
11. *Kaunuhu mutakalliman.*

(Dan lawannya daripada yang mustahil sebelas pula. Dan masuk pula yang harus iaitu satu dan lawannya satu, Maka jumlah sekelian yang tersebut itu dua puluh empat sifat. Inilah yang masuk di dalam *istighna*’).

Penjelasan :

Sifat 20 yang wajib bagi hak Allah S.W.T pula terbahagi kepada dua bahagian berikut:

1. *Istighna'* Allah S.W.T memiliki segalanya dan mengatasi hamba-Nya. Ini merujuk bahawa zat Allah S.W.T itu memiliki segalanya dan tidak memerlukan setiap makhluk untuk menjadikan-Nya kerana Allah merupakan pencipta bagi segala-galanya. Oleh itu, Allah tidak berhajat sedikit pun kepada makhluk untuk menjadikan-Nya. Allah S.W.T bersifat *qadim*, iaitu sedia ada sejak azali lagi dan Dia tidak memerlukan orang yang tidak menerima kenyataan bahawa tidak ada sifat kekurangan pada zat Allah S.W.T dan maha suci Allah daripada sifat kekurangan.

Terdapat 11 sifat-sifat yang terkandung dalam *istighna'*, iaitu *wujud*, *qidam*, *baqa'*, *mukhalafatuhu lil hawadith*, *qiyyamuhu bi nafsihi*, *sama'*, *basor*, *kalam*, *kaunuhu sami'an*, *kaunuhu basiran*, dan *kaunuhu mutakalliman*. Kata sifat yang berlawanan dengan 11 sifat *istighna'* ini juga ada 11, iaitu semuanya yang mustahil, serta sifat yang harus serta lawannya. Maka semuanya berjumlah 24 sifat. Inilah yang terkandung dalam *istighna'*.

2. (Dan bagi yang keduanya dinama akan dia *iftiqar* ertinya berkehendak oleh tiap-tiap barang yang lainnya kepadaNya. ertinya berkehendak oleh tiap-tiap barang yang lain daripada Allah itu kepada Allah yang menjadi akan dia, dan yang menolak daripadanya kekuranganNya. Kerana ia ‘*adam* pada asalnya dan senentiasanya di dalam kekurangan.

Dan masuk di dalam *iftiqar* ini sembilan daripada sifat yang wajib bagi Allah ta’ala iaitu:

1. *Wahdaniah* dan
2. *Qudrah* dan
3. *iradah* dan
4. *Ilmun* dan
5. *Hayat* dan
6. *Kaunuhu qadiran* dan
7. *Kaunuhu muridan* dan
8. *Kunuuhu ‘aliman* dan
9. *Kaunuuhu Hayyan.*

Dan lawannya daripada yang mustahil sembilan pula. Maka jadalah delapan belas sifat. Inilah yang masuk di dalam *iftiqar*. Dan jika dihimpunkan yang dua puluh empat yang masuk pada *istighna’* dengan yang delapan belas yang masuk pada *iftiqar*, jadalah empat puluh dua. Demikianlah yang terkandung di dalam makna kata:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Iaitu tiada tuhan yang kaya daripada tiap-tiap barang yang lainNya dan yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya malainkan Allah. Atau tiada tuhan yang disembah dengan sebenar-benar yang ada melainkan Allah).

Penjelasan :

2. *Iftiqar* iaitu setiap makhluk berhajat sesuatu perkara kepada Allah S.W.T. Ini bererti setiap makhluk sangat berhajatkan sesuatu perkara itu dengan bantuan Allah S.W.T kerana Allah S.W.T yang menjadikan semua makhluk yang ada di dunia termasuklah mereka yang mempertikaikan Allah S.W.T itu mempunyai kekurangan. Pada hal mereka ini pada asalnya tidak *wujud* dan kemudian barulah Allah menjadikan mereka yang sentiasa berada dalam kekurangan.

Sifat-sifat yang terdapat pada *Iftiqar* itu ada sembilan, iaitu *wahdaniah, qudrat, iradah, ilmun, hayat, kaunuha qadiran, kaunuha muridan, kunuhu ‘aliman, dan kaunuha hayyan*. Lawan kepada sifat *Iftiqar* itu juga ada sembilan dan ini menjadikannya 18 sifat dalam *Iftiqar*.

Jika dihimpunkan 24 sifat yang terkandung dalam *istighna’* dengan 18 yang ada pada *iftiqar*, maka semuanya berjumlah 42. Demikianlah yang terkandung dalam makna kata berikut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Ertinya: Tiada tuhan yang Maha Kaya daripada tiap-tiap sesuatu dan yang berkehendak tiap-tiap sesuatu itu kepada-Nya melainkan Allah tiada tuhan yang disembah dengan sebenar-benar yang ada di alam ini melainkan Allah.

(Bermula dalil yang menunjuk atas *istghna'* Allah daripada tiap-tiap barang yang lainnya dan *iftiqar* tiap-tiap barang yang lainnya kepadaNya iaitu firman Allah ta'ala:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمَدُ

Ertinya, hai segala manusia bermula sekelian kamu itu berkehendak kepada Allah ta'ala, dan bermula Allah ta'ala itu tuhan yang maha kaya lagi mempunyai kepujian)⁸³.

Penjelasan :

Dalil *istghna'* Allah S.W.T daripada setiap sesuatu di alam ini dan *Iftiqar* (berkehendak) setiap makhluk itu kepada-Nya, iaitu firman Allah ta'ala:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمَدُ

Ertinya: (Oleh kerana Allah S.W.T itu menguasai segala-galanya maka) wahai umat manusia kamu sentiasa berhajat kepada Allah S.W.T (dalam

⁸³ Surah Fatir, 35 : 15

segala perkara) sedangkan Allah S.W.T itu Dialah sahaja yang Maha Kaya lagi amat terpuji.

3.8 Sifat wajib bagi Rasul

(Ketahui olehmu bahawasanya sifat yang wajib bagi segala rasul yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengenal akan dia dengan *tafsil*⁸⁴nya itu tiga sifat jua:

1. (Pertamanya *al-Sidqu*) ertinya wajib benar sekelian rasul ‘*alai al-Solatu wa al-Salam* daripada tiap-tiap barang yang keluar daripada mereka daripada segala perkataan mereka dan segala perbuatan mereka itu dan niat mereka itu dan diam mereka itu. Ertinya sekeliannya itu *mewafakat*⁸⁵ bagi barang yang diketahui oleh Allah ta’ala dan bagi yang disurat di *luh mahfuz*⁸⁶ dan bagi diri pekerjaan. Lawannya *al-Kizbu* ertinya dusta mereka itu iaitu mustahil.
2. (Keduanya *al-Amanah*) ertinya wajib kepercayaan sekelian rasul. Ertinya wajib terpelihara sekelian mereka itu daripada segala yang haram dan yang makruh tetapi yang harus pun tiada jatuh pada mereka itu melainkan dengan niat taat sekurang-kurangnya niat mengejar akan umatnya. Lawannya *al-khiyanah* ertinya khianat dengan bahawa mengerja mereka itu akan yang haram atau yang makruh iaitu mustahil.

⁸⁴ تفصیل ertinya satu persatu. Lawannya اجمال ertinya ringkas.

⁸⁵ موافقة ertinya yang munasabah.(Karim, 2009 : 937).

⁸⁶ لوح حفظ iaitu satu tempat yang ditulis oleh Allah S.W.T pada satu tempat yang dinamakan papan tulis yang terpelihara untuk para malaikat membacanya kemudian para malaikat itu akan menjalankan tugas mengikut apa yang telah termaktub di papan tulis tersebut untuk mengatur segala keperluan makhluk di alam ini. Wajib bagi orang yang beriman agar percaya dengan papan tulis ini seperti yang telah dinyatakan oleh Allah S.W.T walaupun kita tidak tahu bagaimakah hakikatnya yang sebenar.(Al-Zuhaili, 1991, jilid 29-30 : 169).

3. (Ketiganya *al-Tabligh*) ertinya wajib menyampaikan oleh sekalian rasul akan barang yang disuruh sekalian mereka itu meyampai akan dia bagi sekalian umatnya. Lawannya *al-Kitman* ertinya menyembunyi sekalian mereka itu akan barang yang tersebut itu iaitu mustahil).

Penjelasan :

Bagi rasul pula, terdapat tiga sifat yang wajib pada mereka yang perlu diketahui secara terperinci oleh sekalian orang yang mukallaf (sampai umur baligh). Sifat itu adalah seperti berikut:

1. *al-sidqu*, iaitu wajib para rasul itu bersifat benar dan tidak berdusta sama sekali pada setiap perkataan, perbuatan, niat dan diam mereka. Maka, setiap percakapan, perbuatan, niat dan diam mereka itu bertepatan dengan apa-apa yang terkandung dalam catatan *Lauh Mahfuz*. Lawan kepada sifat itu ialah *al-Kizbu*, iaitu dusta. dan sifat itu mustahil ada pada para rasul.
2. *al-Amanah*, iaitu wajib para rasul itu terpelihara daripada perkara yang haram dan yang makruh. Perkara yang harus pun, seperti terlupa, tidak mungkin berlaku kepada para rasul melainkan dengan niat melakukan ketaatan kepada Allah S.W.T untuk mengajar umatnya.⁸⁷ Sifat lawannya ialah *al-Khiyanah*,

⁸⁷ Seperti dapat mengetahui hukum yang berkaitan dengan sujud sahwu hasil daripada terlupanya Nabi kita s.aw.(Muhammad Zamri, 1999: 45). Terlupa yang harus berlaku pada Nabi itu ialah terlupa pada perbuatan sahaja seperti terlupa satu perbuatan di dalam sembahyang dan lainnya. Maka hukumnya harus berlaku kerana mempunyai hikmah yang tertentu. Adapun terlupa dengan perkataan ataupun percakapan tidak boleh berlaku pada Nabi Muhammad S.A.W. Jika berlaku juga sudah tentu akan menimbulkan kekeliruan di dalam hati sesetengah manusia yang lemah. Ini bercanggah dengan pangkat kerasulan.(Muhammad Zamri, 1999 : 41). Serta perkara yang makruh sekalipun seperti nabi Muhammad

iaitu khianat dengan melakukan perkara-perkara yang haram⁸⁸ dan khianat dengan melakukan yang makruh⁸⁹ Maka kesemuanya itu mustahil berlaku kepada sekalian para rasul.

3. *al-Tabligh*, iaitu wajib para rasul menyampaikan sekalian yang telah diperintahkan oleh Allah S.W.T kepada umatnya sama ada manusia ataupun jin. Lawan kepada sifat ini ialah *al-kitman* iaitu menyembunyikan setiap perkara yang telah diperintahkan supaya disampaikan kepada seluruh umat manusia dan jin. Dan ini mustahil ada pada para rasul-rasul Allah S.W.T.

(Adapun tanda *siddiq* sekalian rasul ‘*alai al-Solatu wa al-Salam* dan *amanah* mereka itu dan *tabligh* mereka itu maka iaitu firman Allah ta’ala pada hak nabi kita:

وَمَا أَنْكُمُ الرَّسُولُ فَخَدُوهُ وَمَا نَهَكُمْ عَنِ فَانْتَهُوا

Ertinya, dan akan apa sesuatu yang mendarang akan kamu oleh rasul maka ambil oleh kamu akan dia, dan akan apa sesuatu yang menegah ia akan kamu maka jauh oleh kamu akan dia⁹⁰. Yakni tatkala mengetahui Allah ta’ala akan benar nabi kita dan keparcayaannya dan *tabligh*nya maka menjadi Allah ta’ala akan dia pesuruh kepada kita dan disuruh akan dia dengan mengikut akan dia pada barang yang mendarang ia akan dia kepada kita daripada Allah ta’ala).

S.A.W mengambil wuduk ada kalanya membasuh tangannya dua kali sebelah kanan dan dua kali sebelah kiri mengikut sesetengah riwayat.(Al-Baijuri, 1949 : 78). Ini juga dengan tujuan untuk menerangkan hukum syariat kepada para sahabatnya. Mereka dipelihara oleh Allah S.W.T pada perkara yang zahir atau pun yang batin sama ada sewaktu mereka kecil atau setelah mereka meningkat dewasa. Perkara yang harus pun tidak akan berlaku kepada mereka kecuali di atas jalan untuk mengajar para-para sahabat seperti Nabi Muhammad S.A.W berlapar dan itu menunjukkan sifat rendah diri kepada Allah S.W.T.

⁸⁸ Seperti mereka sendiri yang melanggar perintah Allah S.W.T atau sebagainya.

⁸⁹ Seperti minum sambil berdiri kecuali di atas jalan hendak mendidik para sahabat baginda.

⁹⁰ surah al-Hasyr, 59 : 7

Penjelasan :

Dalil yang menunjukkan para rasul bersifat *siddiq*, *amanah* dan *tabligh* itu adalah seperti yang telah disebut di dalam al-Quran:

وَمَاءِنْكُمُ الرَّسُولُ فَخَدُودُهُ وَمَا نَهَكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya: ... dan apa jua suruhan yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka ambillah akan dia serta amalkan dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Iaitu ketika Allah S.W.T mengetahui dengan sifat benar, *amanah* dan *tabligh* yang ada pada para rasul itu maka Allah S.W.T memerintah kepada sekalian manusia dan jin supaya mengikuti mereka dengan segala apa yang dibawa oleh mereka. Maka apa yang diperintahkan oleh para rasul hendaklah dipatuhi dan segala yang dilarang hendaklah dijauhi.

(Bermula yang demikian itu menunjuk atas mustahil menyalahi ia daripada barang yang diketahui oleh Allah ta'ala akan dia, kerana mustahil bertukar ilmu Allah ta'ala itu akan *jahil*⁹¹ dan *lazim*⁹² daripadanya mustahil nabi kita itu dusta dan khianat dan menyembunyikan. Maka wajiblah ia bersifat dengan *sidqu* dan *amanah* dan *tabligh*).

Penjelasan :

⁹¹ جَاهِلٌ ertinya tidak mengetahui.(Karim, 2009 : 137).

⁹² لَازِمٌ ertinya pasti dan tidak dapat tidak.(Karim, 2009 : 722).

Para rasul sama sekali tidak menyalahi sifat-sifat mereka yang bersifat dengan benar, amanah dan menyampaikan wahyu seperti yang diketahui oleh Allah S.W.T. Ini kerana adalah mustahil sifat ilmu yang ada pada Allah S.W.T bertukar kepada *jahil*, iaitu Allah S.W.T tidak mengetahui dengan sebab jika para rasul tidak ada kepercayaan, bersifat khianat dan menyembunyikan segala arahan dan larangan daripada-Nya sedangkan mereka sepatutnya wajib bersifat benar, *amanah* dan menyampaikan wahyu daripada Allah S.W.T.

(Bermula sekelian rasul yang lain iaitu seumpama nabi kita jua. Dan adapun yang harus pada zat mereka itu ‘*alai al-Solatu wa al-Salam* yang wajib kita ketahui dengan *tafsilnya* itu iaitu satu sifat jua iaitu:

الأَعْرَاضُ الْبَشَرِيَّةُ الَّتِي لَا تُؤَدِّي إِلَى نَفْصٍ فِي مَرَاتِبِهِمُ الْعَلِيَّةِ كَالْمَرَضِ وَنَحْوِهِ

Ertinya iaitu segala perangai manusia yang tiada membawa kepada kekurangan pada martabat mereka itu yang tinggi seperti sakit yang sedikit dan yang seumpamanya. Lawannya wajib sekelian mereka itu berperangai dengan perangai yang tersebut itu atau mustahil iaitu mustahil).

Penjelasan :

Selain itu terdapat satu sifat yang harus bagi para rasul iaitu:

الأَعْرَاضُ الْبَشَرِيَّةُ الَّتِي لَا تُؤَدِّي إِلَى نَفْصٍ فِي مَرَاتِبِهِمُ الْعَلِيَّةِ كَالْمَرَضِ وَنَحْوِهِ

Maksudnya: Para rasul itu memiliki perangai seperti manusia biasa juga serta tidak menjatuhkan martabat mereka sebagai seorang rasul, seperti para rasul juga sakit tetapi sakit yang sedikit dan sebagainya. Sebaliknya sifat yang harus ini ialah, wajib para rasul bersifat dengan sifat manusia biasa atau wajib bagi para rasul itu juga ditimpa penyakit serta mustahil para rasul tidak menghadapi sesuatu penyakit.⁹³ Maka mustahil hukumnya jika para rasul tidak bersifat demikian.

(Adapun tanda harus perangai manusia bagi mereka itu, maka iaitu nyata dipandang jatuhnya dengan mereka itu ‘*alai al-Solatu wa al-Salam*’).

Penjelasan :

Tanda yang menunjukkan para rasul itu bersifat dengan sifat harus seperti perangai manusia biasa ialah para rasul berkahwin, bersih, rajin dan sebagainya. Ini semua jelas dilihat oleh semua manusia pada ketika itu.⁹⁴

(Maka inilah empat sifat iaitu tiga yang wajib dan satu yang harus dan lawannya empat pula. Maka jadilah delapan sifat, inilah yang masuk di dalam makna kata kita:

⁹³ Wajib pada hak para rasul itu berperangai dengan perangai manusia seperti makan, minum, dahaga dan lain-lainnya. Atau perkara yang mustahil, iaitu seperti dusta, khianat dan menyembunyikan sesuatu, maka perkara sedemikian ini mustahil berlaku bagi hak para rasul.

⁹⁴ Bagi para rasul juga berlaku pada diri mereka sakit, seperti demam atau batuk. Berkahwin dan berkeluarga seperti manusia biasa. Tetapi jika sifat yang boleh mengurangkan martabat mereka seperti pemalas, gigi mereka kuning dan badan berbau busuk, maka dengan sifat ini tidak sepatutnya ada pada diri mereka sebagai seorang rasul. Kerana akan dipandang negatif oleh manusia, jika rasul itu pemalas macam mana hendak menyampaikan dakwah. Jika gigi mereka kuning, manusia akan beranggapan mereka ini tidak mengutamakan kebersihan. Dan jika badan mereka berbau busuk, manusia akan beranggapan mereka ini juga tidak memperlihatkan yang indah di dalam beragama.

محمد رسول الله

(Dan jika dihimpun yang delapan ini dengan yang empat puluh dua dulu itu maka jadilah lima puluh sifat yang terkandung di dalam makna:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ

Demikianlah yang tersebut di dalam kitab *kifayah al-‘Awam. Wa Allahhu ‘Alam*).

Penjelasan :

Inilah empat sifat iaitu tiga yang wajib, *siddiq*, *amanah* dan *tabligh* serta yang harus satu,⁹⁵ serta lawannya⁹⁶ maka jadilah lapan sifat yang terkandung di dalam kalimah محمد رسول الله itu. Dan jika dihimpunkan dengan sifat dua puluh yang wajib pada Allah dan yang mustahil serta yang harus maka jadilah jumlah kesemuanya itu lima puluh sifat yang terkandung di dalam kalimah . لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ .

Kenyataan ini telah diperincikan dan diperbahaskan lebih dalam di dalam kitab *kifayah al-‘Awam*,⁹⁷ *Wa Allahhu ‘Alam*.

3.9 Penutup

⁹⁵ Berperangai dengan segala perangai manusia yang tidak membawa kepada kekurangan kepada martabat atau pangkat mereka itu yang tinggi.

⁹⁶ Mustahil para rasul itu dusta, khianat, menyembunyikan perintah Allah S.W.T dan mempunyai penyakit yang teruk atau gila yang boleh mengurangkan pangkat kenabian mereka.

⁹⁷ Bukti tersebut disokong oleh al-Syekh Ibrahim al-Bajuri di dalam kitab beliau *Hasyiah Tahqiq al-Maqam ‘Ala Kifayatul ‘Awam* bagi al-Syekh Muhammad bin al-Syafi’i al-Fudali al-Syafi’i.(Al-Fudali, 1949 : 14).

Bab akidah ini menyajikan fungsi dan peranan akidah serta implikasinya dalam bentuk amalan. Akidah merupakan syarat mutlak tercapainya penghambaan diri serta mengiktirafkan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T.

Tuan Husein Kedah memberikan gambaran tentang pentingnya usaha mengembangkan akidah Islam yang hak ini supaya diperolehi buah iman yang dimanifestasikan dalam bentuk amalan.

Untuk ini pengarang menyajikan pelbagai ulasan yang dapat menarik para pembaca tarpaut untuk mengikuti karya Tuan Husein Kedah yang mudah difahami setelah *ditahqiq* kitab Hidayah al-Sibyan ini serta diubah suai kepada bahasa yang mudah difahami. Huraian yang telah dibicarakan oleh Tuan Husein Kedah itu didasari kepada nas-nas al-Quran dan Hadis Rasulullah S.A.W. Sifat-sifat Allah S.W.T dan sifat para rasul A.S satu demi satu dikupas dengan terang dan jelas.

BAB EMPAT

TAHQIQ DAN TRANSLITERASI

(IBADAH)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kitab al-Solat

(كِتَابُ الصَّلَاةِ)

4.1 Bahagian ibadah, bab sembahyang

(Ini satu kitab pada menyatakan hukum sembahyang. Bermula makna sembahyang pada syarak iaitu:

أَفَوَالُ وَأَفْعَالُ مُفْتَحَةٌ بِالْتَّكْبِيرِ وَمُخْتَمَةٌ بِالسَّلَامِ يُشَرِّأْتُ مَخْصُوصَةٍ

Ertinya beberapa perkataan dan beberapa perbuatan yang dimula akan dia dengan takbiratulihram dan disudahi akan dia dengan salam dengan beberapa syarat yang tertentu).

Penjelasan :

Sembahyang pada pengertian syarak ditakrifkan sebagai beberapa perkataan dan beberapa perbuatan yang dimulakan dengan takbiratulihram dan disudahi dengan memberi salam dengan memenuhi beberapa syarat-syarat yang tertentu.⁹⁸

4.2 Syarat wajib sembahyang

⁹⁸ Sembahyang dari segi bahasanya ialah doa di atas kebaikan.(Al-Bugha,1996, jilid 1: 99). Ini terbukti dalam firman Allah S.W.T yang berbunyi : وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكُمْ سَكُنٌ لَّهُمْ : Ertinya, dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doa kamu itu menjadi ketenangan dan ketenteraman bagi mereka.(Al-Taubah, 9: 103).

(Bermula syarat wajib sembahyang itu lima perkara:

1. Pertamanya Islam
2. Keduanya ‘*akil*
3. Ketiganya baligh
4. Keempatnya suci daripada haid dan nifas
5. Kelimanya masuk waktu)

Penjelasan :

Syarat wajib sembahyang itu terdiri daripada enam perkara berikut:

1. Islam, tidak wajib ke atas orang yang kafir.⁹⁹
2. Orang yang berakal. Tidak wajib pada orang yang gila.
3. Orang yang baligh. Tidak wajib bagi kanak-kanak yang belum baligh.
4. Suci daripada haid dan nifas. Tidak wajib bagi perempuan yang kedatangan haid atau nifas. Bahkan juga tidak wajib qada.
5. Masuknya waktu sembahyang.¹⁰⁰

4.3 Syarat sah sembahyang

Bermula syarat sahnya itu sembilan perkara:

1. Pertamanya Islam
2. Keduanya ‘*akil*

⁹⁹ Mereka wajib diseksa oleh Allah S.W.T di akhirat nanti. Dalil yang menunjukkan mereka akan diseksa oleh Allah S.W.T seperti firman-Nya yang berbunyi “setelah melihat orang-orang yang bersalah itu mereka pun berkata (orang-orang yang baik), apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka? Maka orang-orang yang kafir itu menjawab kami tidak termasuk di dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang” (Surah al-Muddassir, 42-43 : 74).

¹⁰⁰ Bagi setiap sembahyang fardu yang telah ditentukan.(Al-Bugha, jilid 1, 1996 : 112).

3. Ketiganya suci daripada hadas kecil dan hadas besar
4. Keempatnya suci badannya dan pakaianya dan tempat sembahyangnya daripada najis yang tiada dimaaf akan dia.
5. Kelimanya masuk waktu
6. Keenamnya mengadap kiblat, ‘ain kaabah¹⁰¹
7. Ketujuhnya menutup aurat
8. Kelapannya mengetahui akan kaifiat sembahyangnya
9. Kesembilannya menjauhi daripada barang yang membatal akan dia).

Penjelasan :

Syarat sah sembahyang itu pula ada sembilan perkara:

1. Orang itu hendaklah orang yang beragama Islam. Tidak sah sembahyang orang yang kafir.
2. Orang yang berakal. Maka tidak sah sembahyang bagi orang yang gila.
3. Suci daripada hadas besar dan hadas kecil. Bagi orang yang ada hadas besar atau kecil maka tidak sah sembahyangnya.
4. Suci pakaian, tubuh badan dan tempat ketika hendak menunaikan sembahyang. Maka, tidak sah sembahyang seseorang itu jika pakaianya bernajis, tubuh badannya terkena najis dan tempat sembahyangnya ada najis yang boleh membawa kepada terbatalnya sembahyang yang dilakukannya.
5. Masuk waktu sembahyang. Maka tidak sah sembahyang yang dilakukan sebelum masuk waktunya.

¹⁰¹ عَيْنُ كَعْبَةٍ (‘Ain kaabah) iaitu diri atau kaabah itu sendiri.(Mohd Khairi, 2008 : 1399).

6. Menghadap kiblat. Sekiranya seseorang itu berjauhan daripada *ain Kaabah*, maka dia hendaklah yakin dengan dalil *zanniah* (dalil yang dirasanya betul) sekiranya tidak terdapat bukti yang boleh dipercayai seperti menggunakan kompas atau sebagainya. Dan jika seseorang itu duduk berdekatan dengan Kaabah maka wajib dia menghadap *ain Kaabah* dengan yakin.
7. Menutup aurat.¹⁰²
8. Mengetahui kaifiat sembahyang (cara melakukan sembahyang dengan sempurna, sunat *ab'ad* dan sunat *haiah*, dan perkara-perkara yang boleh membatalkan sembahyang dan sebagainya).
9. Menjauhi perkara-perkara yang boleh menyebabkan terbatalnya sembahyang seperti bercakap dengan sengaja dan melakukan tiga pergerakan di dalam sembahyang atau lebih serta pergerakan itu secara berturut-turut.

4.4 Hadas kecil dan fardu wuduk

4.4.1 Sebab hadas kecil

(*Faslun*¹⁰³ Bermula sebab hadas kecil itu empat perkara, iaitulah yang membatalkan akan air sembahyang:

1. Pertamanya keluar sesuatu daripada salah sesuatu daripada dua jalan. *Qubul*¹⁰⁴ atau *dubur*¹⁰⁵, yang lain daripada *mani*¹⁰⁶ dirinya yang mula-mulanya keluarnya.

¹⁰² Bagi lelaki auratnya di antara pusat dan lutut, manakala perempuan pula seluruh anggotanya melainkan muka dan dua tapak tangannya. Tidak sah sembahyang seseorang itu yang memakai pakaian yang nipis kerana nampak warna kulitnya, jika demikian maka batallah sembahyangnya.(Al-Kurdi, 1995 : 146).

¹⁰³ فصل dengan makna قسم maknanya bahagian. Iaitu bahagian hadas kecil dan fardu wuduk.(Mohd Khairi, 2008 : 1284).

2. Keduanya bersentuh dua kulit laki-laki dan perempuan yang harus berkahwin antara keduanya yang sampai keduanya pada umur yang diingin akan dia.
3. Ketiganya menyentuh *zakar*¹⁰⁷ atau *faraj*¹⁰⁸ atau *halqah dubur*¹⁰⁹ anak adam dengan tapak tangan dengan tiada berlapik.
4. Keempatnya hilang ‘aqal dengan sebab gila atau mabuk atau pitam atau tidur yang tiada tetap pada tempat kedudukannya).

Penjelasan :

Hadas kecil yang boleh membatalkan air sembahyang berlaku atas sebab-sebab seperti yang berikut:

1. Keluar sesuatu daripada kemaluan lelaki atau perempuan sama ada melalui kemaluan hadapan ataupun kemaluan belakang melainkan air mani. Jika keluar air mani yang mula-mula keluar dari kemaluan seseorang, ini tidak membatalkan wuduknya. Namun jika air mani yang terkeluar itu ditahan tetapi kemudian terkeluar juga setelah ditahan mani tersebut, maka batallah wuduknya.¹¹⁰
2. Bersentuh kulit lelaki dengan perempuan yang harus berkahwin, iaitu yang sah bagi mereka berkahwin sengaja atau tidak maka batallah wuduk orang yang menyentuh dan yang kena sentuh.

¹⁰⁴ فَيْضٌ دِيرْ نَفِيْضٌ dengan makna kemaluan yang di bahagian hadapan.(Mohd Khairi, 2008 : 1320).

¹⁰⁵ بَذْرٌ iaitu belakang, punggung dan lubang punggung.(Mohd Khairi, 2008 : 794).

¹⁰⁶ مَنِيْ iaitu air mani yang keluar daripada lelaki.(Karim, 2009 : 785).

¹⁰⁷ ذَكْرٌ iaitu kemaluan lelaki.(Mohd Khairi, 2008 : 840).

¹⁰⁸ فَرْجٌ iaitu lubang kencing perempuan.(Karim, 2009 : 595).

¹⁰⁹ حَلْقَةٌ دِيرْ حلقة دير iaitu bulatan dubur.(Ibrahim, 1995 : 168).

¹¹⁰ Air mani bukan najis, tetapi jika air mani itu bercampur dengan air mazi maka hukumnya najis.

3. Menyentuh kemaluan (zakar atau faraj atau di persekitaran yang hampir dengan dubur) anak Adam lelaki atau perempuan dengan tapak tangan yang tidak berlapik.¹¹¹
4. Hilang akal sama ada atas sebab gila, mabuk, pitam atau tidur dengan tidak tetap tempat duduknya.

4.4.2 Fardu wuduk

(Bermula suci daripada hadas kecil itu dengan mengambil wuduk. Bermula fardu wuduk itu enam perkara:

1. Pertamanya *niat*¹¹² dengan hati diserta akan dia dengan membasuh satu *juzuk*¹¹³ daripada mukanya. Dan sunat lafaz akan dia dengan lidah iaitu:

نَوَيْتُ رَفِعَ الْحَدَثَ الْأَصْغَرَ

Ertinya sahaja aku mengankat akan *hadas* yang kecil atau:

نَوَيْتُ الْوُضُوءَ

Ertinya sahaja aku mengambil *wuduk* atau:

نَوَيْتُ فَرْضَ الْوُضُوءَ

¹¹¹ Maka terbatallah wuduk orang yang menyentuh tidak batal wuduk orang yang kena sentuh selama mana tidak berlainan jantina. Jika berlainan jantina seperti lelaki menyentuh kemaluan perempuan maka batal wuduk kedua-duanya sekali.(Al-Kurdi, 1995 : 131). Adapun menyentuh kemaluan haiwan dengan tidak berlapik sama ada pada zakar, faraj atau di persekitaran yang hampir dengan dubur maka tidak membantalkan wuduk.

¹¹² نِيَّةٌ iaitu menyatakan maksud atau kehendak. Tampat niat di dalam hati. Adapun yang diucapkan oleh mulut itu dinamakan lafaz.

¹¹³ Satu juzuk iaitu sebahagian daripada muka.

Ertinya sahaja aku mendatang akan fardu wuduk.

2. Keduanya membasuh mukanya. Bermula *had*¹¹⁴ panjangnya daripada tempat tumbuh rambut kepalanya hingga dua tulang dagunya dan pada lebarnya barang yang antara dua telinganya. Dan wajib basuh barang yang ada atas mukanya daripada bulu dan kulit dan daging yang tumbuh padanya seperti ketuat.¹¹⁵
3. Ketiganya membasuh dua tangannya hingga siku keduanya. Maka wajib basuh barang yang ada atas keduanya daripada segala bulu-bulu jikalau lebat sekalipun. Dan kulit dan daging yang tumbuh-tumbuh atas keduanya.
4. Keempatnya menyapu sedikit daripada kulit kepalanya atau rambut yang ada ia di dalam had kepalanya.
5. Kelimanya membasuh dua kakinya hingga dua mata kaki keduanya. Maka wajib basuh barang yang ada atas keduanya daripada bulu dan daging yang tumbuh dan wajib menyampai akan air pada segala pecah-pecah dan kelepek-kelepek¹¹⁶ yang ada pada keduanya.
6. Keenam *tartib*¹¹⁷ seperti aturan yang tersebut itu).

Penjelasan :

Fardu wuduk ada enam perkara:

¹¹⁴ ﴿ ﻫـ ﴾ ertinya sempadan, batas atau perenggan.(Ibrahim, 1995 : 139).

¹¹⁵ Ketuat iaitu biji atau bintil daging yang kecil dan keras yang terdapat pada anggota atau tubuh badan manusia.(Noresah, 2007 : 778).

¹¹⁶ Iaitu tumit kaki yang merekah.

¹¹⁷ ترتیب iaitu mengikut susunan daripada bermula dengan niat, membasuh muka, membasuh dua tangan, menyapu sedikit daripada kulit kepala dan membasuh dua kaki.

1. Niat ketika membasuh sebahagian anggota muka. Niat itu hendaklah dilakukan dalam hati, namun lafaz niat itu hanya sunat sahaja. Seseorang yang hendak berwuduk hendaklah berniat serentak dengan membasuh muka. Adalah tidak sah niat jika seseorang berwuduk dahulu, kemudian baru membasuh muka, dan sebaliknya. Lafaz niat adalah seperti berikut:

نویت رفع الحدث الأصغر

Ertinya: Sahaja aku mengangkat hadas kecil.

atau:

نویت الوضوء

Ertinya: Sahaja aku mengambil wuduk.

atau:

نویت فرض الوضوء

Ertinya: Sahaja aku mengambil fardu wuduk.

2. Membasuh muka yang bermula daripada mula tumbuh rambut hingga ke dagu. Lebarnya pula adalah daripada isi anak telinga kanan hingga ke kiri. Semua yang terdapat di muka seperti ketuat, isi yang tumbuh di muka dan bulu atau sebagainya wajib dibasuh.
3. Membasuh kedua-dua tangan hingga ke siku. Setiap benda yang terdapat di kedua-dua belah tangan seperti bulu yang lebat, kulit atau daging yang tumbuh di tangan wajib juga dibasuh.

4. Menyapu sedikit daripada kulit kepala atau rambut yang berada di dalam had kepala. Tidak sah menyapu rambut yang ada di luar had kepala seperti menyapu rambut yang panjang di bahagian leher.
5. Membasuh kedua-dua belah kaki hingga ke buku lali. Maka wajib juga dibasuh setiap benda yang terdapat di kedua-dua belah kaki seperti bulu yang lebat, atau daging yang tumbuh di kaki serta wajib juga menyampaikan air ke kulit kaki yang pecah akibat perubahan cuaca.
6. Tertib dengan mengikut aturan yang telah ditetapkan oleh syarak.¹¹⁸

4.5 Hadas besar dan fardu mandi

4.5.1 Perkara-perkara yang mewajibkan seseorang itu mandi

(فصل) Bermula suci daripada hadas besar iaitu dengan mandi. (Bermula) sebab yang mewajib akan mandi itu enam perkara:

1. Pertamanya mati.
2. Keduanya sebab keluar *mani*.
3. Ketiganya sebab *jima*¹¹⁹, jikalau tiada keluar mani sekalipun.¹²⁰
4. Keempatnya suci daripada haid.¹²¹
5. Kelimanya suci daripada *nifas*.¹²²

¹¹⁸ Melakukan niat serentak dengan membasuh muka, kemudian membasuh kedua belah tangan, menyapu sedikit daripada kepala, membasuh kedua belah kaki dan akhir sekali mengikut tertib (Al-Damsyiqi al- Syafi'i, 1992 : 22-26).

¹¹⁹ جماع iaitu menyebuhu isteri.(Ibnu Manzur, 2005, jilid 3-4 : 198).

¹²⁰ Apabila bertemu kemaluan suami dan isteri walaupun tidak keluar air mani sekalipun maka wajib mengangkat hadas besar bagi kedua-dua pasangan suami isteri tersebut.

¹²¹ حائض iaitu yang datang darah pada setiap bulan, atau perempuan yang keluar darah haid.(Ibnu Manzur, 2005, jilid 3-4 : 271).

¹²² نفاس iaitu darah yang keluar mengiringi anak sewaktu dilahirkan.(Ibnu Manzur, 2005, jilid 13-14 : 322).

6. Keenamnya *wiladah*¹²³, iaitu beranak. Jika beserta dengan basah *wajib* mandi dengan ijma' *ulama*¹²⁴. Dan jika tiada maka *wajib* ia atas *qaul*¹²⁵ yang *asah*¹²⁶nya).

Penjelasan :

Untuk suci daripada hadas besar adalah dengan mandi, iaitu meratakan air ke seluruh badan. Antara sebab yang mewajibkan seseorang itu mandi adalah seperti berikut:

1. Mati. Bagi orang Islam, wajib dimandikan apabila mereka telah mati, kecuali mereka yang mati dalam perang demi menegakkan agama Allah S.W.T. Jika mereka dimandikan juga hukumnya haram.
2. Keluar air mani. Jika seorang lelaki atau perempuan yang keluar maninya dengan sengaja atau tidak, hukumnya mereka wajib mandi.
3. Melakukan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan walaupun tidak keluar air mani sekalipun.
4. Datang darah haid. Jika seseorang perempuan yang datang haidnya , maka wajib dia mandi dengan niat mandi hadas besar, iaitu setelah kering darahnya.

¹²³ وَلَدٌ iaitu beranak, bersalin dan keluar anak.(Al-Marbawi, 1354H : 397).

¹²⁴ إِجْمَاعُ عُلَمَاءٍ iaitu permufakatan para ulama atau suara majoriti kebanyakan ulama.(Ibnu Manzur, 2005, Jilid 3-4 : 198).

¹²⁵ قُوْلٌ iaitu satu pandangan daripada ulama.(Ibnu Manzur, 2005, Jilid 11-12 :221).

¹²⁶ الْأَصْحَاحُ ini suatu istilah daripada imam al-Syafi'i. Diamana ^{الْأَصْحَاحُ} ini bermaksud dua pendapat atau satu pendapat yang berbeza dikalangan ulama-ulama al-Syafi'iyyah di dalam sesuatu masalah. Masalah yang berlaku ini mereka berpandukan kepada asal masalah yang disebutkan oleh Imam Syafi'i. Kemudian mereka mengeluarkan sesuatu hukum itu berpandukan kepada kaedah-kaedah yang telah diputuskan oleh Imam Syafi'i. Perselisihan pendapat ini di dalam sesuatu masalah amat ketara di kalangan mereka ulama-ulama Syafi'i. Apabila berlaku sesuatu masalah seperti, wajid dipasang niat di dalam hati dan tidak dikira niat jika hanya dilafazkan niat mengeluarkan zakat mengikut qaul yang asah. Maka disebutkan sebagai qaul yang asah kerana perselisihan di kalangan pengikut-pengiku Syafi'i itu sangat ketara.(Al-Zuhaili, 2006, jilid 1 : 79).

5. Datang darah nifas. Seorang perempuan yang setelah bersalin, jika datang darah mengiringi anak setelah bersalin maka dinamakan darah itu darah nifas, maka wajib juga mandi.
6. *Wiladah*,¹²⁷ iaitu seseorang perempuan yang bersalin atau melahirkan anak. Jika ketika bersalin dan anak yang keluar itu dalam keadaan basah, maka mandi hadas besar adalah wajib. Begitulah juga sebaliknya, iaitu jika waktu melahirkan anak dan anak itu dalam keadaan kering, mengikut qaul yang asah, juga dikehendaki mandi hadas besar.

4.5.2 Datang darah haid

(شہدان)¹²⁸ Bermula makna haid iaitu darah yang beradat oleh perempuan yang sampai umurnya sembilan tahun. Sekurang-kurang masanya sehari semalam, iaitu dua puluh empat jam. Dan sebanyak-banyaknya lima belas hari dengan malamnya. Bermula kebanyakan perempuan haid ia lima hari atau enam hari atau tujuh hari dengan malamnya. Bermula sekurang-kurang suci antara dua haid itu lima belas hari).

Penjelasan :

Haid ialah darah yang keluar bagi perempuan yang cukup umur atau *balighah*. Darah ini keluar sebulan sekali bagi perempuan yang telah berumur sembilan tahun.

¹²⁷ Mandi *wiladah*, iaitu mandi kerana selesai bersalin atau disebabkan beranak. Jika anak itu keluar iaitu ketika keluar ia dari perut ibunya keadaannya basah maka wajib ibu tadi mandi hadas besar. Jika anak itu keluar keadaannya kering iaitu tidak basah maka pada qaul yang asah ibu tadi wajib mandi hadas besar juga. Manakala qaul yang *muqabil asahnya* (iaitu satu pendapat yang daif) menyatakan tidak wajib mandi hadas besar (Zakaria, 1988 : 79).

¹²⁸ Syahadan, iaitu kata biasa yang dipakai pada permulaan cerita atau bab.(Noresah, 2007 : 1557).

Sekurang-kurang masa darah haid ini ialah sehari semalam manakala tempoh paling lama darah haid itu keluar ialah 15 hari 15 malam.¹²⁹

4.5.3 Datang darah nifas

(Bermula makna nifas iaitu darah yang keluar ia kemudian daripada beranak. (Sekurang-kurangnya) satu *lahzah* iaitu masa yang amat sedikit¹³⁰. (Dan) sebanyak-banyaknya enam puluh hari dengan malamnya. (Dan) yang *ghalib*¹³¹nya perempuan itu nifas ia tiga puluh hari atau empat puluh hari dengan malamnya).

Penjelasan :

Darah nifas ialah darah yang keluar selepas bersalin. Masa yang paling singkat darah nifas ini keluar ialah dalam tempoh sekelip mata sahaja manakala tempoh yang paling lama yang ditentukan oleh syarak ialah 60 hari dan 60 malam. Kebiasaannya perempuan didatangi darah nifas selama 30 hari dan 30 malam atau 40 hari 40 malam.¹³² Jika selepas bersalin keluar darah nifas dan kemudian kering, maka perempuan itu boleh melakukan mandi hadas besar.

¹²⁹ Kebanyakan perempuan yang datang haid dewasa ini lima, enam atau tujuh hari serta malamnya. Perempuan itu boleh mandi hadas besar sekiranya darah itu masih keluar sehingga hari yang keenam belas. Kerana darah itu bukan darah haid tetapi darah *istihadah*. Jika darah itu keluar sampai hari kelima kemudian berhenti dua hari, selepas itu datang kembali, maka darah itu dikatakan darah haid lagi kerana darah haid paling lama lima belas hari lima belas malam (Al-Banjari, 1343H, Jilid 1: 130).

¹³⁰ لحظة iaitu sekelip mata. Bukan sesaat atau sebaginya.(Ibnu Manzur, 2005 : Jilid 13-14 : 178).

¹³¹ غالباً iaitu kebiasaannya atau yang kerap kali.(Ibnu Manzur, 2005, jilid 11-12 : 69).

¹³² Kenyataan ini terdapat dalam kitab *Bughyah al-Tullab* karangan Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, 1343H, jilid 1 : 131.

(Bermula darah yang keluar ia kurang daripada masa sekurang-kurang haid atau lebih daripada masa sebanyak-banyaknya, atau darah yang lebih daripada masa sebanyak-banyak nifas, iaitu darah *istihadah*¹³⁴ namanya, bukan ia darah haid dan nifas).

Penjelasan :

Darah yang keluar kurang daripada sehari semalam atau melebihi 15 hari 15 malam daripada darah haid dikenali sebagai darah *istihadah*. Begitu juga darah yang keluar melebihi 60 hari 60 malam daripada bilangan darah nifas.

تَبِيَّهٌ¹³⁵ (تبیه) Bermula darah yang putus-putus masa keluarnya di dalam masa di dalam nifas, iaitu enam puluh hari kemudian daripada beranak, jika tiada sampai masa putus antara dua darah itu lima belas hari, maka iaitu nifas sekeliannya). (Bersalahans jika sampai masa putus antara keduanya itu lima belas hari atau lebih, maka darah yang kedua itu haid bukan nifas. Dan demikian lagi darah yang keluar ia kemudian daripada masa sebanyak-banyak nifas, jika menyelagi antara sebanyak-banyak nifas dan darah itu oleh suci, jikalau tiada sampai ia lima belas hari sekalipun, maka iaitu darah haid juga). Dan demikian lagi segala darah yang putus-putus di dalam masa haid atas barang apa warna ada ia, maka iaitu haid sekeliannya).

Penjelasan :

¹³⁴ استحاضةٌ iaitu darah penyakit yang keluar selepas daripada 15 hari daripada masa-masa darah haid keluar.(Ibnu Manzur, 2005 : Jilid 3-4 : 289).

¹³⁵ تَبِيَّهٌ أَيْ تَبِيَّهٌ لِمَنْ غُفِلَ iaitu ini suatu peringatan bagi orang yang telah lupa.(Mohd Khairi, 2005 :1812).

Darah yang terhenti-terhenti dalam masa nifas setelah beranak itu boleh dikategorikan seperti berikut:

1. Selepas beranak, darah yang keluar dikenali dengan darah nifas . Namun jika selepas beranak darah itu datang, kemudian selepas tujuh hari atau lapan hari darah itu pun berhenti dan datang semula, maka darah itu dinamakannya darah nifas dengan syarat terhentinya itu atau terputus-putus darah itu tidak melebihi 15 hari.
2. Jika selepas beranak darah datang selama lima hari, kemudian berhenti selama 15 hari atau lebih dan darah itu datang semula, darah itu dinamakan darah haid walaupun dalam masa selepas beranak. Syaratnya ialah terhenti atau terputusnya keluaran darah itu melebihi 15 hari.
3. Jika darah itu datang selepas 60 hari, maka darah itu bukan darah nifas lagi. Darah itu sudah dikira darah haid kerana sudah melebihi had paling lama datangnya darah nifas iaitu enam puluh hari.
4. Darah yang datang dalam masa haid jika terputus-putus datangnya walau apa pun jenis warna darah yang datang itu, maka darah itu juga dinamakan dengan darah haid.

4.6 Fardu mandi

(شهдан) bermula fardu mandi itu dua perkara :

1. Pertamanya niat mengangkat akan hadas yang ada ia padanya daripada segala hadas yang tersebut dahulu itu. Atau niat mandi daripadanya. Dan sunat dilafaz akan dia dengan lidah seperti katanya :

نَوَيْتُ رَفِعَ الْحَدَثِ الْجَنَابَةِ أَوِ الْحَيْضِ أَوِ النَّفَاسِ

Ertinya, sahaja aku mengangkat akan hadas *janabah* atau hadas haid atau hadas nifas atau :

نَوَيْتُ الْعُسْلَ عَنِ الْجَنَابَةِ وَالْحَيْضِ أَوِ النَّفَاسِ

Ertinya, sahaja aku mandi daripada *janabah* atau daripada haid atau daripada nifas atau:

نَوَيْتُ رَفِعَ الْحَدَثِ الْأَكْبَرِ

Ertinya sahaja aku mengangkat akan hadas yang besar atau :

نَوَيْتُ الْعُسْلَ الْوَاجِبَ

Ertinya sahaja aku mandi yang wajib maka wajib disertakan niat yang tersebut itu dengan membasuh satu suku daripada badannya.

2. Kedunya merata akan air pada sekelian zahir badannya. Bermula barang yang zahir pada *dubur*¹³⁶ seorang dan pada *faraj*¹³⁷ perempuan pada ketika

¹³⁶ دُبُرٌ iaitu punggung atau lubang punggung.(Mohd Khairi, 2005 :794).

¹³⁷ فَرْجٌ iaitu lubang keluar air kencing bagi orang perempuan.(Mohd Khairi, 2005 :1271).

duduknya bagi *qada hajat*¹³⁸. Iaitu daripada zahir badan jua. Dan demikian lagi barang yang di bawah kulit kulup¹³⁹, maka wajib menyampai akan air sekeliannya itu).

Penjelasan :

Bermula fardu mandi itu ada dua:

1. Niat, Orang yang berjunub wajib berniat mengangkat iaitu menghilangkan najis yang ada pada anggota tubuh badan. Lafaz niat di dalam hati seperti:

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْجَنَابَةِ أَوِ الْحَيْضُ أَوِ النِّفَاسُ

Ertinya: Sahaja aku mengangkat *hadas janabah* atau hadas haid atau hadas nifas, atau:

نَوَيْتُ الْغُسْلَ عَنِ الْجَنَابَةِ وَالْحَيْضِ أَوِ النِّفَاسِ

Ertinya: Sahaja aku mandi daripada *janabah* atau daripada haid atau daripada nifas, atau:

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْأَكْبَرِ

Ertinya: Sahaja aku mengangkat hadas yang besar, atau:

¹³⁸ قضى الحاجة iaitu pergi buang air besar.(Al-Marbawi, 1354H : 139).

¹³⁹ Kulup iaitu kulit pada hujung kemaluan lelaki yang dibuang ketika berkhatan.(Noresah, 2007 : 846).

Ertinya: Sahaja aku mandi yang wajib.

Adalah sunat niat tersebut dilafazkan dengan lidah dan niat itu wajib dilakukan ketika air meratai satu suku daripada badan seseorang itu.¹⁴⁰

2. Menyampaikan air kepada segala yang zahir seperti bulu, rambut dan kulit tanpa tertinggal seurat bulu rambut pun. Anggota zahir termasuk juga seperti permulaan lubang hidung, permulaan lubang telinga, kemaluan perempuan, kulit kemaluan lelaki yang belum berkhatan dan dubur lelaki serta perempuan, maka air wajib disampaikan pada tempat-tempat yang tersebut itu.

4.7 Wuduk, mandi dan tayammum

4.7.1 Syarat wuduk dan mandi

(فصل) Bermula segala syarat wuduk dan mandi itu dua belas perkara :

1. Pertamanya Islam.
2. Keduanya *mumayyiz*¹⁴¹.
3. Ketiganya mengetahui akan *kaifiyat*¹⁴² kedunya.

¹⁴⁰ Jika sekiranya seseorang itu membasuh tangannya kemudian disertakan niat mengangkat hadas besar, maka memadai dengan niat tersebut ketika dia membasuh tangannya. Maka pada ketika itu sudah dikira mengangkat hadas besar. Seterusnya air tadi hendaklah diratakan ke seluruh anggota badannya.

¹⁴¹ مُمْيَّزٌ iaitu yang boleh membezakan antara yang baik dan yang buruk, yang cerdik dan yang tahu rasa. (Mohd Khairi, 2005 :1792).

¹⁴² كَيْفِيَّةٌ iaitu mengetahui cara mandi dan wuduk.(Al-Marbawi, 1354H : 203).

4. Keempatnya dengan air yang *mutlak*.
5. Kelimanya mengetahui akan keadaan air itu *mutlak*.
6. Keenamnya ketiadaan sesuatu yang menegah akan sampai air kepada anggota keduanya.
7. Ketujuhnya hendak mengalir air atas anggota yang dibasuh akan dia.
8. Kelapannya ketiadaan sesuatu yang *menafi*¹⁴³ ia akan *wuduk* dan mandi. Iaitu haid dan nifas.
9. Kesembilannya ketiadaan mempaling akan *niat* bagi yang lain daripada keduanya. Seperti niat *tabarrud*¹⁴⁴ semata-mata.
10. Kesepuluhnya bahawa melebih akan basuh daripada kadar yang wajibnya kerana hendak merata akan basuhnya.
11. Kesebelasnya bahawa *tahqiq*¹⁴⁵ ia akan sesuatu yang menghendaki ia bagi *wuduk* dan mandi.
12. Keduabelasnya bahawa membasuh ia akan anggota yang bertambah yang menyerupai ia dengan yang asalnya).

Penjelasan :

Terdapat 12 perkara dalam syarat *wuduk* dan mandi:

1. Orang Islam. Tidak sah *wuduk* dan mandi mengangkat hadas besar bagi orang yang kafir.
2. *Mumaiyyiz*. Tidak sah selain orang *mumaiyyiz*.

¹⁴³ نَفْيٌ iaitu yang boleh melarang atau mencegah daripada berwuduk dan mandi hadas besar. Seperti orang yang datang haid dan nifas, maka perempuan-perempuan seperti ini tidak boleh berwuduk dan mandi hadas besar selagi tidak berhenti darah tersebut.(Mohd Khairi, 2005 :1854)

¹⁴⁴ تَبَرُّدٌ iaitu dengan niat hendak bersejuk-sejuk, bukan niat hendak mengambil *wuduk*.(Mohd Khairi, 2005 :1333).

¹⁴⁵ تَحْقِيقٌ iaitu tahu dengan sebenar-benarnya.(Mohd Khairi, 2005 :708).

3. Mengetahui cara-cara hendak berwuduk dan mandi yang wajib.
4. Air yang digunakan hendaklah air yang mutlak. Tidak sah air selain air yang mutlak.¹⁴⁶
5. Mengetahui keadaan air itu ialah air yang mutlak.
6. Tidak ada anggota yang boleh menghalang daripada air sampai kepada anggota yang wajib dibasuh.
7. Air hendaklah mengalir pada anggota yang dibasuh. Tidak sah wuduk dengan menggunakan tisu basah.
8. Tidak ada sesuatu yang boleh menghalang seseorang itu daripada berwuduk dan mandi wajib seperti perempuan yang kedatangan haid dan ada darah nifas.
9. Niat semata-mata hendak mandi wajib atau berwuduk. Tidak boleh mengubah niat ketika niat mandi wajib kepada mandi untuk menyegarkan badan.
10. Melebihkan basuhan pada anggota wuduk yang wajib dengan tujuan hendak meratakan air ketika membasuh anggota wuduk.¹⁴⁷
11. Memastikan setiap anggota wuduk yang hendak dibasuh dengan sebenarnya dan anggota tubuh badan yang wajib disampaikan air ketika seseorang itu mandi wajib.
12. Wajib ia membasuh setiap anggota wuduk yang lebih seperti jari tangan atau kaki (jika ada lebih daripada lima).¹⁴⁸

¹⁴⁶ Air mutlak iaitu air yang suci pada dirinya dan lagi boleh menyucikan bagi yang lain. Air yang benar-benar tulen yang tidak bercampur dengan benda-benda lain seperti air sungai, laut, salji air telaga dan lain-lainnya. Maka air seperti air tebu, air kelapa dan seumpamanya tidak dikira air mutlak (Al-Kurdi, 1995: 118).

¹⁴⁷ Iaitu hendaklah dilebihkan kadar had tangan dan kaki ketika berwuduk kerana perlu dipastikan air itu meratai atau sampai ke seluruh anggota yang dibasuh.

4.7.2 Wuduk orang yang *darurah*¹⁴⁹

(Dan ditambah bagi wuduk orang yang mempunyai *darurah* tiga syarat pula :

1. Pertamanya mendahului akan *istinjak*¹⁵⁰ dan *tahaffuz*¹⁵¹ atas wuduk.
2. Keduanya wajib *muwalat*¹⁵² antara *istinjak* dan *tahaffuz* dan antara *tahaffuz* dan wuduk dan antara wuduk dan sembahyang.
3. Ketiganya diperbuat sekelian itu kemudian daripada masuk waktu sembahyang).

Penjelasan

Mereka yang mempunyai masalah¹⁵³ seperti sentiasa berada dalam keadaan berhadas perlu memenuhi tiga syarat lagi seperti yang berikut¹⁵⁴:

¹⁴⁸ Syarat jari tangan atau kaki itu yang boleh digunakan di dalam hal-hal pekerjaan seharian. Sekiranya jari tangan atau kaki itu tidak boleh digunakan sama sekali seperti untuk memegang sesuatu, jari tersebut tidak dapat berfungsi, maka tidaklah wajib membasuh jari yang bertambah itu.

¹⁴⁹ ضرورةً iaitu ketika terdesak atau saat kecemasan.(Mohd Khairi, 2008 : 1101).

¹⁵⁰ الاستنجاء Iaitu menghilang akan ‘ain najis air kencing atau tahi daripada tempat keluarnya dengan air mutlak atau dengan tiga ketul batu dan seumpamanya daripada tiap-tiap yang suci dan yang keras atau yang kesat.

¹⁵¹ تحفظ iaitu berhati-hati atau berjaga-jaga.(Mohd Khairi, 2005 :706).

¹⁵² مُوالَةً Iaitu berturut-turut.(Ibnu Manzur, 2005 : jilid 15-16 : 282).

¹⁵³ Bagi orang yang mempunyai masalah seperti orang yang sentiasa berada di dalam berhadas, bagi mereka ini perlu tambah tiga syarat lagi. Ada hukum-hukum yang tertentu ke atas mereka. Dalam kitab *Iqna’* disebut sebagai صاحب الضرورة iaitu orang yang sentiasa di dalam berhadas. Boleh jadi dengan kencing yang tidak lawas atau perempuan yang *istihadah*, iaitu darah penyakit bukan di dalam kategori darah haid.(Muhammad Bakar, 1994 :119).

¹⁵⁴ Seseorang yang mempunyai masalah seperti mereka yang sentiasa berada dalam berhadas maka mereka ini hendaklah terlebih dahulu beristinjak (basuh) menghilang ‘ain najis seperti air kencing atau tahi daripada tempat keluarnya dengan air mutlak atau dengan tiga ketul batu dan seumpamanya. Kemudian selepas beristinjak seseorang itu hendaklah melakukan pula membalut atau menyumbat kemaluan yang sering keluar najis agar tidak terkena pakaian. Seterusnya wajib berturut-turut di antara membasuh najis dan membalut atau sumbat kemaluan kemudian antara membalut dan menyumbat kemaluan itu dengan bersegera pula mengambil wuduk, seterusnya antara bersegera

1. Hendaklah beristinjak terlebih dahulu, iaitu membasuh ‘ain najis seperti air kencing atau tahi daripada tempat keluarnya dengan air mutlak atau dengan tiga ketul batu dan seumpamanya daripada tiap-tiap yang suci dan yang keras atau yang kesat. Kemudian seseorang itu perlu menjaga kemaluannya dengan menyumbat atau membalut kemaluannya agar najis itu tidak terkena pada pakaian.
2. Hendaklah secara berturut-turut antara istinjak (membasuh) dan menjaga kemaluannya dengan menyumbat atau membalut agar tidak terkena pada pakaian. Kemudian segera berwuduk dan terus melakukan sembahyang.
3. Semua itu dilakukan selepas masuknya waktu sembahyang.¹⁵⁵

4.8 Air mutlak

(شهادان) Maka tiada *sah* mengangkat akan hadas dan menghilang akan najis melainkan dengan air mutlak. Iaitu tiap-tiap air yang sunyi daripada *qaid* yang *lazim*¹⁵⁶ disebut akan dia pada ketika disebut akan air, seperti tebu dan gula dan sabun dan umpamanya. Dan tiap-tiap air yang turun daripada langit seperti air hujan dan air embun atau air yang keluar daripada bumi, seperti air laut dan air sungai dan air telaga. Maka sekeliannya itu suci dirinya dan menyuci bagi lainnya atas barang apa sifat ada ia).

mengambil wuduk itu dengan terus bersegera menunaikan sembahyang. Yang terakhirnya hendaklah dilakukan semuanya itu selepas masuk waktu sembahyang.

¹⁵⁵ Kenyataan tersebut terdapat juga dalam kitab *Bughyah al-Tullab* (Al-Fatani, 1343H : 70).

¹⁵⁶ قَدْ لَازِمٌ *qaid* yang *lazim* iaitu air mutlak yang tidak dikaitkan dengan sesuatu. Seperti air kopi dikaitkan dengan kopi, maka itu bukan air mutlak. Dan juga air tebu dikaitkan dengan tebu maka itu juga bukan air mutlak. Air mutlak iaitu air yang semata-mata air sahaja, maka disebut ia sebagai air.

Penjelasan

Hadas wajib dihilangkan dengan air yang mutlak, iaitu air yang boleh diminum dan boleh dibuat untuk bersuci sama ada untuk beristinjaq, berwuduk, mandi hadas, membasuh najis atau sebagainya. Air mutlak ialah air yang benar-benar tulen yang tidak bercampur dengan benda-benda lain sama ada yang bersih ataupun benda-benda najis. Air mutlak itu seperti air hujan, air embun, air laut, air sungai atau air telaga. Apabila air tulen yang melebihi dua kolah (230 liter) dimasuki oleh sesuatu benda lain yang tidak mengubah nama atau sifat air, maka air itu masih lagi dianggap sebagai mutlak. Tetapi sekiranya air itu berubah sama ada dari segi bau, rasa atau warna, maka air itu tidak boleh lagi digunakan untuk bersuci. Misalnya apabila dimasukkan kopi ke dalam air mutlak, maka air itu tidak boleh lagi digunakan untuk bersuci tetapi hanya boleh diminum sahaja. Sekiranya air tersebut kurang daripada dua kolah dan dimasukkan pula sesuatu (sama ada berubah atau tidak) maka air tersebut tidak lagi boleh dibuat bersuci.¹⁵⁷

4.9 Sebab-sebab yang menghilangkan sifat air mutlak

(تبيه) dan hilang nama air mutlak pada segala air yang tersebut itu dengan salah satu daripada tiga sebab :

¹⁵⁷ Sebagai contoh apabila nama air itu telah berubah menjadi air teh, air tersebut tidak boleh dibuat bersuci. Air mutlak boleh diumpamakan seperti air hujan, air embun, air sungai, air laut, air telaga. Maka air mutlak itu hukumnya suci pada dirinya dan boleh menyucikan yang lain.(Al-Syarbini, 1994 : 88).

1. Pertamanya sebab meyampuri akan dia oleh benda yang suci yang tiada jadi ia daripada air dan terkaya air itu daripadanya akan sebagai bercampur yang tiada boleh dibezaikan dia daripada air, seperti sabun dan air mawar dan garam bukit dan mengubah ia akan air pada sifatnya akan ubah yang banyak sekira-kira hilang padanya nama air mutlak dan dinama akan dia air sabun dan air mawar dan air garam juga.
2. Keduanya sebab dipakai akan dia pada basuh fardu pada wuduk dan pada mandi dan tiada sampai perhimpunannya dua kolah. Maka air yang dua bahagi itu suci dirinya tiada menyuci bagi yang lainnya.
3. Ketiganya sebab jatuh di dalamnya najis sekurang-kurangnya ada kelihatan pada mata orang yang pertengahan pada hal air itu sedikit, ertinya kurang daripada dua kolah jadi najislah ia dengan semata-mata terkena najis yang tersebut itu. Atau air itu banyak iaitu sampai dua kolah atau lebih dan mengubah najis itu akan dia pada sifatnya jika sedikit ubahnya sekalipun jadi najis ia. Maka air yang dua bahagi ini tiada boleh dipakai akan dia sekali-kali kerana ia najis).

Penjelasan

Antara perkara yang boleh membuatkan air mutlak itu bertukar kepada air yang lain adalah seperti berikut:

1. Air mutlak yang dimasuki sesuatu walaupun benda yang suci seperti sabun, air mawar dan garam bukit yang boleh mengubah sifat air mutlak itu

sehingga menghilangkan nama air mutlak. Maka air itu tidak lagi dikatakan air mutlak, tetapi dikatakan air itu air sabun, air mawar dan air garam.

2. Air yang telah digunakan untuk mengangkat hadas sama ada hadas kecil (berwuduk) ataupun hadas besar (mandi wajib). Ini bererti air yang telah digunakan untuk membasuh anggota yang wajib sekiranya ditadah semula dan air itu tidak sampai dua kolah, maka air itu dikira *musta'mal*, iaitu tidak boleh dibuat bersuci. Air jenis ini suci pada dirinya sahaja tetapi tidak boleh menyucikan yang lain.
3. Air yang kurang daripada dua kolah¹⁵⁸ yang dimasuki najis sama ada air itu berubah ataupun tidak dikenali sebagai air *mutanajjis*. Begitu juga sekiranya air yang lebih daripada dua kolah dimasuki najis lalu air itu berubah rasa, bau atau warnanya, maka air itu tidak boleh digunakan untuk bersuci atau diminum. Air jenis ini tidak suci pada dirinya dan tidak boleh menyucikan yang lain.¹⁵⁹

4.10 *Tayammum*¹⁶⁰

(شهدان) Barang siapa tiada di dapat air sekali-kali atau di dapat air tetapi ada penyakit pada satu anggota daripada segala anggota wuduknya atau anggota mandinya yang menegah ia akan terkena air padanya, maka hendaklah ia *tayammum* dengan memindah akan debu yang suci menyucikan kepada sapu mukanya dan dua tangannya dengan niat *tayammum* ganti daripada wuduk dan mandi, atau ganti daripada membasuh anggota yang tiada di dapat terkena air padanya, diserta akan

¹⁵⁸ Kadar dua kolah itu ialah 500 kati Baghdad. Bersamaan 230 liter air.

¹⁵⁹ Kenyataan ini terdapat juga dalam kitab *al-Iqna'*, al-Syarbini, 1994 : 97.

¹⁶⁰ تيممٌ ialah menyapu debu tanah ke muka dan kedua-dua belah tangan dengan syarat-syarat tertentu.(Al-Kurdi, 1995 : 132).

niat itu dengan pindah tanah kepada mukanya dan dikekalkan akan dia hingga menyapu satu juzuk daripada mukanya, iaitu dengan beberapa syarat yang tersebut akan dia didalam kitab yang panjang-panjang).

Penjelasan :

Bagi seseorang yang uzur kerana ketiadaan air atau keuzuran kerana sakit, dia hendaklah *bertayamum*¹⁶¹ dengan niat menggantikan berwuduk atau membasuh anggota yang tidak boleh terkena air atau mandi hadas besar dengan niat *bertayamum* sebagai ganti daripada membasuh anggota yang tidak boleh terkena air.¹⁶² Jika *bertayamum* untuk hadas besar, maka seseorang itu hendaklah berniat untuk mengharuskan benda yang haram sebelumnya seperti bersetubuh atau berhenti masa kedatangan haid. Begitu juga jika seseorang yang anggotanya tercedera, maka bolehlah dia *bertayamum*.¹⁶³ Perkara yang perlu dilakukan ketika *tayamum* itu ialah

¹⁶¹ Orang yang layak *bertayamum* ialah :

1. Keuzuran kerana sakit. Orang yang uzur kerana sakit tidak boleh menggunakan air sama ada menyebabkan penyakit lambat sembah atau pun bertambah sakit.
2. Ketidaaan air. Semasa musafir setelah seseorang itu yakin benar-benar tiada air, maka tanpa perlu ia mencari lagi. Jika ragu-ragu kemungkinan air itu ada ataupun tidak maka wajib mencarinya dengan syarat aman daripada segala bahaya. Sekiranya diyakini untuk ke tempat mencari air itu menyebabkan habis waktu sembahyang atau mungkin air dijual dengan harga yang mahal, maka bolehlah ia *bertayamum*. Jika punca air terlalu jauh maka wajib mencarinya dan jika tidak mendapatinya maka bolehlah ia *bertayamum*.
3. Air diperlukan untuk keperluan yang lebih penting. Air itu ada tetapi diperlukan untuk minum atau keperluan binatang yang dihormati.
4. Dilakukan setelah masuk waktu. *Tayamum* hendaklah dilakukan setelah masuk waktu sembahyang kerana *tayamum* itu darurat.
5. Mengetahui arah kiblat yang sebenar sebelum *bertayamum*.
6. Menggunakan debu tanah yang suci. Menggunakan debu tanah yang bersih lagi suci. Kalau bercampur dengan tepung atau pasir maka tidak harus menggunakan.(Ismail kamus/Mohd Azrlen, 2009 : 72).

¹⁶² Niat *tayamum* ialah نَيَّتُ التَّيْمُ لِاسْتِبَاحَةٍ فَرُضَ الصَّلَاةُ لِلَّهِ تَعَالَى ertiya, saya *bertayamum* untuk mengharuskan sembahyang semata-mata kerana Allah S.W.T. (Al-Kurdi, 1995 : 132). Jika seseorang itu berhadas besar sekalipun sekiranya tiada air maka hendaklah ia *bertayamum* dengan menyapu debu tanah ke muka dan kedua-dua belah tangan dengan niat untuk mengharuskan benda yang haram dengan sebab berhenti masa kedatangan haid atau bersetubuh.

¹⁶³ Sekiranya anggota badan itu dibalut kerana patah atau sebagainya, dan tidak dibolehkan terkena air maka boleh seseorang itu *bertayamum*.

menyapu debu tanah ke muka dan kedua-dua tangan. Niat perlu disertakan ketika menyapu debu tanah ke muka dengan syarat-syarat yang tertentu.

4.11 Hadas kecil dan hadas besar

4.11.1 Perkara-perkara yang ditegah bagi orang yang berhadas kecil

(فصل) Bermula barang yang haram atas orang yang berhadas kecil itu empat perkara :

1. Pertamanya sembahyang fardu atau sunat dan barang yang pada makna sembahyang, seperti sujud tilawah dan sujud syukur dan membaca khutbah jumaat.
2. Keduanya tawaf fardu atau sunat.
3. Ketiganya menyentuh quran.
4. Keempatnya menaggung akan dia).

Penjelasan

Bagi orang yang berhadas kecil, maka tertegah baginya empat perkara :

1. Melakukan sembahyang fardu (Subuh, Zohor, Asar, Maghrib atau Isyak), sembahyang sunat (seperti sunat *duha*, sunat Witir dan sunat mutlak) atau sujud tilawah, sujud syukur, sujud *sahwi* dan membaca khutbah Jumaat.
2. Melakukan tawaf di Baitullah al-Haram sama ada tawaf wajib ataupun sunat.

3. Menyentuh al-Quran al-Karim tanpa berlapik. Jika menyentuh yang berlapik atau tafsiran dan terjemahan yang melebihi daripada ayat suci al-Quran al-Karim, maka itu tidak berdosa.
4. Membawa al-Quran al-Karim.¹⁶⁴

4.11.2 Perkara-perkara yang ditegah bagi orang yang berjunub¹⁶⁵

(Dan barang yang haram atas orang yang junub itu enam perkara :

1. Pertamanya sembahyang *mutlaqan*.¹⁶⁶
2. Keduanya tawaf *mutlaqan*.¹⁶⁷
3. Ketiganya menyentuh quran.
4. Keempatnya menanggung akan dia.
5. Kelimanya membaca akan dia jikalau satu huruf sekalipun jika *diqasad*¹⁶⁸ dengan dia quran.
6. Keenamnya berhenti di dalam masjid).

Penjelasan

¹⁶⁴ Tetapi jika seseorang itu berniat membawa barang yang lain bukan al-Quran atau berniat membawa benda berserta al-Quran maka ia dimaafkan.

¹⁶⁵ جنْبَةٌ iaitu berlakunya persetubuhan di antara lelaki dan perempuan.(Muhyuddin Sobir, 1988 : 266).

¹⁶⁶ مُطْلَقٌ iaitu apa-apa jenis sembahyang pun, seperti sembahyang fardu atau sembahyang sunat adalah ditegah sama sekali.(Ibnu Manzur, 2005 : Jilid 9-10 : 137).

¹⁶⁷ Iaitu apa-apa jenis tawaf pun, seperti tawaf wajib atau tawaf sunat adalah ditegah sama sekali.(Ibnu Manzur, 2005 : Jilid 9-10 : 137).

¹⁶⁸ قَصْدٌ iaitu niat untuk melakukan sesuatu perkara.(Ibnu Manzur, 2005 : Jilid 11-12 : 113).

Bagi orang yang berjunub, maka ditegah baginya melakukan enam perkara berikut:

1. Melakukan sembahyang lima waktu atau sembahyang sunat. Jika seseorang ingin mengajar sembahyang kepada muridnya tetapi dia berada dalam hadas besar (junub) tanpa bersuci terlebih dahulu, hukumnya tidak berdosa.
2. Melakukan tawaf yang wajib atau yang sunat. Tetapi jika seseorang itu berada di dalam hadas besar (junub) tanpa bersuci terlebih dahulu dan ingin mengajar (melakonkan) perbuatan tawaf kepada muridnya, maka hukumnya tidak berdosa.
3. Menyentuh al-Quran al-Karim.
4. Membawa al-Quran al-Karim.
5. Membaca ayat suci al-Quran walaupun satu huruf daripadanya dengan niat ingin membaca ayat suci al-Quran. Tetapi jika diniatkan sebagai zikir, maka tidak berdosa. Misalnya, seseorang yang menjadi kelazimannya selepas makan dia akan berkata “Alhamdulillah” atau sewaktu hendak menaiki kenderaan, dia membaca doa menaiki kenderaan yang merupakan sebahagian daripada ayat suci al-Quran, maka hukumnya tidak berdosa.
6. Berhenti di dalam masjid. Bagi orang yang berhadas, hukumnya adalah berdosa berada di dalam masjid kerana dia dianggap sebagai najis.

4.11.3 Perkara-perkara yang ditegah bagi orang yang kedatangan haid dan nifas

(Dan barang yang haram atas orang yang haid dan nifas itu sebelas perkara :

1. Pertamanya sembahyang *mutlaqan*.

2. Keduanya tawaf *mutlaqan*.
3. Ketiganya meyentuh quran.
4. Keempatnya menanggung akan dia.
5. Kelimanya membaca akan dia.
6. Keenamnya masuk ke dalam masjid jika takut menitik darahnya.
7. Ketujuhnya berhenti di dalam masjid.
8. Kelapannya puasa *mutlaqan*.
9. Kesembilannya menyerah dirinya bagi suaminya supaya mewati¹⁶⁹ akan dia.
10. Kesepuluhnya bergurau-gurau dengan suaminya pada barang yang antara pusat dan lututnya.
11. Kesebelasnya niat mengangkat hadas besar).

Penjelasan

Bagi orang yang kedatangan haid atau nifas, maka tertegah baginya 11 perkara :

1. Melakukan sembahyang fardu atau sunat.

¹⁶⁹ مَطْعَمٌ iaitu pepemuhan yang disetubuhi.(Muhyuddin Sobir, 1988 : 1316).

2. Melakukan tawaf sunat atau fardu di Baitullah al-Haram.
3. Menyentuh al-Quran al-Karim tanpa berlapik.
4. Membawa al-Quran al-Karim.
5. Membaca ayat suci al-Quran dengan sengaja dengan tanpa niat berzikir.
6. Masuk ke dalam masjid sekiranya seseorang itu takut darah itu menitik di dalamnya.
7. Berhenti seketika di dalam masjid.
8. Melakukan ibadah puasa sunat atau fardu.
9. Melakukan persetubuhan dengan suami dalam haid atau nifas.
10. Bergurau senda dengan suami di antara pusat dan lutut.
11. Niat mengangkat hadas besar sebelum habis waktu haid atau nifasnya. Jika dia niat mengangkat hadas besar, maka niat itu tidak terpakai dan berdosa kerana belum habis lagi masa kedatangan haid atau nifasnya.

4.12 *Istinja'*

(Bermula *Istinja'*ertinya menghilang akan ‘ain najis kencing dan tahi daripada tempat keluarnya dengan air mutlak atau dengan tiga batu dan umpamanya daripada tiap-tiap yang suci lagi keras lagi kesat dan bukan daripada makanan dan jikalau makanan jin sekalipun. Dan tiada daripada yang dihormati akan dia oleh syarak

seperti kayu dan rumput-rumput dan tanah kol¹⁷⁰ iaitu wajib ia pada tatakala berkehendak ia akan sembahyang dan umpamanya daripada tiap-tiap sesuatu yang terhenti sahnya itu atas suci badannya daripada najis atau pada tatakala takut terhembur najis itu daripada tempatnya atau takut berlumur ia dengan pakaianya dan lainnya).

Penjelasan

Istinja' pula ialah menghilangkan najis yang terdapat pada kemaluan selepas membuang air kecil atau air besar. Hukumnya adalah wajib dengan menggunakan air atau batu atau benda-benda yang keras lagi suci serta kesat yang boleh menanggalkan najis. *Istinja'* tidak boleh dilakukan dengan menggunakan air mawar, cuka, batu yang terkena najis, tahi unta yang kering, tanah yang liat (sama ada yang keras atau yang kering), makanan manusia (seperti roti kering), makanan Jin (seperti tulang) dan rumput serta kayu. Sewaktu seseorang itu hendak menunaikan sembahyang maka hendaklah seseorang itu suci daripada najis sama ada yang terdapat pada tubuh badan, pakaian atau tempat sembahyangnya.

(Dan jika berkehendak ia akan suci dengan salah satu daripada keduanya jua maka dengan air itu *afdal*¹⁷¹ kerana ia menghilang akan ‘ain najis dan bekasnya. Bersalah batu iaitu menghilang akan ‘ainnya jua tetapi bermula yang terlebih

¹⁷⁰ Tanah kol iaitu tanah liat yang keras atau yang kering. Penulis menumuramah Tuan Gugu Hj. Ali bin Ahmad dikediamannya pada hari Khamis 17.3.2011, beliau menyatakan tanah kol itu bahasa Negeri Kedah. Orang-orang tua dahulu apabila mengorek tanah, kemudian tanah yang dikorek itu menjadi keras apabila terkena cahaya matahari. Maka tanah itulah boleh dibuat untuk beristinja’.

¹⁷¹ أَصْنَعْ أَصْنَعْ ertinya yang terlalu baik, yang sebaik-baiknya atau yang seelok-eloknya.(Mohd Khairi, 2005 :286).

afdalnya diistinja' pada mula-mulanya dengan batu kemudian diperikut akan dia dengan air).

Penjelasan

Bagi seseorang yang ingin bersuci, maka yang lebih baiknya dimulakan dengan membasuh najis itu dengan air kerana air boleh menghilangkan ‘ain najis serta bekasnya. Sebaliknya batu hanya boleh menghilangkan ‘ain najis sahaja.¹⁷² Walau bagaimanapun yang lebih *afdal* ialah *beristinja'* dahulu dengan batu kemudian disusuli dengan menggunakan air untuk menghilangkan najis.

4.13 Syarat sah *istinja'*

(Bermula syarat sah *istinja'* dengan umpama batu itu delapan perkara :

1. Pertamanya bahawa ada ia dengan tiga batu. Dan jika tiada suci dengan dia ditambah atasnya hingga suci dan sunat di gasal¹⁷³ akan dia.
2. Keduanya bahawa adalah segala batu itu suci sekeliannya.
3. Ketiganya tiada kering najis yang keluar itu.
4. Keempatnya tiada berpindah najis itu daripada tempatnya.
5. Kelimanya tiada mendatangi atasnya oleh najis yang lain.

¹⁷² Disebut juga dalam kitab *kifayah al-Akhyar*, iaitu yang terlebih *afdal* (sebaik-baiknya) dimulai *istinja'* dengan batu kemudian diikuti membasuh dengan air.(Al-Damsyiqi al-Syafi'i , 1992 : 32).

¹⁷³ Gasal iaitu sunat diganjilkan pengambilan batu untuk *istinja'*.(Noresah, 2007 : 438).

6. Keenamnya tiada melampaui najis itu akan *sofhah duburnya*¹⁷⁴ dan *hasyafah zakarnya*.¹⁷⁵
7. Ketujuhnya tiada mengenai akan dia oleh air.
8. Kelapannya bahawa dapat disuci akan dia dengan batu.

Maka jika nafi suatu syarat daripadanya maka tertentulah ia dengan air).

Penjelasan

Terdapat lapan perkara bagi syarat sah *istinja'* dengan batu:

1. Dengan tiga biji batu. Jika tidak didapati bersih maka hendaklah ditambah kepada lima biji atau tujuh biji batu. Jumlah batu itu biarlah ganjil kerana hukumnya sunat.
2. Suci semua batu yang hendak digunakan untuk *istinja'*.
3. Najis masih belum lagi kering, iaitu najis yang basah sahaja perlu *istinja'*.
Jika kering maka tidak perlu *istinja'*.
4. Najis itu tidak beralih dari tempat asalnya, iaitu najis yang keluar itu tidak terkena tempat lain seperti di tepi dubur akibat mercik najis yang keluar itu.
5. Tiada najis lain melainkan najis yang terdapat pada kemaluhan itu sahaja.

Jangan ada orang yang mencampakkan najis lain kepada kita.¹⁷⁶

¹⁷⁴ صَفَحَةٌ iaitu dinding dubur.(Mohd Khairi, 2005 :1077).

¹⁷⁵ حَنْقَةٌ iaitu najis tidak kena pada kemaluannya.(Al-Marbawi, 1354H : 134).

¹⁷⁶ Hal yang sama dinyatakan oleh al-Kurdi. Sila lihat *Tanwir al-Qulub*,1995 :123.

6. Najis tidak terkena pada yang ada di sekeliling duburnya dan najis tidak terkena pada kemaluannya akibat terhambur keluar sewaktu membuang hadas besar.
7. Tempat yang terkena najis itu tidak boleh terkena air.
8. Beristinja' dengan batu itu dapat menyucikan tempat yang terkena najis.

Jika salah satu syarat di atas tidak dapat ditunaikan, maka najis itu wajiblah disucikan dengan menggunakan air.¹⁷⁷

4.14 ‘Ain najis serta kaifiat untuk menghilangkannya

(فصل) Pada menyatakan ‘ain najis dan kaifiat menghilang akan dia. Bermula *dabit*¹⁷⁸ najis iaitu engkau kata: Bermula sekelian binatang suci sekeliannya pada ketika hidupnya melaikan anjing dan babi. Bermula segala *juzuk*¹⁷⁹ bangkai iaitu najis sekeliannya melainkan bangkai manusia dan ikan dan belalang. Dan bermula *juzuk* yang bercerai daripda binatang yang hidup iaitu seperti bangkainya pada hukum najisnya. Melainkan bulu binatang yang halal dimakan akan dia maka iaitu suci. Dan bermula tiap-tiap yang cair lagi memabukkan iaitu dinama akan dia arak iaitu najis ia. Dan bermula darah iaitu najis sekeliannya melainkan hati dan jantung dan ‘alaqah¹⁸⁰ dan *misk*.¹⁸¹ Dan demikian lagi najis segala nanah dan tahi dan *Wadi*¹⁸² dan *mazi*¹⁸³ dan air luka yang berubah baunya dan danur¹⁸⁴ dan air melepuh¹⁸⁵ yang

¹⁷⁷ Jika ternafi atau tidak ada salah satu syarat yang tersebut ini maka wajib diinstink dengan air.(Al-Kurdi, 1995 : 123).

¹⁷⁸ ضابط iaitu tanda-tanda yang menunjukkan benda itu dianggap najis.(Mohd Khairi, 2005 :1096).

¹⁷⁹ جزء iaitu separuh, suku dan sepotong daripada bangkai itu najis juga.(Mohd Khairi, 2005 :611).

¹⁸⁰ علنۃ iaitu sedikit darah beku maka ia dimaafkan.(Al-Marbawi, 1354H : 39).

¹⁸¹ نمسك iaitu kasturi juga tidak diaggap najis.(Ibrahim, 1995 : 582).

¹⁸² وادی iaitu air yang keluar setelah seseorang itu buat kerja kuat atau berat. Maka air wadi itu dianggap najis.(Al-Syarbini, 1994 : 221).

¹⁸³ مذبی iaitu air yang keluar berwarna cair jernih. Apabila seseorang itu melihat sesuatu objek yang boleh menghairahkan nafsunya.(Al-Syarbini, 1994 : 221).

busuk dan air lempedu¹⁸⁶ dan muntah dan air liur basi yang keluar daripada *ma'dah*¹⁸⁷ dan air susu binatang yang haram dimakan dagingnya dan *mani* anjing dan babi dan sesuatu yang di keluar oleh binatang daripadanya *ma'dahnya* dan kukunya akan dia dan segala asap yang jadi daripada najis yang terbakar dan segala air bisa binatang).

Penjelasan

Perkara yang dianggap najis adalah seperti berikut:

1. Babi dan anjing. Maka, binatang yang suci ketika hidupnya dianggap suci.
2. Bangkai, sama ada banyak ataupun sedikit, kecuali bangkai manusia, ikan dan belalang.
3. Anggota yang bercerai daripada anggota tubuh binatang ketika hidupnya kecuali bulu binatang yang halal dimakan, maka ia dikira suci.
4. Benda yang cair dan memabukkan seperti arak.
5. Darah melainkan hati, jantung, sedikit daripada darah yang beku dan kasturi.
6. Nanah, tahi, air wadi, air mazi, air luka yang berubah baunya, air daripada bangkai mayat yang telah busuk; air yang keluar ketika seseorang itu melecur disebabkan terkena api dan sebagainya, muntah, air liur basi yang keluar daripada dalam perut besar, susu yang keluar daripada binatang yang haram dimakan, air mani anjing dan babi, sesuatu yang terkeluar daripada perut binatang dan kukunya, asap yang keluar daripada benda yang terbakar itu

¹⁸⁴ Iaitu air daripada bangkai (mayat) yang telah busuk.(Noresah, 2005 : 310).

¹⁸⁵ Melepuh iaitu melecer, melecer kulitnya akibat terkena api. Air yang keluar daripada angota yang bengkak akibat terbakar dan sebagainya.(Noresah, 2005 : 929).

¹⁸⁶ Lempedu iaitu sejenis tumbuhan herba. Iaitu pokok yang jenis memanjang seperti akar gelumpang, akar lupuk, akar merapuh, akar timun dendang dan mentimun gagak merah.(Noresah, 2005 : 919).

¹⁸⁷ مَذْنَى iaitu sesuatu benda yang keluar daripada dalam perut besar.(Mohd Khairi, 2005 :1679).

terdiri daripada sesuatu yang najis dan air bisa daripada binatang yang berbisa.¹⁸⁸

4.15 Pembahagian najis

(Bermula segala najis yang tersebut itu terbahagi atas tiga bahagian :

1. Pertamanya najis *mughallazoh* namanya. Iaitu segala *juzuk* anjing dan babi.
2. Keduanya najis *mukhaffafah* namanya. Iaitu kencing kanak-kanak laki-laki yang belum sampai umurnya dua tahun. Dan tiada makan yang lain daripada air susu atas jalan mengenyangkan.
3. Ketiganya najis *mutawassitoh* namanya. Iaitu tiap-tiap najis yang lain daripada dua bahagi yang tersebut itu.

Penjelasan

Najis secara umumnya dibahagikan kepada tiga bahagian:

1. Najis *mughallazoh* iaitu najis berat, seperti najis anjing dan babi. Segala perkara yang ada hubungannya dengan kedua-dua binatang tersebut seperti tahi, kencing, daging, kulit dan sebagainya dianggap sebagai najis *mughallazoh*. Ini termasuk juga anak yang lahir daripada salah satu daripada kedua-duanya.

¹⁸⁸ Pendapat ini disokong oleh Zakaria Ahmad Wan Besar dalam kitabnya *Matla' al-Nurain*.(Zakaria, 2000 : 54).

2. Najis *mukhaffafah* iaitu air kencing kanak-kanak lelaki yang berumur dua tahun ke bawah yang tidak makan apa-apa kecuali susu ibunya sahaja.
3. Najis *mutawassitoh* iaitu najis pertengahan. Ini merujuk pada najis selain daripada juzuk-juzuk babi dan anjing dan air kencing kanak-kanak lelaki yang belum sampai umurnya dua tahun.

Maka tiap-tiap satu daripada yang tiga bahagi itu terbahagi pula atas dua bahagi :

1. Pertamanya najis ‘aini namanya. Iaitu tiap-tiap najis yang di dapat akan zatnya¹⁸⁹ dan segala sifatnya, iaitu warnanya dan rasanya dan baunya.
2. Keduanya najis *hukmi* namanya. Iaitu tiap-tiap najis yang tiada dapat akan yang tersebut itu).

Penjelasan

Tiga bahagian najis di atas terbahagi pula kepada dua bahagian seperti berikut:

1. Najis ‘aini najis yang dapat dilihat ‘ainnya, jirimnya, zatnya, atau bentuknya (diri najis). Diri najis itu dan segala sifatnya termasuk rasa, warna dan bau wajib dihilangkan iaitu dengan menggosokkannya tiga kali dengan air. Sekiranya tidak hilang juga rasa, bau, dan warna, maka dimaafkan oleh syarak.
2. Najis *hukmi* najis yang tidak dapat dilihat zatnya (diri najis) dan segala sifatnya, iaitu rasa, warna dan baunya. Maka nijis *hukmi* ini memadai dengan sekali lalu air di atas ‘ain najis tersebut.¹⁹⁰

¹⁸⁹ Zat iaitu, diri najis itu sendiri.(Ibrahim, 1995 : 242).

4.16 Kaifiyat membasuh najis ‘aini

(شهدان) Bermula kaifiyat membasuh najis yang ‘aini¹⁹¹ iaitu jika ada ia *mukhaffafah* dihilang akan ‘ainnya dahulu dengan bahawa dilesap akan dia hingga tinggal lembab-lembab jua. Kemudian dipercikkan air atasnya biar rata. Maka sucilah ia dengannya. Dan jika ada ia *mutawassitoh* maka disuci akan dia dengan dihilang akan ‘ainnya dan segala sifatnya dengan air jika dengan sekali cucur¹⁹² air sekalipun memadalah.

Dan jika ada ia *mughallazoh* maka disuci akan dia dengan tujuh kali lalu air atasnya salah satu daripadanya air tanah dan dibilang satu kali yang pertama iaitu basuh yang menghilang ia akan ‘ainnya dan segala sifatnya. Adapun jika ada najis itu *hukmi*¹⁹³ maka jika ada ia *mukhaffafah* maka disuci akan dia dengan dipercik air atasnya biar rata. Dan jika ada ia *mutawassitoh* maka suci ia dengan sekali lalu air atasnya. Dan jika ada ia *mughallazoh* maka suci ia dengan tujuh kali lalu air atasnya salah satu daripadanya air tanah).

Penjelasan

Cara membasuh atau menghilangkan segala najis di atas:

¹⁹⁰ Takrif najis ‘aini dan juga najis *hukmi* ini tersebut dalam kitab Matla’ al-Nurain oleh Zakaria Ahmad Wan Besar, 2000 : 107.

¹⁹¹ Najis ‘aini iaitu najis yang ada zatnya (diri najis). Dan ada sifat-sifatnya, iaitu warna, bau dan rasanya.(Al-Kedahi, 2004 : 85).

¹⁹² Cucur iaitu mengalirkkan air turun dari atas ke bawah.(Noresah, 2005 : 292).

¹⁹³ Najis *hukmi* iaitu tiap-tiap najis yang tidak terdapat diri najis tersebut dan tidak terdapat sifat-sifatnya iaitu warna, bau dan rasanya.(Al-Kedahi, 2004 : 85).

1. Jika najis ‘aini itu ialah najis *mukhaffafah* adalah memadai dengan menghilangkan najis terlebih dahulu seperti mengelap najis tersebut dengan kain dan sebagainya. Kemudian memercikkan sahaja air ke atas najis tersebut sehingga rata. Manakala jika itu najis *hukmi*, maka memadai dengan memercikkan sahaja air ke atas najis tersebut sehingga rata.
2. Jika najis ‘aini itu terdiri daripada najis *mutawassitah*, ia hendaklah dicuci dengan air mutlak dengan menghilangkan tiga ‘ainnya, iaitu zat atau warnanya dan baunya serta rasanya dengan sekali basuh sahaja sudah dikira memadai. Sekiranya najis itu najis *hukmi*, maka memadai dengan sekali basuh sahaja tanpa perlu menghilangkan ‘ain najis, warna dan baunya.
3. Jika najis ‘aini itu merupakan najis *mughallazoh*, seseorang itu hendaklah membasuhnya sebanyak tujuh kali dan salah satu daripada tujuh basuhan itu hendaklah terdiri daripada air yang dicampurkan dengan tanah. Namun, sebelum itu tiga perkara, iaitu warna, bau dan rasanya perlu dihilangkan dahulu. Sekiranya najis itu najis *hukmi*. maka memadailah seseorang itu membasuhnya sebanyak tujuh kali dengan salah satu daripada tujuh basuhan itu hendaklah menggunakan air yang dicampurkan dengan tanah.

4.17 Najis itu adakalanya darah dan seumpamanya serta adakala selain daripada darah

(Dan atas tiap-tiap hal iaitu adakalanya dapat dilihat akan dia dengan mata yang pertengahan tempatnya dan adakalanya tiada didapat. Maka jika tiada dapat dilihat akan dia maka dimaaf akan dia samaada ia darah atau lainnya dan samaada ia

mughallazoh atau lainnya. Dan jika dapat dilihat akan dia maka padanya itu *tafsil*.¹⁹⁴ Maka jika ada yang lain daripada darah dan umpamanya maka tiada dimaaf daripadanya semata-mata. Dan jika ada ia daripada darah dan umpamanya maka iaitu tiga bahagi :

1. Pertamanya barang yang tiada dimaaf daripadanya semat-mata. Dan iaitu darah yang *mughallazoh* dan darah dirinya yang sengaja ia melumur akan dia pada badannya. Atau yang bercampur ia dengan barang yang lainnya.
2. Keduanya darah yang dimaaf akan dia jika lau banyak sekalipun. Iaitu darah dirinya yang tiada sengaja melumur akan dia pada badannya dan tiada bercampur ia dengan yang lainnya. Dan keluarnya itu tiada dengan perbuatannya.
3. Ketiganya darah yang dimaaf akan dia jika sedikit ia. Iaitu darah yang keluar daripada seseorang dengan perbuatan dirinya atau darah yang *ajnabi*¹⁹⁵ yang suci ia daripada berlumur.

Maka dimaaf darah kutu anjing dan sedikit nanah dan danur¹⁹⁶ yang *ajnabi* dan darah kutu dan pijad dan tuma¹⁹⁷. Dan demikian lagi tahi dan air kencing binatang yang terbang yang banyak bercampur dengan manusia seperti lalat dan kumbang dan tebuan dan lipas.

¹⁹⁴ تَقْصِيرٌ iaitu huraiannya satu persatu.(Al-Marbawi, 1354H : 94).

¹⁹⁵ أَجْنَبِيٌّ iaitu darah orang asing bukan darah dia.(Ibrahim, 1995 : 119).

¹⁹⁶ Danur iaitu iar yang keluar daripada bangkai mayat yang telah busuk.(Noresah, 2005 : 311).

¹⁹⁷ Tuma iaitu binatang halus seperti kutu yang terdapat pada banatang dan juga manusia.(Noresah, 2005 : 1729).

(تَبَيِّنَ) Bermula tiap-tiap najis yang jadilah ia *umum balwa*¹⁹⁸ dan payah kita hendak memelihara daripadanya iaitu dimaaf akan dia dengan beberapa syarat yang disebut akan dia di dalam kitab yang panjang-panjang).

Penjelasan

Najis itu adakalanya ialah darah dan sebaliknya, adakalanya dapat dilihat dengan mata yang pertengahan dan ada juga yang sebaliknya. Sekiranya najis itu tidak dapat dilihat dengan mata pertengahan seperti darah atau sebagainya dan sama ada najis *mughallazoh* atau sebagainya, maka najis itu dimaafkan. Tetapi jika najis itu dapat dilihat dengan mata pertengahan, maka huraiannya sangat luas.

Sekiranya najis itu selain daripada darah, maka najis itu tidak dimaafkan. Namun, terdapat tiga perkara yang perlu difahami berkaitan darah sebagai salah satu najis:

1. Najis yang tidak dimaafkan seperti darah daripada babi dan anjing atau darah yang keluar daripada diri seseorang dan dia sengaja melumurkan darah itu pada badannya atau darah itu bercampur dengan yang lain. Selain daripada darah babi dan anjing, jika banyak, maka tetap dianggap najis.
2. Najis yang dimaafkan, iaitu darah kepunyaan dirinya yang keluar dengan banyak ketika seseorang itu dalam sembahyang, maka dimaafkan dengan syarat ia bukan kerana perbuatan dirinya dan dia bukan melumur darah tersebut ke tempat anggotanya yang lain. Misalnya bisul yang ada pecah dengan sendirinya dan keluar darah yang banyak, maka dimaafkan. Malah

¹⁹⁸ عُمُومٌ بَلْوَى iaitu seperti percikan najis dan percikan tanah-tanah di jalan raya. Ia termasuk di dalam sebab-sebab keringanan dalam Syariat Islam.(Mohd Saleh, 1999 : 222).

sekiranya berlaku dalam sembahyang, maka dimaafkan hingga selesai seseorang itu memberi salam.

3. Najis yang dimaafkan, iaitu darah yang sedikit. Darah keluar daripada seseorang hasil perbuatannya atau darah itu ialah darah orang lain dan dia bukan sengaja melumurkannya pada badannya, maka darah tersebut dimaafkan jika terkena pada badannya dan pakaianya. Namun, sebaliknya tidak dimaafkan jika terkena pada tempat sembahyang atau darah itu terjatuh dalam air yang kurang daripada dua kolah.¹⁹⁹

Selain itu, dimaafkan juga darah itu terdiri daripada darah kutu anjing, tetapi dengan syaratnya darah itu sedikit. Begitu juga dengan nanah yang sedikit, air yang keluar daripada bangkai mayat manusia yang busuk, iaitu bukan daripada mayat yang lain syaratnya air itu sedikit jika banyak maka tidak dimaafkan darah kutu, pijat dan darah yang terdapat pada binatang yang halus yang ada di persekitaran diri manusia dan binatang serta tahi dan air kencing binatang yang terbang yang banyak berdamping dengan manusia seperti lalat, kumbang, tebuan dan lipas juga dimaafkan. Najis yang sukar hendak dijaga juga dimaafkan seperti percikan air yang terdapat di atas jalan raya. Ini semua termasuk dalam sebab-sebab yang diringankan oleh syarak, iaitu “*umum balwa*”.

4.18 Mengetahui masuk waktu sembahyang

(فصل) Bermula mengetaui masuk waktu iaitu tiga martabat²⁰⁰:

¹⁹⁹ Kenyataan tersebut disokong oleh Chik bin Ahmad al-Kedahi dalam kitabnya *Sullam al-Sibyan*, 2004 : 89.

²⁰⁰ Martabat iaitu tingkat huraiannya.(Noresah, 2005 : 1000).

1. Mengetahui ia akan masuk waktu itu dengan sendirinya atau dengan mendengar khabar orang yang kepercayaan yang melihat ia akan masuk waktu atau dengan mendengar bang²⁰¹ orang yang mengetahui ia dengan waktu pada waktu cuaca pula atau melihat kepada jam yang betul ukurannya maka sekalian yang tersebut itu seperti mengetahui dengan sendiri juga.
2. Keduanya dengan ijtihad²⁰² ia pada sesuatu yang menunjuk ia akan waktu, seperti membaca quran atau bunyi burung atau barang yang lain daripada keduanya.
3. Ketiganya dengan taklid²⁰³ orang yang mujtahid²⁰⁴. Iaitu pada ketika lemah ia daripada barang yang tersebut pada martabat yang pertama dan barang yang pada martabat yang kedua).

Penjelasan

Terdapat tiga cara untuk mengetahui masuknya waktu sembahyang itu:

1. Mengetahui dengan sendirinya sama ada makluman daripada orang lain tentang masuknya waktu sembahyang ataupun mendengar daripada orang yang pandai dalam menentukan masuk waktu sembahyang berpandukan cuaca ataupun jam. Semuanya itu menunjukkan seperti seseorang itu mengetahui masuknya waktu sembahyang dengan sendirinya juga.

²⁰¹ Bang iaitu seruan atau panggilan untuk sembahyang atau dikenali sebagai azan.(Noresah, 2005 : 120).

²⁰² اجتہاد iaitu berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu.(Ibrahim, 1995 : 122).

²⁰³ تکلیف iaitu mengikut pendapat orang lain.(Ibrahim, 1995 : 512).

²⁰⁴ مجتہد iaitu orang yang bersungguh-sungguh mendapatkan bukti.(Ibrahim, 1995 : 122).

2. Berusaha mengetahui dengan sesuatu yang membuktikan waktu sembahyang telah masuk. Setelah seseorang itu tidak dapat mengetahui masuknya waktu sembahyang dengan sendirinya dan dengan ijтиhadnya, maka bolehlah berpandukan sesebuah kampung yang memasang bacaan ayat suci al-Quran al-Karim atau mendengar bunyi-bunyian burung dan sebagainya yang menunjukkan telah masuknya waktu sembahyang.
3. Mengikut pendapat kebanyakan orang yang sangkaannya itu betul. Itu pun setelah seseorang itu sudah berusaha mengikut cara yang pertama dan yang kedua di atas.²⁰⁵

(Bersalah ijtihad iaitu jika kuasa ia atas mengetahui masuk waktu dengan barang yang pada martabat yang pertama maka iaitu harus ijтиhad, dan jika tiada maka wajib ijтиhad. Inilah pada hak orang yang melihat. Adapun orang yang buta maka harus baginya taklid orang yang mujtahid jika kuasa ia atas ijтиhad sekalipun. Maka jika sembahyang ia pada hal tiada mengetahui ia akan masuk waktu dengan sesuatu daripada tiga perkara yang tersebut itu maka iaitu tiada sah sembahyangnya jika berbetulannya dengan waktunya sekalipun. Dan jika sembahyang ia dengan ijтиhad pada waktu atau dengan taklid orang yang mujtahid maka nyata tersalahnya kemudian daripada sembahyangnya, nescaya jadi ia sunat mutlak, jika tiada atasnya daripada yang luput daripada jenis itu sembahyang dan jika ada ia maka jatuh ia daripadanya).

Penjelasan

²⁰⁵ Kenyataan ini dibicarakan juga oleh Chik bin Ahmad al-Kedahi. Sila lihat di dalam dalam kitab *Sullam al-Sibyan* 2004 : 91.

Bagi orang yang dapat melihat, maka hukumnya harus berijtihad jika seseorang itu mampu untuk mengetahui masuknya waktu itu dengan sendirinya sama ada mendengar ada orang yang memberitahu kepadanya tentang masuk waktu sembahyang, atau mendengar orang yang pandai menentukan masuk waktu sembahyang itu dengan melihat cuaca ataupun berpandukan kepada jam. Jika sebaliknya, maka hukumnya wajib berijtihad untuk mengetahui masuk waktu sembahyang. Bagi orang yang buta pula, maka harus hukumnya dia mengikut orang mujtahid, iaitu orang yang berusaha mencari tanda-tanda masuknya waktu sembahyang, sekalipun dia berkuasa untuk berusaha mencari tanda-tanda masuknya waktu sembahyang.

Jika seseorang itu bersembahyang tanpa adanya tiga syarat di atas, maka sembahyangnya tidak sah sekalipun berkebetulan dengan masuknya waktu sembahyang. Namun, jika seseorang itu bersembahyang dengan berijtihad atau bertaklid pada orang yang berijtihad dengan waktu sembahyang dan selepas mereka menunaikan sembahyang didapati waktu sembahyang yang sebenar belum lagi masuk, maka sembahyang mereka itu dianggap sunat mutlak sahaja. Maka mereka wajib bersembahyang sekali lagi. Jika mereka sembahyang dengan berijtihad atau bertaklid pada orang yang berijtihad dengan waktu sembahyang dan sembahyang mereka itu berkebetulan dengan waktu sembahyang atau telah melebihi waktu sembahyang yang sebenar, maka tidak menjadi kewajipan bagi mereka mengulangi sembahyang mereka itu.²⁰⁶

4.19 ‘Ain kiblat

²⁰⁶ Kenyataan ini dibicarakan juga dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* (Muhammad Arsyad, 1343H : jilid 1, 150).

(فصل) Bermula mengadap ‘ain kiblat iaitu empat martabat :

1. Pertamanya mengetahui ia akan kiblat dengan yakin. Ertinya dengan sendirinya. Iaitu bahawa melihat ia akan ka’bah atau disentuh akan dia dengan anggotanya.
2. Keduanya dengan mendengar khabar orang yang kepercayaan yang mengetahui akan kiblat dengan sendirinya.
3. Ketiganya dengan ijтиhad ia akan kiblat.
4. Keempatnya dengan mengikut ia akan orang yang mujtahid.

Maka tiap-tiap satu daripadanya yang empat ini dengan tertib, ertinya tiada sah berpindah kepada barang yang kemudiannya melainkan apabila lemah ia daripada barang yang dahulu daripadanya. Dan barang siapa sembahyang ia dengan ijтиhad ia pada kiblat, maka nyata tersalahnya dengan yakin maka hendaklah ia mengulangi akan sembahyangnya pada hal wajib).

Penjelasan

Di samping itu, sebahagian daripada syarat sah sembahyang ialah menghadap kiblat dan ini merujuk pada beberapa keadaan berikut:

1. Mengetahui ‘ain (diri Kaabah) itu dengan yakin, sama ada mengetahui dengan sendirinya seperti dia berada di Makkah dan melihat sendiri ‘ain Kaabah itu ataupun dia mendapat ‘ain Kaabah dengan sentuhan yang meyakinkan sekiranya dia tidak dapat melihatnya.

2. Mengetahui kiblat itu daripada sumber yang boleh dipercayai seperti keterangan orang yang berada di kampung itu sendiri.
3. Mengetahui kiblat dengan *ijtihadnya* sendiri, iaitu berusaha mengetahui kiblat itu dengan usahanya seperti berpandukan kompas untuk mengetahui arah kiblat.
4. Mengikut orang yang mujtahid, iaitu mereka yang berperanan untuk menentukan arah kiblat seperti seseorang itu sembahyang mengikut ketetapan yang telah ditetapkan oleh jabatan majlis fatwa sesebuah kawasan itu.²⁰⁷

Individu yang hendak melakukan sembahyang, tetapi tidak mengetahui arah kiblat, hendaklah mengikut tertib seperti di atas. Jika tidak mengikutinya, maka tidak sah sembahyangnya. Apabila tidak didapati syarat yang pertama, maka bolehlah berpindah kepada syarat yang kedua dan seterusnya.

Sesiapa yang menunaikan sembahyang menggunakan *ijtihadnya* untuk menentukan arah kiblat, tetapi tiba-tiba yakin ternyata salah arah kiblatnya, dia wajib mengulangi sembahyangnya itu. Misalnya, apabila seseorang menunaikan sembahyang berpandukan *ijtihadnya*, tetapi apabila selesai bersembahyang ada orang di kampung itu memberitahunya bahawa arah kiblatnya itu salah, maka wajib dia mengulangi sembahyangnya sekali lagi.²⁰⁸

4.20 Munutup aurat, kaifiat dan tempat sembahyang

²⁰⁷ (Al-Khin dan Al-Bugha, 1996 : 129).

²⁰⁸ Bagi orang yang bersembahyang dalam peperangan fisabilillah (dalam kesusahan), sama ada sembahyang fardu atau sembahyang sunat, maka diharuskan tanpa menghadap kiblat.(Al-Kurdi, 1995 : 147).

4.20.1 Menutup aurat

(فصل) Bermula menutup aurat iaitu dengan sesuatu yang suci yang menegah ia akan kelihatan warna kulit. Maka ditutup akan dia pada pihak atasnya dan kelilingnya. Bermula aurat itu atas tiga bahagi :

1. Pertamanya aurat laki-laki merdeka ada ia atau hamba, maka iaitu barang yang antara pusatnya dan lututnya jika di dalam sembahyang²⁰⁹ dan pada berhadapannya sama laki-laki atau dengan perempuan yang *mahramnya*²¹⁰. Dan jika berhadapannya dengan perempuan yang *ajnabiah*²¹¹, maka iaitu sekelian badannya. Dan jika ada ia di dalam *khalwah*²¹² maka dua kemaluannya. Maka hasil bagi laki-laki itu tiga aurat.
2. Kedunya aurat perempuan yang hamba orang iaitu jika ada ia di dalam sembahyang atau di dalam *khalwah* atau pada berhadapannya dengan *mahramnya* atau dengan sama-sama perempuan, maka iaitu barang yang antara pusatnya dan lututnya. Dan jika berhadapan ia dengan laki-laki yang *ajnabi* maka sekelian badannya. Dan jika berhadapannya dengan perempuan yang *kafirah* maka iaitu barang yang lain daripada barang yang zahir pada waktu berkerja. Maka hasil baginya itu tiga aurat juga.
3. Ketiganya aurat perempuan yang merdeka iaitu sekelian badannya melainkan mukanya dan dua tapak tangannya. Jika ada ia di dalam sembahyang dan jika

²⁰⁹ Iaitu seorang lelaki yang sembahyang dan ia hanya menutup auratnya antara pusat dan lutut sahaja maka sembahyangnya sah.(Al-Bugha dan Al-Khin, 1996 : 167).

²¹⁰ محرّم Iaitu perempuan yang haram berkahwin dengannya.(Ibrahim, 1995 : 147).

²¹¹ أجنبية Iaitu perempuan yang halal berkahwin dengannya.(Ibrahim, 1995 : 119).

²¹² خلوة Iaitu tempat yang sunyi atau duduk bersendirian tanpa ada orang, atau tempat yang terlindung daripada orang melihat.(Ibrahim, 1995 : 210).

berhadapannya dengan laki-laki yang *ajnabi* maka iaitu sekelian badannya. Dan jika berhadapannya dengan semata-mata perempuan atau di dalam *khalwah* atau pada hadapan laki-laki yang *mahramnya*, maka iaitu barang yang antara pusatnya dan lututnya. Dan jika berhadapannya dengan perempuan yang *kafirah* maka iaitu barang yang lain daripada barang yang zahir pada waktu berkerjanya. Maka hasil baginya itu empat aurat).

Penjelasan

Syarat sah sembahyang juga melibatkan penutupan aurat dengan sesuatu benda yang suci dan mampu menutup tubuh badan bermula dari atas dan sekeliling tubuh agar tidak kelihatan warna kulit. Aurat melibatkan tiga keadaan berikut:

1. auratseseorang lelaki yang merdeka atau hamba dalam semua keadaan seperti dalam sembahyang atau ketika bertemu sesama lelaki atau bertemu dengan *mahramnya* adalah di antara pusat dan lutut. Namun, aurat ini meliputi seluruh badan jika bertemu dengan perempuan *ajnabiah* (asing) dan hanya dihadkan pada dua kemaluannya sahaja ketika seseorang lelaki itu bersendirian.
2. aurat seorang perempuan hamba dalam semua keadaan seperti di dalam sembahyang, duduk bersendirian, bertemu dengan *mahramnya* atau bertemu dengan sesama perempuan adalah di antara pusat dan lutut. Namun, aurat tersebut meliputi seluruh badan ketika bersama lelaki *ajnabi*, manakala aurat

dengan perempuan yang bukan Islam ialah apa-apa yang boleh dilihat daripada yang zahir sewaktu menjalankan pekerjaan.²¹³

3. aurat seorang perempuan yang merdeka ialah seluruh badan kecuali dua tapak tangan dan muka ketika melakukan sembahyang. Namun, aurat wanita tersebut meliputi seluruh badan ketika bersama lelaki *ajnabi* di luar sembahyang. Aurat sesama perempuan, sama ada berseorangan atau bersama *mahram* adalah di antara pusat dan lutut, manakala aurat dengan perempuan yang bukan Islam ialah apa-apa yang boleh dilihat daripada yang zahir sewaktu menjalankan pekerjaan,²¹⁴ iaitu kepala, tengkuk, leher, lengan dan hujung betis.²¹⁵

4.20.2 Kaifiat sembahyang

(شهادان) Bermula mengetahui akan kaifiat sembahyang iaitu bahawa mengetahui ia akan segala rukunnya dan segala syaratnya dan segala sunatnya dan dibezakan tiap-tiap satu itu daripada yang lainnya. Bahkan dan memadalah bagi orang yang awam itu jikalau iktikad ia akan sekelian yang dikerjakan di dalam sembahyang itu fardu atau setengahnya fardu dan setengahnya sunat tetapi tiada dibezakan dia).

Penjelasan

²¹³ Kenyataan ini disokong oleh Mustafa al-Bugha dan Mustafa al-Khin dalam kitab *al-Fiqh al-Minhaji*.(Al-Bugha dan Al-Khin, 1996 : 127).

²¹⁴ Kenyataan ini juga tersebut dalam kitab *al-Fiqh al-Minjahi* (Al-Bugha dan Al-Khin, 1996 : 127).

²¹⁵ Ini memandangkan keadaan pergaulan wanita yang berlainan agama begitu meluas di sekolah, pusat pengajian tinggi, asrama, tempat bekerja awam dan swasta dan lain-lain, maka diharuskan bagi wanita bukan Islam melihat *aurat* wanita Islam kecuali anggota di antara pusat dan lutut. Memandang kepada satu jenis yang sama seperti harusnya seseorang wanita Islam melihat anggota wanita Islam yang lain, iaitu selain daripada anggota di antara pusat dan lutut. Dan haram bagi wanita *kafirah* melihat anggota-anggota yang lain daripada yang tersebut.(Fatwa Negeri Kedah, Dato' Paduka Sheikh Abdul Majid Bin Mohd Nor Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman).

Kaifiat sembahyang pula adalah seperti berikut:

1. Mempunyai ilmu pengetahuan tentang sembahyang, iaitu segala rukun, syarat dan sunat. di samping pengetahuan tentang yang fardu dan yang sunat dalam perbuatan dan bacaan dalam sembahyang. Ini kerana tidak sah sembahyang itu melainkan diketahui kaifiat atau cara-cara sembahyang dengan betul.
2. Bagi orang awam pula, memadailah dengan hanya iktikad (yakin) bahawa dia mengetahui apa-apa yang dilakukan dalam sembahyangnya itu sunat atau fardu, walaupun dia tidak dapat membezakan semua perbuatan dalam ibadat sembahyang.²¹⁶

4.20.3 Tempat sembahyang

(تَبَيِّنَ) Bermula tempat sembahyang iaitu tiap-tiap tempat yang bersentuh dengan dia orang yang sembahyang pada ketika berdirinya dan rukuknya dan duduknya dan sujudnya atau bersentuh dengan dia oleh pakaianya).

Penjelasan

Tempat sembahyang merujuk pada setiap anggota seseorang yang menyentuh tempat sembahyangnya seperti setiap lantai yang disentuhnya walaupun pakaianya yang

²¹⁶ Bagi orang awam memadai hanya mengetahui perkara yang dikerjakan di dalam sembahyangnya itu sama ada perbuatan di dalam sembahyangnya itu fardu atau sunat. walaupun seseorang itu tidak dapat membezakan antara keduanya. Adapun bagi orang yang mengetahui ('alim) jika tidak dapat membezakan yang mana satu fardu dan yang mana satu sunat, maka tidak sah sembahyangnya. Temu bual bersama ustaz Wan Hafiz bin Wan Salleh.

menyentuh lantai sewaktu sujud, rukuk, dan sewaktu duduk antara dua sujud. Maka ia juga dikira tempat sembahyangnya juga.

4.21 Perkara-perkara yang membatalkan sembahyang

(فصل) Bermula yang membatalkan akan sembahyang itu dua puluh satu perkara :

1. Pertamanya berkata-kata dengan sengaja lagi diketahui akan haramnya dan ingat akan dirinya di dalam sembahyang dengan dua huruf atau satu huruf yang memberi faham atau satu huruf yang *bermad*²¹⁷. Bersalah jika berkata ia dengan lupa dan sedikit perkataannya, iaitu enam kalimah atau kurang daripadanya atau berkata ia dengan sengaja dan jahil ia akan haramnya padahal ia baharu masuk Islam maka tiada batal sembahyangnya dengannya).

Penjelasan

Perkara yang membatalkan sembahyang adalah seperti berikut:

1. Bercakap dengan sengaja walaupun mengetahui hukumnya haram dan sedar yang dia sedang menunaikan sembahyang. Sembahyangnya terbatal apabila percakapan tersebut membawa maksud walaupun melibatkan dua huruf sahaja tetapi memberi erti dua perkataan (seperti kata imam kepada maknum *بُشِّرْ*, iaitu “bangunlah kamu”) ataupun dengan satu huruf yang

²¹⁷ *م* iaitu satu huruf yang ada tanda panjang.(Ibrahim, 1995 : 575).

difahami oleh yang lain (seperti ق dan ء yang bermakna “peliharalah” dan “jagalah”. Ini termasuk juga huruf yang bermad seperti ئ و ؤ و ئي walaupun tidak difahami sekalipun, maka batallah sembahyangnya. Namun bagi mereka yang terlupa dan bercakap ketika bersembahyang dengan perkataan yang sedikit, iaitu enam kalimah atau kurang daripada itu,²¹⁸ atau seseorang yang baru memeluk Islam dan bercakap dengan sengaja ketika menunaikan sembahyang sedangkan dia tidak tahu perkara sedemikian boleh membatalkan sembahyangnya, maka hal sedemikian dimaafkan.

2. (Keduanya perbuatan yang banyak, iaitu tiga kali berturut-turut. Dan jika dengan lupa sekalipun seperti tiga langkah atau tiga gerak sama ada ia dengan satu anggota atau dengan tiga anggota atau dihisab²¹⁹ akan tiga itu dengan gerak yang sunat sekalipun. Demikianlah barang yang berkata akan dia *al-Allamah Ibnu Hajar*²²⁰ seperti dua gerak yang sunat dan satu gerak yang lainnya jadi tiga, maka batal sembahyang dengan yang tersebut itu).

Penjelasan

²¹⁸ Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, beliau berkata kami sembahyang Zohor bersama Nabi tiba-tiba Nabi memberi salam lalu seorang sahabat yang bernama Zu al-Yadain (dinamakan dengan gelaran itu kerana sahabat itu mempunyai tangan yang agak panjang sedikit daripada orang lain) berkata (أَقْصَرَتِ الْمُصَلَّةَ أَمْ نَسِيَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟) adakah sembahyang Zohor ini diqasarkan wahai Rasulullah atau tuan hamba terlupa? Maka Nabi bersabda (لَمْ تَنْصُرْ وَلَمْ أَنْسِ) bukan sembahyang qasar bahkan sembahyang Zohor seperti biasa dan aku tidak lupa sedikit pun. Sahabat tersebut berkata (بَلْ قَدْ نَسِيَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ) sesungguhnya tuan hamba terlupa wahai Rasulullah. Maka Nabi bersabda (أَحَقُّ مَا يَقُولُ ذُو الْبَيْنِ) adakah benar apa yang dikatakan oleh Zu al-Yadain? Lalu para sahabat berkata (نَعَمْ) ya benar, maka dengan pantas Nabi bangun sambung sembahyang lagi dua rakaat kemudian Nabi sujud sahw. Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim. Maknanya tidak batal sembahyang orang yang bercakap dengan perkataan yang sedikit iaitu enam kalimah atau kurang daripada itu seperti yang berlaku di dalam hadis tersebut.(Al-Sayyaid Sabiq, 1993 : 203).

²¹⁹ حسابٌ iaitu dikira.

²²⁰ Nama beliau ialah Ahmad Syahabuddin bin Hajar al-haitami al-Makki. Lahir pada 908 H di Mahallah Abi haitam Mesir. Kemudian beliau berpindah ke Mekkah pada 940 H. Dan meninggal dunia pada 974 H. Beliau seorang yang berpegang kuat dengan Mazhab Syafi'i. Kitab beliau yang terkenal ialah Tuhfah al-Muhtaj.

2. Melakukan pergerakan yang berturut-turut dalam sembahyang seperti melangkah ke hadapan untuk memenuhi tempat yang kosong dengan tiga langkah berturut-turut tanpa berhenti dan mengikut perhitungan dan keadaan sesebuah kampung ia dianggap pergerakan yang banyak, maka sembahyangnya dikira terbatal. Begitu juga jika seseorang bergerak tiga kali berturut-turut seperti menggerakkan sebelah tangannya ke muka, kemudian ke telinga dan seterusnya ke bahu, maka sembahyangnya juga akan batal. Selain itu, jika seseorang bergerak dengan kedua-dua belah tangannya walaupun mengangkat kedua-dua belah tangan itu sunat serta menggerakkan kepalanya dengan satu pergerakan lagi yang menjadikan tiga pergerakan berturut-turut, maka pada ketika itu batallah sembahyangnya.²²¹

3. (Ketiganya kedatangan hadas kecil atau besar).

Penjelasan

3. Berlakunya hadas besar atau kecil kepada orang yang sedang melakukan sembahyang. Misalnya, jika berlaku hadas kecil seperti terkeluar sesuatu dari

²²¹ Jika perbuatan yang dilakukan di dalam sembahyang itu ialah perbuatan yang ada di dalam sembahyang, seperti menambahkan rukuk dan sujud, jika seseorang itu sengaja atau mengetahui akan haramnya maka batallah juga sembahyangnya.(Al-Bujairimi, 2006 : 85). Pergerakan yang sunat iaitu seperti mengangkat kedua belah tangan sewaktu takbiratulihram, meletakkan tangan kanan dan kiri di bawah dada dan atas sedikit daripada pusat, mengangkat dua belah tangan seperti takbiratulihram pada ketika hendak rukuk, bangun daripada rukuk iaitu iktidal dan ketika bangun daripada tahiyyat awal kepada qiam dan meletakkan dua tapak tangan di atas dua paha ketika duduk tahiyyat awal dan akhir.(Zakaria Ahmad, 2000 : 141). Seterusnya kenyataan ini (melakukan perbuatan yang banyak lagi berturut-turut) disokong oleh Abdul Rahman Muhammad Hussain Umar yang masyhur dengan panggilan Ba-'Alawi, mufti negara Hadramaut seperti katanya, jika seseorang yang melakukan perbuatan mengangkat dua belah tangan pada ketika hendak rukuk, mengangkat tangan ketika hendak rukuk itu sunat tetapi disertakan dengan perbuatan yang lain daripada yang sunat seperti menggerakkan kaki maka batallah sembahyangnya kerana perbuatan itu dikira berturut-turut. Iaitu diambil kira dua belah tangan itu dua pergerakan dan mengerakkan kaki satu perbuatan lagi, maka dikira seseorang itu telah melakukan perbuatan itu berturut-turut.(Ba-'Alawi , 2004 : 71).

qubul atau duburnya secara tiba-tiba apabila seseorang itu sedang sembahyang, maka batallah sembahyangnya. Hadas besar pula adalah seperti terkeluar mani atau datang haid ketika seseorang itu sedang sembahyang. Ini juga menyebabkan sembahyangnya batal.²²²

4. (Keempatnya kedatangan najis yang tiada dimaaf akan dia).

Penjelasan

4. Terkena najis yang tidak dimaafkan, sama ada pada tubuh badan ataupun pakaianya. Contohnya apabila seseorang sedang sembahyang dan tiba-tiba najis cicak terjatuh di atas bajunya, maka batallah sembahyangnya itu. Namun jika terjatuh najis kering ke atas badannya atau pakaianya ketika seseorang sembahyang dan dia membuangnya dengan mengibas jatuh najis tersebut sebelum berlalu masa *thumaknina*, maka itu dimaafkan. Begitu juga jika najis basah terjatuh ke atas lebai atau serban dan dia mencampakkannya dengan segera dengan syarat sebelum berlalunya masa *thumaknina* itu juga dimaafkan.

5. (Kelimanya syak pada niat atau pada takbiratulihram serta panjang masa syaknya).

²²² Begitu juga seseorang yang sembahyang hormat waktu, dengan tidak mengambil wuduk dan bertayammum yang dikenali sebagai (فَاقِدُ الطَّهُورَيْنِ) dan orang yang sembahyang yang dikenali دائم (الْحَدِيثُ), iaitu orang yang sentiasa berhadas, jika berlaku kepada mereka hadas kecil atau besar maka batal juga sembahyang mereka. Jika berlakunya hadas itu sebelum seseorang yang sembahyang memberi salam yang pertama, sama ada memberi salam itu sengaja dilakukan oleh seseorang atau terlupa, jika datang hadas pada ketika itu maka batallah sembahyangnya. Tetapi jika hadas itu datang setelah selesai sembahyang maka sembahyang mereka itu dikira sah (Al-Bujairimi, 2006 : 87).

Penjelasan

5. Apabila seseorang tiba-tiba berasa syak atau ragu-ragu dalam tempoh yang agak lama sama ada dia telah berniat di dalam Takbiratulihram dengan sempurna atau sebaliknya semasa sedang takbiratulihram, maka pada ketika itu batallah sembahyangnya.²²³
6. (Keenamnya syak pada satu syarat daripada segala syarat sembahyangnya, seperti Zohor umpamanya padahal berkekalan atas syaknya).

Penjelasan

6. Apabila seseorang itu sudah berada dalam sembahyangnya, tetapi masih ragu-ragu sama ada telah menyempurnakan sebahagian daripada syarat niat yang wajib seperti *qasad* (iaitu sahaja aku sembahyang), *ta'arrad* (iaitu fardu) dan *ta'yin* (iaitu menentukan waktu seperti Subuh, Zohor dan seumpamanya). Jika keraguannya masih berkekalan, maka batallah sembahyangnya.²²⁴
7. (Ketujuhnya *taraddud*²²⁵ pada apa sembahyang yang diniatkan adakah ia Zohor atau Asar umpamanya).

Penjelasan

²²³ Perbahasan yang sama dinyatakan oleh al-Zuhaili. Sila lihat al-Zuhaili (Al-Zuhaili, 2006, jilid 1 : 778).

²²⁴ Kenyataan yang sama disebut oleh al-Zuhaili.(Al-Zuhaili, 2006, jilid 1 : 777).

²²⁵ تَرَدُّد iaitu ragu-ragu, bimbang hati atau berbelah bahagi.(Ibrahim, 1995 : 260)

7. Apabila setelah selesai takbiratulihram, seseorang masih lagi kekal ragu-ragu dengan apa-apa yang diniatkannya, maka pada ketika itu terbatallah sembahyangnya.
8. (Kelapannya niat hendak memutus akan sembahyang).

Penjelasan

8. Apabila seseorang itu berniat hendak menghentikan atau keluar daripada sembahyangnya setelah selesai sahaja takbiratulihram, maka dengan sendirinya terbatallah sembahyangnya itu.²²⁶
9. (Kesembilannya digantung hendak memutus akan dia dengan sesuatu).

Penjelasan

9. Masalah ini dinamakan taklik dalam sembahyang. Contohnya “jika hujan turun aku hendak berhenti daripada sembahyang”, maka dengan sendirinya terbatallah sembahyangnya ketika itu tanpa perlu menunggu hujan turun.²²⁸
10. (Kesepuluhnya mempaling akan sembahyang yang ada ia didalamnya kepada sembahyang yang lainnya).

Penjelasan

²²⁶ Kenyataan yang sedemikian dinyatakan oleh al-Kurdi.(Al-Kurdi, 1995 :161).

²²⁸ Perbincangan yang sama dinyatakan oleh al-Banjari.(Al-Banjari, 1343H : 231).

10. Jika seseorang itu menukarkan sembahyang fardu, misalnya daripada sembahyang Zohor kepada sembahyang Asar, dengan sengaja dan tahu bahawa itu haram, maka batallah sembahyangnya itu.²²⁹

11. (Kesebelasnya mengerja ia akan satu *rukun fe'li*²³⁰ pada yang bukan tempatnya dengan sengajanya seperti sujud ia dahulu).

Penjelasan

11. Jika seseorang yang menambah satu daripada rukun *fi'li* bukan pada tempat yang sepatutnya dengan sengaja, seperti melakukan perbuatan sujud sewaktu hendak turun untuk melakukan rukuk.

12. (Kedua belas berpaling dadanya daripada *kiblat*²³¹ dengan segaja atau dengan lupa dan panjang masa berpalingnya daripada rukuknya).

Penjelasan

²²⁹ Kecuali jika seseorang itu menukarkan sembahangnya daripada sembahang fardu kepada sunat mutlak, apabila selesai memberi salam daripada dua rakaat dia terus mengikut sembahang fardu secara berjemaah yang akan didirikan oleh para jemaah di masjid tersebut. Syaratnya sembahangnya itu tadi hendaklah bersendirian, tidak berjemaah dengan sesiapa. Maka tidak batal sembahangnya. Bahkan sunat baginya menukar niat itu jika luas waktu sembahang yang hendak didirikan tadi secara berjemaah. Jika sebaliknya (waktu sudah tidak mengizinkan) maka haram dia menukar niat sembahang fardu kepada sunat mutlak, semata-mata hendak sembahang fardu berjemaah dengan ahli qaryah di situ (Zakaria Haji Ahmad, 2000 : 151).

²³⁰ رُوكُونْ فَطْلِي iaitu perbuatan yang dilakukan. Jika seseorang itu meninggalkannya maka batallah sembahangnya. seperti berdiri tegak, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, dan duduk ketika tahiyat akhir. رُوكُونْ قَلْبِي iaitu diucapkan dengan lidah. Jika seseorang itu meninggalkannya maka batallah sembahangnya. seperti melafazkan takbiratulihram sewaktu mengangkat takbir, membaca *al-fatihah*, membaca tahiyat atau tasyahhud akhir, membaca selawat ke atas Nabi S.A.W pada tahiyat akhir dan mengucapkan salam yang pertama ke kanan. رُوكُونْ قَلْبِي iaitu merupakan lintasan dalam hati (niat). (Ismail kamus & Mohd Azrul Azlen, 2009 : 95).

²³¹ قِبْلَةٌ iaitu *Ka'bah* di Mekah. Atau arah, pihak dan hadap sewaktu hendak menunaikan sembahang. (Ibrahim, 1995 : 489).

12. Seseorang yang memalingkan dadanya atau setengah daripada dadanya ketika sembahyang daripada kiblat sama ada dengan sengaja atau lupa, atau melebihi masa ketika rukuk, maka terbatallah sembahyangnya.²³²
13. (Ketiga belasnya memberi salam²³³ dengan sengaja pada barang yang bukan tempat salam).

Penjelasan

13. Memberi salam dengan sengaja bukan tempat yang sepatutnya atau yang selayaknya dilakukan sedemikian, maka batallah sembahyang seseorang itu.
14. (Keempat belasnya terbuka aurat. Bermula yang *mu'tamadnya* jika membuka akan dia oleh yang lain daripada angin maka batal sembahyangnya semata-mata. Dan jika membuka akan dia oleh angin dan ditutup akan dia dengan segera dan tiada membawa kepada banyak perbuatan pada menutup akan dia dan tiada berulang-ulang keduanya maka tiada batal sembahyangnya).

Penjelasan

²³² Jika dada seseorang itu berpaling tidak terlalu lama, iaitu masa berpaling itu tidak melebihi masa ketika dia melakukan rukuk di dalam sembahyang maka yang demikian itu di maafkan.

²³³ سلام عليکم iaitu hendaklah ditelakkan لا pada perkataan السلام عليکم iaitu السلام الله علیکم. Maka tidak memadai dengan ucapan سلام الله علیکم²³⁴ bahkan batal sembahyang seseorang yang melafazkan sedemikian jika dia sengaja dan mengetahui hukumnya.

14. Jika aurat terbuka kecuali disebabkan angin seperti dengan perbuatannya sendiri, maka batal sembahyangnya. Jika terbuka auratnya disebabkan angin, maka dimaafkan. Jika aurat terbuka disebabkan angin, lalu dia menutup kainnya dengan segera tanpa banyak bergerak, maka itu juga dimaafkan. Jika ketika menutup auratnya berlaku terlalu banyak pergerakan, maka sembahyangnya terbatal.

15. (Kelima belasnya mengerja akan sesuatu yang membatal ia akan puasanya).

Penjelasan

15. Melakukan perbuatan yang boleh membatalkan puasanya.²³⁴

16. (Keenam belasnya melebih akan rukun *fe'li* dengan sengaja).

Penjelasan

16. Sengaja menambah satu rukun daripada rukun *fi'li*, seperti melakukan rukuk dua kali dengan sengaja, sedangkan dia bukan makmum yang *masbuk* yang mengikut imamnya, maka batal sembahyangnya.²³⁵

²³⁴ Seperti memasukkan sesuatu ke dalam rongga ketika sedang berpuasa, makan atau minum walaupun sedikit sekalipun maka batallah sembahyangnya melainkan seseorang itu terlupa atau dengan sebab tidak tahu kerana baru memeluk Islam dan orang yang duduk jauh daripada ulama yang tidak sampai ilmu pengetahuan kepadanya. Maka ini dimaafkan oleh Syarak.

²³⁵ Jika seseorang itu terlupa dan dia menambah perbuatan sujud atau *rukuk*, maka tidak batal sembahyangnya. Begitu juga jika seseorang itu mengulangi rukun *qauli* selain daripada rukun *fi'li* seperti dia ulang baca *al-fatihah* atau Tasyahhud berkali-kali, maka tidak batal sembahyangnya.(Al-Kurdi, 1995 : 160).

17. (Ketujuh belasnya berdehem-dehem atau tertawa atau menangis atau berhembus dengan mulut atau dengan hidung jika zahir dua huruf pada sekelianya itu).

Penjelasan

17. Jika seseorang itu berdehem-dehem, ketawa, menangis, menghembus nafas keluar melalui mulut atau pun hidung, serta melakukan sesuatu perbuatan yang memberi isyarat atau membawa maksud yang tersirat, atau nyata dua huruf atau satu huruf yang memberi faham apa yang dilakukannya itu, maka batallah sembahyangnya.²³⁶

18. (Kelapan belasnya memanjang akan rukun yang pendek dengan sengaja).

Penjelasan

18. Jika seseorang itu memanangkan rukun yang pendek dengan sengaja, maka batallah sembahyangnya.²³⁷

19. (Kesembilan belasnya terkemudian maknum daripada imamnya atau terdahulunya daripadanya dengan dua rukun *fe'li* keduanya dengan ketiadaan uzur).

²³⁶ Kenyataan yang sama juga disebut oleh Zakaria bin Ahmad, iaitu, begitu juga jika seseorang itu ketawa, menangis, menghembus nafas dengan mulut atau dengan hidung, batuk atau bersin jika nyata dua huruf atau satu huruf yang memberi faham maka batallah sembahyangnya. Melainkan bagi orang yang berpenyakit maka ia dimaafkan.(Zakaria Ahmad, 2000 : 147).

²³⁷ Rukun yang pendek iaitu seperti iktidal dan duduk antara dua sujud. Jika seseorang itu sengaja memanangkan atau melanjutkan masa ikidal atau duduk antara dua sujud pada salah satu daripada dua rukun sembahyang yang pendek ini maka batallah sembahyangnya.(Al-Syarbini, 1994 : 334).

Penjelasan

19. Jika makmum mendahului imam di dalam sembahyang, seperti rukuk serta iktidal sebelum imam melakukannya, maka batallah sembahyangnya kerana makmum sudah mendahului imam dengan dua rukun *fī'li*. Begitu juga jika imam sudah rukuk serta iktidal lalu bergerak untuk sujud, iaitu kadar had rukuk, sedangkan makmum masih ingin menghabiskan membaca *al-fatihahnya*, maka batallah sembahyang makmum jika dia ketinggalan dengan dua rukun *fe'li* tanpa sebarang keuzuran.²³⁸
20. (Kedua puluhnya mengiktiad akan yang fardu itu dengan sunatnya).

Penjelasan

20. Jika seseorang itu menyatakan perkara-perkara yang wajib dilakukan di dalam sembahyang itu hanya sunat atau sebaliknya, maka batallah sembahyangnya.²³⁹

²³⁸ Jika berlaku keuzuran kepada makmum seperti jika makmum terlupa membaca *al-fatihah* di dalam rakaat kedua, tiba-tiba imam *rukuk*, maka makmum hendaklah membaca *al-fatihah* hingga selesai jika makmum itu makmum yang *muwafik*, maka dimaafkan makmum itu ketinggalan daripada imam dengan tiga rukun yang panjang (Al-Fatani, 2005 : 102).

²³⁹ Seseorang yang hendak melakukan sembahyang, hendaklah tahu yang mana satu rukun, sunat *ab'ad* dan sunat *haiat*. Jika seseorang itu orang yang ‘alim, tetapi tidak tahu membezakan yang mana rukun dan yang mana sunat di dalam sembahyang, maka batal sembahyangnya. Sebaliknya jika seseorang itu orang pertengahan, iaitu orang awam yang kurang pengetahuan ilmu agama, maka dimaafkan jika sekiranya dia tidak menghukum yang rukun itu sebagai sunat dan yang sunat itu rukun, maka dia dimaafkan. Sebaliknya bagi orang awam ini juga, jika dia menghukum yang rukun seperti lafadz takbiratulihram itu hukumnya sebagai sunat, maka ketika itu sembahyangnya juga terbatal, kerana dia menghukum yang rukun sebagai sunat, atau sebaliknya.(Temu bual bersama ustaz Wan Hafiz bin Wan Salleh pada hari ahad bersamaan 28.03.2011).

21. (Kedua puluh satunya *murtad*²⁴⁰ berlindung kita dengan Allah daripadanya).

Penjelasan

21. Seseorang muslim yang terkeluar daripada agama Islam menunaikan sembahyang, maka sembahyangnya pada ketika itu terus terbatal dengan sendirinya.²⁴¹

4.22 Sembahyang fardu lima waktu

(فصل) Bermula sembahyang fardu yang lima waktu iaitu Zohor dan Asar dan Maghrib dan Isyak dan Subuh. Bermula waktu Zohor iaitu daripada tergelincir matahari daripada pertengahan langit pada penglihatan mata. Dan habis waktunya dengan jadi bayang-bayang suatu itu seumpama iaitu bayang-bayang yang lain daripada bayang-bayang rambang. Dan daripadanya awal waktu Asar dan berkekalan ia hingga jatuh matahari sekeliannya, maka habislah waktu Asar. Dan daripadanya awal waktu Maghrib dan berkekalan ia hingga hilang *syafaq*²⁴² yang merah sebelah matahari jatuh. Maka daripadanya habis waktu Maghrib iaitulah awal waktu Isyak. Dan berkekalan ia hingga naik *fajar sadiq*²⁴³ iaitu awalnya putih yang melintang langit sebelah matahari naik dan akhirnya merah. Dan daripadanya awal

²⁴⁰ مُرْتَدٌ iaitu perkara yang boleh terkeluar daripada Islam. Seperti seseorang itu menyatakan alam ini kadim.

²⁴¹ Murtad ketika sembahyang itu seperti, ketika dia berada di dalam sembahyang dia tidak percaya Allah S.W.T itu ada dan Allah yang menjadikan alam ini. Maka pada ketika itu dia telah jatuh murtad dengan hati. Wajib kembali kepada agama Islam. Dan wajib qada sembahyang yang telah ditinggalkan semasa murtadnya.

²⁴² شَفَقٌ iaitu awan-awan merah di langit (waktu Maghrib)(Noresah, 2005 : 1557)

²⁴³ صَادِقٌ فَجْرٌ iaitu awan-awan kemerahan di tepi langit.

waktu Subuh dan berkekalan ia hingga naik sedikit matahari, maka habislah waktu Subuh).

Penjelasan

Sembahyang fardu itu ada lima seperti berikut:

1. Sembahyang Zohor itu, waktunya bermula dari tergelincirnya matahari di pertengahan langit ke arah barat²⁴⁴ dan berakhir apabila bayang sebatang kayu yang diletakkan di atas bumi itu melebihi saiz batang kayu tersebut.
2. Waktu Asar pula bermula apabila bayang batang kayu yang diletakkan di atas bumi itu melebihi saiz asalnya sehinggalah matahari terbenam.
3. Waktu Maghrib bermula dari matahari terbenam hingga hilang awan-awan merah di langit di tempat matahari jatuh.
4. Waktu Isyak bermula dari hilangnya awan-awan merah di langit hingga terbit *fajar sadiq*, iaitu apabila awan-awan kemerahan di tepi langit pada waktu pagi sedang menjelma.
5. Waktu Subuh bermula apabila terbitnya *fajar sadiq* hingga terbitnya matahari pagi.²⁴⁵

4.23 Azan dan Iqamah

(فصل) Bermula pekerjaan yang sunat kerja akan dia dahulu²⁴⁶ daripada sembahyang iaitu dua perkara, bang²⁴⁷ dan iqamah. Maka sunat bagi laki-laki itu perbuat

²⁴⁴ Dalam bahasa Arabnya dipanggil زوال iaitu tergelincirnya matahari daripada pertengahan langit kepada pihak مغرب iaitu barat. Maka dinamakan pada waktu itu waktu إستواء iaitu rembang matahari. Jika ada bayang rembang atau nyata bayang sesuatu itu maka ketika itu dikira sedah masuk waktu Zohor.

²⁴⁵ Kenyataan tersebut dibincangkan oleh al-Husaini.(Al-Husaini, 1992 : 83-85).

keduanya.²⁴⁸ Dan sunat bagi perempuan itu qamah jua. Dan syarat bagi orang yang bang dan qamah itu tiga perkara :

1. Pertamanya Islam.
2. Keduanya *mumayyiz*.
3. Ketiganya laki-laki).

Penjelasan

Sebelum menunaikan sembahyang, disunatkan melakukan dua perkara, iaitu azan dan iqamat. Orang lelaki disunatkan melakukan azan dan iqamat ketika hendak mendirikan sembahyang manakala yang perempuan sudah memadai dengan iqamat sahaja. Syarat bagi mereka yang hendak melakukan azan dan iqamat adalah seperti berikut:

1. Orang Islam.
2. Telah *mumayyiz*.
3. Lelaki.

(Maka jika ada ia didiri akan dia bagi keduanya oleh imam maka iaitu enam syarat :

1. Pertamanya Islam.
2. Keduanya ‘akil.

²⁴⁶ Iaitu sebelum daripada sembahyang.

²⁴⁷ Iaitu azan.

²⁴⁸ Iaitu bang dan iqamah.

3. Ketiganya baligh.
4. Keempatnya orang yang kepercayaan.
5. Kelimanya laki-laki.
6. Keenamnya mengetahui dengan waktu).

Penjelasan

Bagi seseorang imam yang hendak melakukan azan dan iqamat, beberapa syarat perlu ada padanya iaitu :

1. Hendaklah seseorang itu orang Islam.
2. Berakal dengan akal yang waras.
3. Cukup umur.²⁴⁹
4. Orang yang boleh diharap untuk melaungkan azan dan iqamat.
5. Hendaklah seorang lelaki.²⁵⁰
6. Yakin telah masuk waktu sembahyang fardu.

(Dan disyaratkan bagi lafaz bang dan qamah itu lima perkara :

1. Pertamanya tertib antara sekelian kalimah keduanya.
2. Keduanya berturut-turut antara sekelian kalimahnya.
3. Ketiganya dengan nyaring jika bagi jamaah.

²⁴⁹ Iaitu sekiranya lelaki, keluar air mani hasil bermimpi sewaktu tidurnya. Maka ketika itu budak itu sudah cukup umur atau disebut sebagai baligh.

²⁵⁰ Adapun orang perempuan dan khunsa tidak disunatkan azan.(Al-Mursofi, 2007, jilid 1 : 169).

4. Keempatnya masuk waktu sembahyang fardu melainkan bang Subuh, maka masuk waktunya daripada tengah malam.
5. Kelimanya ketiadaan dahulu bang akan dia atas bang orang lain).

Penjelasan

Disyaratkan pula lafaz azan dan iqamat itu dengan beberapa syarat berikut:

1. Hendaklah mengikut susunan lafaz azan dan iqamat yang telah ditetapkan oleh syarak, iaitu bermula daripada **الله أَكْبَر** hingga **لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ أَكْبَر**.
2. Hendaklah diulang dua kali seperti **الله أَكْبَر** kemudian sebut sekali lagi **الله أَكْبَر** **الله أَكْبَر** begitulah seterusnya.
3. Jika sembahyang itu hendak didirikan secara berjemaah, maka hendaklah dikuatkan sedikit suara ketika azan dan iqamat.
4. Telah masuk waktu sembahyang fardu dengan yakin, kecuali sembahyang fardu Subuh sahaja kerana semasa waktu Subuh disunatkan azan satu jam sebelum masuk waktu Subuh yang sebenar.²⁵¹
5. Seseorang itu azan atau iqamat, kemudian setengah daripada kalimah azan dan iqamat itu disambung pula oleh orang lain, atau seseorang itu melakukan azan di masjid, lalu bilal di surau yang lain menyambung lafaz azan yang dilaungkan oleh bilal di masjid.²⁵²

²⁵¹ Jika azan dilaungkan sebelum masuk waktu sembahyang, maka azan itu dianggap tidak sah, ini yang telah diijma'kan oleh para ulama.(Al-Fatani, t.t : 145). Kecuali sembahyang fardu Subuh, maka bilal diharuskan azan sejam sebelum waktu yang sebenar.(Al-Fatani, t.t : 145).

²⁵² Hukum menyambung azan orang yang sedang azan di surau sebelah kampungnya itu adalah tidak dianggap sah di sisi syarak.(Al-Fatani, t.t : 145). Seperti dia mulakan azan pada kalimah **حَمْدُ اللَّهِ الْعَظِيمِ** bukan dari permulaan lafaz azan yang sepatutnya. Maka tidak sah azan itu di sisi syarak.

(Dan ditambah pada qamah ketiadaan penceraian yang panjang pada ‘uruf²⁵³ antaranya dan antara sembahyang. Dan sunat keadaan orang yang bang dan qamah itu elok suaranya dan deras ia. Dan suci ia daripada *hadas*²⁵⁴ dan *najis*²⁵⁵ lagi adil ia jikalau pada *riwayat*²⁵⁶ sekalipun. Dan berdiri ia bagi keduanya dan mengadap kiblat dan di atas tempat yang tinggi. Dan sunat berpaling mukanya kepada pihak kanannya pada waktu berkata :

حَيٌّ عَلَى الصَّلَاةِ²⁵⁷

Dan kepada pihak kirinya pada waktu berkata :

حَيٌّ عَلَى الْفُلَاحِ²⁵⁸

Dan ditaruh dua telunjuknya di dalam dua lubang telinganya. Dan *sunat tarji*²⁵⁹ pada bang iaitu berkata dengan dua kalimah syahadah pada hal seru dahulu daripada berkata dengan keduanya pada hal nyaring.

Bermula segala kalimah bang dan qamah itu hendaklah engkau tuntut akan dia di dalam kitab yang panjang-panjang).

²⁵³ عُرْفٌ iaitu pada bahasa berasal daripada *ma’rifah* kemudian digunakan dengan pengertian sesuatu yang *ma’ruf* yang biasa diamalkan. Yang dikira baik dan diterima oleh akal yang sejahtera.(Md. Saleh, 2000 : 101)

²⁵⁴ حَدَثٌ iaitu seseorang itu dalam keadaan berhadas kecil atau besar.

²⁵⁵ نَجَسٌ iaitu kekotoran.

²⁵⁶ روایةٌ iaitu percakapan.

²⁵⁷ Iaitu marilah mengerjakan sembahyang.

²⁵⁸ Iaitu marilah menuju kejayaan.

²⁵⁹ أَكْبَرَ اللَّهُ أَكْبَرَ تَرْجِيعٌ iaitu setelah tukang bang melaungkan sebanyak dua kali sebelum dia meneruskan dengan dua kalimah syahadah maka sunat dia berkata dahulu dengan perlahan dengan lafaz أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ juga sebanyak dua kali.

Penjelasan

Selepas bilal iqamat, tidak boleh ada masa terluang terlalu lama antara selepas iqamat dengan waktu hendak memulakan sembahyang kecuali mengikut suasana, keadaan dan kebiasaan orang di situ berbuat demikian. Disunatkan juga kepada orang yang melafazkan iqamat bersuara kuat dan nyaring. Dia juga hendaklah bersuci daripada hadas besar atau hadas kecil serta adil dalam segala tingkah laku dan bercakap benar.

Bilal hendaklah berdiri ketika azan dan iqamat, menghadap kiblat dan berada di tempat yang tinggi untuk didengari oleh masyarakat. Kemudian sunat bagi bilal memalingkan mukanya ke sebelah kanan ketika dia berkata **حَيْ عَلَى الصَّلَاةِ** dan memalingkan mukanya ke sebelah kiri ketika dia berkata **حَيْ عَلَى الْفُلَاحِ**. Bilal juga disunatkan meletakkan dua jari telunjuknya ke dalam dua lubang telinganya.

Kemudian disunatkan *tarji'* dengan suara yang perlahan pada ketika azan sahaja, iaitu setelah tukang azan melaungkan **الله أَكْبَرَ - الله أَكْبَرَ** sebanyak dua kali sebelum meneruskannya dengan dua kalimah syahadah, maka sunat bilal itu berkata dahulu **أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللهِ** sebanyak dua kali kemudian **أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ** juga sebanyak dua kali.

Lafaz azan dan iqamat yang lengkap boleh didapati dalam kitab fiqah seperti karangan al-Syekh Daud bin Abdullah bin Idris al-fatani dan karangan al-Syekh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari.²⁶⁰

²⁶⁰ Kalimah bang atau lafaz azan itu seperti:

الله أَكْبَرَ الله أَكْبَرَ
أشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ
أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللهِ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللهِ

Sunat bagi orang yang mendengar bang dan qamah itu menjawab seperti barang yang berkata oleh keduanya. Melainkan pada lafaz :

حَيٌّ عَلَى الصَّلَاةِ

Dan :

حَيٌّ عَلَى الْفَلَاحِ

Maka dijawab daripada keduanya dengan :

لَا حَوْلَ وَ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ²⁶¹

Dan melainkan pada :

الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ²⁶²

حي على الصلاة - حي على الصلاة
حي على الفلاح - حي على الفلاح
الصلاحة خير من النوم - الصلاة خير من النوم :
إله أكبر الله أكبر
لا إله إلا الله

Lafaz iqamat pula seperti berikut :

الله أكبر الله أكبر
أشهد أن لا إله إلا الله
أشهد أن محمدا رسول الله
حي على الصلاة
حي على الفلاح
قد قامت الصلاة - قد قامت الصلاة
الله أكبر الله أكبر
لا إله إلا الله

²⁶¹ Maknanya tidak ada daya dan tidak ada kuasa melainkan dengan kekuasaan Allah yang maha tinggi lagi maha besar.

Maka dijawab daripadanya dengan :

صَدَقْتَ وَبَرْرْتَ²⁶³

Dan melainkan pada lafaz :

فَدُّقَامَتِ الصَّلَاةُ²⁶⁴

Dijawab daripadanya dengan :

أَقَامَهَا اللَّهُ وَأَدَمَهَا مَادَمَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَجَعَلَنِي مِنْ صَالِحِي أَهْلِهَا²⁶⁵

Dan tatakala selesai orang yang bang dan qamah daripada bangnya dan qamahnya dan orang yang menjawab selesai daripada jawabnya maka sunatlah bagi sekelian mereka itu membaca doa ini:

اللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ آتِ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَالشَّرْفَ وَالدَّرَجَةَ الْعَالِيَةَ

الرَّفِيعَةَ وَابْعَثْنِي إِلَيْهِ الْمَقَامَ الْمَحْمُودَ الْذِي وَعَدْتَنِي إِنَّكَ لَا تَخْلُفُ الْمِ�يَعَادَ).²⁶⁶

²⁶² Maknanya sembahyang itu lebih baik daripada tidur.

²⁶³ Maknanya, kamu benar dan kamu melakukan perbuatan yang baik.

²⁶⁴ Maknanya, sesungguhnya sembahyang akan didirikan.

²⁶⁵ Maknanya, didirikan oleh Allah dan dikekalkannya (sembahyang itu) selama mana adanya tujuh petala langit dan bumi. Ya tuhan kami, jadikanlah aku daripada orang yang soleh daripada ahli solat.

²⁶⁶ Maknanya tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu adalah pesuruh Allah. Ya Allah tuhan yang memperkenankan seruan yang sempurna dan solat yang akan didirikan. Kurniakanlah kepada

Penjelasan

Adalah sunat bagi orang yang mendengar azan dan iqamat menjawab seperti apa-apa حي على الفلاح dan حي على الصلاة yang disebut bilal, kecuali ketika bilal menyebut لا في الصلاة خير من النوم dalam azannya, maka orang mendengarnya hendaklah menjawab dengan perkataan لا الصلاة خير من النوم . Ketika bilal menyebut dalam azannya، صدقت وبررت . حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم orang yang mendengarnya hendaklah menjawab dengan perkataan أقامها الله وأدامها مادامت السموات والأرض وجعلني من صالحى أهلها . Seterunya apabila bilal iqamat dan menyebut قد قامت الصلاة sebanyak dua kali dalam iqamatnya, maka orang yang mendengarnya hendaklah menjawab dengan perkataan

Setelah selesai azan dan iqamat, adalah sunat bagi bilal dan para jemaah membaca doa seperti yang tersebut dalam kitab-kitab fiqah²⁶⁷ iaitu seperti yang berikut:

اللهم رب هذه الدعوة الثامنة والصلوة القائمة آت سيدنا محمدا الوسيلة والفضيلة والشرف والدرجة العالية
الرقيقة وبعثة المقام المحمود الذي وعدته إلك لا تخلف الميعاد.

Penghulu kami Nabi Muhammad S.A.W ketinggian, kelebihan dan darjah yang tinggi dan kurniakanlah kepadanya kedudukan yang terpuji yang telah Engkau janjikan. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji.

²⁶⁷ Tersebut lafaz azan dan iqamah serta doa keduanya itu dalam kitab, *Sabilal al-Muhtadin* karangan al-Syekh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, *Bughyatul Thullab*. Karangan al-Syekh daud bin Abdullah bin Idris al-Fathoni; kitab *Hasyiah al-Bujairimi 'ala syarhi manjah al-Tullab* karangan al-Syekh al-Kabir Muhammad al-Mursofi, dan lain-lain lagi.

BAB FI ARKAN AL-SOLAT

(بَابُ فِي أَرْكَانِ الصَّلَاةِ)

4.24 Rukun-rukun sembahyang

(Ini suatu bab pada menyatakan segala rukun sembahyang. Bermula rukun sembahyang itu tiga belas perkara :

1. Pertamanya niat dengan hati.
2. Keduanya takbiratulihram.
3. Ketiganya berdiri betul.
4. Keempatnya membaca *fatihah*.
5. Kelimanya rukuk.
6. Keenamnya iktidal.
7. Ketujuhnya sujud.
8. Kelapannya duduk antara dua sujud.
9. Kesembilannya membaca tahiyat akhir.
10. Kesepuluhnya selawat akan nabi pada tahiyat akhir.
11. Kesebelasnya duduk bagi keduanya.
12. Keduabelasnya memberi salam.

13. Ketigabelasnya tertib pada kebanyakan rukun yang tersebut itu).

Penjelasan

Terdapat 13 perkara dalam rukun sembahyang²⁶⁸, iaitu:

1. Niat di dalam hati dikenali sebagai rukun *qalbi*.
2. Takbiratulihram dikenali sebagai rukun *fi 'li*.
3. Berdiri betul bagi orang yang berkuasa (rukun *fi 'li*).
4. Membaca surah *al-Fatihah* dikenali sebagai rukun *qauli*.
5. Rukuk serta *tamaknina* (rukun *fi 'li*).
6. Iktidal serta *tamaknina* (rukun *fi 'li*).
7. sujud serta *tamaknina* (rukun *fi 'li*).
8. Duduk antara dua sujud serta *tamaknina*, atau juga dikenali dengan duduk *iftirash* (rukun *fi 'li*).
9. Duduk tahiyyat akhir atau dikenali juga sebagai duduk *tawarruk* (rukun *fi 'li*).
10. Membaca tahiyyat akhir dikenali sebagai rukun *qauli*.
11. Selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W (rukun *qauli*).²⁶⁹
12. salam pertama. (rukun *qauli*).

²⁶⁸ Mengikut pandangan ulama bahawasanya rukun sembahyang itu dikategorikan kepada tiga bahagian:

1. Rukun *qalbi*, iaitu yang berkait dengan hati ketika hendak melakukan niat sembahyang dan tertib pada kebanyakan rukun di dalam sembahyang.
2. Rukun *qauli*, iaitu yang berkait dengan perkataan di dalam sembahyang seperti takbiratulihram, membaca surah *al-fatihah*, membaca tasyahud akhir, selawat ke atas Nabi S.A.W dan salam yang pertama.
3. Rukun *fi 'li*, iaitu yang berkait dengan perbuatan di dalam sembahyang seperti berdiri betul, *rukuk*, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud dan duduk tasyahhud akhir.(Al-Banjari, 1343H : 216).

²⁶⁹ Selawat ke atas keluarga Nabi Muhammad S.A.W pada tahiyyat akhir ini sunat *ab'ad*. Jika seseorang itu terlupa membacanya tidak membantalkan sembahyang, tetapi disunatkan sujud *sahwi*. (Ismail Kamus/Mohd Azrul Azlen, 2009 : 101).

13. Tertib pada semua rukun sembahyang dari mula hingga akhir dengan mengikut aturannya.²⁷⁰

4.24.1 Niat sembahyang

(فصل) Bermula niat sembahyang iaitu atas empat martabat dengan iktibar segala juzuk niat :

1. Martabat yang pertamanya iaitu sembahyang yang memada pada niatnya dengan *qasad* jua. Ertinya meniat akan zat sembahyang jua seperti diniatnya :

نَوَيْنُ أَصْلَى

Ertinya sahaja aku sembahyang. Iaitu tiap-tiap sembahyang yang tiada mempunyai waktu dan sebab, iaitu sembahyang sunat mutlak dan dihubung dengan dia seperti tahiyyatul al-masjid dan minta hujan dan sembahyang hajat dan istikhara dan sunat wuduk dan tahajud dan lainnya daripada tiap-tiap sembahyang yang diqasad dengan dia memperbuat sembahyang jua.

2. Dan martabat yang keduanya iaitu sembahyang yang memada dengan *qasad* dan *ta'yin* ertiya meniat akan zat sembahyang dan meniat akan waktunya atau sebabnya. Iaitu tiap-tiap sembahyang sunat yang mempunyai waktu atau mempunyai sebab seperti segala sunat rawatib dan sunat gerhana seperti diniatnya:

²⁷⁰ Jika tidak mengikut tertib, sembahyang itu akan terbatal. Tertib boleh ditakrifkan sebagai mendahulukan yang dahulu dan mengkemudiankan yang kemudian.(Ismail Kamus/Mohd Azrul Azlen, 2009 : 95). Ini dikenali sebagai rukun *qalbi*.

أَصْلَى سُنَّة الظُّهُرِ قَبْلَيْهِ أَوْ بَعْدَيْهِ

Ertinya sahaja aku sembahyang sunat Zohor dahulu daripadanya atau kemudian daripadanya atau :

أَصْلَى سُنَّة الْخُسُوفِ الشَّمْسِ أَوِ الْقَمَرِ

Ertinya sahaja aku sembahyang sunat gerhana matahari atau gerhana bulan.

3. Dan martabat yang ketiganya sembahyang yang memada pada niatnya dengan *qasad* dan *ta'rrad* dan *ta'yin*. Erti *ta'rrad* itu meniat akan fardu. (Iaitu) segala sembahyang fardu yang lima waktu ini, demikianlah niatnya :

أَصْلَى فَرْضَ الظُّهُرِ أَوِ الْعَصْرِ أَوِ الْمَغْرِبِ أَوِ الْعِشَاءِ أَوِ الصُّبْحِ

Ertinya sahaja aku sembahyang fardu Zohor atau fardu Asar atau fardu Maghrib atau fardu Isyak atau fardu Subuh.

4. Dan martabat yang keempatnya sembahyang yang memada pada niatnya dengan *qasad* dan *ta'rrad* dan *ta'yin* dan *ta'yin nafsihi*. Ertinya menentu akan dirinya imam atau makmum, iaitu sembahyang jumaat dan seumpamanya sembahyang qasar kerana wajib padanya niat qasar,²⁷¹ demikianlah niatnya :

أَصْلَى فَرْضَ الْجُمُعَةِ إِمَامًا مَأْمُومًا

Ertinya sahaja aku sembahyang fardu jumaat aku imam atau aku makmum :

أَصْلَى فَرْضَ الظُّهُرِ أَوِ فَرْضَ الْعَصْرِ أَوِ فَرْضَ الْعِشَاءِ مَقْصُورَةً أَوِ رَكْعَتَيْنِ

²⁷¹ 271 تعيين نفسه iaitu seseorang itu hendaklah menentukan dirinya samaada dirinya sebagai imam atau makmum ketika menunaikan solat berjamaah. Contohnya ketika seseorang menunaikan sembahyang fardu jumaat maka tidak dapat tidak kena menentukan dirinya samaada dirinya makmum atau imam. Begitulah juga sembahyang ketika musafir. Maka wajib seseorang itu meniatkan qasar pada sembahyang yang empat rakaat itu.

Ertinya sahaja aku sembahyang fardu Zohor atau fardu Asar atau fardu Isyak di qasar kan atau dua rakaat.

Dan sunat pada sekeliannya itu niat bilang-bilang rakaat dan niat kerana Allah.)²⁷²

Penjelasan

Niat sembahyang melibatkan empat martabat seperti yang berikut:

1. Sembahyang yang dikira memadai pada niat dengan *qasad* semata-mata, iaitu niat diri sembahyang sahaja seperti نوبت أصلی (ertinya sahaja aku sembahyang). Niat sembahyang seperti ini memadai bagi sembahyang yang tidak mempunyai waktu dan sebab (seperti sembahyang sunat mutlak) serta sembahyang yang berhubung dengan sesuatu,²⁷³ (seperti sembahyang sunat tahiyyatul al-masjid, sembahyang sunat minta hujan, sembahyang sunat hajat, sunat istikharah, sunat wuduk, dan sunat tahajud). Maka setiap sembahyang yang diqasadkan²⁷⁴ sahaja boleh terus dilakukan.
2. Sembahyang yang dikira memadai pada niat dengan *qasad* dan *ta'yin*,²⁷⁵ iaitu niat diri sembahyang dan disertakan dengan waktu atau sebab sembahyang itu dilakukan. Sembahyang sunat yang mempunyai waktu atau yang

²⁷² Maka sunat sahaja seseorang itu menambah pada niatnya dengan berkata empat rakaat kerana Allah ta'ala. Iaitu pada sembahyang Zohor misalnya dengan katanya sahaja aku sembahyang fardu Zohor empat rakaat mengikut imam kerana Allah ta'ala.

²⁷³ Iaitu segala sembahyang sunat yang mempunyai waktu atau tidak dan segala sembahyang yang mempunyai sebab terdahulu atau yang mempunyai sebab yang terkemudian. Maka memadailah seseorang itu mengqasadkan dalam hati dengan katanya sahaja aku sembahyang sahaja.

²⁷⁴ *Qasad* itu bermaksud kehendak, iaitu berkehendak untuk melakukan sesuatu yang disertai dengan perbuatan. Seseorang itu menjasaskan dalam hati dengan katanya sahaja aku sembahyang.(Al-banjari, 1343H :183).

²⁷⁵ Seseorang itu mengqasad dan *ta'yin* dalam hati dengan katanya “sahaja aku sembahyang sunat sebelum Zohor atau selepas Zohor” atau “sahaja aku sembahyang sunat gerhana matahari atau bulan”. Zat sembahyang, iaitu sembahyang sunat, dan waktu atau sebabnya pula ialah sebelum sembahyang Zohor atau selepasnya. Begitulah juga zat sembahyang itu kategorinya sunat dan waktu atau sebabnya pula ialah gerhana matahari atau bulan. (Al-banjari, 1343H :184).

mempunyai sebab (seperti sembahyang sunat rawatib, iaitu sembahyang sunat yang mengiringi sembahyang fardu seperti, sembahyang sunat sebelum dan selepas sembahyang fardu) dan sembahyang yang mempunyai sebab (seperti sembahyang sunat gerhana bulan atau matahari). Maka niat dan *ta'yin* perlu disertakan sekali seperti، أصلی سنة الظہر قبلیة او بعديۃ yang bererti “sahaja aku sembahyang sunat Zohor sebelum atau selepasnya”; sembahyang sunat gerhana matahari atau bulan juga perlu disertakan *qasad* dan *ta'yin* seperti أصلی سنة کسوف الشمسم او خسوف القمر yang bererti “sahaja aku sembahyang sunat gerhana matahari atau gerhana bulan”. Niat sembahyang sunat seperti ini sudah memadai bagi sembahyang sunat yang mempunyai waktu atau yang mempunyai sebab.

3. Sembahyang yang dikira memadai pada niat dengan *qasad*, *ta'yin* dan *ta'arrud*. *Ta'arrud* ialah meniatkan fardu bagi sembahyang yang lima waktu. أصلی فرض الظہر / العصر / المغرب / العشاء / الصبح Niatnya adalah seperti (Sahaja aku sembahyang fardu Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh).²⁷⁷
4. Sembahyang yang dikira memadai pada niat itu, iaitu ada *qasad*, *ta'arrud*, *ta'yin* dan *ta'yin nafsihi*. *Ta'yin nafsihi* merujuk pada seseorang yang hendak sembahyang dalam niatnya perlu melalui *qasad*, *ta'arrud*, *ta'yin* dan *ta'yin nafsihi*, iaitu sama ada dia sembahyang sebagai imam atau makmum. Wajib baginya menyebut sama ada dia imam atau makmum seperti dalam sembahyang Jumaat. Jika imam tidak meniatkan dirinya sebagai imam maka sembahyang Jumaat itu tidak sah. Begitu juga makmum jika tidak diniatkan dirinya makmum maka tidak dikira Jumaat baginya. Niat ketika sembahyang

²⁷⁶ Seseorang itu niat dalam hatinya dengan katanya “sahaja aku sembahyang fardu Zohor, fardu Asar, fardu Maghrib, fardu Isyak dan fardu Subuh”. “Sahaja aku sembahyang” itu dikenali sebagai *qasad*, “fardu” pula dikenali sebagai *ta'yin* manakala “Zohor” pula sebagai *ta'rrod*.

²⁷⁷ Niat seperti ini perlu ada bagi sembahyang fardu ketika seseorang itu niat untuk melakukan sembahyang.

Jumaat berjemaah ialah (sahaja aku sembahyang fardu Jumaat imam atau makmum). Begitu juga sembahyang qasar. Wajib disebutkan qasar di dalam niatnya iaitu، أصلی فرض الظہر / فرض العصر / فرض العشاء مقصورة أو رکعتین (sahaja aku sembahyang fardu Zohor, fardu Asar atau fardu Isyak diqasarkan atau dua rakaat).

Jika semasa dalam niat seseorang menambah dengan menyebut bilangan rakaat sembahyangnya dan diakhiri dengan diniatkan kerana Allah, hukumnya adalah sunat seperti “sahaja aku sembahyang fardu Zohor mengikut imam empat rakaat tunai kerana Allah ta’ala”.

(تنبیه) Bermula *hikmah*²⁷⁸ dituntut meniat akan zat sembahyang kerana mengeluar dengan dia segala ibadat yang lain daripada sembahyang. Dan keluar segala sembahyang yang sunat dengan niat fardu dan keluar segala jenis waktu dengan niat satu waktu yang tertentu. Dan keluar makmum dengan niat dirinya imam dengan ‘*akasnya*,²⁷⁹ (وَاللَّهُ أَعْلَم).

Penjelasan

Adapun *hikmah*²⁸⁰ agar seseorang itu dituntut supaya meniatkan diri (zat) sembahyang itu adalah untuk membezakannya dengan ibadat yang lain. Misalnya

²⁷⁸ حکمة iaitu rahsia, kelebihan atau tujuan sebenar di sebalik sesuatu perkara atau pun kejadian.(Noresah, 2005 : 535)

²⁷⁹ عکس iaitu sebaliknya.(Ibrahim, 1995 : 430).

²⁸⁰ Rahsia dituntut seseorang itu melakukan niat setiap kali hendak menunaikan sembahyang ialah :
1. Seseorang yang niat sembahyang fardu sebagai contoh, maka niatnya itu tidak bersangkutan dengan ibadat yang lain selain daripada sembahyang sahaja.

seseorang yang niat sembahyang sunat, niatnya tidak melibatkan ibadat lain selain daripada sembahyang sahaja. Maka sudah pasti tidaklah dikatakan sembahyangnya itu sebagai sembahyang fardu, Jika seseorang itu niat sembahyang sunat gerhana bulan, maka sembahyangnya tidak termasuk segala sembahyang sunat yang lain seperti sembahyang sunat sebelum Zohor dan sebagainya. Ini kerana ia berbeza dari segi waktu sembahyang tersebut. Begitu juga apabila seseorang itu niat sebagai makmum sahaja, maka dia ketika itu bukan menjadi seorang imam dan begitulah juga apabila seseorang itu niat imam maka dia tidak lagi dikatakan sebagai seorang makmum.

4.24.2 Takbiratulihram

(فصل) Bermula takbiratulihram iaitu dua puluh satu syarat iaitu :

1. Ditakbir dengan bahasa Arab bagi orang yang kuasa dengan dia dan jika tiada diterjemah akan dia dengan barang apa bahasa ada ia.
 2. Dan dengan lafaz “Allah”.
 3. Dan dengan lafaz “Akbar”.
 4. Dan dengan tertib antara keduanya.
-
2. Jika seseorang itu niat sembahyang fardu maka tidak termasuklah sembahyang-sembahyang sunat, hanya dikhususkan kepada sembahyang fardu sahaja.
 3. Jika seseorang itu niat sembahyang fardu Zohor, maka tidak termasuklah sembahyang yang lain seperti Asar atau Maghrib kerana waktu sembahyang Zohor itu iaitu setelah tergelincir matahari hingga bayang sebatang kayu yang diletakkan di atas tanah itu melebihi saiz batang kayu tersebut.
 4. Dan jika seseorang itu niat sembahyang sunat gerhana bulan maka tidak termasuklah segala sembahyang sunat yang lain seperti, sembahyang sunat sebelum Zohor dan sebagainya.
 5. Apabila seseorang itu niat sebagai makmum sahaja maka tidak lagi dikatakan kepadanya pada ketika itu sebagai imam. Begitulah juga apabila seseorang itu niat imam maka tidak dikatakan lagi kepadanya sebagai makmum.

5. Dan pada ketika berdiri pada sembahyang fardu.
6. Dan ketiadaan *mad* akan hamzah lafaz “Allah”.
7. Dan tiada menggugur akan hamzah “akbar”.
8. Dan ketiadaan *mad* akan *ba'* “akbar”.
9. Dan ketiadaan *tashdid* akan dia.
10. Dan ketiadaan menambah “*waw*” yang sakin atau yang berbaris antara dua kalimahnya.
11. Dan ketiadaan “*waw*” dahulu daripada lafaz Allah.
12. Dan ketiadaan menukar hamzah dengan *waw*.
13. Dan ketiadaan menukar “*kaf*” Akbar itu dengan hamzah.
14. Dan ketiadaan memanjang akan alif yang antara “*lam*” dan “*Ha*” itu lebih daripada empat belas harakat.
15. Dan ketiadaan diam yang panjang antara dua kalimahnya iaitu diam yang lebih daripada kadar bernafas dan penat atau diam yang pendek yang diqasad dengan dia memutus akan takbirnya.
16. Dan memerdengar akan dirinya dengan sekelian hurufnya.
17. Dan masuk waktu.
18. Dan pada hal mengadap kiblat.

19. Dan ditakdirkan²⁸¹ akan dia kemudian daripada takbiratulihram imamnya pada hak maknum.
20. Dan ketiadaan mempaling akan dia daripada takbiratulihram kepada takbir yang lain daripadanya.
21. Dan wajib dimuqaranah²⁸² ertinya diserta akan niat sembahyang itu dengan dia).

Penjelasan

Syarat takbiratulihram pula melibatkan 21 syarat, iaitu:

1. Takbiratulihram itu hendaklah di dalam bahasa Arab bagi orang yang mampu menyebutnya. Jika tidak, maka bolehlah seseorang itu menterjemah lafaz “Allahu Akbar” ke dalam bahasa yang diketahuinya.²⁸³
2. Takbiratulihram itu hendaklah dengan lafaz الله sahaja.²⁸⁴
3. Takbiratulihram itu juga hendaklah dilafazkan dengan أَكْبَرْ sahaja.²⁸⁵
4. Lafaz takbiratulihram itu perlu mengikuti tertib, iaitu perlu mengikut urutannya.²⁸⁶
5. Syarat takbiratulihram ialah perlu berdiri bagi yang mampu. Jika tidak mampu berdiri, maka hendaklah dilakukan sambil duduk.

²⁸¹ تأخير iaitu dikemudiankan dan dilewatkan.(Ibrahim, 1995 : 8)

²⁸² مقارنة iaitu penyertaan.(Ibrahim, 1995 : 499).

²⁸³ Seperti dengan berkatanya “Allah yang maha agung” ketika di dalam takbiratulihramnya.(Al-Banjari, 1343H : 188).

²⁸⁴ Dan tidak boleh dipanjangkan pada huruf “hamzah” dan pada huruf “ha”. Ini kerana boleh mengubah dari segi maknanya.

²⁸⁵ Tidak boleh dilafazkan dengan الله أَجْلَ وَالرَّحْمَنُ أَكْبَرُ , الله كَبِيرٌ , الله أَكْبَرْ dan الرحمن أَكْبَرْ atau sebagainya.

²⁸⁶ Tidak boleh seseorang itu berkata أَكْبَرْ الله maka hendaklah seseorang itu melafazkan mengikut tertib seperti yang telah ditetapkan. Iaitu dengan lafaz الله أَكْبَرْ juga.

6. Tidak boleh dibaca dengan *mad* (panjang) pada huruf “hamzah”. Jika dibaca panjang pada huruf “hamzah” maka ini akan mengubah maknanya, iaitu bermakna “adakah Allah itu?”
7. Tidak boleh dibuang huruf “hamzah” pada kalimah أَكْبَرُ اللَّهُ كَبِيرٌ. Sebagai contoh seseorang itu menyebut اللَّهُ كَبِيرٌ، maka tidak sah takbiratulihramnya itu.
8. Tidak boleh dibaca panjang pada huruf “ba”. Contohnya اَكْبَارُ، tidak sah takbiratulihram seseorang itu kerana mengubah makna daripada Allah Maha Besar kepada Allah itu gendang raya.
9. Tidak boleh dibubuh *syaddah* (sabdu) pada huruf “ba”, contohnya seperti pada kalimah أَكْبَرُ.
10. Tidak boleh ditambah huruf “waw” yang berbaris sukun, contohnya “waw yang *sakinah*” adalah seperti اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. Tidak boleh juga ditambah baris di atas pada huruf “waw”, contohnya seseorang itu melafazkan takbiratulihramnya seperti اللَّهُ وَاللَّهُ وَأَكْبَرُ. Jika begitu takbiratulihramnya itu tidak sah.
11. Tidak boleh didahulukan huruf “waw”. “Waw” yang didahulukan pada kalimah وَاللَّهُ أَكْبَرُ itu seperti وَاللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، maka tidak sah takbiratulihram.
12. Tidak boleh menukar huruf “hamzah” kepada huruf “waw” seperti pada kalimah اللَّهُ وَكَبِيرٌ kepada اللَّهُ أَكْبَرُ.
13. Tidak boleh menukar huruf “kaf” kepada huruf “hamzah” seperti pada kalimah اللَّهُ أَكْبَرُ kepada أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ.
14. Tidak boleh dibaca panjang melebihi lebih daripada 14 harakat pada huruf “alif” yang berada antara huruf “lam” dengan huruf “ha”. Contohnya اللَّهُ .

15. Seseorang itu tidak boleh diam ketika sedang takbiratulihram sekadar bernafas sekalipun, atau diam sekadar orang yang penat dan diam seketika waktu yang dirasainya untuk memutuskan takbiratulihramnya itu.²⁸⁷
16. Seseorang yang sedang takbiratulihram, syaratnya ialah hendaklah dia mendengar sekalian huruf yang ada dalam takbiratulihramnya dengan jelas.²⁸⁸
17. Takbiratulihram itu hendaklah dilakukan setelah masuk waktu sembahyang yang hendak dilakukan.
18. Ketika takbiratulihram, seseorang itu hendaklah menghadap kepada kiblat.
19. Takbiratulihram maknum setelah takbiratulihram imam. Tidak sah sembahyang maknum jika mendahului imam pada takbiratulihram.
20. Selain lafaz الله أكبر maka ia tidak dikira takbir, seperti الله الرحمن / الله كبير.²⁸⁹
21. Wajib disertakan niat itu serentak dengan takbiratulihram.

(Ketahui oleh mu bahawasanya bagi *istihadar* itu dan *muqaranah* itu terbahagi dua bahagi :

1. Pertamanya *istihadar* yang *hakiki* dan *muqaranah* yang *hakiki* namanya.
2. Keduanya *istihadar* yang ‘urfî dan *muqaranah* yang ‘urfîyyah namanya.

Bermula makna *istihadar* yang *hakiki* iaitu bahawa meghadir ia di adalm hatinya akan sekelian rukun sembahyang itu dengan *tafsilnya* dahulu daripada takbirnya. Dan

²⁸⁷ Contohnya seseorang itu berkata الله kemudian dia diam seketika sekali bernafas sahaja kemudian disambung أكبر, maka tidak sah takbiratulihramnya itu. Ataupun ketika sedang Takbiratulihram pada kalimah الله sahaja dia datang penat dan belum sempat dia berkata أكبر. Maka takbiratulihramnya juga tidak sah. Atau pun ketika dia berkata الله kemudian dia niat dalam hati hendak memutuskan atau hendak keluar daripada sembahyang, kemudian barulah dia berkata أكبر, maka takbiratulihramnya juga tidak sah, kerana sudah terkeluar daripada sembahyangnya yang sebenar.

²⁸⁸ Tidak perlu terlalu kuat takbiratulihramnya itu, cuma hanya untuk didengari oleh diri sendiri sahaja.

²⁸⁹ Tidak sah takbiratulihram seperti ini kerana bersalahan kalimah yang telah ditentukan (Al-Banjari, 1343H : 187).

makna *istihdar* yang ‘urfī iaitu bahawa menghadir ia akan sekelian yang tersebut itu di dalam hatinya dahulu daripada takbirnya dengan *ijmalnya* juga. Bermula makna *muqaranah* yang *hakiki* iaitu bahawa *dimuqaranah* ertinya disertakan segala niat yang di*istihdar* akan dia dengan *tafsilnya* dengan segala juzuk takbirnya daripada awalnya hingga akhirnya. Dan makna *muqaranah* yang ‘urfīyyah iaitu bahawa *dimuqaranah* akan barang yang *istihdar* akan dia dengan *ijmalnya* dengan satu juzuk daripada segala juzuk takbir yang lapan.

Dan telah memilih orang setengah ulama yang besar-besar seperti Imam al-Ghazali²⁹⁰ dan lainnya akan memada bagi orang yang awam dengan *istihdar* yang ‘urfī dan *muqaranah* yang ‘urfīyyah. Maka bagi *muqaranah* yang ‘urfīyyah itu tiga puluh enam *surah*²⁹¹ sekeliannya itu memada bagi orang awam).

Penjelasan

Istihdar dan *muqaranah* masing-masing terbahagi dua bahagian. *Istihdar* terbahagi kepada:

1. *Istihdar* yang *hakiki*, iaitu apabila seseorang hendak takbiratulihram, dia hendaklah mengetahui semua 13 rukun sembahyang dan menghadirkan dalam hatinya secara menyeluruh sebelum takbiratulihram, khususnya bagi orang yang mengetahui ilmu agama secara mendalam.
2. *Istihdar* yang ‘urfī ialah apabila seseorang hendak melakukan takbiratulihram, dia perlu mengetahui semua 13 rukun sembahyang dalam

²⁹⁰ Beliau bernama Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Thusi, Abu Hamid Al Ghazali. Dilahirkan di kota Thusi tahun 450 H. Beliau wafat di kota Thusi, pada hari isnin tanggal 14 Jumada Akhir tahun 505 H dan dikebumikan di pekuburan al-Tabaran.(al-‘Iraqi, 1994, jilid 1 : 4-5).

²⁹¹ صورۃ یaitu beberapa gambaran atau beberapa wajah. (Karim, 2009 : 451).

hatinya secara ringkas sahaja sebelum takbiratulihram khususnya bagi orang awam.

Muqaranah pula terbahagi kepada:

1. *Muqaranah* yang *hakikah* merujuk pada semua yang diisthdarkan (menghadirkan atau mengetahui semua 13 rukun sembahyang dalam hati secara menyeluruh) bersama dengan semua lapan juzuk huruf,²⁹² daripada awal huruf lafaz takbiratulihram dan berkekalan hingga akhir huruf takbiratulihram.²⁹³
 2. *Muqaranah* yang ‘urfiiyah pula ialah sekalian yang diisthdarkan (menghadirkan atau mengetahui semua 13 rukun sembahyang di dalam hatimya secara ringkas) yang disertakan dengan mana-mana satu huruf daripada semua lapan huruf takbir.²⁹⁴

Bagi Imam al-Ghazali serta ulama lain, memadailah bagi orang awam memasang niat itu dengan kaedah *istihdar* yang ‘urfī dan *muqaranah* yang ‘urfīyyah. Dalam masalah *muqaranah* yang berbentuk ‘urfīyyah, ia melibatkan 36 keadaan dan semuanya memadai bagi orang awam untuk melakukannya. (Keterangan lanjut boleh didapati dalam *kitab Sullam al-Sibyan*, karangan Tuan Guru Haji Chik bin Ahmad al-Kedahi.(Al-Kedahi, 2004, juzuk 1 : 137-138.)

²⁹² Iaitu huruf takbir yang lapan itu ialah (ا ل ل ه اك ب ر). Sama ada seseorang itu datang niat pada satu huruf, atau beberapa huruf yang lapan itu. Maka memadailah niat sembahyang tersebut.

²⁹³ Kenyataan ini dibahaskan oleh Abdul Ghani Muhammad. Sila lihat kitab Munyah al-Musolli. (Abdul Ghani, 2006 : 13).

²⁹⁴ Kenyataan ini dibahaskan oleh Chik bin Ahmad al-Kedahi. Sila lihat *Sullam al-Sibyan*.(Al-Kedahi, 2004 : 137).

(شهادان Sunat mengangkat dua tangan pada tatakala takbiratulihram permulaan angkatnya bersamaan dengan permulaan takbirnya pada hal berbetulan segala ujung anak jarinya yang lain daripada ibu tangannya dengan cuping telinganya yang sebelah atas. Dan sunat menghantar akan keduanya kemudian daripada selesai takbirnya di bawah dadanya dan pada hal cenderung sedikit kepada pihak kirinya. Dan sunat *dijazam*²⁹⁵ akan “ra” takbirnya. Dan sunat membaca doa *iftitah* kemudian daripadanya pada yang lain daripada sembahyang janazah iaitu :

الله أكْبَرُ كَيْفِيًّا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأصِيلًا وَجَهْنَمْ وَجْهَنَّمْ وَجَهْنَمْ وَجَهْنَمْ فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَتَّىٰ
مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ إِنَّ صَلَاتِي وَسُكْنِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا
مِنَ الْمُسْلِمِينَ)

²⁹⁶

Penjelasan

Mengangkat kedua-dua belah tangan ketika takbiratulihram, hukumnya sunat. Ketika mengangkat kedua-dua belah tangan itu, ia hendaklah dilakukan secara serentak dengan takbiratulihram. Jari telunjuk dan ibu jari hendaklah berbetulan dengan cuping telinga dan cenderung sedikit menghala ke arah kiblat. Ketika selesai sahaja takbiratulihram, sunat diletakkan kedua-dua tangannya ke dada dan di atas pusat sedikit serta cenderung sedikit ke arah kirinya. Takbiratulihram itu hendaklah dimatikan atau ditarik sukkunkan pada huruf “ra”, iaitu pada kalimah أَكْبَرُ. Oleh itu, huruf “ra” perlu dibaca dengan sukun dengan lafaz yang sempurnanya, iaitu الله أَكْبَرُ. Ketika takbiratulihram. Seterusnya sunat bagi seseorang itu membaca doa *iftitah*.

²⁹⁵ Huruf “ra” pada kalimah أَكْبَرُ maka hendaklah ditarik sukkunkannya seperti أَكْبَرُ.

²⁹⁶ Ertinya Allah yang maha besar dan segala puji bagi Allah dengan banyaknya. Maha suci Allah pagi dan petang. Aku hadapkan mukaku bagi tuhan yang mencipta tujuh petala langit dan bumi cenderung kepada penyerahan dan tidaklah aku daripada golongan orang musyrik. sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku, matiku adalah untuk Allah tuhan sekalian alam. Tidak ada sekutu bagiNya dan dengan itu apabila aku disuruh dan aku tergolong dalam golongan orang Islam.

Ketika sembahyang jenazah tidak disunatkan membacanya. Doa *iftitah* itu seperti di bawah :

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا وَجَهْنَتْ وَجْهَيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَتَّىٰ فَا
مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِدِلْكَ أَمْرُتُ وَأَنَا
مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

4.24.3 *Qiyam*

Bermula syarat *qiyam*²⁹⁷ iaitu membetul akan tulang belakangnya. Dan jika ia dengan bersandar ia akan sesuatu atau dengan berpegang ia atasnya atau dengan dipegang orang akan dia sekalipun, memadalah ia. Dan jika tiada kuasa ia berdiri dengan betul maka wajib ia berdiri kadar sehabis-habis kuasanya. Dan jika tiada kuasa berdiri sekali-kali seperti hasil baginya dengan *masyaqqa*²⁹⁸ yang sangat yang menghilang ia akan *khusyu*²⁹⁹ dan *hudur*³⁰⁰ hati atau takut ia akan jatuh ke dalam laut atau karam atau berpusing kepalanya atau takut keluar kencingnya bagi orang yang *salisu al-baul*³⁰¹ atau keluar buasir bagi orang yang *basur*³⁰² dan yang umpama keduanya, maka hendaklah ia sembahyang duduk. Dan jika lemah ia daripada sembahyang duduk maka hendaklah ia berguling³⁰³ atau lambungnya³⁰⁴ dan dijadikan mukanya dan hadapan badannya kepada kiblat. Dan hendaklah ia bangun

²⁹⁷ قيام iaitu berdiri atau lurus tulang belakang seseorang itu di dalam sembahyangnya. Maka dibolehkan seseorang itu bersandar pada dinding, memegang dinding tersebut untuk mengelak daripada terjatuh ataupun ada orang lain tolol yang tolol memegangnya.

²⁹⁸ منشأة ertiinya yang susah, payah dan yang sukar.(Al-Marbawi, 1354H : 324).

²⁹⁹ خشوع ertiinya merendahkan diri kepada Allah S.W.T atau suatu penghormatan kepada Allah S.W.T.(Ibrahim, 1995 : 197).

³⁰⁰ خضور ertiinya ada tumpuan hati itu kepada Allah S.W.T atau tidak hilang tumpuan hati itu kepada Allah S.W.T.(Ibrahim, 1995 : 157).

³⁰¹ سلس البول iaitu orang yang tidak berkuasa menahan kencing.(Ibrahim, 1995 : 317).

³⁰² يأسور kata jamaknya ialah يَأْسِيْر iaitu orang yang berpenyakit keluar jbumurnya. (Ibrahim, 1995 : 50).

³⁰³ Berguling iaitu mengiring ke sisi sebelah kanan bagi orang yang tidak mampu sembahyang duduk.(Noresah, 2005 : 487).

³⁰⁴ Lambung iaitu rusuk atau tepi badan.(Noresah, 2005 : 877).

bagi rukuknya dan sujudnya kadar dapatnya. Dan jika lemah ia daripada sembahyang berbaring atas lambungnya maka hendaklah ia sembahyang bertelentang atas belakangnya dan mendiri ia akan mukanya dan dua tapak kakinya berhadap kepada kiblat. Maka memperbaatlah ia dengan rukuknya dan sujudnya kadar kuasanya. Dan jika tiada maka mengisyarat ia bagi keduanya dengan kepalanya. Dan jika lemah ia daripadanya maka dengan kelopak matanya. Dan jika lemah ia daripada dengan kelopak matanya maka hendaklah dilakukan sekeliannya perbuatan sembahyang itu dengan hatinya juga. Inilah sehingga-hingga lemahnya. Maka tiada gugur wajib sembahyang daripadanya sekali-kali selama-lama ada akalnya itu *maujud*. Inilah hal sembahyang fardu. Adapun sembahyang sunat maka harus padanya duduk serta kuasa berdiri dan harus berbaring serta kuasa duduk).

Penjelasan

Syarat berdiri betul bagi orang yang berkuasa atau mampu ialah dengan meluruskan tulang belakangnya ketika hendak takbiratulihram. Walaupun seseorang itu mampu berdiri, tetapi memerlukan bantuan seperti bersandar pada dinding sekalipun, hendaklah dia bersandar ketika hendak melakukan sembahyang atau ada orang yang menolong memegangnya. Sekiranya seseorang itu tidak mampu berdiri, wajib baginya berdiri sehabis-habis kuasanya juga. Sebaliknya jika berdiri akan mengundang bahaya kepadanya, menyebabkannya hilang tumpuan (tidak *khusyu'*) atau terlintas di dalam hatinya jika sembahyang dengan berdiri akan menyebabkan dia terjatuh ke dalam laut atau akan berlaku karam, pening kepala, terkeluar najis seperti air kencing bagi orang yang ada penyakit kencing tidak lawas dan buasir, maka ketika itu hendaklah dia melakukan sembahyang secara duduk.

Jika seseorang itu lemah untuk bersembahyang secara duduk, dia hendaklah mengerjakannya dengan baring, iaitu berbaring secara mengiring di atas rusuk sebelah kanan, manakala dada dan muka mestilah menghadap kiblat. Ketika hendak rukuk dan sujudnya, dia hendaklah bangun mengikut kemampuannya sekiranya dia berkemampuan atau berkuasa.³⁰⁵

Namun, jika seseorang itu lemah untuk sembahyang dengan cara baring mengiring, dia hendaklah mengerjakannya secara baring menelentang,³⁰⁶ iaitu kedua-dua belah kakinya diluruskan ke arah kiblat serta kepala diangkat sedikit dan disandarkan ke bantal bagi memudahkannya menghadap kiblat. Ketika hendak rukuk dan sujud, hendaklah dia bangun mengikut kemampuannya sekiranya dia berkemampuan atau berkuasa.

Jika lemah juga untuk melakukan sembahyang sambil baring menelentang, maka hendaklah melakukannya dengan pergerakan isyarat mata. Bagi yang tidak mampu bergerak boleh menggunakan isyarat kelopak mata dan pergerakan menundukkan kepala bagi rukuk, sujud, iktidal dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, jika masih juga lemah untuk melakukan sembahyang dengan cara demikian, dia dibolehkan menggunakan isyarat jari, isyarat tangan atau isyarat dalam hati. Inilah caranya sembahyang yang paling lemah bagi orang yang sangat uzur.³⁰⁷

³⁰⁵ Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Bakar Ismail.(Muhammad Bakar, 1994, jilid 1 : 351).

³⁰⁶ Bagi orang sembahyang sambil berbaring atau mengiring itu pada ketika hendak *rukuk* maka dilakukan dengan membengkok sedikit kepala seperti hendak tunduk sebagai syarat *rukuk*. Dan sujud pula dilakukan dengan merendahkan kepala lebih sedikit dari *rukuk* untuk membezakan antara *rukuk* dan *qiyam*. Maka kesemuanya itu hendaklah dilakukannya sekadar yang termampu sahaja.

³⁰⁷ Bagi orang yang sembahyang baring menentang ini hendaklah dilakukan *rukuk* dan sujudnya sekadar yang termampu olehnya, jika tidak mampu bergerak bolehlah menggunakan isyarat kelopak mata dan pergerakan menundukkan kepala bagi *rukuk* , sujud, iktidal dan lain-lain lagi. Sekiranya tidak mampu menggerakkan anggota untuk solat maka bolehlah menggunakan isyarat jari, isyarat tangan atau isyarat dalam hati. Inilah selemah-lemah perbuatan di dalam sembahyang sambil baring menentang.

Bagi mereka yang tidak mampu untuk melakukan sembahyang dengan cara-cara yang disebutkan di atas, dia boleh melakukannya dengan isyarat kepala, mata ataupun dalam hati asalkan akal dan jiwanya masih waras. Sembahyang fardu tidak akan gugur sama sekali selagi masih ada akal yang waras. Sembahyang sunat pula harus bagi seseorang itu melakukannya sambil duduk walaupun dia berkuasa berdiri, dan harus juga baginya berbaring walaupun dia berkuasa untuk duduk.³⁰⁸

4.24.4 Membaca *al-Fatiha*

(فصل) Bermula membaca *fatiha* iaitu sepuluh syarat :

1. Pertamanya dibaca akan dia dengan bahasa Arab.
2. Keduanya dengan tertib³⁰⁹ antara segala kalimahnya.
3. Ketiganya dengan *muwalat*³¹⁰ padanya.
4. Keempatnya memlihara akan segala hurufnya dan *makhrajnya*³¹¹ iaitu seratus empat puluh satu *huruf*. Jika tiada “*alif*” pada “*maliki*”³¹² dan tiada dihisab³¹³ pula segala huruf *musyaddad*³¹⁴nya.
5. Kelimanya memlihara segala *tashdidnya* yang empat belas tempat. Dan maka *mentakhfif*³¹⁵ ia akan satu *tashdid* daripadanya dengan segaja lagi diketahui

³⁰⁸ Adapun sembahyang sunat maka dibolehkan sembahyang sambil duduk walaupun mampu sembahyang berdiri. Begitulah seterusnya boleh sembahyang sambil baring mengiring walaupun mampu untuk sembahyang sambil duduk kerana *qiyam* (berdiri betul) itu hanya wajib pada sembahyang fardu sahaja. Sembahyang sunat tidak diwajibkan *qiyam*. Perkara ini disebut dalam kitab *Sabilal al-Muhtadin* (Al-Banjari, 1343H : 189).

³⁰⁹ ترتيب iaitu dibaca secara tersusun atau teratur di antara segala kalimahnya.(Mohd Khairi, 2008 : 860).

³¹⁰ مواليت artinya berturut-turut.(Al-Marbawi, 1354H : 398).

³¹¹ مخرج iaitu tempat keluar atau tempat terbit huruf.(Ibrahim, 1995 : 189).

³¹² Iaitu jika dibaca dengan ketidadaan huruf alif pada kalimah مالك maka tidak sah bacaan *fatihahnya*.

³¹³ حساب iaitu tidak dikira atau tidak disertakan kalimah yang bersabdu (*syaddah*) juga tidak sah bacaan *fatihahnya*.(Ibrahim, 1995 : 149).

³¹⁴ مشدد iaitu yang ada tanda atau baris sabdu.(Al-Marbawi, 1354H : 315).

akan haramnya dan mengubah ia akan maknanya dengan dia, maka batal sembahyangnya. Dan jika *mentakhif* ia dengan lupa atau jahil ia akan haramnya atau tiada mengubah ia akan maknanya, maka tiada batal sembahyangnya tetapi batal bacaannya juga. Maka wajib mengulang akan dia dengan betulnya dahulu daripada turun kepada rukuknya. Dan jika tiada batal sembahyangnya dengan turunnya kepada rukuknya. Dan demikianlah engkau *tafsilkan*³¹⁶ pada masaalah “*lahan*” yang lagi akan datang.

6. Keenamnya ketiadaan diam yang panjang dengan tiada uzur. Iaitu diam yang lebih daripada kadar bernafas dan penat atau diam yang sedikit yang *diqasad* dengan dia memutus akan bacaannya. Dan jika diam ia seperti yang tersebut itu maka wajib memula akan dia daripada awalnya.
7. Ketujuhnya dengan ketiadaan *lahnun*³¹⁷ yang mencedera ia akan maknanya.
8. Kedelapannya bahawa membaca akan dia pada hal berdiri atau gantinya pada ketika uzur.
9. Kesembilannya bahawa memperdengar akan dirinya.
10. Kesepuluhnya bahawa tiada menyelangi antara segala kalimahnya itu oleh zikir yang *ajnabi*³¹⁸ yang tiada *ta'luk*³¹⁹ ia dengan sembahyang).

Penjelasan

³¹⁵ تخفيف iaitu kalimah yang bersyaddah dibaca dengan ketiadaan *syaddah* seperti الرَّحِيم jika tiada *syaddah* pada huruf الْأَرْاءُ maka tidak sah bacaan *fatihahnya*.

³¹⁶ تفصيل iaitu memperincikan satu persatu.(Al-Marbawi, 1354H : 94).

³¹⁷ لحن ertiinya salah atau tidak betul bacaan al-Quran.(Ibrahim, 1995 : 554).

³¹⁸ أجنبية iaitu bahasa asing, bahasa selain bahasa Arab.(Ibrahim, 1995 : 119).

³¹⁹ تعلق ertiinya yang tiada kaitan atau tidak bergantung. Tidak berkait atau bergantung dengan sesuatu.(Al-Marbawi, 1354H : 39)

Sepuluh syarat berikut perlu dipenuhi ketika membaca surah *al-Fatihah*:

1. Hendaklah dibaca surah *al-fatihah* itu dalam bahasa Arab.
2. Hendaklah dibaca *al-fatihah* itu secara tertib, iaitu tersusun atau teratur.
3. Syarat membaca *al-fatihah* itu dengan berturut-turut.³²⁰
4. Hendaklah dijaga segala sebutan huruf dan tempat keluar huruf yang terkandung dalam *al-fatihah* di samping semua huruf yang terdapat di dalamnya, iaitu sebanyak 141 huruf. Jika tidak ada alif pada kalimah مالك dan tidak ada sabdu pada kalimah yang bersabdu, maka sembahyang seseorang itu tidak sah.³²¹
5. Hendaklah memelihara tempat yang bersabdu pada 14 tempat dalam surat *al-fatihah* itu. Jika seseorang itu sengaja tidak membaca dengan sabdu dan dia mengetahui bahawa perbuatan tersebut haram dan boleh membawa kepada pengubahan makna, sembahyangnya akan terbatal. Namun jika dia terlupa atau tidak mengetahui bahawa membaca kalimah-kalimah yang bersabdu tanpa sabdu itu haram, dan tidak membawa kepada perubahan maknanya, sembahyangnya sah. Tetapi bacaannya itu tetap dianggap batal, dan dia wajib mengulangi bacaannya hingga betul sebelum turun kepada rukuk. Jika tidak

³²⁰ Jika diselangi kalimah *fatihah* itu dengan zikir lain yang tidak berkaitan dengan sembahyang seperti mengucap الحمد لله ketika bersin, dan mengucap سبحان الله dengan tujuan untuk memberi izin orang untuk masuk ke dalam rumahnya dan mengingatkan bacaan orang lain ketika sembahyang yang sedang terlupa dalam bacaannya, melainkan bacaan imam yang terlupa dalam sembahyang, kemudian makmum memperingatkannya, maka semua perkara tersebut akan terputuslah *muwalat fatihahnya*. Oleh itu, hendaklah dimulai bacaan *al-fatihahnya* sekali lagi melainkan jika seseorang itu sedang membaca *fatihah* kemudian diselangi antara *fatihah* itu dengan zikir yang berkaitan dengan sembahyangnya seperti dia berkata آمين bagi bacaan imamnya, atau dia mengingatkan imam yang sedang terlupa, dan membaca doa ketika imam sedang membaca ayat al-Quran seperti أليس الله بأحکم بلی و أنا على ذلك من الشاهدين maka dia jawab dengan membaca بلی و أنا على ذلك من الشاهدين maka tidak memutus sekalianinya itu *muwalat fatihahnya*. Kerana disunatkan membaca doa pada ayat-ayat yang tertentu di dalam al-Quran al-karim (Al-Banjari, 1343H : 194).

³²¹ Jika tidak dijaga dengan betul, itu boleh menyebabkan tidak sahnya sembahyang. Kalimah seperti مالك hendaklah dibaca dengan *mad* (panjang) dua harakat, pada kalimah الرحمن maka hendaklah dibaca dengan sabdu serta *diidghamkan* (dimasukkan) huruf “ra” yang pertama ke dalam huruf “ra” yang kedua. Asalnya kemudian *diidghamkan* dengan adanya bersabdu maka jadilah الرحمن . Jika tidak *diidghamkan* bacaan tersebut, maka tidak sahlah bacaannya. Maka ini boleh membawa kepada tidak sah sembahyang seseorang itu.

sembahyangnya, tetap tidak sah. (Perbicaraan ini terdapat pada masalah bacaan *fatihah* yang betul yang lagi akan datang.³²²⁾

6. Tidak diam terlalu lama ketika membaca *fatihah*. Jika berlaku diam disebabkan keuzuran, maka ini dimaafkan. Jika diam itu berlaku lebih daripada kadar bernafas atau seperti orang yang berpenyakit penat mahupun diam yang sedikit yang diqasadkan untuk memutuskan bacaan *fatihahnya*, wajib baginya mengulangi bacaan *fatihahnya* semula.
7. Tidak berlaku kesalahan pada bacaan yang boleh mengubah makna *fatihah*.
8. Hendaklah membaca Fatihah itu dalam keadaan berdiri. Jika tidak mampu berdiri, maka hendaklah dibacanya dalam keadaan duduk.
9. Hendaklah membaca *fatihah* dengan suara yang boleh didengari oleh dirinya.³²³
10. Tidak boleh menyelangi dengan zikir selain daripada bahasa Arab seperti antara ayat yang pertama dengan ayat yang kedua. Jika zikir itu dalam bahasa Arab, ia hendaklah berkaitan dengan sembahyangnya sahaja.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ (شهدان) Sunat membaca dahulu daripada *fatihahnya*. Dan membaca amin dan surah kemudian daripadanya. Dan sunat nyaring pada keduanya jika nyaring *fatihahnya*. Dan sunat *sakta* ertinya diam yang sedikit kadar سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (antara *fatihah* dan amin dan antara amin dan surah dan antara surah dan rukuk).

Penjelasan

³²² لحن iaitu sebutan kalimah atau huruf di dalam surah *al-fatihahnya* dengan betul.(Ibrahim, 1995 : 554). Maka hendaklah seseorang itu memelihara dengan betul seperti pada kalimah انعمتْ الله ایا

³²³ Jangan terlalu perlakan sehingga dirinya tidak mendengari bacaan *fatihahnya*, atau terlalu kuat sehingga boleh mengganggu maksimum yang di sebelah.

Sunat membaca *isti'azah* (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) sebelum membaca *basmalah* (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ). Sunat juga dibaca amin (أَمِينٌ) satu surah lain selepas selesai membaca *fatihah*, malah turut disunatkan pembacaannya dengan suara yang kuat atau nyaring ketika sembahyang yang dibaca dengan nyaring atau kuat seperti sembahyang Subuh, Maghrib dan Isyak.

Sunat saktah (سَكْتَةٌ), iaitu diam seketika, kadarnya selama membaca سُبْحَانَ اللَّهِ pada tempat antara selepas membaca *fatihah* dengan amin, antara amin dengan surah selepas membaca *fatihah*, dan antara surah dengan ketika hendak rukuk.³²⁴

4.24.5 Rukuk

(فصل) Bermula rukuk itu empat syarat :

1. Pertamanya bahawa ada ia kemudian daripada *tamam fatihahnya* pada orang yang lain daripada *masruk*.
2. Keduanya tunduk kehadapan sekira-kira sampai dua tapak tangannya memegang kepada dua lututnya pada orang yang sederhana kejadiannya.
3. Ketiganya jangan qasad dengan tunduknya itu akan tang lain daripada rukuk nya.
4. Keempatnya *tumaknинah* di dalamnya.³²⁵ Dan sunat membaca padanya :

³²⁴ Kenyataan ini tersebut dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* karya Muhammad Arsyad Abdullah al-Banjari.(Al-Banjari, 1343H : 197) dan kitab *i'anah al-Tolibin* karya Abu Bakar bin Sayyid Muhammad Syato al-Dimiyati.(Al-Dimiyati, 1193, jilid 1 : 173).

³²⁵ طمأنينة iaitu berhenti di dalam rukuk sekira-kira tetap anggota sebelum bangkit kepada iktidal.

Satu kali dan sekurang-kurang *akmalnya*³²⁷ tiga kali kemudian lima kemudian tujuh kemudian sembilan kemudian sebelas kali).

Penjelasan

Rukuk melibatkan beberapa syarat seperti yang berikut:

1. Bagi seseorang yang hendak rukuk, syaratnya ialah membaca *al-fatihah* dengan sempurna terlebih dahulu, kemudian barulah dia turun kepada rukuk . Ini bagi kes orang yang dikenali sebagai makmum yang *muwafiq* (موافق), iaitu makmum yang sempat melakukan takbiratulihram bersama imam. Bagi mereka yang *masbuk* (مسبوق), iaitu tidak sempat takbiratulihram pada rakaat pertama bersama imam, maka hendaklah dia turun rukuk bersama imam juga walaupun *fatihahnya* belum sempat dihabiskannya. Dalam keadaan demikian bacaan *fatihahnya* ditanggung oleh imam.
2. Rukuk hendaklah dengan meratakan tulang belakangnya dan tunduk ke hadapan dengan tangannya memegang kepala dua lutut di samping merengangkan kedua-dua lututnya sekiranya tangannya sama panjang.³²⁸
3. Jangan diniatkan ketika hendak rukuk itu selain daripada rukuknya dalam sembahyang semata-mata.³²⁹

³²⁶ Artinya maha suci tuhan yang maha agung dan segala puji-pujian baginya.

³²⁷ أكمل iaitu yang sempurnanya.(Al-Marbawi, 1354H : 197)

³²⁸ Ini jika bagi orang yang berkemampuan melakukannya. Bagi orang yang tidak berkemampuan untuk rukuk dengan sempurna contohnya tangannya tidak sama panjang. Ada yang tangan panjang atau ada yang tangan pendek maka memadailah hanya merendahkan kepalanya sedikit ke hadapan (Al-Banjari, 1343H : 202).

4. Hendaklah dilakukan rukuk itu dengan *thumaknah*, iaitu berhenti seketika sekadar membaca zikir سُبْحَانَ رَبِّ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ, kemudian barulah bangun untuk iktidal.

Orang yang rukuk disunatkan membaca سُبْحَانَ رَبِّ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ sekurang-kurangnya sekali, dan yang terlebih sempurnanya membaca tasbih di dalam rukuk itu ialah tiga kali, lima kali, tujuh kali, sembilan kali dan sebelas kali.³³⁰

4.24.6 Iktidal

(شهداً) Bermula sah iktidal itu dengan empat syarat :

1. Pertamanya bahawa ada ia kemudian daripada sempurna rukuknya.
2. Keduannya kembali ia kepada barang yang ada ia dahulu daripada rukuknya.
3. Ketiganya jangan *qasad* ia dengan kembalinya itu akan yang lain daripada iktidalnya.
4. Keempatnya *tumaknah* di dalamnya).³³¹

Penjelasan

Iktidal pula ada beberapa syarat, iaitu seperti yang berikut:

³²⁹ Contohnya seseorang itu turun rukuk dengan niat tidak mahu sujud *tilawah* hanya memadai dengan rukuk sahaja maka batallah sembahyangnya itu.

³³⁰ Tersebut juga dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* karya Muhammad Arsyad Abdullah al-Banjari.(Al-Banjari,1343H : 202).

³³¹ طمأنينة iaitu berhenti di dalam iktidal itu sekira-kira tetap anggota sewaktu bangkit kepada iktidal.

1. Apabila setelah selesai daripada rukuk yang sempurna, maka bangunlah untuk iktidal.
2. Selepas rukuk, hendaklah berdiri semula seperti sediakala.³³²
3. Janganlah seseorang itu niat sewaktu hendak iktidal itu selain daripada hendak berdiri untuk iktidal sahaja.³³³
4. Iktidal hendaklah dilakukan dengan *thumakninah*, iaitu berhenti seketika sekadar membaca zikir سُبْحَانَ اللَّهِ, kemudian barulah turun untuk sujud.

(Dan sunat membaca tatakala angkat kepalanya daripada rukuknya سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ dan apabila betul berdirinya maka membaca ia :

رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلَءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلَءَ الْأَرْضَ وَمِلَءَ مَا بَيْنُهُمَا وَمِلَءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدَ³³⁵

Dan sunat mengangkat dua tangannya seperti yang diangkat pada tatakala takbiratulihram juga pada tatakala turun kepada rukuknya dan pada tatakala bangun daripadanya kepada iktidal dan pada tatakala betul berdiri daripada tahiyat awalnya.

Bermula yang lain daripada empat tempat ini tiada sunat angkat dua tangannya. Dan sunat membaca qunut pada iktidal yang akhir pada sembahyang Subuh³³⁶ dan

³³² Jangan disengajakan berdiri itu kepada iktidal melainkan terkejut. Maka di dalam masalah yang demikian itu dimaafkan. Tetapi jika seseorang itu rukuk kemudian dia syak di dalam rukuknya dia belum membaca *fatihah* maka hendaklah dia berdiri semula dan membaca *fatihah* hingga sempurna kemudian rukuk semula dan seterusnya iktidal.

³³³ Contohnya jika seseorang itu iktidal kerana hendak membuat sesuatu seperti hendak melihat orang, maka ini boleh membatalkan sembahyangnya.

³³⁵ Ertinya, ya Allah ya tuhan kami hanya untuk engkau sahaja segala puji yang meliputi langit dan sepenuh bumi dan sepenuh apa saja yang engkau kehendaki selain daripada itu. Doa ini ada tersebut di dalam kitab Hasyiah al-Bujairimi, jilid 1, m/s 206, dan di dalam kitab Hasyiata al-Qalyubi wa ‘Umairah jilid 1, m/s 435.

³³⁶ Iaitu sunat membaca qunut ketika sembahyang Subuh bagi orang yang bermazhab Syafi’iyyah. Adapun mazhab Hanafiyah dan Hanabilah tidak disunatkan membaca qunut ketika sembahyang Subuh.(Al-Zuhaili, 2006, jilid 2 : 1000)

sembahyang witir pada nisfu yang akhir pada bulan Ramadan dan pada tiap-tiap sembahyang yang lima waktu pada ketika turun bala, iaitu :

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافِيْتَ وَتَوَلَّنَا فِيمَنْ تَوَلَّتَ وَبَارَكْ لِيْ فِيمَا أَعْطَيْتَ وَقُنِيْ شَرًّا مَا قَضَيْتَ
فِإِنَّكَ تَعْصِي وَلَا يُعْصَيْ عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَذَلُّ مَنْ وَالْيَتَ وَلَا يَعْزُزُ مَنْ عَادَيْتَ بَيْنَا وَتَعَالَيْتَ فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا
قَضَيْتَ اسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهِ وَصَحْبِيهِ وَسَلَّمَ .³³⁷

Dan sunat bagi imam membaca akan dia dengan lafaz yang am iaitu :

اللَّهُمَّ اهْدِنَا وَعَافِنَا وَتَوَلَّنَا وَبَارَكْ لَنَا وَقُنِيْ شَرًّا مَا قَضَيْتَ وَسَلَّمَ

Dan sunat angkat dua tapak tangannya menadah kepada langit berbetulan dengan dua bahunya pada tiap-tiap doa. Harus melampaui daripadanya pada ketika bersanggatan hajatnya. Dan disapu akan keduanya kepada mukanya pada akhir doanya pada yang lain daripada qunut).

Penjelasan

³³⁷ Artinya, ya Allah tunjukkanlah aku sebagaimana orang yang telah Engkau tunjuki. Sejahterakanlah aku sebagaimana orang yang telah Engkau sejahterakan. Pimpinlah aku sebagaimana orang yang telah Engkau pimpin. Berkatilah hendaknya untukku apa-apa yang telah Engkau berikan padaku. Jauhkanlah aku daripada segala kejahatan yang telah Engkau tetapkan. Sesungguhnya hanya Engkau sajalah yang menetapkan dan tidak sesiapa pun yang berkuasa menetapkan sesuatu selain daripada Engkau. Sesungguhnya tidak terhina orang yang memperolehi pimpinanMu. Dan tidak mulia orang yang Engkau musuhi. Engkaulah yang telah memberi keberkatan dan maha tinggi Engkau ya Allah, hanya untuk Engkau sahajalah segala puji-pujian, terhadap apa-apa yang telah engkau tetapkan. Aku minta ampun dan bertaubat kepada engkau. Rahmatilah ya Allah kepada Nabi Muhammad Nabi yang ummi dan keluarganya dan sahabat-sahabatnya dan diberinya kesejahteraan ke atas mereka seluruhnya.

Ketika sedang bangun daripada rukuk, iaitu ketika hendak berdiri betul kepada iktidal, disunatkan membaca سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ. Setelah berdiri betul, maka baca doa³³⁸ yang berbunyi :

”رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلَءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلَءَ الْأَرْضَ وَمِلَءَ مَا بَيْنَهُمَا وَمِلَءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ“

Antara sunat *haiah* ialah mengangkat kedua-dua belah tangan pada beberapa tempat di dalam sembahyang, antaranya ialah:

1. Sunat mengangkat kedua-dua belah tangan itu berserta dengan takbiratulihram.
2. Sunat mengangkat kedua-dua belah tangan ketika hendak rukuk.
3. Sunat mengangkat kedua-dua belah tangan ketika bangun daripada rukuk.
4. Dan ketika bangun daripada tahiyyat pertama.³³⁹

Selain daripada empat tempat ini, mengangkat kedua-dua belah tangan tidak disunatkan.

Di samping itu, sunat juga membaca doa qunut ketika iktidal dalam sembahyang Subuh, sembahyang witir pada pertengahan bulan Ramadan, dan pada tiap-tiap sembahyang fardu pada ketika terjadinya sesuatu musibah. Doanya adalah seperti berikut:

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ وَنَوَّلْنِي فِيمَنْ نَوَّلْتَ وَبَارَكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ وَقُنِيْ شَرًّا مَا قَضَيْتَ
فَإِنَّكَ تَعْصِيْنِي وَلَا يُقْصِيْ عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَذَلُّ مَنْ وَالْيَتَ وَلَا يَعْزُّ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكَتْ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا
قَضَيْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَلُوْبُ إِلَيْكَ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيٍّ وَصَاحِبِهِ وَسَلَّمَ.

³³⁸ Doa ini tersebut dalam kitab *Hasyiah al-Bujairimi* dalam halaman 206 jilid 1, dan dalam kitab *Hasyiata al-Qalyubi wa 'Umairah* halaman 435 jilid 1.

³³⁹ Kenyataan ini juga disebut oleh Zakaria bin Anmad di dalam kitabnya *Matla' al-Nurain* (Zakaria Ahmad, 2000 : 137), dan Mustafa al-Khin dan Mustafa al-Bugha dalam *kitab Fiqh al-Minhaj* (Al-Khin dan al-Bugha, 1996 : 148).

Jika dia imam, hendaklah dia menggunakan lafaz “am”, iaitu untuk ramai, seperti berikut:

اللَّهُمَّ اهْدِنَا وَعَافِنَا وَتُوَلِّنَا وَبَارِكْ لَنَا وَقِنَا وَتَسْتَغْفِرُكَ وَتَنْوِبُ إِلَيْكَ

Sunat hukumnya seseorang itu mengangkat kedua-dua belah tapak tangannya itu berbetulan dengan bahunya dan bertentangan sambil menadah ke langit ketika berdoa untuk menolak bala³⁴⁰ yang datang daripada Allah S.W.T.³⁴¹ Ketika bersangatan memohon hajat kepada Allah S.W.T., dia harus mengangkatnya ke atas kedikit daripada bahunya. Setelah seseorang itu selesai membaca doa, hendaklah disapu mukanya dengan kedua-dua belah tangan melainkan ketika membaca qunut di dalam sembahyang Subuh.³⁴²

4.24.7 Sujud

(فصل) Bermula syarat sujud itu delapan perkara :

³⁴⁰ Dan sunat juga membaca qunut pada tiap-tiap sembahyang fardu ketika turun musibah kepada umat Islam. Qunut ini dikenali sebagai qunut *Nazilah*. Doa qunut *Nazilah* ini tidak dikhususkan secara mutlak. Ada bermacam-macam bentuk. Tersebut dalam kitab *al-fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Doa yang dibaca oleh Rasullullah S.A.W ketika membaca qunut *nazilah* ini adalah seperti berikut : اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَأَلْفِ بَنِ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَانْصُرْهُمْ عَلَى عُدُوكَ وَعُدوِّهِمُ الَّهُمَّ اعْفُ عَنْ أَهْلِ الْكِتَابِ الَّذِينَ يَكْنِبُونَ رَسُولَكَ وَيَقْاتَلُونَ أُولَيَاءَكَ اللَّهُمَّ خَالِفْ بَيْنَ كَلْمَتَهُمْ وَزُلْزَلْ أَقْدَامَهُمْ وَأَنْزَلْ بَهُمْ بَأْسَكَ الَّذِي لَا يَرْدُ عَنِ الْقَوْمِ الْمُجْرِمِينَ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اللَّهُمَّ إِنَا نَسْتَغْفِرُكَ .

Doa ini ada tersebut dalam kitab *al-fiqh al-Islami Wa Adillatuhu* halaman 1008 jilid 2.

³⁴¹ Pendapat ini juga disokong oleh al-Zuhaili dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*.(Al-Zuhaili 2006, jilid 2 : 1005).

³⁴² Ini kerana tidak terdapat nas yang warid menyebut supaya berbuat demikian.

1. Pertamanya bahawa ada ia kemudian daripada sempurna iktidalnya.
2. Keduanya bahawa menghantar ia akan tujuh anggotanya kepada tempat sujud. iaitu dua perut anak jari dua kakinya dan dua lututnya dan dua tapak tangannya dan dahinya. Dan sunat tertib pada menghantar sekeliannya itu atas uturan yang tersebut itu.
3. Ketiganya terbuka dahinya.
4. Keempatnya diletakkan akan kepalanya kepada tempat sujudnya.
5. Kelimanya jangan *qasad* dengan turunnya itu bagi yang lain daripada sujudnya.
6. Keenamnya bahawa tiada sujud ia atas sesutu yang ia tanggung akan dia yang bergerak dengan geraknya.
7. Ketujuhnya meninggi akan punggungnya daripada tengkoknya.
8. Kedelapannya wajib tumakninah padanya. Dan sunat membaca padanya سُبْحَانَ رَبِّنَا لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَبِحَمْدِهِ³⁴³ satu kali dan sekurang-kurang *akmalnya* tiga kali maka lima maka tujuh maka sembilan maka sebelas kali.

Dan sunat bagi laki-laki merenggang akan dua lengannya daripada dua lambungnya³⁴⁴. Dan sunat mengangkat akan perutnya daripada dua pahanya pada rukuknya dan sujudnya).

Penjelasan

Syarat sujud itu ada lapan perkara, iaitu:

³⁴³ Artinya maha suci tuhanku yang maha tinggi dan dengan segala puji-pujianNya.

³⁴⁴ Lambung iaitu rusuk atau tepi badan.(Noresah, 2007 : 877).

1. Hendaklah dilakukan setelah sempurna iktidal, iaitu selepas iktidal, ia diikuti pula dengan rukun seterusnya, iaitu sujud.
2. Hendaklah ketujuh-tujuh anggota sujud itu terkena bumi,³⁴⁵ iaitu kedua-dua belah perut tapak jari jemari, perut kaki, kedua-dua belah lutut, kedua-dua belah tapak tangan dan dahi. Ketika hendak turun kepada sujud disunatkan tertib, iaitu bermula dengan didahuluikan kedua-dua belah lutut, kedua-dua belah tapak tangan dan disudahi dengan dahi.³⁴⁶
3. Dahi hendaklah terbuka, jangan berlapik seperti pembalut.³⁴⁷
4. Kepala itu hendaklah diletakkan di tempat sujud dengan sempurna.³⁴⁸
5. Hendaklah *diqasadkan* ketika turun kepada sujud itu semata-mata hendak sujud.³⁴⁹
6. Seseorang yang turun sujud itu perlu berhati-hati dengan apa-apa yang ditanggungnya di dalam sembahyang.³⁵⁰
7. Ketika sujud kepala hendaklah lebih rendah daripada punggungnya.³⁵¹

³⁴⁵ Telah dinaqalkan dalam kitab *al-fiqh al-minhaji* bahawa tersebut di dalam hadis imam Muslim jilid 4 hlm. 154 hadis no. 490. Bahawa Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda yang berbunyi :

أَمْرَتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظَمِ : عَلَى الْجَبَّةِ وَالْيَدَيْنِ وَالرُّكْبَيْنِ وَأَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ

Ertinya, aku diperintahkan untuk melakukan sujud itu dengan disertai tujuh anggota : yang pertama dahi, kedua dua tapak tangan, ketiga dua belah lutut dan keempat dua perut anak jari dua belah kaki.(Al-Zuhaili, 1996,jilid 1 : 154).

³⁴⁶ Sekiranya bersalahan tertib tersebut hanya membawa kepada makruh sahaja.(Al-Banjari, 1343H : 208).

³⁴⁷ Melainkan kerana pembalut luka yang payah hendak dibuka kerana sesuatu kemalangan, maka perkara yang demikian sahlah sujudnya itu dan tidak perlu diqada (Diulang) sembahyangnya itu. Melainkan jika ada di dalam pembalut itu najis yang tidak dimaafkan, maka wajib diqada sembahyangnya itu. Maka sekurang-kurang sujud itu hendaklah terbuka dahi seseorang itu satu suku daripada kulit dahinya ke tempat sujud dengan tiada berlapik.

³⁴⁸ Jika seseorang itu melakukan sujud, tiba-tiba dia sujud terkena batu maka bolehlah dia mengangkat kepalanya itu kemudian sujud di tempat yang lain, dengan syarat dengan segera dia memindahkan sujud nya itu dan belum sempat tumakninah. Sekiranya dia sudah sujud melebihi kadar zikir سبحان الله atau sudah tumakninah kemudian baru hendak memindahkan dahi sujudnya itu maka perkara demikian boleh membawa kepada terbatalnya sembahyangnya itu kerana dikira menambah rukun.

³⁴⁹ Iaitu jika seseorang itu sujud selain daripada tujuan sujud di dalam sembahyangnya maka batallah sembahyang itu.

³⁵⁰ Seperti seseorang itu memakai serban yang panjang, jika ketika turun kepada sujud tiba-tiba dia sujud atas serbannya itu yang bergerak-gerak ketika dia turun daripada sujud kepada berdiri pada rakaat seterusnya. maka perkara tersebut boleh membawa kepada terbatalnya sembahyang.

8. Wajib melakukan *thumakninah* ketika sujud. Dan sunat membaca سُبْحَانَ رَبِّيْ وَبِحَمْدِهِ الْأَعْلَىٰ وَبِحَمْدِهِ dan boleh dibaca sekali, tetapi yang paling sempurna tiga kali. Maka boleh juga dibaca lima kali, tujuh kali, sembilan kali dan sebelas kali jika sembahyang berseorangan.

Sunat bagi lelaki merenggang dua lengan dan dua lambungannya ketika sujud dan mengangkat sedikit perutnya daripada kedua-dua pahanya ketika rukuk dan sujud.

4.24.8 Duduk antara dua sujud

(Bermula duduk antara dua sujud iaitu empat syarat :

1. Pertamanya bahawa ada ia kemudian daripada sempurna sujud yang pertama.
2. Keduanya jangan ia *qasad* dengan angkat kepalanya itu bagi yang lain daripada duduknya.
3. Ketiganya membetul akan duduknya kadar kuasanya.
4. Keempatnya dengan *tumakninah* padanya dan sunat membaca padanya :

رَبِّ اغْفِرْ لِيْ وَارْحَمْنِيْ وَاجْبُرْنِيْ وَارْفَعْنِيْ وَاهْدِنِيْ وَاعْفِنِيْ وَاعْفُ عَنِيْ³⁵²

³⁵¹ Sekiranya kepala lebih tinggi daripada punggungnya maka batallah sembahyangnya itu. Kecuali jika ada keuzuran seperti, seseorang itu sembahyang di atas kursi. Maka ketika melakukan sujud sudah tentu kepala lebih tinggi daripada punggungnya. Maka perkara yang sedemikian dimaafkan.

³⁵² Artinya ya tuhan ampunilah aku, kesihnilah aku, tutuplah ‘aib aku, tinggilkanlah darjatku, berilah aku rezeki, tunjukilah aku, sejahterakanlah aku dan maafkanlah aku.

Dan sunat padanya duduk *iftirash*³⁵³ dan demikian lagi pada segala duduk yang di dalam sembahyang yang lain daripada duduk tahiyyat akhir. Dan tiada harus memanjang akan duduk antara dua sujud ini lebih daripada kadar masa sekurang-kurang tahiyyat dengan segajanya. Dan demikian lagi pada iktidal maka tiada harus memanjang akan dia lebih daripada kadar masa membaca *fatiyah* dengan bacaan yang pertengahan).

Penjelasan

Ada empat syarat duduk antara dua sujud itu, iaitu :

1. Setelah selesai sujud yang pertama.
2. Tidak ada *qasad* ketika bangun hendak duduk antara dua sujud itu melainkan untuk duduk antara dua sujud dalam sembahyang semata-mata.
3. Seseorang hendaklah membetulkan duduknya dengan betul sekadar yang termampu.³⁵⁴
4. Melakukan duduk antara dua sujud dengan *thumakninah* dan disunatkan membaca رب اغفر لى وارحمنى واجبرنى وارفعنى واهدى واعف عنى ketika duduk antara dua sujud.

Disunatkan juga melakukan duduk *iftirash* ketika duduk antara dua sujud itu. Begitu juga pada sekalian sembahyang sebelum tahiyyat akhir, maka disunatkan duduk *iftirash*.³⁵⁵

³⁵³ Duduk افتراش itu pada semua duduk iaitu di atas buku lali kaki kiri dan kanan supaya ia dapat dihadapkan ke kiblat iaitu semasa tahiyyat awal, duduk antara dua sujud dan juga duduk *istirahah*(semasa hendak terus bangun daripada sujud pada rakaat pertama atau ketiga).

³⁵⁴ Jika seseorang itu uzur maka dimaafkan sekadar yang termampu dia lakukan ketika melakukan duduk antara dua sujud tersebut.

Duduk antara dua sujud tidak boleh dilakukan terlalu lama. Jika terlalu lama dan sengaja dipanjangkan duduknya itu (seperti seseorang yang membaca tahiyyat), ia boleh menyebabkan terbatalnya sembahyang. Iktidal juga tidak boleh dilakukan terlalu lama. Jika iktidal itu terlalu lama (seperti membaca *fatihah* pada kadar yang sederhana), maka sembahyang tersebut boleh terbatal.³⁵⁶

4.24.9 Membaca tahiyyat awal

(شهداً Maka apabila ia dapat dua rakaat pada sembahyang fardu yang lain daripada Subuh, maka sunatlah ia duduk bagi membaca tahiyyat awal.

Dan iaitu setengah daripada sunat *ab'ad* yang delapan iaitu :

1. Pertamanya membaca tahiyyat awal.
2. Keduanya selawat atas nabi kemudian daripadanya.
3. Ketiganya selawat atas keluarganya kemudian daripada tahiyyat akhir.
4. Keempatnya duduk bagi sekelian yang tersebut itu.
5. Kelimanya membaca qunut.
6. Keenamnya selawat atas nabi dan atas keluarganya dan sahabatnya kemudian daripada qunut.

³⁵⁵ Duduk *iftirash*, iaitu punggung duduk di atas kaki kiri dan kaki kanan ditegakkan dan anak jari kaki menghala ke arah kiblat, lebih baik ketika duduk antara dua sujud.

³⁵⁶ Duduk antara dua sujud dan iktidal itu dikenali sebagai rukun pendik. Jika seseorang itu sengaja memanjangkan duduk antara dua sujud dan iktidal, maka boleh membawa kepada batalnya sembahyang seseorang itu.

7. Ketujuhnya salam atas nabi dan atas keluarganya dan sahabatnya kemudian daripada qunut jua.³⁵⁷
8. Kedelapannya berdiri bagi sekelian yang tersebut itu.

Dan barang siapa meninggal satu daripada yang delapan ini maka sunat sujud *sahwi*).

Penjelasan

Jika seseorang itu datang ketika imam sedang duduk tahiyyat awal, dia disunatkan melakukan takbiratulihram, kemudian duduk dan membaca tahiyyat awal bersama imam, iaitu selain daripada sembahyang fardu Subuh.³⁵⁸

Adapun sunat-sunat *ab'ad* itu ialah :

1. Membaca (tasyahhud) tahiyyat awal.
2. Selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W selepas tahiyyat awal.
3. Selawat ke atas keluarga Nabi Muhammad S.A.W ketika tahiyyat akhir.
4. Hendaklah dilakukan secara duduk ketika membaca tahiyyat awal, selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W selepas tahiyyat awal dan selawat ke atas keluarga Nabi Muhammad S.A.W ketika tahiyyat akhir.
5. Membaca qunut ketika sembahyang Subuh.³⁵⁹
6. Selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W, selawat ke atas keluarga Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabatnya pada akhir doa qunut.³⁶⁰

³⁵⁷ Dan juga disunatkan membaca salam ke atas Nabi S.A.W, ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian pada akhir bacaan doa qunut. Seperti (وَسَلَّمَ).

³⁵⁸ Jika pada sembahyang Subuh maka wajib dia Takbiratulihram dan duduk membaca tahiyyat bersama imam. Jika tidak dia tidak mendapat rakaat dan tidak dianggap berjemaah.

³⁵⁹ Dan juga pada ketika iktidal pada rakaat terakhir sembahyang witir yang bermula pada malam enam belas Ramadan sehingga akhir bulan Ramadan yang dikenali sebagai malam nisfu yang kedua.

³⁶⁰ Dan disunatkan juga seseorang itu berselawat ke atas Nabi S.A.W ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian pada akhir bacaan doa qunut tersebut. Seperti (وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ).

7. Mengucapkan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W, salam ke atas keluarga Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabatnya pada akhir doa qunut.³⁶¹
8. Hendaklah dilakukan secara berdiri ketika membaca doa qunut tersebut, iaitu pada ketika selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W selawat ke atas keluarga Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabatnya serta mengucapkan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W, salam ke atas keluarga Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabatnya.

Sekiranya seseorang itu meninggalkan salah satu daripada sunat-sunat *ab'ad* tersebut, sunat ditampung dengan sujud *sahwi* sebanyak dua kali sebelum memberi salam.³⁶²

4.24.10 Membaca tahiyyat akhir

(فصل) Bermula tahiyyat itu tujuh syarat :

1. Pertamanya bahawa ada ia dengan bahasa Arab bagi orang yang kuasa dengan dia.
2. Keduanya memelihara akan hurufnya dan segala kalimahnya dan segala *tashdidnya*.
3. Ketiganya *muwalat*³⁶³ antara segala kalimahnya.

³⁶¹ Dan juga disunatkan membaca salam ke atas Nabi S.A.W, ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian pada akhir bacaan doa qunut. Seperti (وَسَلَّمَ).

³⁶² sujud *sahwi* itu iaitu bagi orang yang terlupa melakukan sunat-sunat *ab'ad*. Doanya seperti berikut :

سُبْحَانَ رَبِّنَا لَا يَنْلَمُ وَلَا يَسْهُو

Ertinya, maha suci tuhan yang tidak tidur dan tidak lupa.

³⁶³ *Muwalat* iaitu wajib berturut-turut pada ketika membaca kalimah tahiyyat.

4. Keempatnya memperdengar akan dia kepada dirinya.
5. Kelimanya ketiadaan mempaling akan dia bagi lainnya.
6. Keenamnya dibaca akan dia pada hal duduk melainkan jika uzur.³⁶⁴
7. Ketujuhnya tertib jika hasil dengan ketiadaannya cedera pada maknanya.

Inilah *sighah*³⁶⁵ tahiyyat dan selawat :

التحيات المباركات الصلوات الطيبات لـه السلام عليك أباها النبي ورحمة الله وبركاته السلام علينا وعلى عباد الله
الصالحينأشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله اللهم صل على سيدنا محمد³⁶⁶.

Hingga inilah yang sunat akan dia pada tahiyyat awal dan di tambah :

³⁶⁷ وعلى آل سيدنا محمد

Pada tahiyyat akhir kemudian daripada selawat atas nabi kerana ia sunat *ab'ad*).

Penjelasan

Tahiyyat akhir pula melibatkan tujuh syarat, iaitu:

1. Hendaklah dibaca dalam bahasa Arab bagi orang yang mampu membacanya.

³⁶⁴ Iaitu tidak boleh seseorang itu membaca tahiyyat sedang ia berdiri, sujud atau sebagainya melainkan ada keuzuran.

³⁶⁵ صيغة iaitu rupa lafaz tahiyyat yang dikehendaki.(Ibrahim, 1995 : 374).

³⁶⁶ Artinya, segala penghormatan yang berkat dan solat yang baik adalah untuk Allah. Sejahtera atas engkau wahai Nabi dan rahmat Allah serta keberkatanNya. Sejahtera ke atas kami dan hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahwasanya tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu pesuruh Allah. Ya Allah anugerahkanlah kesejahteraan atas Muhammad.

³⁶⁷ Artinya, Ya Allah anugerahkanlah juga kesejahteraan ke atas keluarga Muhammad.

2. Memelihara segala huruf yang terkandung dalam bacaan tahiyyat akhir, kalimah-kalimahnya dan segala *tashdid* yang terdapat dalam kalimah tersebut.³⁶⁸
3. Hendaklah dibaca mengikut turutan pada kalimah yang terkandung di dalamnya. Wajib *muwalat*, iaitu berturut-turut ketika membaca kalimah tahiyyat tersebut.
4. Memperdengarkan bacaan tersebut untuk dirinya sendiri.
5. Tidak boleh membaca selain daripada bacaan tahiyyat yang telah ditetapkan.
6. Hendaklah dibaca dalam keadaan duduk.³⁶⁹
7. Hendaklah dibaca mengikut tertib yang telah ditetapkan pada bacaan tahiyyat tersebut serta tidak mengubah maknanya.

Bacaan tahiyyat dan selawat³⁷⁰ ke atas Nabi Muhammad S.A.W adalah seperti yang:

التحيات المباركات الصلوات الطيبات لـه السلام عليك أبا النبي ورحمة الله وبركاته السلام علينا وعلى عباد الله
الصالحينأشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله اللهم صل على سيدنا محمد.

Ini ialah bacaan yang paling sempurna pada tahiyyat awal.

Namun sunat³⁷¹ ditambah :

³⁶⁸ Wajib seseorang itu memelihara *تَشْدِيد* iaitu kalimah yang bersyaddah, seperti pada kalimah *التحيات*. Begitu juga bacaan *إِذْغَام* iaitu memasukkan pada huruf pada huruf *ن* dalam kalimah *أن* (*memasukkan*) huruf *ر* pada huruf *د* dalam kalimah *محمد* (*إِذْغَام*).

³⁶⁹ Melainkan orang yang uzur maka bolehlah membaca tahiyyat itu di dalam keadaan berdiri atau mengiring sebelah kanan atau menentang.

³⁷⁰ Mengikut apa yang telah digariskan oleh Imam al-Syafi'i dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas yang berbunyi "Rasulullah telah mengajar kami bacaan pada tasyahud (tahiyyat) ialah :

التحيات المباركات الصلوات الطيبات لـه السلام عليك أبا النبي ورحمة الله وبركاته السلام علينا وعلى عباد الله الصالحينأشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله .

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim. Adapun yang paling pendik lagi pada bacaan tahiyyat ini ialah seperti yang tersebut dalam kitab *Hasyiah al-Bujairimi 'ala Syarhi Manhaji al-Tullab* :

التحيات لـه سلام عليك أبا النبي ورحمة الله وبركاته سلام علينا وعلى عباد الله الصالحين .

Demikian yang telah dinaqalkan oleh al-Kabir Muhammad al-Mursofi.(Al-Mursofi, 2007, jilid 1 : 220).

Ini dibaca pada tahiyyat akhir kerana selawat ke atas keluarga nabi itu ialah sunat *ab'ad*.

4.24.11 Selawat ke atas nabi di dalam tahiyyat akhir

(Dan yang terlebih *akmalnya*³⁷² didatang kemudian daripada tahiyyat akhir itu akan selawat *ibrahimiah* iaitu :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارَكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ³⁷³).

Penjelasan

Malah adalah lebih baik jika bacaan selawat selepas membaca tahiyyat akhir itu dibaca dengan selawat *Ibrahimiah*³⁷⁴ seperti berikut:

³⁷¹ Disunatkan bagi seseorang yang melakukan sembahyang. Jika pada tahiyyat akhir maka disunatkan lagi ditambah dengan kalimah :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

Selawat ke atas Nabi pada tahiyyat awal dan keluarganya pada tahiyyat akhir itu termasuk di dalam kategori sunat *ab'ad*. Maka sunat dibaca, jika tidak dibaca maka disunatkan sujud *sahwi*. Adapun yang paling ringkas lagi pada bacaan selawat ke atas Nabi dan keluarganya itu ialah :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِهِ

Bacaan selawat ke atas Nabi dan keluarganya ini juga terdapat dalam kitab *Hasyiah al-Bujairimi 'ala Svarhi Manhaji al-Tullab* .(Al-Mursofi, 2007, jili 1 : 220).

³⁷² أَكْمَلٌ iaitu yang terlebih sempurna.(Al-Marbawi, 1354H : 197).

³⁷³ Artinya, Ya Allah anugerahkanlah kesejahteraan atas Muhammad dan anugerahkanlah juga kesejahteraan ke atas keluarga Muhammad seperti yang Engkau telah anugerahkan kesejahteraan atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Dan berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad seperti yang Engkau telah berkatilah Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau maha terpuji lagi maha tinggi.

³⁷⁴ Tersebut juga dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*.(Al-Banjari, 1343H : 212).

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحْمِيدٌ.

4.24.12 Duduk *tawarruk*³⁷⁵

(Dan sunat pada tahiyyat akhir duduk *tawarruk*. Dan sunat menghantar akan dua tangannya atas dua pahanya pada segala duduk yang di dalam sembahyang dan ujung anak jarinya bersama-sama dengan kepala lututnya padahal dihunjur akan sekeliannya melainkan pada tahiyyat. Maka sunat digengam akan segala anak jari tangan kanannya padanya melainkan telunjuknya maka dihunjur akan dia dan ditaruh ibu tangannya pada sisinya. Dan sunat diangkat akan dia pada tatakala berkata **إِلَّا اللَّهُ** pada hal niat mengisyarat dengan dia kepada *wahdaniyatullah ta’ala*).³⁷⁶

Penjelasan

Duduk ketika tahiyyat akhir disunatkan dengan duduk *tawarruk*, iaitu meletakkan tangan di atas pahanya pada sekalian duduk di dalam sembahyang. Disunatkan juga jari-jari tangan diletakkan di hujung kepala lututnya, melainkan pada tahiyyat seseorang perlu menggenggam tangan kanannya dan jari telunjuk diangkat ketika menyebut **إِلَّا اللَّهُ**. Ketika seseorang menyebut **إِلَّا اللَّهُ**, itu menunjukkan keesaan Allah S.W.T. kerana sesungguhnya yang disembah itu hanya Allah S.W.T.³⁷⁷

³⁷⁵ Duduk *tawarruk* itu adalah dengan mengeluarkan kaki kiri ke sebelah kanan dengan menyentuhkan punggungnya ke lantai serta menegakkan tapak kaki kanan dengan jari dihadapkan ke kiblat.(Ismail Kamus/Mohd Azrul Azlen, 2009 : 101).

³⁷⁶ **وَحْدَانِيَةُ اللَّهِ تَعَالَى** iaitu megisyaartkan keesaan Allah S.W.T.

³⁷⁷ Kenyataan tersebut disokong juga oleh al-Kabir Muhammad al-Mursofi, sila lihat *Hasyiah al-Bujairimi Ala Syarhi Manhaj al-Tullab* .(Al-Mursofi, 2007, jilid 1 : 217).

4.24.13 Memberi salam

(فصل مaka bagi salam itu sembilan syarat :

1. Pertamanya bahawa ada ia dengan bahasa Arab bagi yang kuasa.
2. Keduanya *ditakrif*³⁷⁸ akan dia dengan الـ .
3. Ketiganya dengan *kaf khitob*.
4. Keempatnya dengan *mim* jamak.
5. Kelimanya memerdengar akan dirinya dengan sekalian hurufnya.
Demikianlah segala bacaan yang di dalam sembahyang.
6. Keenamnya berturut-turut antara segala kalimahnya.
7. Ketujuhnya ketiadaan *qasad* bagi yang lain daripada salam.
8. Kedelapannya bahawa ada ia pada ketika duduknya atau gantinya pada ketika uzur.
9. Kesembilannya pada hal mengadap kiblat daripada awalnya hingga akhirnya.

(Bermula lafaz yang melengkapi bagi segala syarat yang tersebut itu السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّاتُهُ وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ Dan sunat memberi salam yang kedua kalinya. Dan sunat berpaling muka jua pada salam yang pertama kepada pihak kanannya serta niat memberi salam atas orang yang ada padanya daripada malaikat

³⁷⁸ اسم معرفة iaitu setiap kalimah yang dimulai dengan huruf “alif” dan “lam”.

dan sekelian yang mukmin daripada jin dan manusia. Dan sunat berpaling dengan salam yang keduanya kepada pihak kirinya serta berniat memberi salam atas segala mereka yang tersebut itu yang ada pada pihak kirinya dan sunat bagi maknum memberi salam kemudian daripada selesai dua salam imamnya).

Penjelasan

Memberi salam itu ada beberapa syarat seperti yang berikut:

1. Hendaklah melafazkan salam itu di dalam bahasa Arab bagi orang yang berkuasa untuk melafazkannya.
2. Lafaz salam itu hendaklah ada “Alif dan Lam”.³⁷⁹
3. Lafaz salam itu hendaklah dengan menggunakan huruf “kaf” yang menunjukkan seseorang itu sedang memberi salam kepada seseorang yang sedang ada di hadapannya.³⁸⁰
4. Lafaz salam itu hendaklah dengan huruf “mim jamak”. Iaitu lafaz pada ﷺ dan tidak boleh dengan lafaz ﷼ .
5. Hendaklah diperdengarkan sekalian huruf yang ada dalam lafaz salam itu kepada diri seseorang yang sedang sembahyang. Begitu juga setiap bacaannya dalam sembahyang seperti bacaan *fatiyah*, *tahiyyat* dan lain-lainnya itu juga hendaklah didengari oleh orang yang melakukan sembahyang tersebut.
6. Ketika memberi salam hendaklah berturut-turut setiap kalimah salam yang disebut itu.³⁸¹

³⁷⁹ Perlu ada ﷺ seperti ﷽ السلام عليكم ورحمة الله ﷺ jika tidak ada ﷺ maka tidak sah salamnya dan batallah sembahyangnya.

³⁸⁰ Iaitu ﷺ pada kalimah ﷺ. Tidak boleh mengubah lafaz itu selain daripada yang telah ditentukan.

7. Ketika memberi salam tidak boleh ada niat yang lain selain daripada niat hendak memberi salam dalam sembahyang semata-mata.
8. Seseorang yang hendak memberi salam selepas membaca tahiyyat akhir hendaklah memberi salam dalam keadaan duduk bagi orang yang berkemampuan sembahyang sambil berdiri atau duduk.³⁸²
9. Hendaklah dalam keadaan sedang menghadap kiblat bermula daripada awal sembahyang hingga hal ketika hendak memberi salam.

Lafaz yang lengkap bagi segala syarat salam ialah ﷺ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ عَلَيْكُمْ، maka tambahan ﷺ adalah sunat sahaja. Boleh juga bagi seseorang itu mengucap salamnya dengan perkataan ﷺ، وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ، yang membawa kepada makruh sahaja.³⁸³

Selain itu, adalah sunat bagi seseorang itu memberi salam yang kedua. Begitu juga berpaling muka ketika memberi salam ke pihak kanan³⁸⁴ dan kiri serta diniatkan ketika memberi salam itu kepada orang-orang yang ada di sampingnya yang terdiri daripada para malaikat dan orang-orang yang beriman dalam kalangan manusia dan jin. Seterusnya sunat bagi maknum memberi salam setelah selesai imam memberi salam yang kedua.

4.25 Perkara-perkara yang disunatkan selepas memberi salam

³⁸¹ Maka tidak boleh seseorang itu memberi salam dengan السَّلَامُ kemudian dia diam seketika kemudian dia sambung ﷺ. Maka yang demikian itu tidak sah salamnya.

³⁸² Bagi orang yang tidak mampu berdiri atau duduk seperti sembahyang mengiring atau melentang maka bolehlah dia memberi salam cara mana yang dia mampu melakukannya ketika di dalam sembahyangnya itu. (Al-Banjari, 1343H : 214).

³⁸³ Kenyataan ini disebut juga dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*.(Al-Banjari, 1343H : 215).

³⁸⁴ Seseorang yang memberi salam sunat memalingkan mukanya sehingga dapat dilihat pipinya yang di sebelah kanan dan kirinya.

4.25.1 Sunat meletakkan tapak tangan kanan ke atas ubun kepala sambil menyapu mukanya.

(فصل) Dan sunat kemudian daripada memberi salamnya melata akan tapak tangan kanannya atas ubun-ubunnya dan sunat membaca padanya اللهم أذهب عنِّي الْهَمَّ وَالْحَزَنَ

385

Penjelasan

Selain itu apabila selesai sahaja memberi salam yang kedua, disunatkan juga bagi seseorang yang sembahyang mengusap (menyapu) mukanya³⁸⁶ sambil membaca doa berikut:

اللهم أذهب عنِّي الْهَمَّ وَالْحَزَنَ .

4.25.2 Membaca wirid

(Kemudian sunat ia membaca beberapa wirid ini iaitu :

³⁸⁵ Hadis ini telah diriwayatkan oleh Ibnu Sunni daripada Anas r.a. Hadis tersebut telah dinukilkan oleh al-Suyuti di dalam kitabnya al-Jami' al-Soghir, bahawa haidis ini adalah Hadis daif.(al-Suyuti, t.th, jilid 5 : 148). Begitu juga al-Albani di dalam kitabnya *al-Salsilah al-Doifah*, beliau menjelaskan bahawa hadis tersebut adalah hadis yang sangat lemah.(al-Albani, t.th : 660).

³⁸⁶ Perbuatan mengusap muka dan membaca doa selepas mengusap muaka, telah dijelaskan oleh Zainuddin bin Abdul Aziz dalam kitabnya *I'anatu al-Tolibin* dan Imam al-Nawawi dalam kitabnya *al-adhkar* yang berbunyi, hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Sunni daripada Anas r.a. Beliau berkata, Nabi Muhammad S.A.W apabila selesai sahaja sembahyang beliau menyapu mukanya dengan tangan kanan. Kemudian beliau berdoa dengan katanya :

أشهد أن لا إله إلا الله هو الرحمن الرحيم . اللهم أذهب عنِّي الْهَمَّ وَالْهَزَنَ .

Dalam riwayat yang lain pula menyebut :

بسم الله الذي لا إله إلا هو الرحمن الرحيم . اللهم أذهب عنِّي الْهَمَّ وَالْهَزَنَ . (Zainuddin, 1993, jilid 1 : . 215). Dan (Al-Nawawi, 1990 : 84).

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ عَلٰى كُلِّ حَالٍ وَفِي كُلِّ حَالٍ³⁸⁷

Kemudian membaca :

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ

Tiga kali kemudian :

اللّٰهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُوذُ السَّلَامُ فَحِينَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَذْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا

وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاَكْرَامِ أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ³⁸⁸

Hingga akhirnya kemudian :

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ اللّٰهُ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُؤْمِنُ لَهُ مَا فِي

السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ دَالَّنِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ

عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يُؤْدِهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ.³⁸⁹

³⁸⁷ Maksudnya, segala puji untuk Allah tuhan yang mentadbir alam ini atas mana-mana juga keadaan dan pada tiap-tiap keadaan.

³⁸⁸ Ertinya, ya Allah engkaulah yang dikenali sebagai mensejahterakan makhluk, dan daripada engkaulah datangnya sejahtera, kepada engkau kembalinya sejahtera itu. Oleh itu hidupkanlah kami ya Allah dengan selamat sejahtera dan masukkanlah kami ke dalam syurga yang aman sejahtera bertambah-tambah berkatMu ya Allah tuhan kami yang maha tinggi. Ya Allah tuhan yang mempunyai segala kebesaran dan kemuliaan. Aku berlindung denganMu daripada syaitan yang direjam. Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi yang maha mengasihani. Dan tersebut di dalam kitab *al-adhkar* bagi Imam Nawawi, bahwasanya Nabi Muhammad S.A.W apabila selesai sahaja daripada sembahyang beliau akan beristighfar sebanyak tiga kali kemudian beliau terus mengucapkan:

اللّٰهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُوذُ السَّلَامُ فَحِينَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاَكْرَامِ

Hadir ini tersebut di dalam kitab *al-adhkar*.(al-Nawawi, 1990 : 83).

³⁸⁹ Ertinya, tuhan kamu tuhan yang esa, tiada tuhan yang sebenar melainkan Dia. Tuhan yang maha pemurah lagi maha penyayang. Allahlah tuhan, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia. Yang tetap hidup yang kekal selama-lamanya mentadbir sekalian makhluknya. Yang tidak mengantuk

Kemudian :

شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَالْوُلَا الْعِلْمُ قَائِمًا بِالْقُسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَرِيزُ الْحَكِيمُ إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ
قُلْ اللَّهُمَّ مَا لَكَ مَالِكَ الْمُلْكِ ثُوتَى الْمُلْكَ مَنْ شَاءَ وَتَنَزَّعَ الْمُلْكَ مَمَّنْ شَاءَ وَتَعْزُّ مَنْ شَاءَ وَتَذَلُّ مَنْ شَاءَ بِيَدِكَ الْخَيْرِ إِنَّكَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارَ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرُجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيْتِ وَتُخْرُجُ الْمَيْتَ مِنَ الْحَيِّ
وَتَرْزُقُ مَنْ شَاءَ بِغَيْرِ حِسَابٍ .³⁹⁰

Kemudian سُبْحَانَ اللَّهِ tiga puluh tiga kali dan الحَمْدُ لِلَّهِ tiga puluh tiga kali dan tiga puluh empat kali. Inilah wirid yang dibaca akan dia kemudia sembahyang Maghrib. Dan ditambah bagi yang lain daripada Maghrib :

اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا رَادَّ لِمَا قَضَيْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدَّ مِنْكَ الْجَدُّ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِ وَصَاحْبِيهِ وَسَلِّمْ كَلَّمَا ذَكَرَكَ الدَّاكِرُونَ وَغَلَّ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُونَ وَرَضِّيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْ

dan juga tidak tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat pertolongan di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka. Sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada kandungan ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki memberitahu kepadanya. Luasnya Kursi Allah ilmuNya dan kekuasaanNya meliputi langit dan bumi dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjadi serta memelihara kedua-duanya. Dan Dialah yang maha tinggi dapat kemuliaanNya lagi maha besar kekuasaanNya.

³⁹⁰ Maksudnya, Allah menerangkan kepada sekelian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti, bahawasanya tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia yang sentiasa mentadbir seluruh alam dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang yang berilmu mengakui dan menegaskan juga yang demikian. Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia yang maha berkuasa lagi maha bijaksana. Sesungguhnya agama yang benar dan direldai di sisi Allah ialah Islam. Katakanlah wahai Muhammad, wahai tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan Engkau yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkau sahaja adanya segala kebaikan. sesungguhnya Engkau maha kuasa atas setiap sesuatu, Engkaulah wahai tuhan yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan Engkaulah yang memsusukan waktu siang ke dalam waktu malam, Engkaulah juga yang mengeluarkan sesuatu yang hidup daripada benda yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan benda yang mati daripada sesuatu yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dengan tiada hitungan hisabnya.

سَادَتْنَا الصَّحَابَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللَّهِ أَجْمَعِينَ وَحَسِبْنَا اللَّهَ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ أَسْتَغْفِرُ

الله العظيم .³⁹¹

Tiga kali :

يَا لَطِيفُ يَا كَافِيُ يَا حَقِيرُ يَا شَافِيُ يَا لَطِيفُ يَا كَافِيُ يَا حَقِيرُ يَا شَافِيُ اللَّهُ يَا لَطِيفُ يَا وَافِيُ يَا كَرِيمُ أَنْتَ اللَّهُ .³⁹²

Kemudian :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ³⁹³

Sepuluh kali :

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَلِمَةُ حَقٍّ عَلَيْهَا نَحْيَا وَعَلَيْهَا نَمُوتُ وَعَلَيْهَا نُبَعْثُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى مِنْ

الْأَمْنِينَ بِرَحْمَةِ اللَّهِ وَكَرَمِهِ .³⁹⁴

³⁹¹ Maksudnya, Ya Allah, tiada yang dapat menolak pemberianMu dan tiada yang dapat memberi apa yang Engkau tolak dan tiada yang dapat menolak keputusanMu. dan tiada guna kekayaan (jika hendak digunakan untuk mengelak hukum Allah) sebab kekayaan itu datang dari Allah. Ya Allah sejahterakanlah junjungan kami Nabi Muhammad S.A.W iaitu hambaMu dan pesuruhMu Nabi yang ummi dan juga ke atas keluarganya dan sahabat-sahabat baginda sekelian. Selama Engkau diingati oleh orang-orang yang ingat dan dilupui oleh orang-orang yang lupa. dan selamat sejahtera dan kurniaan keredaan Allah yang maha berkat lagi maha tinggi ke atas penghulu-penghulu kami, sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W sekelian. Cukuplah kita, hanya Allah sebaik-baik tempat berserah. Tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah yang maha agung. Aku mohon ampun kepada Allah tuhan yang maha besar.

³⁹² Maksudnya, Ya Allah yang lemah lembut, ya Allah yang mencukupi bagi hambaNya, ya Allah yang amat memelihara, ya Allah yang menyembuh segala penyakit zahir dan batin, ya Allah yang lemah lembut, ya Allah yang menyempurnakan janji, ya Allah yang amat mulia lagi amat pemurah. Engkaulah Allah yang sebenarnya.

³⁹³ Ertinya, tiada tuhan melainkan Allah.

³⁹⁴ Maksudnya, Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Itulah kalimah yang sebenar. Atasnya kita hidup dan atasnya kita mati dan atasnya serta dengannyaalah kita dibangkitkan insyaAllah ke dalam kalangan orang-orang yang aman dengan rahmat Allah dan kemurahanNya.

Dan sunat ditambah pada wirid sembahyang Maghrib dan Subuh dahulu daripada

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ

hingga akhirnya akan :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْبِي وَيُمِينُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ³⁹⁵

Sepuluh kali).³⁹⁶

Penjelasan

Sunat seseorang itu apabila selesai sahaja daripada sembahyangnya membaca wirid-wirid yang telah ditetapkan oleh para ulama seperti berikut:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَفِي كُلِّ حَالٍ³⁹⁷.

Kemudian beristighfar sebanyak tiga kali dengan lafaz berikut:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ.

³⁹⁵ Maksudnya, tiada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah. Tiada sekutu bagiNya. Bagi Allah seluruh pemerintahan dan untuk Allah segala kepujian. Ia menghidupkan dan Ia yang mematikan. Dialah Allah yang amat berkuasa atas segala sesuatu.

³⁹⁶ Iaitu sunat pada sembahyang Maghrib dan Subuh didahului membaca :
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْبِي وَيُمِينُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

kemudian barulah membaca :

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمَنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُودُ السَّلَامُ فَهَبْنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَذْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكَ رَبَّنَا وَتَعَالَى نَيْذَا الْجَلَالِ
وَالْأَكْرَامُ

³⁹⁷ Doa di atas ini dibaca ketika sesuatu hajat itu jika lambat diperkenankan oleh Allah S.W.T, maka sunat dibaca doa ini.(Aminuddin, 2006 : 11).

Selepas beristighfar sebanyak tiga kali, disunatkan pula membaca wirid seperti berikut:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُوذُ السَّلَامُ فَحِينَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَذْخَلَنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكَتْ رَبَّنَا
وَتَعَالَيْتَ يَا إِذَا الْجَلَالِ وَالْأَكْرَامِ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ مَالِكُ يَوْمِ الدِّينِ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِنُ اهْدِنَا الصَّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرَ
الْمَغْضُوبَ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ .

Seterusnya setelah selesai daripada bacaan di atas, disunatkan juga membaca wirid seperti berikut :

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ اللَّهُ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سَيِّئَاتُ وَلَا تُؤْمِنُ لَهُ مَا فِي
السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِيْ يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ
عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يُؤْدِهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ .

Kemudian setelah membaca ayat kursi dibaca pula:

شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَالْأُولُو الْعِلْمُ قَائِمًا بِالْقُسْطَ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ
قُلْ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتَعْزِزُ مَنْ تَشَاءُ وَتَذْلِيلُ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْحَيْرُ إِنَّكَ
تُؤْلِجُ الْلَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُؤْلِجُ النَّهَارَ فِي الْلَّيْلِ وَتُخْرُجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرُجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيَّ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
الْحَيَّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِعَيْنِ حِسَابٍ .

Selepas sahaja membaca wirid di atas, maka disunatkan berzikir سُبْحَانَ اللَّهِ سُبْحَانَ اللَّهِ سُبْحَانَ اللَّهِ sebanyak 30 kali dan diikuti أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ أَكْبَرُ اللَّهُ sebanyak 33 kali dan diakhiri dengan 34 kali.³⁹⁸ Ini ialah

³⁹⁸ Tersebut dalam kitab *I'anatu al-Tolibin*, disunatkan berzikir سُبْحَانَ اللَّهِ tiga puluh tiga kali dan أَكْبَرُ اللَّهُ tiga puluh tiga kali kemudian tiga puluh tiga kali juga. Kemudian diakhiri dengan :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْحَمْدُ وَلَهُ الْحَمْدُ يَحْيِي وَيَمْتَيْ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .

Maka jadilah kesemuanya itu seratus. Tersebut juga dalam kitab *al-adhkar*, hadis yang diriwayatkan oleh abu Hurairah. Bahwasanya Nabi Muhammad S.A.W bersabda mafhumnya, barang sesiapa yang bertasbih setelah selesai daipada sembahyangnya tiga puluh tiga kali, juga tiga puluh tiga kali, dan tiga puluh tiga kali juga dan diakhiri dengan لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْحَمْدُ وَلَهُ الْحَمْدُ nescaya akan diampun dosanya walaupun dosanya itu sebanyak buih di lautan.(Al-Nawawi, 1990 : 82).

wirid yang dibaca ketika setelah selesai sembahyang fardu Maghrib. Namun disunatkan juga ditambah dengan wirid yang lain jika menunaikan sembahyang lain selain daripada sembahyang fardu Maghrib. wiridnya seperti berikut:

اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا رَأَدَ لِمَا قَضَيْتَ وَلَا يَنْقُعُ ذَا الْجَدَدِ مِنْكَ الْجَدَدُ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ كَلَّا مَا ذَكَرَكَ الظَّاهِرُونَ وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُونَ وَرَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْ سَادَتِنَا أَصْحَابِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللَّهِ أَجْمَعِينَ وَحَسَبْنَا اللَّهُ وَيَعْمَلُ الْوَكِيلُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Kemudian beristighfar tiga kali.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ.

Seterusnya berwirid lagi dengan :

يَا لُطِيفُ يَا كَافِيُ يَا حَفِيظُ يَا شَافِيُ يَا لُطِيفُ يَا كَافِيُ يَا حَفِيظُ يَا شَافِيُ اللَّهُ يَا لُطِيفُ يَا وَافِيُ يَا كَرِيمُ أَنْتَ اللَّهُ.

Kemudian disebut sebanyak 10 kali:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.

Yang terakhir dibaca pula :

مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَلِمَةُ حَقٌّ عَلَيْهَا نَحْيَا وَعَلَيْهَا نَمُوتُ وَعَلَيْهَا نُبَعَثُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ الْأَمْنِينَ بِرَحْمَةِ اللَّهِ وَكَرَمِهِ.

Malah sunat ketika selesai sembahyang fardu Maghrib dan fardu Subuh dibaca wirid ini sebanyak 10 kali.³⁹⁹

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْحَمْدُ يُحْلِي وَيُمِينُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

³⁹⁹ Setengah ulama berpendapat selepas membaca :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْحَمْدُ يُحْلِي وَيُمِينُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

dibaca pula :

اللَّهُمَّ أَجْرِنِي مِنَ النَّارِ

Wirid ini dibaca sebanyak tujuh kali.(Marbu al-Banjari al-Makki, 2007 : 124).

Kemudian barulah membaca yang berikut:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُوذُ السَّلَامُ فَحَبَّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَذْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكَتْ رَبَّنَا
وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

4.25.3 Membaca doa

(شهدان) Maka sunat membaca sebarang doa kemudian daripada wirid ini. (Dan sunat) memula tiap-tiap doa itu dengan بسم الله dan الحمد لله صلوات (سلام على رسول الله)

Penjelasan

Sunat membaca doa sebaik sahaja selepas wirid seperti yang telah dijelaskan di atas. Antara adab berdoa itu ialah setiap doa disunatkan dimulai dengan membaca بسم الله الحمد لله رب العالمين الرحمن الرحيم dan disusuli dengan سلام على نبي ورسولنا محمد S.A.W serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W seperti أشرف الأنبياء و المرسلين.

4.25.4 Selawat dan salam ke atas Rasulullah

(Dan disudahi akan dia dengan صلوات dan سلام على رسول الله)

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعَزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .⁴⁰¹

⁴⁰¹ Maksudnya, maha suci tuhanku, tuhan kemuliaan (suci) daripada sifat-sifat yang mereka ada-adakan. Dan sejahtera ke atas rasul-rasul dengan segala pujian tertentu bagi Allah tuhan sekelian alam.

Penjelasan

Selain itu, sunat juga diakhiri dengan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W⁴⁰² seperti berikut:

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعَزَّةِ عَمَّا يَصْفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمَرْسُلِينَ وَالْمَدْلُودُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ .

4.26 Doa-doa yang *ma 'thur*

(Bermula doa yang masyhur daripada nabi Muhammad S.A.W itu terlebih *afdal* daripada doa yang tiada mashur daripadanya. Dan setengah daripadanya :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا يُوَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَرَدِهُ يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَتَبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمُ سُلْطَانِكَ .⁴⁰³

Inilah :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ لِلَّهِمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُؤْجِيَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْرِبَتِكَ وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ وَالغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ وَالْفُورَزِ بِالجَنَّةِ وَالنَّجَاهَةَ مِنَ النَّارِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسْلِ وَمِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَمِنَ الْقُشْلِ وَمِنْ غَلَبَةِ الدِّينِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ

⁴⁰² Seperti :

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

Doa banyak lagi doa yang tersebut di dalam buku-buku yang membicarakan tentang adab-adab berdoa. Antaranya ialah buku yang berjudul *Hidup ibadat* oleh Fadzil bin Ahmad.(Fadzil, 1993 : 79).

⁴⁰³ Maksudnya, dengan nama Allah yang maha pengasih dan yang maha penyayang. Segala puji bagi Allah tuhan pentadbir seluruh alam. Puji yang melengkapi segala nikmat dan membala limpah kurniaNya. Ya Allah wahai tuhan kami untukMu sahaja segala jenis kepujian itu sebagaimana yang sepatutnya sesuai dengan kebesaran dan kerajaanMu.

جَهْدُ الْبَلَاءِ وَدَرَكُ الشَّقَاءِ وَشُوُمُ الْقَضَاءِ وَشَمَائِتَةُ الْأَعْدَاءِ وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلَّمَ

أَجْمَعِينَ سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعَزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ).⁴⁰⁴

Penjelasan

Antara doa yang masyhur yang datang daripada Nabi Muhammad S.A.W itu ialah :

1. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةً وَيُكَافِيْهُ مَرْيَدًا يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَبْغِي لِجَلالِ
وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ.

2. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُؤْجِيَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَعْفُورَتِكَ وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ وَالْغَيْمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ وَالْفَوْزَ
بِالْجَنَّةِ وَالْجَاهَةِ مِنَ الدَّارِ.

3. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسْلِ وَمِنَ الْجُنُونِ وَالْبُخْلِ وَمِنَ الفَشْلِ وَمِنْ
عَلَبَةِ الدَّيْنِ وَفَهْرِ الرَّجَالِ.

4. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ وَدَرَكِ الشَّقَاءِ وَشُوُمِ الْقَضَاءِ وَشَمَائِتَةِ الْأَعْدَاءِ.

5. وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلَّمَ أَجْمَعِينَ سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعَزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ
وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.⁴⁰⁵

⁴⁰⁴ Maksudnya, ya Allah ya tuhan kami, cucurilah rahmatMu ke atas junjungan kami Nabi Muhammad S.A.W serta keluarganya dan sekelian sahabat-sahabatnya dan sejahterakanlah mereka. Ya Allah kami memohon kepadaMu perkara-perkara yang mendorong ke arah rahmatMu dan keampunanMu. Dan selamat daripada segala dosa dan memperolehi dari segala kebaikan, mendapat kejayaan dengan syurga dan terlepas dari neraka. Ya Allah aku berlindung denganMu dari perasaan keluh kesah dan dukacita, dan aku berlindung denganMu dari sikap kelemahan dan kemalasan, dan aku berlindung denganMu dari sifat ketakutan, kebakhilan dan putus harapan, dan aku berlindung denganMu dari tekanan hutang dan kekerasan lelaki. Ya Allah sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada dibebani dengan bala yang akan menimpa, dan mendapat kecelakaan, dan mendapat dukacita pada setiap yang ditentukan olehMu, dan ejekan atau gangguan para musuh. Mudah-mudahan Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas Nabi Muhammad S.A.W dan keatas keluarganya dan sahabatnya sekelian. Maha suci tuhanmu tuhan yang empunya kemuliaan dari apa yang mereka sifatkan dan selamat sejahtera ke atas sekelian para rasul dan segala puji-pijian bagi Allah tuhan sekelaihan alam.

⁴⁰⁵ Banyak lagi doa-doa yang masyhur yang datang daripada Nabi Muhammad S.A.W antaranya ialah :

1. اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عَصْمَةُ أَمْرِي وَأَصْلِحْ دُنْيَايِي الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي إِلَيْهَا مَعَادِي وَاجْعَلْ
الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ .
2. اللَّهُمَّ إِنَا نَسَّاكَ مِنَ النِّعَمَةِ تَمَامَهَا وَمِنَ الْعَصْمَةِ دُوَامَهَا وَمِنَ الرَّاحَةِ شَمَولَهَا وَمِنَ الْعَافِيَةِ حَصْوَلَهَا وَمِنَ الْعِيشِ أَرْغَدَهُ وَمِنَ
الْعُمَرِ أَسْعَدَهُ وَمِنَ الْإِحْسَانِ أَتَمَهُ وَمِنَ الْإِنْتَعَامِ أَعْمَهُ وَمِنَ الْفَضْلِ أَعْذَبَهُ وَمِنَ الْلَّطِيفِ أَنْفَعَهُ .

4.27 sujud sahwi

(فصل) Bermula sujud *sahwi* itu atas lima sebab :

1. Pertamanya sebab meninggal akan salah satu daripada segala sunat *ab'ad* yang delapan dengan sengaja atau dengan lupa.
2. Keduanya sebab syak ia pada meninggal akan dia dan berkekalan ia atas syaknya.
3. Ketiganya sebab mengerja ia akan barang yang membatal ia akan sembahyang dengan sengajanya. Dan tiada membatal ia dengan lupanya pada hal mengerja ia akan dia dengan lupa, seperti memanjang akan rukun yang pendek. Iaitu iktidal dan duduk antara dua sujud dan seperti berkata-kata yang sedikit atau makan yang sedikit atau melebihkan rakaatnya atau satu rukun daripada segala rukunnya atau meninggal akan dia ertinya rakaatnya atau rukunnya dengan lupa.
4. Keempatnya sebab memindah akan *qauli* daripada tempatnya kepada tempat lainnya sama ada ia rukun seperti *fatiyah* dibaca akan dia di dalam rukuk umpamanya dan tahiyyat akhir dibaca akan dia di dalam berdiri umpamanya. Atau sunat *ab'ad* seperti qunut dibaca akan dia di dalam rukuk umpamanya dan tahiyyat awal dibaca akan dia di dalam berdiri. Atau sunat *haiat* seperti surah dan doa *iftitah* dibaca akan keduanya di dalam rukuk umpamanya sama

3. اللهم فارج الهم كاشف الغم مجيب دعوة المضطرين رحمن الدنيا والآخرة ورحيمهما أنت ترحمنا فارحمنا رحمة تعنينا بها عن رحمة من سواك .

Doa ini tersebut dalam kitab *al-Aurad al-Ziniah al-Makkiah*.(Marbu al-Banjari al-Makki, 2007 : 137-141).

ada dengan segaja atau dengan lupa. Maka tiada batal sembahyangnya tetapi sunat sujud *sahwi*.

5. Kelimanya sebab syak ia pada sembahyangnya yang *diintimal* akan lebihnya seperti syak ia pada sembahyang yang empat rakaat umpamanya adakah ia sembahyang empat rakaat atau tiga rakaat, hendaklah ia ambil yang yakin iaitu tiga rakaat dan ditambah satu rakaat lagi. Iaitu yang dIsyak akan dia. Kerana asalnya tiada ia mengerja akan dia, dan sunat sujud *sahwi*.

Bermula sujud *sahwi* itu dua sujud jua jikalau banyak yang dilupanya sekalipun. Dan tempatnya itu dahulu daripada salam kemudian daripada sempurna tahiyyat akhir dan selawat padanya. Dan wajib niat padanya dan diserta akan dia dengan turun kepada sujudnya iaitu diniat di dalam hati sahaja aku sujud *sahwi* daripada qunut yang ditinggal akan dia dan sunat membaca padanya :

سُبْحَانَ رَبِّنَاٰ وَلَا يَسْهُو⁴⁰⁶

Bermula syaratnya itu seperti syarat sujud yang lain jua).

Penjelasan

Lima sebab yang menuntut seseorang itu melakukan sujud *sahwi*,⁴⁰⁷ adalah seperti berikut:

1. Meninggalkan salah satu daripada sunat *ab'ad* dengan sengaja atau terlupa.⁴⁰⁸

⁴⁰⁶ Maksudnya, maha suci Allah yang tidak tidur dan tidak lupa.

⁴⁰⁷ sujud *sahwi* boleh dilakukan jika berlaku kecacatan di dalam sembahyang sama ada tertinggal melakukan rukun sembahyang, sunat *ab'ad* dan sunat *haiat*. Kecacatan ini berlaku sama ada pada sembahyang fardu atau sunat. sujud *sahwi* ini sunat dilakukan jika kecacatan itu berlaku pada sembahyang fardu sahaja, adapun sembahyang sunat jika berlaku kecacatan tidak sunat dilakukan sujud *sahwi* mengikut salah satu pendapat yang lemah.(Al-Damsyiqi al-Syafi'i, 1992 : 123).

2. Seseorang itu syak sama ada dia meninggalkan sunat *ab'ad* atau tidak.

Seperti dia syak pada meninggalkan qunut atau tidak. Maka hendaklah dia sujud *sahwi*. Atau lama masa syaknya (ragu-ragunya), maka hendaklah dia sujud *sahwi* juga sebelum memberi salam.

3. Melakukan perkara yang boleh membatalkan sembahyang dengan sengaja.

Sembahyang tidak terbatal sekiranya seseorang itu melakukan perkara yang boleh membatalkan sembahyang dalam keadaan lupa seperti memanjangkan rukun yang pendek, iaitu iktidal dan duduk antara dua sujud, ataupun berkata-kata hal keadaan yang sedikit,⁴⁰⁹ makan yang sedikit, melebihkan rakaat, melebihkan rukun daripada segala rukun, meninggalkan rukun dengan keadaan terlupa.⁴¹⁰

⁴⁰⁸ Sunat-sunat *ab'ad* itu ialah :

1. Membaca tahiyyat awal (pertama).
2. Membaca selawat kepada Nabi dalam tahiyyat awal.
3. Duduk tahiyyat / tasyahhud.
4. Membaca doa qunut pada sembahyang Subuh dan pada sembahyang sunat witir selepas separuh akhir bulan Ramadan.
5. Selawat dalam qunut.
6. Membaca selawat juga kepada para sahabat-sahabat Nabi S.A.W ketika di dalam qunut.
7. Berdiri semasa berqunut.
8. Membaca selawat ke atas keluarga Nabi pada masa tahiyyat akhir.

Mengikut yang telah dinaqalkan oleh Dr Wahbah al-Zuhaili. Sunat *ab'ad* itu secara terperinci ada 20 perkara: 14 perkara ialah di dalam qunut sembahyang Subuh atau sunat witir separuh yang kedua pada bulan Ramadan iaitu, berdiri ketika qunut, selawat ke atas Nabi dan berdiri ketika selawat, salam ke atas Nabi setelah selawat dan berdiri ketika ucapan salam kepada Nabi, selawat ke atas keluarga Nabi dan berdiri ketika selawat, selawat ke atas sahabat baginda dan berdiri ketika selawat, ucapan salam ke atas keluarga Nabi dan berdiri ketika mengucap salam, ucapan salam ke atas sahabat Nabi dan berdiri ketika ucapan salam kepada mereka semua. Dan 6 lagi ialah ketika di dalam tahiyyat akhir iaitu, tasyahhud awal dan duduk ketika melakukan tasyahhud awal, selawat ke atas Nabi dalam tasyahhud awal, duduk ketika selawat pada Nabi, selawat ke atas keluarga Nabi ketika tahiyyat akhir dan duduk ketika melakukan tahiyyat akhir (Al-Zuhaili, 2006 : 1115).

⁴⁰⁹ Berkata-kata yang sedikit yang tidak melebihi enam patah perkataan.(Sayyaid Sabiq, 1993 : 203). Jika lebih daripada itu maka boleh membawa kepada batalnya sembahyang. Tetapi jika perbuatan tersebut dilakukan kerana terlupa, maka itu dimaafkan.

⁴¹⁰ Seseorang yang menambah satu rukun daripada segala rukun di dalam sembahyang atau meninggalkan rukun tersebut, seperti seseorang itu melakukan iktidal dua kali di dalam sembahyangnya atau dia meninggalkan iktidal. Maka perbuatan tersebut membawa kepada batalnya sembahyang seseorang itu kecuali dilakukan dengan terlupa maka dimaafkan. Sekiranya seseorang itu meninggalkan satu rukun seperti terlupa rukuk dan dia terus turun kepada sujud, sekiranya dia teringat dia telah meninggalkan satu rukun iaitu rukuk, maka hendaklah dia bangun semula untuk melakukan rukuk dan barulah dilakukan sujud *sahwi* selepas tahiyyat akhir sebelum salam.(Ismail kamus/Mohd Azrul Azlen, 2009 : 110).

4. Memindahkan rukun *qauli*, sunat *ab'ad*, dan sunat *haiat* ke tempat yang tidak sepatutnya seperti membaca *fatiyah* ketika rukuk, membaca tahiyyat akhir ketika sedang berdiri, membaca doa qunut ketika rukuk, tahiyyat awal dibaca ketika sedang berdiri, atau bacaan surah dan doa *iftitah* dibaca ketika sedang rukuk sama ada dengan sengaja atau terlupa, sembahyangnya tidaklah batal, tetapi disunatkan melakukan sujud *sahwi*.

5. Berlaku syak (ragu-ragu) dalam sembahyang. Jika seseorang yang sedang sembahyang kemudian ragu-ragu pada rakaat keempat sembahyangnya sama ada dia dalam rakaat ketiga ataupun ke empat, maka hendaklah dia mengambil tiga rakaat kemudian ditambah satu rakaat lagi kerana asalnya dikira seseorang itu tidak melakukannya,⁴¹² namun kemudian disunatkan melakukan sujud *sahwi*.⁴¹³

Jika seseorang itu melakukan dua kesilapan dalam sembahyangnya seperti tidak membaca selawat kepada nabi dalam tahiyyat awal dan membaca *fatiyah* dalam rukuk kerana terlupa, maka memadalih dengan sekali sujud *sahwi* sahaja. Sewaktu hendak melakukan sujud *sahwi* hendaklah didahului dengan membaca tahiyyat akhir dan selawat kepada Nabi. Sebelum memberi salam wajib, diniatkan di dalam hati hendak turun sujud *sahwi* seperti “sahaja aku sujud *sahwi* pada doa qunut yang aku

⁴¹² Melebihkan rakaat dalam sembahyang atau kurang daripada itu seperti sembahyang Zohor empat rakaat, maka ditambah menjadi lima rakaat sekiranya dia terlupa rakaat sembahyangnya, atau sembahyang Zohornya hanya tiga rakaat tetapi disangkanya empat rakaat, maka jika teringat dalam sembahyangnya itu bahwasanya sembahyangnya itu sudah lima rakaat, maka wajib dia turun duduk untuk tahiyyat akhir, atau sekiranya dia duduk tahiyyat akhir tiba-tiba dia teringat bahwasanya dia masih dalam rakaat yang ketiga, maka wajib dia bangun untuk meneruskan sembahyang untuk rakaat yang keempat. Kemudian sunat sujud *sahwi* sebelum memberi salam (Al-Fatani, t.t : 161).

⁴¹³ Jika sebelum memberi salam dia teringat yang dia telah melakukan sembahyang tadi empat rakaat sekalipun, maka sunat juga dia sujud *sahwi* kerana dia ada ragu-ragu pada rakaat sembahyang sebelum itu. Perkara di atas jika dilakukan dengan sengaja maka boleh membawa kepada terbatalnya sembahyang seseorang kecuali dengan terlupa maka perbuatan itu dimaafkan. Walaupun dimaafkan maka disunatkan sujud *sahwi* untuk menampung kecacatan yang berlaku di dalam sembahyang tersebut.

tinggalkan” kemudian hendaklah turun sujud sebanyak dua kali.⁴¹⁴ Ketika melakukan sujud *sahwi* adalah sunat membaca doa سُبْحَانَ رَبِّنَا لَا يَسْهُو. Syarat sujud *sahwi* itu seperti sujud yang lain juga.⁴¹⁵

4.28 Sembahyang Sunat

(فصل) Bermula sembahyang sunat iaitu beberapa bahagi, setengah daripadanya sunat *rawatib*⁴¹⁶ bagi fardu yang lima waktu iaitu dua bahagi :

1. Pertamanya *rawatib* yang *muakkad*, iaitu dua rakaat dahulu pada fardu Subuh Dan dua rakaat dahulu daripada Zohor Dan dua rakaat kemudian daripadanya Dan dua rakaat kemudian daripada Maghrib Dan dua rakaat kemudian daripada Isyak.

Dan witir iaitu sekurang-kurangnya satu rakaat dan sekurang-kurang *akmalnya* tiga rakaat maka lima rakaat maka tujuh rakaat maka sembilan rakaat maka sebelas rakaat iaitu sebaik-baiknya. Dan waktunya kemudian daripada sembahyang fardu Isyak).

Penjelasan

⁴¹⁴ رب سلپس سجد پرستا دینه بین دو سجد و میخواند که دینه بین دو سجد این است اغفرني وارحمني وانت حير الراحمين مهلا محسنه ای (Ismail Kamus dan Muhd Azrul Azlen, 2009 : 111). Jika seseorang itu syak adakah dia sudah sujud *sahwi* sekali atau dua kali, maka hendaklah dia sujud sekali lagi. Kerana pada asalnya dikira tidak melakukan sujud.(Al-Fatani, t.t : 160).

⁴¹⁵ Syaratnya ialah

1. Suci daripada hadas kecil dan besar.
2. Menutup aurat.
3. Menghadap kiblat.

⁴¹⁶ Solat sunat *rawatib* itu ialah solat sunat selepas dan sebelum solat fardu.(Al-Syarbini, 1994, jilid 1 : 272).

Selain sembahyang fardu, sembahyang sunat juga boleh dilakukan seperti *rawatib* dan witir. Sembahyang sunat *rawatib* yang *muakkad* (yang sangat dituntut) adalah seperti berikut:

1. Dua rakaat sebelum Subuh.
2. Dua rakaat sebelum Zohor.
3. Dua rakaat selepas Zohor.
4. Dua rakaat selepas Maghrib.
5. Dua rakaat selepas Isyak.

Sembahyang sunat witir melibatkan sekurang-kurangnya satu rakaat, namun yang paling baik ialah sebanyak tiga rakaat. Ini diikuti pula dengan lima rakaat, tujuh rakaat, dan sembilan rakaat. Yang paling baik dilakukan ialah sembahyang sunat witir dengan sebelas rakaat.⁴¹⁷ Waktu untuk melakukan sembahyang sunat witir ialah selepas sembahyang fardu Isyak sehingga terbitnya fajar.⁴¹⁸

2. (Keduanya *rawatib* yang *ghairu muakkad* itu ditambah dua rakaat dahulu daripada fardu Zohor dan dua rakaat kemudian daripadanya. Dan empat rakaat dahulu daripada Asar. Dan dua rakaat dahulu daripada Maghrib. Dan dua rakaat dahulu daripada Isyak. Dan *rawatib* jumaat itu seperti Zohor ju).

⁴¹⁷ Ada pendapat yang lemah menyatakan tiga belas rakaat.(Qulyubi dan ‘Umairah, 2009 : jilid 1 hlm. 594).

⁴¹⁸ Sunat dilewatkan sembahyang sunat witir ini bagi orang yang mampu untuk bangun awal.(Qulyubi dan ‘Umairah, 2009 : jilid 1 hlm. 595). Jika seseorang itu bermusafir, dia melakukan sembahyang jamak *taqdim* di antara Maghrib dan Isyak. Setelah selesai dia sembahyang jamak *taqdim* antara Maghrib dengan Isyak, maka boleh dilakukan sembahyang sunat witir walaupun dalam waktu Maghrib kerana dia telah melakukan sembahyang Isyak secara jamak *taqdim*.

Begitu juga sembahyang sunat tarawih, waktunya ialah selepas sembahyang fardu Isyak. Jika seseorang itu bermusafir, dia melakukan sembahyang jamak *taqdim* antara Maghrib dan Isyak. Setelah selesai dia sembahyang jamak *taqdim* antara Maghrib dan Isyak, maka boleh dilakukan sembahyang sunat tarawih walaupun di dalam waktu Maghrib kerana dia telah melakukan sembahyang Isyak secara jamak *taqdim*.

Penjelasan

Sembahyang sunat yang *rawatib ghairu muakkad* (tidak dituntut melakukannya) pula ialah:

1. Dua rakaat sebelum Zohor.
2. Dua rakaat selepas Zohor.
3. Empat rakaat sebelum Asar.
4. Dua rakaat sebelum Maghrib.
5. Dua rakaat sebelum Isyak.

Rawatib bagi sembahyang Jumaat sama seperti *rawatib* sembahyang fardu Zohor.⁴¹⁹

(Setengah daripadanya sunat *duha* sekurang-kurangnya dua rakaat dan sebanyak-banyaknya lagi yang terlebih *afdalnya* delapan rakaat. Bermula waktunya itu kemudian daripada naik matahari segalah hingga gelincir matahari. Inilah lafadz niatnya :

أَصَّلَى سُنَّةَ الضُّحَىِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

⁴¹⁹ Wajib disebut *qabliyyah* (sebelum) atau *ba'diyah* (selepas) ketika niat untuk melakukan sembahyang sunat *rawatib*. Seperti أَصَّلَى سُنَّةَ الظَّهَرِ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَةَ اللَّهِ تَعَالَى ertiya, sahaja aku sembahyang sunat Zohor dua rakaat *qabliyyah* kerana Allah ta'ala. Atau niat sunat rawatib *ba'diyah* seperti أَصَّلَى سُنَّةَ الظَّهَرِ رَكْعَتَيْنِ بَعْدَهُ اللَّهِ تَعَالَى ertiya, sahaja aku sembahyang sunat Zohor dua rakaat *ba'diyah* kerana Allah ta'ala. Sekiranya yang tidak ada *ba'diyah* pula seperti selepas Subuh dan Asar, maka tidak dituntut supaya disebut *qabliyyah* di dalam niat. Seperti أَصَّلَى سُنَّةَ الصَّبَحِ رَكْعَتَيْنِ اللَّهِ تَعَالَى ertiya sahaja aku sembahyang sunat Subuh dua rakaat kerana Allah ta'ala. Dan أَصَّلَى سُنَّةَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ اللَّهِ تَعَالَى ertiya sahaja aku sembahyang sunat Asar dua rakaat kerana Allah ta'ala.

Sahaja aku sembahyang sunat *duha* dua rakaat kerana Allah ta'ala. Setengah daripadanya sembahyang sunat dua hari raya fitrah dan *adha*. Inilah lafaz niat keduanya:

اَصْلَى سُنَّة عِيدِ الْفِطْرِ رَكْعَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya sahaja aku sembahyang sunat raya fitrah dua rakaat kerana Allah ta'ala.

اَصْلَى سُنَّة عِيدِ الْأَضْحَى رَكْعَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku sembahyang sunat raya korban dua rakaat kerana Allah ta'ala. Dan masuk waktunya daripada naik matahari hingga gelincir matahari pada harinya tetapi sunat ditakhir akan dia hingga naik matahari segalah. Dan sekurang-kurangnya disembahyang akan kedunya seperti sunat Zohor jua. Dan *akmalnya* bahawa ditakbir pada rakaat yang pertama tujuh kali kemudian daripada takbiratulihram dan doa *iftitah* dan dahulu daripada membaca أَعُوذُ بِاللَّهِ.

Dan pada rakaat yang kedua lima kali kemudian daripada takbir qiamnya dahulu daripada membaca أَعُوذُ بِاللَّهِ جُوا. Dan sunat angkat dua tangan pada segala takbir yang tujuh dan yang lima itu seperti yang diangkat pada takbiratulihram jua. Dan sunat membaca antara tiap-tiap dua takbir yang tujuh dan yang lima itu :

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Dan sunat dibaca kemudian daripada *fatiyah* pada rakaat yang pertama :

1. سَبِّحْ اسْمَ رَبِّكَ
atau

2. قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ

Dan pada rakaat yang keduanya :

1. هَلْ أَنَاكَ حَدِيثُ الْغَاشِيَةِ
atau

2. قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Penjelasan

Seterusnya sembahyang sunat *duha*. Sembahyang sunat *duha* terdiri daripada sekurang-kurangnya dua rakaat dan yang paling banyak atau *afdalnya* ialah lapan rakaat.⁴²⁰ Waktunya bermula daripada terbit matahari bersamaan 27 minit selepas waktu Subuh hingga tergelincir matahari.⁴²¹ Lafaz niatnya pula adalah seperti berikut:

⁴²⁰ Dan terlebih *afdalnya* lapan rakaat. Ada pendapat yang lemah menyatakan dua belas rakaat. Pendapat ini tidak boleh diterima.(Al-Mursofi, 2007, jilid 1 : 279). Dan ada satu pandangan daripada sebahagian ulama daripada mazhab Syafi'i yang menyatakan tiada had rakaat yang telah ditetapkan bagi sembahyang sunat *duha* (Al-Sayyid Sabiq, 1993, jilid 1 : 157). Waktu sembahyang sunat *duha* itu ialah 27 minit selepas terbit matahari (mengikut taqwim negeri Kedah). Mengikut kaedah lama iaitu naik matahari segalah. Dan habis waktu sunat *duha* itu apabila tergelincirnya matahari (iaitu waktu tengah hari).

⁴²¹ Waktu sembahyang sunat dua hari raya ini adalah selepas terbit matahari, tetapi sunat dilewatkan sehingga naik matahari segalah atau 27 minit selepas matahari terbit atau setelah naik matahari dan terasa sedikit kepanasannya. Maka ketika itu sunat dilakukan sembahyang sunat hari raya (Al-Syyaid

أَصْلَى سُنَّةِ الصُّحَى رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang sunat *duha* dua rakaat kerana Allah ta'ala.

Sembahyang sunat dua hari raya merujuk pada sembahyang sunat hari raya fitrah dan sembahyang sunat hari raya Adha. Lafaz niatnya adalah seperti berikut:

أَصْلَى سُنَّةِ عِيدِ الْفِطْرِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang sunat hari raya fitrah dua rakaat kerana Allah ta'ala.

أَصْلَى سُنَّةِ عِيدِ الْأَضْحَى رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang sunat hari raya korban dua rakaat kerana Allah ta'ala.

Waktu sembahyang sunat dua hari raya bermula apabila terbitnya matahari sehingga tergelincir matahari pada hari itu, tetapi sunat dilewatkan sedikit selama 27 minit selepas waktu Subuh. Sembahyang sunat dua hari raya sama seperti sembahyang sunat fardu Zohor. Dan yang paling sempurnanya ialah:

1. Takbir pada rakaat yang pertama dengan tujuh kali takbir selepas takbiratulihram, selepas membaca doa *iftitah* dan selepas membaca isti'azah (أَعُوذُ بِاللهِ).

Sabiq, 1993, jilid 1 : 157). Habis waktu sunat *duha* adalah apabila tergelincirnya matahari (iaitu waktu tengah hari).

2. Pada rakaat yang kedua, dilakukan lima kali takbir selepas bangun daripada sujud kepada *qiam* pada rakaat yang kedua dan selepas membaca أَعُوذُ بِاللَّهِ. ⁴²²
3. Ketika melakukan takbir, disunatkan mengangkat tangan seperti takbiratulihram.⁴²²
4. Sunat diselangi dengan membaca enam kali tasbih pada rakaat pertama dan empat kali tasbih pada rakaat kedua ketika melakukan takbir. Lafaz tasbih adalah seperti berikut:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

5. Sunat⁴²³ dibaca surah berikut selepas al-*fatihah* rakaat pertama:

سَبَّحَ اسْمَ رَبِّكَ

atau

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ

Pada rakaat yang kedua pula sunat dibaca:

هَلْ أَنَا كَحَدِيثُ الْعَاشِيَةِ

atau

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

⁴²² Jika seseorang itu terlupa takbir dan membaca tasbih setelah selesai takbiratulihram, apabila dia sedang membaca *fatihah* maka tidak sunat baginya kembali untuk melakukan tujuh kali takbir dan membaca tasbih pada setiap kali takbir. Sepatutnya dia perlu teruskan sahaja dan tidak perlu kembali kepada takbir yang disunatkan itu. Sekiranya dia kembali kepada tujuh kali takbir itu juga sebelum rukuk sedangkan dia melakukan demikian dengan sengaja dan dia mengetahui hukum tersebut maka sembahyangnya tidaklah batal. Sebaliknya jika setelah selesai rukuk dia kembali kepada tujuh kali takbir itu hal keadaan dengan sengaja dan dia tahu hukum dengan perbuatan tersebut tidak boleh dilakukan, maka sembahyangnya tidak sah (batal). (Al-Mursofi, 2007, jilid 1 : 425).

⁴²³ Sunat dibaca pada rakaat yang pertama selepas membaca *fatihah* pada rakaat yang pertama surah al-A'la atau surah al-Kafirun. Kemudian pada rakaat yang kedua pula selepas membaca *fatihah* dibaca surah al-Ghasiyah atau surah al-Ikhlas (Al-Mursofi, 2007, jilid 1 : 426).

(Dan sunat membaca dua khutbah kemudian daripada sembahyang dua hari raya jika disembahyang akan kedunya dengan berjamaah. Bermula syarat pada dua khutbahnya itu seperti syarat yang pada dua khtbah jumaat jua. Dan sunat mandi pada dua hari raya dan masuk waktunya daripada tengah malam tetapi mandi kemudian daripada fajar itu *afdal*. Dan sunat menghiasi dirinya padanya dengan mengerat kukunya dan bercukur dan menghilang akan baunya yang keji-keji pada badannya dan pada pakaian dan pada majlisnya.

Dan setengah daripada sembahyang sunat iaitu sembahyang sunat mutlak dan sunat wuduk dan sunat tahiyyah masjid dan sunat tahujud dan sunat tasbih dan sunat tarawih dan sunat gerhana dan sunat istikharah dan lain-lainnya. Maka jika engkau hendak mengerjakan akan segala sunat yang tersebut itu maka tuntutlah olehmu akan kaifiatnya di dalam kitab yang panjang-panjang).

Penjelasan

Sembahyang sunat dua hari raya, iaitu '*Idil Fitri*' dan '*Idil Adha*' ialah sunat muakkad,⁴²⁵ maka disunatkan membaca dua khutbah dan hukumnya juga sunat untuk mendengarnya apabila sembahyang dilakukan secara berjemaah. Syarat pada dua khutbah pada kedua-dua hari raya adalah sama seperti dua khutbah pada hari Jumaat.⁴²⁶

⁴²⁵ Kenyataan ini telah ditegaskan oleh Sayyid Sabiq dalam kitabnya *al-Fiqh al-Sunah* (Al-Sayyid Sabiq, 1993, jilid 1 : 236).

⁴²⁶ Syaratnya adalah yang berikut:

1. Membaca dua khutbah itu dengan Bahasa Arab.
2. Hendaklah keadaan kedua-dua khutbah itu di dalam waktu Zohor.
3. Hendaklah berturut-turut antara dua khutbah itu dan segala rukunnya dan antara khutbah dan sembahyang.

Selain itu disunatkan juga mandi sunat hari raya apabila tibanya hari raya, iaitu sebelum ke masjid. Mandi sunat juga boleh dilakukan apabila masuk sahaja waktu malam hari raya, tetapi lebih *afdal* dilakukan apabila terbit fajar pada waktu pagi hari raya. Malah sunat juga berhias diri dengan memotong kuku, bercukur, menghilangkan bau-bauan sama ada pada tubuh badan, pakaian dan ruang tamu untuk bertemu sanak saudara dan sahabat handai.⁴²⁷

Terdapat juga sembahyang sunat selain yang tersebut di atas seperti (maklumat lanjut boleh diperoleh dalam *Majmuk ‘ala Syarh Muhazzab li Syairazi* [Jilid 3] berkaitan bab sembahyang sunat pada halaman 343):

1. Sembahyang sunat mutlak.
 2. Sembahyang sunat wuduk.
 3. Sembahyang sunat tahiyyah masjid.
 4. Sembahyang sunat tahajud.
-
4. Hendaklah suci daripada hadas besar dan hadas kecil dan segala najis yang tidak dimaafkan pada pakaian, badan dan tempat.
 5. Menutup aurat.
 6. Berdiri pada kedua-dua khutbah bagi yang berkuasa.
 7. Hendaklah duduk sebentar antara dua khutbah sekadar *thumaknah* dan sunat dipanjangkan sedikit sekadar membaca surah al-ikhlas.
 8. Hendaklah memperdengarkan khutbah itu kepada empat puluh orang yang sah Jumaat.
 9. Hendaklah genap atau cukup bilangan empat puluh orang ahli Jumaat (yang bermastautin) daripada awal sembahyang hingga selesai sembahyang (Zakaria Ahmad, 2000 : 198).

⁴²⁷ Perkara sunat (Ahmad Faisol, t.t : 10-19) apabila tibanya hari raya ialah :

1. Menghias diri dengan wangi-wangian dan memakai pakaian yang baru.(Al-Sayyid Sabiq, 1993, jilid 1 : 237).
2. Menggerak kuku dan menghilangkan bulu-bulu yang ada di badan yang sunat dibuang seperti, bulu ketiak dan misai.
3. Membersihkan bau-bauan yang kurang selesa sama ada di tubuh badan atau pakaian.
4. Keluar dari rumah untuk melakukan sembahyang sunat hari raya.
5. Bersarapan sebelum ke masjid untuk mendirikan sembahyang sunat secara berjemaah.
6. Membayar zakat fitrah sebelum keluar untuk sembahyang sunat hari raya.
7. Pergi awal ke masjid.
8. Berjalan kaki ke masjid atau ke surau.
9. Pergi ke masjid dengan mengikut jalan yang tidak sama dengan jalan pulang.
10. Saling mengucap tahniah sesama umat Islam.
11. Saling bermaaf-maafan.
12. Berhibur dengan perkara yang tidak melampaui batas syariat.

5. Sembahyang sunat tasbih.
6. Sembahyang sunat tarawih.
7. Sembahyang sunat gerhana.
8. Sembahyang sunat istikharah dan lain-lain lagi.

4.29 Sembahyang qasar dan jamak

(فصل) Dan harus bagi orang yang musafir akan *safar* yang panjang lagi harus mengqasar akan sembahyang fardu yang *maktubah* ertinya diperbuat akan dia dua rakaat dengan dua belas syarat :

1. Pertamanya bahawa ada ia sembahyang fardu yang bangsa empat rakaat. Iaitu Zohor dan Asar dan Isyak sama ada ia tunai atau qada yang lupat di dalam *safarnya*. Jikalau *safar* yang lain daripada *safar* yang ada ia padanya sekalipun.
2. Keduanya bahawa ada *safarnya* itu jauh sekurang-kurangnya dua *marhalah* iaitu empat puluh delapan mil.
3. Ketiganya bahawa tiada diderhaka ia dengan *safaran* itu.
4. Keempatnya bahawa adalah *safarnya* itu memberi faedah yang sahih yang bangsa agama atau dunia.
5. Kelimanya bahawa *qasad* ia dengan *safarnya* itu akan tempat yang tertentu.
6. Keenamnya bahawa tiada berimam ia dengan orang yang dijahil akan *safarnya*.

7. Ketujuhnya bahawa tiada berimam ia dengan orang yang sembahyang *tamam*.
8. Kedelapannya bahawa diserta akan niat qasar dan dengan takbiratulihram.
9. Kesembilannya bahawa mengetahui ia dengan harus qasar.
10. Kesepuluhnya bahawa mengetahui ia akan kaifiat qasar.
11. Kesebelasnya hendak melalui ia dengan segala tempat yang didiami orang yang pada tempat yang dimula *safarnya*.
12. Keduabelasnya bahawa sampai ia kepada tempat yang dibilang orang akan dia musafir iaitu jika negeri yang ada kota di luar kota umpamanya. Demikianlah dikiaskan dia maka jika nafi satu syarat daripada segala syarat yang tersebut itu maka tiada sah qasarnya).

Penjelasan

Bagi seseorang yang bermusafir yang agak jauh perjalannya,⁴²⁸ harus baginya melakukan sembahyang qasar bagi sembahyang fardu yang telah ditetapkan oleh

⁴²⁸ Solat jamak dan qasar boleh dilakukan apabila perjalanan seseorang musafir tidak kurang daripada 60 batu atau 100 kilometer walaupun ada perbezaan pandangan ulama dalam menentukan jarak jauhnya. Jadi untuk berhati-hati bolehlah dikira dari 60 batu.

Mengikut kiraan dua *marhalah* bagi zaman dahulu ialah dua hari perjalanan atau dua malam atau sehari semalam mengikut perjalanan unta yang membawa barang dagangan di atas belakangnya.(Al-Khatib al-Syarbini, 1994, jilid 1 : 522). Adapun mengikut kiraan semasa, pandangan ulama di dalam masalah ini ada perbezaan sedikit. Dua *marhalah* itu ada yang menyatakan 48,56 dan 60 batu (Al-Khatib al-Syarbini, 1994, jilid 1 : 522). Mengikut setengah ulama Syafi'i dua *marhalah* itu ada tujuh perkiraannya :

1. 48 batu.
2. 46 batu.
3. Melebihi 40 batu.
4. 40 batu.
5. Selama dua hari mengikut perjalanan unta yang membawa barang dagangan di atas belakangnya.

Allah S.W.T. Maka seseorang itu boleh melakukan dua rakaat sahaja daripada empat rakaat dengan beberapa syarat.

Bagi mengqasarkan sembahyang, syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

1. Sembahyang itu hendaklah sembahyang fardu yang empat rakaat, iaitu sembahyang Zohor, Asar dan Isyak. Qasar juga boleh dilakukan sama ada sembahyang itu tunai ataupun qada yang telah luput dalam perjalannya.⁴²⁹ Sembahyang yang luput dalam perjalanan yang lalu harus diqasarkan juga sembahyang yang lalu itu di dalam masa musafirnya.
2. Perjalanan itu hendaklah melebihi dua *marhalah*, iaitu 48 lapan batu.⁴³⁰
3. Musafir seseorang itu tidak dengan bertujuan maksiat.⁴³¹

-
6. Selama dua malam mengikut perjalanan unta yang membawa barang dagangan di atas belakangnya.
 7. Dan selama sehari semalam. mengikut perjalanan unta yang membawa barang dagangan di atas belakangnya.(Al-Muti'i, 2006, jilid 4 : 149).

Ertinya boleh seseorang itu menjamakkan dua sembahyang fardu serta mengqasarkannya sekali mengikut mana-mana jarak dua *marhalah* yang telah ditetapkan dia atas.

Pengertian jamak ialah, menghimpunkan dua sembahyang dalam satu waktu. Misalnya mengumpulkan sembahyang Zohor kepada Asar dan sebaliknya, serta fardu Maghrib dengan Isyak dan sebaliknya.

Pengertian qasar pula ialah, memendekkan sembahyang daripada empat rakaat menjadi dua rakaat. Sembahyang yang boleh dipendekkan menjadi dua rakaat ialah, sembahyang Zohor ,Asar dan Isyak.(Al-Damsyiqi al-Syafi'i, 1992 : 136).

Bagi orang yang bermusafir yang jaraknya jauh dua *marhalah* maka harus seseorang itu melakukan sembahyang qasar atau jamak dengan tujuan yang diharuskan oleh syarak. Seseorang itu boleh mengqasarkan sembahyang yang empat rakaat kepada dua rakaat. Seperti sembahyang Zohor, Asar dan Isyak. Ataupun menghimpunkan (jamak) antara sembahyang Zohor dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak.(Al-Damsyiqi al-Syafi'i, 1992 : 139).

⁴²⁹ Iaitu jika ada sembahyangnya yang tertinggal dalam musafirnya maka jika dia hendak qada maka boleh dia mengqasarkan sembahyang qadanya itu kepada dua rakaat dengan syarat sembahyang yang hendak diqadakan itu hendaklah sembahyang yang luput ketika dia sedang musafir dan dilakukan juga ketika dia sedang musafir. Tidak boleh diqasarkan sembahyang qada selain daripada waktu musafir dan sembahyang yang hendak diqasarkan itu hendaklah sembahyang yang luput di dalam musafir sahaja.(Al-Fatani, t.t, Jilid 2 :190).

⁴³⁰ Ada pandangan ulama yang menyatakan 48, 56 dan 60 batu. Maka barulah seseorang itu harus melakukan solat qasar dan jamak sekali.(Al-Syarbini, 1994, jilid 1 : 364).

⁴³¹ Tidak harus seseorang itu mengqasarkan sembahyangnya jika musafirnya itu musafir yang membawa kepada maksiat. Seperti seorang wanita yang *nusyuz* (derhaka kepada suaminya) bermusafir maka tidak harus baginya mengqasarkan sembahyangnya dan juga seperti seorang hamba yang lari daripada tuannya. Maka tidak harus juga dia mengqasarkan sembahyangnya itu.(Al-Fatani, t.t, Jilid 2 :192).

4. Harus seseorang itu mengqasarkan sembahyangnya yang memberi kebaikan kepada agamanya seperti melakukan haji dan umrah atau umrah sunat dan ziarah di samping yang memberi kebaikan kepada dunianya seperti bermiaga dan melancong ke negara orang dengan tujuan yang baik.⁴³²
5. Tempat yang hendak dituju telah ditentukan atau diketahui terlebih dahulu sebelum bermusafir.⁴³³
6. Tidak boleh mengikut mana-mana orang yang menjadi imam jika tidak mengetahui imam itu orang yang bermukim atau bermusafir.⁴³⁴
7. Tidak boleh mengikut orang yang menjadi imam sekiranya imam itu sembahyang *tamam* (sembahyang sempurna empat rakaat).⁴³⁵
8. Hendaklah menyertakan niat qasar itu bersama dengan takbiratulihram serentak.⁴³⁶
9. Hendaklah mengetahui bahawa orang yang musafir itu harus mengerjakan sembahyang qasar seperti yang terdapat dalam kitab-kitab yang dikarang oleh para alim ulama.
10. Hendaklah diketahui cara-cara hendak melakukan sembahyang qasar dengan betul mengikut apa-apa yang telah digariskan oleh para alim ulama.

⁴³² Juga tersebut dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* oleh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani.(Al-Fatani, t.t, Jilid 2 :192).

⁴³³ Jika sekiranya tempat yang dituju itu tidak ditentukan dan tidak diketahuinya, maka tidak boleh dilakukan sembahyang qasar.(Ismail kamus dan Muhd Azrul Azlen Abd Hamid, 2009 : 123).

⁴³⁴ Jika seseorang itu rasa ragu kepada imam yang sedang sembahyang, dia rasa imam itu orang yang bermusafir, sebaliknya imam itu orang yang bermukim maka tidak sah qasarnya.(Al-Fatani, t.t, Jilid 2 :193).

⁴³⁵ Iaitu orang yang bermusafir jika dia melakukan sembahyang qasar maka dia tidak boleh mengikut atau jadi maknum kepada orang yang sembahyang *tamam* (sempurna). Walaupun imam yang sembahyang sempurna itu tinggal dua rakaat sahaja lagi lalu diikuti oleh orang yang sembahyang qasar Zohor contohnya, maka tidak sah qasarnya.

⁴³⁶ Iaitu seseorang itu hendaklah meniatkan qasar itu dalam takbiratulihram. Contohnya seseorang itu wajib niat dalam hatinya “sahaja aku sembahyang fardu Zohor dua rakaat qasar (dipendekkan)”. Dan yang sebaik-baiknya niat itu ialah “sahaja aku sembahyang fardu Zohor dua rakaat qasar (dipendekkan)” tunai kerana Allah ta’ala.

11. Orang yang hendak melakukan solat qasar itu hendaklah keluar daripada mukimnya, iaitu tempat tinggalnya dahulu kemudian barulah boleh melakukan sembahyang qasar.⁴³⁷

12. Sampai ke destinasi yang dianggap sebagai tempat bermusafir. Jika sesebuah negeri itu berkota, maka seseorang itu boleh mengqasarkan sembahyangnya setelah meninggalkan kota tempat yang didiaminya. Apabila sampai sahaja ke kota tersebut, bolehlah dia melakukan sembahyang qasar. Ini dinamakan permulaan *safar* bagi seseorang itu. Begitulah contoh-contoh yang lain.⁴³⁸

Bagi seseorang yang ingin melakukan sembahyang qasar, syarat-syarat yang telah ditetapkan di atas perlu diikuti. Jika salah satu daripada syarat di atas tidak dipatuhi, maka sembahyangnya tidak dianggap sah.

(شهادان) Harus pula bagi orang yang musafir akan *safar* yang tersebut itu menjamak, ertinya menghimpun antara dua sembahyang Zohor dan Asar dan antara dua sembahyang Maghrib dan Isyak akan sebagai jamak *taqdim* pada waktu yang pertama daripada keduanya atau jamak *takhir* kepada waktu yang kedua daripada keduanya. Bermula sembahyang jumaat itu seperti Zohor pada jamak *taqdim* juar.

Bermula jamak *taqdim* itu enam syarat :

1. Pertamanya wajib tertib antara dua sembahyang dengan bahawa dimulai dengan sembahyang yang mempunyai waktu iaitu Zohor atau Maghrib.

⁴³⁷ Jika tempat yang hendak dituju itu ada dua jalan, maka mana-mana sahaja jalan yang dilalui oleh seseorang itu maka boleh dia melakukan sembahyang qasar.(Al-Muti'e, 2006, jilid 4 : 152).

⁴³⁸ Kenyataan ini disebut juga dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*.(Al-Fatani, t.t, Jilid 2 :191).

2. Kedunya diniat jamak di dalam sembahyang yang pertama iaitu Zohor atau Maghrib. Jikalau serta dengan salam yang pertama sekalipun.
3. Ketiganya wajib berturut-turut antara dua sembahyang itu dengan bahawa tiada menyelangi antara keduanya itu masa yang lulus dua rakaat sembahyang yang ringan keduanya.
4. Keempatnya kekal *safarnya* hingga takbiratulihram sembahyang yang keduanya. Dan tiada disyarat wujud *safar* pada takbiratulihram sembahyang yang pertama.
5. Kelimanya berkekalan waktu sembahyang yang pertama dengan yakin hingga memberi salam sembahyang yang keduanya.
6. Keenamnya zon ia akan sah sembahyang yang pertama supaya keluar perempuan yang *mutahaiyyiroh*⁴³⁹ maka tiada harus baginya jamak *taqdim*.

Dan demikian lagi tiap-tiap sembahyang yang *lazim*⁴⁴⁰ oleh *i'adahnya*⁴⁴¹ maka tiada sah di jamak akan dia).

Penjelasan

Selain itu, adalah harus bagi seseorang yang bermusafir menghimpunkan dua sembahyang fardu, iaitu menghimpunkan sembahyang Zohor dengan sembahyang Asar atau sembahyang Maghrib dengan sembahyang Isyak. Sembahyang jamak ini

⁴³⁹ Wanita yang *mutahaiyyiroh* itu iaitu wanita yang *mustahadah* yang terlupa kebiasaannya ketika datang haid. Sama ada dari sudut kuantiti dan masanya kerana dia lalai atau gila. Ia dinamakan *mutahaiyyiroh* kerana keraguannya tentang urusan dirinya.

⁴⁴⁰ Yang لازم (*lazim*) iaitu yang menjadi wajib bagi seseorang itu.(Al-Marbawi, 1354H : 216).

⁴⁴¹ اعاده (i'adah) iaitu ulang. Iaitu seseorang yang wajib padanya mengulangi sembahyang yang ditinggalkannya.(Ibrahim, 1995 : 439).

boleh dilakukan sama ada dalam waktu sembahyang fardu Zohor yang dikenali sebagai jamak *taqdim*, ataupun dalam waktu sembahyang fardu Asar yang dikenali sebagai jamak *takhfir*.⁴⁴² Begitu juga sembahyang fardu Maghrib dengan Isyak, boleh dilakukan dalam waktu Maghrib dan boleh juga dalam waktu Isyak.

Syarat jamak *taqdim* adalah seperti berikut:

1. Wajib tertib, iaitu seseorang itu hendaklah menunaikan sembahyang fardu Zohor dahulu kemudian barulah dilakukan sembahyang fardu Asar. Begitulah juga sembahyang Maghrib dengan Isyak; sembahyang Maghrib dahulu kemudian barulah dilakukan sembahyang Isyak.
2. Disyaratkan niat jamak bagi sembahyang yang pertama, iaitu Zohor dan Maghrib sewaktu melakukan takbiratulihram atau berserta dengan memberi salam yang pertama sekalipun.
3. Wajib berturutan antara dua sembahyang yang di jamakkan itu, iaitu setelah selesai sahaja sembahyang Zohor dan qamat, maka hendaklah dilakukan pula sembahyang Asar dalam waktu Zohor sebagai jamak *taqdim*, serta tidak boleh diselangi antara Zohor dengan Asar itu selama seseorang yang sedang sembahyang sunat secara ringkas.
4. Seseorang itu hendaklah berkekalan musafir sehingga selesai takbiratulihram sembahyangnya yang kedua.⁴⁴⁴ Pada takbiratulihram pertama, tidak

⁴⁴² Sembahyang Jumaat itu jika dihimpunkan dengan sembahyang Asar boleh dilakukan pada jamak *taqdim* sahaja. Iaitu dihimpunkan Jumaat dengan sembahyang Asar sebagai jamak *taqdim*. Adapun sembahyang Jumaat hendak dihimpunkan ke dalam sembahyang fardu Asar sebagai jamak *takhfir* tidak dibolehkan.

⁴⁴⁴ Sekiranya seseorang itu sedang sembahyang jamak *taqdim*, selepas sembahyang jamak *taqdim* Zohor dan Asar berserta dengan qasar dia bangun untuk melakukan sembahyang jamak *taqdim* Asar dan Zohor berserta qasar. Apabila selesai sahaja takbiratulihramnya tiba-tiba kenderaan yang

disyaratkan niat jamak walaupun dia sudah bermusafir jika masih dalam qaryahnya.⁴⁴⁵

5. Berkekalan waktu sembahyang yang pertama dengan yakin sehingga salam pada yang sembahyang yang kedua.⁴⁴⁶
6. Seseorang yang melakukan jamak *taqdim* hendaklah yakin bahawa sembahyangnya yang pertama itu sah, iaitu sembahyang Zohor dalam waktu. Namun, bagi wanita yang *mutahaiyyiroh* tidak digalakkan melakukan jamak *taqdim*.⁴⁴⁷

Tiap-tiap sembahyang yang tertinggal wajib diqadakan, maka sembahyang qada itu tidak boleh dibuat sembahyang jamak sama ada *jamak taqdim* ataupun jamak *takhhir*.

(Bermula syarat jamak *takhhir* itu dua syarat :

dinaiknya sudah sampai ke kawasan tempat yang ia duduki, maka sembahyangnya itu sah. tidaklah disyaratkan sehingga selesai sembahyangnya itu.

⁴⁴⁵ Adapun bagi seseorang yang sedang sembahyang Zohor di dalam perjalanan keluar daripada qaryahnya, apabila dia sedang sembahyang dia dapat dia telah keluar daripada qaryahnya maka dia boleh niat hendak menjamakkan sembahyang Zohornya dengan Asar sebagai jamak *taqdim* di dalam waktu yang sedang dia sembahyang itu. Kemudian apabila selesai sembahyang Zohor dengan Asar, dia boleh melakukan sembahyang Asar dengan Zohor di dalam waktu Zohor sebagai jamak *taqdim*. Maka tidak disyaratkan niat jamak di dalam Takbiratulihram yang pertama selagi mana dia berada di dalam qaryahnya itu lagi.(Kenyataan ini tersebut dalam kitab *Bujairimi ‘Ala al-Khatib*.(Al-Bujairimi, jilid 2, 2006 : 176).

⁴⁴⁶ Sembahyang Zohor yang dibuat jamak *taqdim* dengan didahului sembahyang Zohor, kemudian seseorang itu hendak melakukan pula sembahyang Asar di dalam waktu Zohor. Maka dia hendaklah yakin bahawa waktu Zohor itu masih ada sehingga dia memberi salam pada sembahyang yang keduanya.(iaitu sembahyang Asar di dalam waktu Zohor yang dijamakkan).

⁴⁴⁷ Ini kerana perempuan yang *mutahaiyyiroh*, iaitu perempuan yang *mustahadah* yang terlupa kebiasaananya ketika datang haid sama ada dari sudut kuantiti dan masanya kerana dia lalai atau gila. Ia dinamakan *mutahaiyyiroh* kerana keraguannya tentang urusan dirinya (Muhammad Romzi, 1997 : 125). Maka menjadi sukar untuknya melakukan sembahyang jamak.

1. Pertamanya diniat akan *jamak* di dalam waktu yang pertama jika lalu tinggal ia kadar lulus sembahyang yang mempunyai waktu itu di dalamnya sekalipun memadalah ia.
2. Keduanya berkekalan *safarnya* hingga sempurna kedua sembahyang itu.⁴⁴⁸

(وَاللَّهُ أَعْلَمْ)

Penjelasan

Syarat jamak *takhir* pula adalah seperti yang berikut:

1. Seseorang itu hendaklah berniat ketika masuk waktu Zohor untuk melakukan sembahyang Zohor itu, sebagai jamak *takhir* dalam waktu Asar, walaupun waktu untuk berniat itu hanya tinggal sekadar seperti seseorang yang sedang sembahyang fardu.
2. Berkekalan musafir seseorang itu sehingga selesai kedua-dua sembahyangnya.⁴⁴⁹

4.30 Sembahyang berjamaah

⁴⁴⁸ Iaitu berkekalan musafir seseorang itu sehingga selesai kedua-dua solatnya.

⁴⁴⁹ Cara melakukan jamak *takhir*: apabila masuknya waktu Zohor atau Maghrib, maka hendaklah seseorang itu memasang niat hendak mengerjakan solat Zohor pada waktu Asar atau solat Maghrib pada waktu Isyak.

Syarat jamak *takhir* tidak disyaratkan tertib (yang mana dahulu, yang mana kemudian). Apabila tiba masa mengerjakan solat jamak *takhir*, bolehlah didahului solat Zohor atau Asar, ataupun jika seseorang itu mendahuluikan fardu Zohor kemudian langsung mengerjakan fardu Asar, atau mengerjakan solat Asar terlebih dahulu, kemudian mengerjakan solat Zohor. Perbuatan seperti ini tidak ditegah oleh syarak.

Begini juga keadaannya dengan jamak *takhir* sembahyang Maghrib dan Isyak. Walau bagaimanapun digalakkkan agar mendahuluikan sembahyang yang empunya waktu.(Al-Khin dan al-Bugha, 1996, jilid 1 : 190).

(فصل) Bermula sembahyang berjamaah pada menunaikan sembahyang fardu yang lima waktu iaitu fardu kifayah atas tiap-tiap mukallaf yang laki-laki yang merdeka yang *mukim*⁴⁵⁰ yang tiada uzur. Maka wajib diperbuat akan dia pada tiap-tiap kampung. Maka jika kampung kecil maka memada diperbuat akan dia pada satu tempat jua. Dan jika kampung itu besar maka wajib diperbuat akan dia beberapa tempat yang zahir dengan dia syiar Islam. Dan lagi disyarat memperbuat akan dia pada tempat yang diketahui dengan dia segala orang yang mukim dan orang yang musafir yang lalu pada kampung itu dengan sekira-kira tiada malu seorang masuk padanya).

Penjelasan

Sembahyang berjemaah merupakan fardu kifayah bagi setiap orang lelaki yang mukallaf dan merdeka yang menetap di suatu tempat (bermukim) yang tidak uzur.⁴⁵¹ Setiap kampung diwajibkan mendirikan sembahyang secara berjemaah.⁴⁵² Sekiranya kampung itu kecil, memadai sembahyang berjemaah didirikan di satu tempat sahaja seperti di surau atau madrasah. Namun sekiranya kampung itu besar, sembahyang

⁴⁵⁰ مقيم ertinya orang yang tinggal di suatu tempat, tetapi tidak berniat untuk menetap di situ. Maka wajib jumaat baginya tetapi tidak dikira untuk bilangan ahli jumaat. مسافر pula ertinya orang yang tinggal tetap pada suatu tempat samada ia dilahirkan di situ atau tidak. Maka wajib jumaat dan mereka dikira untuk bilangan ahli jumaat. سافر pula ertinya orang yang harus meninggalkan sembahyang jumaat. Jumaatnya sah tetapi tidak dikira untuk bilangan ahli jumaat.(Fadzil, 1993: 100).

⁴⁵¹ Sebahagian ulama mengatakan hukum sembahyang berjemaah ialah fardu ain dan ada sesetengahnya pula berpendapat sunat muakkad, iaitu menurut imam Syafi'i r.a.(Ismail kamus/Mohd Azrul Azlen, 2009 : 114).

⁴⁵² Antara uzur yang dibenarkan meninggalkan solat berjemaah ialah:

1. Cuaca terlampau sejuk.
2. Hujan.
3. Lapar ataupun dahaga.
4. Takut pemutang meminta hutang kepadanya di tengah jalan sedangkan ia benar-benar tidak mampu.
5. Takut kepada orang zalim.

Begini juga jika seseorang yang bersiap sedia untuk bermusafir, atau takut kalau-kalau terlewat jika sembahyang berjemaah, atau ditinggalkan oleh kawan-kawan, maka dibolehkan untuk meninggalkan sembahyang berjemaah.(Al-Banjari, jilid 2, hlm. 24 : 1343H).

berjemaah wajib dilakukan di suatu tempat yang khusus seperti masjid atau surau yang dapat memberi impak atau manfaat kepada masyarakat kampung tersebut.

Syarat mendirikan sembahyang secara berjemaah itu ialah ia dilakukan di tempat yang diketahui oleh orang ramai sama ada orang yang bermukim atau yang sedang bermusafir tanpa rasa segan pilu untuk menziarahinya.

(Dan hasil berjamaah itu dengan dua orang. Dan banyak berjamaah itu bertambah kebaikan dan *afdal* daripada yang sedikitnya, kerana sembahyang berjamaah itu lebih atas orang yang sembahyang seorang dirinya dengan dua puluh tujuh darjah seperti yang tersebut pada hadis yang meriwayat akan dia oleh *syaikhan*. Dan berjamaah di masjid itu *afdal* daripada tempat lainnya bagi yang lain daripada perempuan yang muda-muda yang elok sikapnya. Dan haram atas perempuan yang ada suaminya hadir pada tempat berjamaah dengan tiada izin suaminya. Dan haram atas suami beri izin kepadanya jika takut fitnah daripadanya atau atasnya. Dan hasil fadilat berjamaah itu selama belum memberi salam imamnya akan salam yang pertama pada yang lain daripada jumaat).

Penjelasan

Maksud berjemaah tercapai apabila sembahyang itu dilakukan oleh dua orang individu. Jika bilangannya ramai, maka bertambahlah kebaikan dan lebih *afdal*. Darjah sembahyang berjemaah lebih tinggi daripada sembahyang seorang diri. Orang yang sembahyang berjemaah mendapat 27 darjah berbanding sembahyang seorang

diri yang hanya mendapat satu darjah sahaja (seperti yang dijelaskan dalam hadis oleh Syaikhan⁴⁵³).

Sembahyang berjemaah di masjid pula lebih *afdal* berbanding tempat lain seperti surau atau musalla. Perempuan yang masih muda dan cantik rupa parasnya pula lebih *afdal* bersembahyang di rumah.⁴⁵⁵ manakala yang bersuami wajib meminta izin suaminya jika hendak melakukan sembahyang berjemaah di masjid. Jika melakukannya tanpa izin suami, hukumnya haram dan berdosa. Haram bagi suami membenarkan isterinya berjemaah takut berlakunya fitnah sekiranya isterinya berjemaah di masjid.

Makmum akan dapat fadilat pahala berjemaah sekiranya sempat bersama imam dalam sembahyang serta sempat bersama imam sebelum imam memberi salam pertama. Berjemaah dalam sembahyang Jumaat, hukumnya ialah fardu ain. Tidak terhasil atau tidak dikira berjemaah dalam sembahyang Jumaat sekiranya tidak mendapat satu rakaat bersama imam.⁴⁵⁶

⁴⁵³ Perkara tersebut dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W di dalam hadisnya yang berbunyi : صلاة الجمعة تفضل من صلاة الفضيحة بسبعين وعشرين درجة

Maksudnya solat berjemaah itu lebih *afdal* (bagus) daripada solat beseorangan dengan kadar 27 darjah (pangkat). Hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Bahawa hadis ini adalah statusnya Hadis Sohih(al-‘Asqalani, 1989, jilid 2 : 166) dan (al-Nawawi, 1996, jilid 4-5 : 286). (Hadis riwayat al-Bukhari, kitab al-azan, bab *fadlu solati al-jama’ah* dan Muslim, kitab *al-Masajid Wa mawadi’u al-solat*, bab *fadlu solat al-jama’ah*).

⁴⁵⁵ Adapun perempuan dan khunsa berjemaah di rumah itu lebih *afdal* daripada berjemaah di masjid (Al-Banjari, jilid 2, 1343H : 22).

⁴⁵⁶ Ini kerana berjemaah dalam sembahyang Jumaat itu wajib serta dikira atau jadilah Jumaatnya itu dengan makmum mendapat satu rakaat bersama imam di dalam sembahyang Jumaat. Sekiranya makmum tidak dapat satu rakaat bersama imam, maka dia tidak dikira sebagai Jumaat. Sembahyang makmum yang tidak dapat satu rakaat bersama imam itu dikira sebagai sembahyang Zohor. Dia hanya dikira dapat pahala berjemaah sahaja tetapi Jumaatnya tidak terhasil. Bahkan setelah imam memberi salam yang kedua dia kena tambah empat rakaat seperti sembahyang Zohor.(Al-Banjari, jilid 2, 1343H : 23).

(Dan bagi sah berjamaah ertinya mengikut makmum akan imam itu tiga belas syarat

:

1. Pertamanya bahawa tiada mengetahui makmum akan batal sembahyang imamnya dengan berhadas atau lainnya.
2. Keduanya bahawa adalah sembahyang imamnya itu terkaya daripada wajib diqada atasnya.
3. Ketiganya bahawa tiada imamnya itu makmum bagi orang lain pada ketika diikut akan dia.
4. Keempatnya bahawa tiada *ummi* imamnya.
5. Kelimanya bahawa tiada terdahulu makmum atas imamnya pada pihak kiblatnya.
6. Keenamnya bahawa mengetahui makmum akan berpindah imamnya daripada satu rukun kepada satu rukun dengan dilihat atau mendengar suaranya atau suara *mubalighnya* atau lainnya.
7. Ketujuhnya bahawa berhimpun keduanya pada satu tempat masjid atau lainnya. Maka bagi berhimpun keduanya pada satu tempat itu empat surah⁴⁵⁷ yang disebut akan dia di dalam kitab yang panjang-panjang.
8. Kedelapannya bahawa berniat makmum akan mengikut imamnya atau niat berjamaah dengan imamnya. Maka jika tiada berniat ia akan mengikut imam maka jadilah sembahyangnya itu seorang dirinya.

⁴⁵⁷ صورة iaitu kaifiat, gambaran, rupa dan empat macam.(Al-Jailani, 1988 : 756).

Melainkan pada sembahyang yang disyaratkan berjamaah padanya, seperti jumaat maka iaitu tiada sah sembahyangnya.

Tetapi jika mengikut ia dengan ketiadaan niat mengikut atau syak ia pada niatnya, maka batal sembahyangnya jika panjang menanti akan imamnya pada satu perbuatan daripada segala perbuatannya.

Dan jika meniat ia akan mengikut imam pada tengah sembahyangnya maka iaitu sah niatnya dan mengikutnya serta makruh dan tiada hasil baginya fadilat berjamaah.

Adapun imam maka tiada wajib atasnya berniat dirinya imam tetapi tiada dapat fadilat berjamaah baginya jika tiada ia berniat dirinya imam.

Tetapi jika berniat ia di tengah sembahyangnya maka dapat baginya fadilat berjamaah daripada waktu yang ia berniat itu hingga akhirnya, serta tiada makruh dan tiada dapat fadilatnya pada barang yang dahulu daripada niatnya. Inilah pada sembahyang yang lain daripada jumaat.

Dan adapun padanya maka waib atasnya meniat akan dirinya imam pada takbiratulihram seperti maknum juga.

9. Kesembilannya bahawa *muwafaqat*⁴⁵⁸ sembahyang maknum dengan sembahyang imamnya itu pada aturannya.
10. Kesepuluhnya bahawa tiada menyalahi maknum daripada imamnya pada sunat yang jahat bersalahannya, seperti sujud *tilawah* dan sujud *sahwi* dan tahiyyat awal dan qunut.
11. Bahawa tiada iktikad maknum akan batal sembahyang imamnya.

⁴⁵⁸ موافقة arinya munasabah, setuju dan bersesuaian.(Al-Jailani, 1988 : 1323).

12. Kedua belasnya bahawa jangan ada imam itu kurang daripada makmum dengan sebab perempuan atau khunsa jika ada makmum itu laki-laki.

13. Ketiga belasnya hendaklah mengikut makmum akan imamnya pada segala perbuatannya yang disuruh akan dia. Maka wajib takhir takbiratulihram makmum daripada sekelian takbiratulihram imamnya. Dan makruh meyertai makmum akan imamnya pada segala perbuatannya yang lain daripada takbiratulihramnya melainkan pada آمين makmum bagi *fatihah* imamnya. Maka iaitu sunat menyertainya akan imamnya padanya).

Penjelasan

Terdapat 13 syarat sah mengikut imam, iaitu:

1. Makmum tidak mengetahui imam itu telah batal sembahyangnya dengan berhadas ataupun selainnya.⁴⁵⁹
2. Sembahyang imam itu terkaya daripada diulangi, maksudnya ialah, sembahyang seseorang itu tidak dituntut supaya diulangi semula.⁴⁶⁰
3. Imam tidak dipengaruhi oleh sembahyang orang lain, iaitu imam melakukan sembahyang yang tidak berimam pula kepada orang lain.
4. Imam tidak bodoh dan mempunyai bacaan yang baik.

⁴⁵⁹ Jika makmum tidak mengetahui yang imam itu berada di dalam hadas besar atau kecil, maka dimaafkan. Sekiranya makmum mengetahui yang imam itu batal daripada sembahyangnya, maka tidak sah mengikut imam pada ketika itu. Sekiranya makmum mengikut imam juga maka terbatal sembahyang makmum tersebut. Kecuali makmum *mufaraqah* (iaitu bercerai daripada mengikut imam) maka pada ketika itu sembahyang makmum itu dianggap sah.

⁴⁶⁰ Maka tidak sah mengikut (berimam) kepada orang yang wajib mengulangi sembahyangnya, seperti orang yang sembahyang dengan tayammum kerana kesejukan. Orang yang sembahyang menggunakan tayammum kerana kesejukan itu wajib diulang balik sembahyangnya itu ketika cuaca berubah kepada cuaca dingin. Maka seseorang yang hendak menjadi makmum kepada orang yang sedemikian, maka hukumnya tidak sah berjemaah dengannya.(Al-Zuhaili, 2006 : jilid 2 hlm. 1226).

5. Makmum tidak boleh terkehadapan daripada imam dalam sembahyang.
6. Makmum hendaklah mengetahui pergerakan imam sama ada dengan melihat imam melihat saf makmum di hadapannya, mendengar suara imam ataupun suara *mubaligh* (bilal yang biasa menguatkan suaranya untuk memberitahu makmum yang di belakang).
7. Imam dan makmum hendaklah berhimpun atau berkumpul pada satu tempat.⁴⁶¹
8. Berniat mengikut imam atau niat berjemaah dengan imam. Jika seseorang itu tidak berniat mengikut imam, maka jadilah sembahyangnya itu seorang diri dan tidak mendapat pahala berjemaah. Ketika sembahyang Jumaat, diwajidkan berniat di dalamnya kerana niat berjemaah di dalam sembahyang Jumaat merupakan salah satu syarat bagi mengesahkan sembahyang Jumaat tersebut.⁴⁶²

Jika seseorang makmum mengikut imam tanpa niat sebagai makmum atau dia berasa syak dalam niatnya malah masa syaknya terlalu panjang sehingga imam berpindah daripada satu perbuatan kepada satu perbuatan yang lain,

⁴⁶¹ Keadaan berhimpun antara kedua-duanya itu adalah seperti berikut :

1. Kedua-duanya di dalam satu bangunan walaupun jarak di antara keduanya sangat jauh.
2. Kedua-duanya tidak berada dalam satu bangunan, umpamanya di tengah padang. Maka jarak antara kedua-duanya itu tidak boleh melebihi tiga ratus hasta dan jangan ada dinding yang menghalang di antara kedua-duanya. Sekiranya yang memisahkan di antara keduanya ialah jalan raya sekalipun maka ikut imam pada ketika itu masih sah.
3. Imam di dalam masjid makmum di luar masjid atau makmum di dalam masjid imam di luar masjid. Jika imam di dalam masjid dan makmum di luar masjid atau sebaliknya, maka ada dua keadaan. Pertama janganlah antara keduanya jarak yang melebihi 300 hasta dari tepi dinding masjid atau dari orang yang bersembahyang di luar masjid. Dan janganlah ada dinding yang boleh menghalang antara keduanya (imam dan makmum), tetapi jika pada dinding itu ada pintu supaya seseorang berdiri dan dapat sembahyang pada pintu tersebut maka sahlah mengikut imam itu. Dan demikianlah orang yang dibelakang imam dan yang berada disisinya supaya tidak melebihi jarak antara imam dan makmum itu daripada 300 hasta.(Zakaria Ahmad, 2000 : 174-175 dan al-Kedahi, 2004 : 202-203).

⁴⁶² Kenyataan tersebut terdapat dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* karangan Muhammad Arsyad Abdullahal-Banjari.(Al-Banjari, 1343H : 33).

maka batallah sembahyangnya itu.⁴⁶³ Sekiranya dia sedar bahawa dia belum berniat mengikut imam di pertengahan sembahyangnya lalu niat mengikut imam ketika itu, niatnya sah dan mengikut imam, tetapi hukumnya ialah makruh dan tidak mendapat fadilat pahala berjemaah.⁴⁶⁴

Imam pula tidak wajib berniat sebagai imam, itu hanya sunat sahaja. Tetapi dia tidak dapat pahala fadilat berjemaah sekiranya dia tidak niat menjadi imam. Sekiranya seorang imam niat di pertengahan sembahyangnya, maka dia memperoleh fadilat berjemaah bermula daripada pertengahan waktu dia berniat dalam sembahyang hingga akhir sembahyangnya. Tidak pula makruh serta tiada mendapat fadilat pada rakaat yang ditinggalkannya.⁴⁶⁵ Ini hanya wujud dalam sembahyang lima waktu sahaja. Jika dalam sembahyang Jumaat, maka wajib seorang imam membaca niat sebagai imam bermula daripada awal takbiratulihramnya.⁴⁶⁶

⁴⁶³ Jika seseorang itu mengikut imam tanpa berniat untuk mengikut imam, seperti ia rukuk bersama dengan imam kemudian dia menunggu untuk niat mengikut imam dengan menunggu yang begitu lama sehingga berpindah kepada satu rukun kepada satu rukun yang lain, maka ini boleh membawa kepada batal sembahyangnya. Ataupun jika seseorang itu syak atau ragu-ragu samada dia telah niat berjemaah ataupun tidak, maka ini juga boleh membawa kepada batal sembahyangnya.

⁴⁶⁴ Niat mengikut imam itu hendaklah dilakukan di awal-awal sembahyang lagi. Dan jika dilakukan niat dipertengahan sembahyang sah sembahyangnya tetapi hukumnya makruh serta tidak berhasil baginya fadilat berjemaah.

⁴⁶⁵ Kecuali pada sembahyang Jumaat maka wajib imam itu meniatkan dirinya sebagai imam di awal takbiratulihramnya lagi. Sekiranya imam itu tidak niat menjadi imam selain pada sembahyang Jumaat, sembahyangnya sah, tetapi dia tidak mendapat fadilat berjemaah; seperti sembahyang seorang diri sahaja. Tetapi jika imam itu niat di pertengahan sembahyangnya, maka sah baginya fadilat sembahyang berjemaah pada ketika ia berniat di pertengahan sembahyangnya itu hingga selesai sembahyangnya. Perbuatan imam melakukan niat di pertengahan sembahyang itu tidak makruh. Sebaliknya sekiranya maknum yang melakukan niat untuk berjemaah dengan imam di pertengahan sembahyang, maka hukumnya makruh.(Zakaria Ahmad, 2000 : 170-171).

⁴⁶⁶ Adapun sembahyang Jumaat maka wajib kepada imam melakukan niat sewaktu Takbiratulihram lagi. Jika imam meninggalkan niat untuk jadi imam sewaktu Takbiratulihram maka Jumaatnya tidak sah. Perbuatan imam ini wajib hukumnya kena niat pada awal takbiratulihram. Ini sama seperti maknum yang perlu niat di awal sembahyangnya di dalam sembahyang Jumaat juga. Sebaliknya jika maknum niat di pertengahan sembahyang selain daripada sembahyang Jumaat, hukumnya makruh sahaja. Adapun imam hanya sunat baginya niat di pertengahan sembahyangnya.

9. Perbuatan seorang imam dan makmum dalam sembahyangnya hendaklah sama.⁴⁶⁷
10. Makmum wajib mengikuti imam pada sujud *tilawah*, sujud *sahwi*, tahiyyat awal, dan bacaan doa qunut.⁴⁶⁸
11. Makmum tidak boleh iktikad (yakin) bahawa sembahyang imamnya itu telah batal.⁴⁶⁹
12. Seseorang imam itu hendaklah lelaki kerana martabat lelaki lebih *afdal* daripada seorang perempuan dan khunsa.⁴⁷⁰

⁴⁶⁷ Jika bersalahan perbuatan antara imam dan makmum seperti sembahyang lima waktu dengan sembahyang gerhana atau sembahyang jenazah, maka seseorang yang sembahyang fardu tidak boleh mengikut imam yang sedang sembahyang jenazah atau sunat gerhana. sebaliknya sah sembahyang seseorang yang sedang sembahyang fardu mengikut imam yang sedang sembahyang sunat tasbih, dan orang yang sembahyang Zohor mengikut imam yang sedang sembahyang fardu Asar, dan sah juga sembahyang orang yang ingin qada sembahyangnya mengikut imam yang sedang sembahyang tunai, ini kerana ada *muwafaqah* (ada persamaan dalam) perbuatan sembahyang sekalian yang tersebut itu.(Al-Banjari, 1343H : 33).

⁴⁶⁸ Sunat yang jahat atau disebut juga sunat yang buruk pada penglihatan. Maksudnya wajib bagi makmum *muwafaqah* (bersetuju untuk mengikuti imamnya) pada perkara yang dilakukan oleh imam atau apa-apa yang ditinggalkan oleh imam. Jika makmum tidak mengikutinya, maka makmum itu telah menyalahi perbuatan imamnya pada perkara sunat yang buruk pada penglihatan. Oleh itu, sembahyang makmum boleh membawa kepada terbatalnya sembahyangnya. Perkara-perkara tersebut ialah :

1. sujud *sahwi*.
2. sujud *tilawah*.
3. tahiyyat awal.
4. dan qunut.

Sekiranya imam sujud *tilawah* maka makmum wajib ikut. Adapun sujud *sahwi* makmum wajib ikut imam jika imam melakukannya, tetapi jika imam meninggalkannya maka sunat makmum melakukan sujud *sahwi* itu, manakala tahiyyat awal pula makmum wajib meninggalkannya jika imam meninggalkan tahiyyat awal. makmum tidak boleh melakukan tahiyyat awal jika imam tidak melakukannya. Jika imam melakukan tahiyyat awal bukan pada tempat tahiyyat awal maka makmum tidak boleh ikut, bahkan makmum kena berdiri menunggu di dalam qiamnya untuk mengikut imam seterusnya.

Bersalah dengan qunut, maka tidak wajib makmum ikut imam jika imam membaca doa qunut ataupun tidak. Jika imam baca qunut harus bagi makmum meninggalkannya dan sujud dengan sengaja menunggu imam turun sujud untuk mengikut imam seterusnya. Dan jika imam meninggalkan qunut pula, maka sunat makmum membaca qunut, dengan syarat makmum itu sempat mengejar imamnya pada sujud yang pertama. Dan harus juga bagi makmum membacanya jika ia sempat mengejar imamnya pada duduk antara dua sujud. Dan tidak harus diperbuat qunut itu (Jika tidak sempat maka hendaklah diabaikan qunut tersebut) jika ia tidak sempat mengejar imamnya melainkan pada sujud yang kedua setelah duduk *istirahah*, kerana jika terlambat mengikut imam dengan dua rukun dengan sengaja maka boleh membawa kepada terbatalnya sembahyang seseorang itu.(Zakaria Ahmad, 2000 : 176-177).

⁴⁶⁹ Jika makmum meyakini bahawa kain imam terkena najis, maka makmum itu tidak boleh mengikut imam tersebut. Ataupun jika imam dan makmum bersalahan pada ijtihad mereka tentang kiblat, maka mereka berdua tidak boleh sembahyang berjemaah.

13. Makmum hendaklah mengikut imam pada segala perbuatan yang disuruh oleh syarak dan tidak boleh mendahului imam walau pada satu perbuatan sekalipun. Wajib bagi makmun melewatkannya takbiratulihram ketika imam sedang takbiratulihram. Sekiranya makmum menyertai imam pada segala perbuatan dalam sembahyang, kecuali dalam takbiratulihram, hukumnya ialah makruh. Yang boleh dilakukan serentak dengan imam hanyalah melafazkan amin setelah membaca *al-fatihah* dan hukumnya ialah sunat.

(تَبَيِّنَ إِنْ جَعَلَ مُكْمِنَةً عَلَى إِيمَانِهِ أَوْ تَبَيَّنَ أَنَّهُ دَارَ بِهَا مِنْ قَبْلِهِ بِدْرَيْتَيْنِ إِنْ كَانَتْ لَا يَعْلَمُ بِهِ عَزْرًا فَلَا يَحْلُمُ بِهِ الْمُكْمِنَةُ إِذَا كَانَ لَا يَعْلَمُ بِهِ عَزْرًا)
Jika terdahulu makmum atas imamnya atau terkemudiannya daripadanya dengan dua rukun *fi'li* keduanya jika tiada panjang keduanya sekalipun dengan tiada uzur, maka batal sembahyangnya bersalahnya jika dengan uzur).

Penjelasan

Sekiranya makmum mendahului atau terkemudian daripada imam dengan dua rukun *fi'li* walaupun dua rukun itu bukan rukun yang panjang tanpa keuzuran, maka terbatallah sembahyangnya dan sebaliknya jika makmum itu ada keuzuran.⁴⁷¹

⁴⁷⁰ Iaitu tidak sah seseorang lelaki menjadi makmum kepada perempuan atau khunsa. Dan seorang yang khunsa tidak sah menjadi makmum kepada seorang perempuan atau sesama mereka yang khunsa. Sebaliknya sah sembahyang lelaki menjadi makmum kepada lelaki dan sah sembahyang perempuan menjadi makmum kepada perempuan serta perempuan menjadi makmum kepada lelaki dan perempuan menjadi makmum kepada khunsa dan khunsa menjadi makmum kepada lelaki.(Al-Banjari, 1343H : 28).

⁴⁷¹ Wajib makmum mengiringi kelakuan imamnya, iaitu mentakkhirkan (melewatkannya) takbiratulihramnya setelah selesai takbiratulihram imamnya dan jangan mendahului imam dengan dua rukun *fi'li* walaupun rukun itu tidak panjang kedua-duanya. Jangan juga terkemudian (lewat) daripada imam dengan dua rukun yang tersebut tanpa uzur. Jika makmum mendahului imamnya dengan dua rukun dengan ketidaan uzur seperti lupa atau jahil, maka tidaklah batal sembahyangnya itu. Demikian juga jika terlewat dua rukun dengan uzur seperti makmum lambat membaca *fatihah* dan imam sederhana membacanya, maka dengan sebab demikian makmum itu jadi ketinggalan maka haruslah ia sempurnakan bacaan *fatihahnya* kemudian mengikut imam selagi imam tidak lebih daripada tiga rukun yang panjang iaitu, rukuk dan dua sujud. Tidak dikira sekiranya imam melakukan perbuatan iktidal dan duduk antara dua sujud, kerana keduanya itu dikira sebagai rukun yang pendek. Dan jika imam terdahulu daripada makmum lebih daripada tiga rukun sedangkan ia belum selesai lagi

(Bermula uzur bagi yang terdahulu itu lupa atau jahil. Dan uzur yang terkemudian itu terkandung ia dalam empat belas masaalah *masbuk* dan *muwafiq*.⁴⁷² Maka tuntut olehmu akan dia di dalam kitab yang panjang-panjang).

Penjelasan

Uzur yang terdahulu adalah jika seseorang itu terlupa dan tidak mengetahui tentang perihal sembahyang yang betul. Manakala uzur yang terkemudian daripada imam pula terkandung dalam 14 masalah berkaitan perbicaraan tentang makmum yang *masbuk* dan *muwafiq*.⁴⁷³

daripada membaca *fatihah*, imam sudah masuk pada rukun yang keempat, maka pada ketika itu hendaklah makmum tersebut mengikut apa yang sedang dikerjakan oleh imam. Kemudian apabila selesai imam memberi salam maka hendaklah makmum bangun mengerjakan rukun yang ditinggalkan olehnya seperti orang yang *masbuk* juga. Bersalahnya jika lambatnya itu hingga imam masuk pada rukun yang kelima makmum masih belum selesai membaca *fatihahnya*, maka batallah sembahyangnya.(Zakaria Ahmad, 2000 : 172-173).

⁴⁷² Sila lihat kitab *Sullam al-Sibyan*.(Al-Kedahi, 2004 : 172-173).

⁴⁷³ Jika berlaku keuzuran seperti seseorang makmum itu mendahului daripada perbuatan imam, seperti makmum melakukan rukuk terlebih dahulu dalam hal keadaan terlupa atau jahil maka perbuatan tersebut dimaafkan dan sembahyangnya tidak batal. Sebaliknya jika makmum mendahului imam seperti dia rukuk terlebih dahulu tanpa uzur maka hukumnya haram tetapi tidak membawa kepada batal sembahyangnya. Dan haram lagi batal sembahyang seseorang itu yang mendahului imam dengan dua rukun *fi'li* walaupun rukun yang pendek, seperti makmum turun rukuk dan iktidal dengan mendahului imam.(Al-Kedahi, 2004 : 209). Adapun jika berlaku keuzuran seperti makmum tertinggal daripada mengikuti imam, maka makmum tidak boleh tertinggal daripada tiga rukun yang panjang. Seperti imam rukuk, iktidal, turun sujud, duduk antara dua sujud dan sujud yang kedua, makmum tidak lagi selesai daripada membaca *fatihah* dan tidak turun rukuk lagi maka, makmum tersebut hendaklah berniat *mufaraqah* daripada mengikuti imam. Sebaliknya jika makmum sempat rukuk sewaktu imam sujud yang kedua maka sembahyangnya sah dan hendaklah makmum itu meneruskan sembahyangnya dengan mengikut tertib, iaitu rukuk, iktidal, turun sujud, duduk antara dua sujud dan sujud yang kedua dan terus mengikut imam. Masalah makmum yang dimaafkan daripada ketinggalan daripada tiga rukun yang panjang ialah di antaranya seperti berikut :

1. Makmum *muwafiq* yang lambat bacaannya. Bukan lambat kerana was-was tetapi itu adalah kejadiannya yang asal bagi dirinya.
2. Makmum *muwafiq* yang berasa syak sama ada dia telah membaca *fatihah* atau belum sedangkan imam sudah turun kepada *rukuk*.
3. Makmum *muwafiq* yang lupa daripada membaca *fatihah* sedangkan imam sudah turun kepada *rukuk*.

-
4. Makmum *muwafiq* rukuk dahulu daripada imam, kemudian baru imamnya rukuk, bila imam rukuk maka makmum tadi berasa syak adakah dia sudah membaca *fatiyah* atau tidak maka makmum tadi wajib bangun baca *fatiyah* hingga selesai.
 5. Makmum *muwafiq* rukuk dahulu daripada imam, kemudian baru imamnya rukuk, bila imam rukuk makmum tadi teringat dengan yakin yang dia belum baca *fatiyah* maka makmum tadi wajib bangun baca *fatiyah* hingga selesai.
 6. Makmum *masbuk* membaca yang sunat, tiba-tiba imam turun rukuk maka makmum tadi hendaklah membaca *fatiyah* hingga selesai.
 7. Makmum *masbuk* tidak membaca *fatiyah* kerana menanti *sakta* (diam imam) daripada membaca al-Quran, tiba-tiba imam tidak berhenti daripada membaca al-Quran, maka makmum hendaklah membaca *fatiyah* hingga selesai.
 8. Makmum tertidur di dalam tahiyyat awal, bila dia terjaga imam sudah turun kepada rukuk atau dekat hendak kepada rukuk, maka makmum hendaklah bangun dan membaca *fatiyah* hingga selesai.
 9. Seseorang makmum sedang sujud tiba-tiba dia terdengar takbir imam sedang bangun daripada sujud yang kedua untuk *qiam* tetapi makmum menyangka takbir imam itu untuk duduk tasyahud. Maka makmum itu duduk untuk tasyahud. Setelah makmum sedang membaca tasyahud, apabila imam takbir untuk rukuk makmum menyangka imam takbir untuk *qiam* daripada tasyahud. Kemudian makmum sedar bahawa takbir imam itu sebenarnya untuk rukuk. Maka ada perselisihan pendapat di kalangan ulama. Pertamanya, menurut Syekh Ramli makmum tersebut dianggap makmum *muwafiq*. Maka dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang. Yang kedua, pendapat Syekh Ibnu Hajar makmum tersebut dianggap makmum *masbuk*. Maka makmum tersebut tidaklah perlu membaca *fatiyah* hingga selesai, melainkan sekadar yang dapat dibaca olehnya sahaja. Maka makmum tersebut dikira dapat rakaat bersama imam jika sempat rukuk dengan *thumaknah*. Jika sebaliknya maka makmum tersebut hendaklah menambah satu rakaat lagi setelah imam member salam.
 10. Imam duduk membaca tahiyyat awal dan makmum pun sama. Kemudian imam bangun kepada rakaat ketiga sedang makmum tidak bangun lagi kerana hendak habiskan bacaan tahiyatnya. Bila makmum berdiri imam turun rukuk, berkata Syekh Ramli makmum itu makmum *muwafiq*, maka wajib dia habiskan bacaan *fatiyah*nya. Berkata Syekh Ibnu Hajar makmum itu hukumnya seperti orang yang *muwafiq* yang sengaja tidak membaca *fatiyah*. maka wajib dia habiskan bacaan *fatiyah*nya juga.
 11. Makmum lupa yang dirinya makmum ketika berada di dalam sujud, bila berdiri barulah dia teringat yang dia menjadi makmum. Tiba-tiba imam rukuk maka makmum tadi hendaklah habiskan bacaan *fatiyah*nya.
 12. Makmum *muwafiq* yang sibuk membaca perkara-perkara sunat. Tiba-tiba imam turun kepada rukuk maka makmum tadi hendaklah menghabiskan bacaan *al-fatiyah*nya.
 13. Makmum yang berasa syak adakah dia *muwafiq* atau *masbuk*, maka dia wajib menghabiskan bacaan *fatiyah*nya.
 14. Seseorang yang melihat imam sembahyang duduk ganti daripada berdiri kerana uzur, lalu seseorang itu ingatkan imam sedang tahiyyat maka dia takbir dan terus duduk bersama imam, makmum baca tahiyyat imam rukuk kerana imam itu sembahyang duduk dan sedang membaca *fatiyah*, makmum menyangka imam membaca tahiyyat. Ketika itu baru makmum menyangka yang imam itu bukan duduk tahiyyat hanya duduk ganti kepada *qiyam*. Maka wajib makmum bangun dengan segera baca *fatiyah* hingga habis.

Permasalahan ini dibahaskan dalam kitab yang muktabar seperti :

1. *Mughni al-Muhtaj*, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Syarbini, 1994, jilid 1 : 507.
2. *Hasyiyata al-Qalyubi wa Umairah*, Abdul hamid al-Hindawi, 2009, jilid 1 : 700.
3. *Hasyiyah l'anatu al-Tolibin*, al-Bakri Ibnu al-Sayyid Muhammad Syato al-Dimiyati, 1993, jilid 2 : 39.
4. *Hasyiyah al-Bujairimi 'ala Syarhi Manhaji al-Thullab*, al-kabir Muhammad al-Mursofi, 2007, jilid 1 : 338.
5. *Bughyah al-Tullab*, Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani, t.t, jilid 1 : 187.
6. *Sabilul al-Muhtadin*, Muhammad Arsyad Abdullah al-Banjari, 1343H, jilid 2 : 34.
7. *Munyah al-Musalli*, Syekh Daud Abdullah al-fatani, 2006 : 102-105. Edisi penterjemahan kitab Munyah al-Musalli oleh Abdul Ghani jabal al-Maraqi.

4.31 Sembahyang jumaat

(فصل) Bermula sembahyang jumaat itu fardu ‘ain atas tiap-tiap orang yang diperoleh syarat wajibnya pada bab jumaat. Dan demikian lagi berjamaah padanya.

4.31.1 Syarat wajib jumaat

(Bermula syarat wajib jumaat itu tujuh perkara :

1. Pertamanya Islam.
2. Keduanya ‘*akil*.
3. Ketiganya baligh.
4. Keempatnya laki-laki.
5. Kelimanya merdeka.
6. Keenamnya mukim.
7. Ketujuhnya ketiadaan ‘uzur).

Penjelasan

-
8. Kitab *al-Qaul al-Tam Fi Ahkam al-Maknum Wa al-Imam*, al-Habru al-Hamam Ibnu al-Imad al-Misri, 1992 : 31-36. Edisi penterjemahan kitab *al-Qaul al-Tam Fi Ahkam al-Maknum Wa al-Imam* oleh Syekh Zakaria Ahmad Wan Besar.
 9. Kitab *Sullam al-Sibyan*, Tuan Guru Haji Chik bin Ahmad, 2004 : 209-216.
 10. *Bughyah al-Mustarsyidin*, Abdul Rahman bin Muhammad bin al-Husein bin Umar Ba ‘Alawi, 2004 : 90-94.

Sembahyang fardu Jumaat menjadi suatu tuntutan fardu ‘ain ke atas orang yang memenuhi syarat wajibnya serta memenuhi juga syarat wajib berjemaah dalam sembahyang Jumaat.

Syarat-syarat tersebut ialah :

1. Islam
2. *‘Akil*
3. Baligh
4. Lelaki
5. Merdeka
6. Mukim dan
7. Tiada keuzuran.⁴⁷⁴

4.31.2 Syarat sah jumaat

(Bermula syarat sah jumaat itu dua belas perkara :

1. Pertamanya Islam.
2. Keduanya *‘akil*.
3. Ketiganya bahawa jatuh sembahyang jumaat dan dua khutbahnya di dalam waktu Zohor dengan yakin.
4. Kempatnya dikerja akan dia di dalam perhimpunan segala rumah-rumah negeri atau kampung atau dusun. Maka tiada sah didiri akan dia pada tempat

⁴⁷⁴ Seperti sakit, bermusafir dan umur yang terlalu lanjut iaitu tersangat tua.

yang di luar kampung atau di luar kota negeri nisbah bagi orang yang di dalam kota. Iaitu pada tempat yang keluar daripada perhimpunan rumah-rumah yang pada tempat itu dengan sekira-kira sah bagi orang yang hendak musafir daripadanya mengqasar akan sembahyang pada tempat itu.

5. Kelimanya bahawa tiada terdahulu atasnya. Dan tiada meyertai akan dia oleh jumaat yang lain yang ada pada tempat itu. Inilah jika didiri akan dia pada tempat yang tiada harus berbilang-bilang jumaat sekali-kali seperti kampung yang kecil yang tiada *masyaqqah*⁴⁷⁵ atas sekelian ahlinya berhimpun pada satu tempat maka memperbuat mereka itu beberapa tempat mendiri jumaat padanya dengan tiada kerana satu hajat yang mengharus akan berbilang-bilang jumaat padanya.
6. Keenamnya bahawa dikerja akan dia dengan berjamaah tetapi yang disyaratkan berjamaah itu pada rakaat yang pertama juhingga sujud yang kedua padanya.
7. Ketujuhnya sekurang-kurang berjamaah itu empat puluh dengan imam daripada ahli jumaat.
8. Kedelapanya bahawa berkekalan bilangan empat puluh itu daripada permulaan sembahyangnya hingga salam sekelian mereka itu.
9. Kesembilannya bahawa ada yang empat puluh itu daripada ahli jumaat sekeliannya iaitu Islam yang ‘*akil* yang *baligh* yang merdeka yang laki-laki yang mustautin pada tempat itu.

⁴⁷⁵ مُنْقَعَةٌ iaitu kesusahan, kepayahan dan kesukaran.(Al-Jailani, 1988 : 697).

10. Kesepuluhnya bahawa adalah yang empat puluh itu *qari* sekeliannya. Maka tiada sah jumaat dengan *ummi mutlaqan*⁴⁷⁶. Inilah barang yang *dijazam*⁴⁷⁷ akan dia oleh Syekh Ramli. Bersalahkan barang yang *dijazamkan* akan dia oleh Syekh Ibnu Hajar di dalam *syarah al-'ubab* dan *irsyad*, sah jumaat dengan ummi jika ada imamnya dan khatibnya qari. Inilah jika ada ummi itu tiada *taqsir*⁴⁷⁸ pada belajarnya dengan sekira-kira lemah ia daripada belajar dan lemah pula gurunya pada mengajar akan dia dengan kerana payahnya dan tulunnya⁴⁷⁹. Dan makna ummi iaitu orang yang tiada betul baca *fatihahnya*.
11. Kesebelasnya bahawa mendengar orang yang tiga puluh sembilan itu akan segala rukun dua khutbah.
12. Kedua belasnya hendak terdahulu dua khutbahnya atas sembahyangnya. Dan setengah daripada syarat sah jumaat bahawa adalah imamnya itu daripada orang yang mendengar akan khutbahnya).

Penjelasan

Syarat sah Jumaat itu terdiri daripada 12 seperti berikut :

1. Islam
2. ‘Akil
3. Berlakunya sembahyang Jumaat dan dua khutbah dalam waktu sembahyang fardu Zohor serta yakin telah masuk waktu sembahyang fardu Zohor.

⁴⁷⁶ أُمِّيْ مُطْلَقاً iaitu orang yang tidak betul baca *fatihah* semata-mata.(Al-Marbawi, 1354H : 364).

⁴⁷⁷ جَزْمٌ iaitu yang telah dipastikan atau yang telah ditetapkan.(Al-Jailani, 1988 : 247).

⁴⁷⁸ تَقْصِيرٌ iaitu melalaikan atau cuai.(Al-Jailani, 1988 : 990)

⁴⁷⁹ تُلُوٌّ iaitu sangat bodoh, hilang akal, bingung atau tolol.(Noresah, 2007 : 1729)

4. Hendaklah didirikan Jumaat di sebuah perkampungan, negeri, bandar atau di sebuah dusun. Tidak sah Jumaat bagi mereka yang tinggal di dalam sesebuah kampung jika mereka melakukan sembahyang Jumaat di luar kampung mereka kecuali bagi mereka yang bermusafir yang mengqasarkan sembahyang di tempat itu.⁴⁸⁰
5. Tidak boleh diadakan di dua buah masjid sama ada salah sebuahnya mendahului yang sebelah lagi atau dijalankan serentak pada satu-satu negeri atau kampung, melainkan diperlukan atas sebab kesempitan, kesukaran dan berlaku kesusahan pada tempat sembahyang. Sembahyang Jumaat diharuskan dilakukan di dalam sebuah kampung yang sama mengikut kadar keperluan.⁴⁸¹
6. Hendaklah didirikan secara berjemaah, iaitu disyaratkan berjemaah pada rakaat pertama sahaja sehingga sujud kedua dalam rakaat yang pertama.⁴⁸²
7. Bilangan orang yang diperlukan dalam sembahyang Jumaat itu ialah tidak kurang daripada 40 orang, termasuk imam.⁴⁸³

⁴⁸⁰ Kenyataan ini terdapat juga dalam kitab *Bughyah al-Tullab*.(Al-Fatani, t.t : 199).

⁴⁸¹ Mengikut pendapat yang muktamad, semua Jumaat itu jika ditunaikan terdahulu atau terkemudian atau serentak masa waktunya, maka dikira sah. Tetapi disunatkan mengiringi dengan sembahyang Zohor bagi orang yang melakukan Jumaat yang terkemudian di sebuah kampung tersebut, atau bersamaan dengan waktu sembahyang mereka.(Al-Fatani, 2006 : 58). Bagi mereka yang mengiringi dengan sembahyang Zohor itu dengan tujuan untuk memelihara atau bagi meraikan satu pendapat yang menyatakan tidak sah dua Jumaat di sebuah kampung atau negeri.(Zakaria bin Ahmad, 2000 : 195).

Dan bagi mereka yang sembahyang Jumaat terdahulu itu haram mengiringi dengan sembahyang Zohor. Kerana Jumaatnya sudah dikira sah dan tiada *khilaf*. Di dalam hal ini bagi mereka yang terdahulu sembahyang Jumaat di dalam sebuah kampung itu, semua ulama bersepakat mengatakan tidak sah dilakukan sembahyang Zohor mengiringi sembahyang Jumaat yang telah didirikan secara sah (Al-Fatani, 2006 : 58).

⁴⁸² Sekiranya makmum ingin *mufaraqah* dengan imam setelah daripada sujud yang kedua itu maka sembahyang Jumaatnya dikira sah dan memadai. Adapun rakaat yang kedua sudah tidak dikira berjemaah sekiranya imam sudah berpindah rukun daripada rukuk kepada iktidal. Jika makmum mendapati imam pada rakaat yang kedua setelah iktidal maka makmum dikehendaki tambah tiga rakaat lagi seperti sembahyang Zohor setelah imam memberi salam, tidak dikira lagi sebagai orang yang sembahyang Jumaat kerana makmum tidak mendapati satu rakaat dengan imam.

⁴⁸³ Mulai dari awal khutbah pertama sehingga selesai sembahyang Jumaat.

8. Hendaklah 40 orang ahli qaryah itu disyaratkan berkekalan daripada awal sembahyang sehingga akhir salam semua ahli jemaah.
9. Bilangan 40 orang itu hendaklah mereka yang terdiri daripada ahli qaryah atau ahli Jumaat yang mempunyai syarat wajib Jumaat, iaitu Islam, ‘*akil*, *baligh*, merdeka, sihat dan bermustautin di tempat itu.
10. Hendaklah 40 orang itu terdiri daripada mereka yang pandai membaca dengan betul. Menurut pendapat Syekh Ramli adalah tidak sah sembahyang Jumaat jika terdapat salah seorang daripada makmum yang *ummi* (tidak tahu membaca *fatiyah* dengan betul), namun bagi Syekh Ibnu Hajar dalam kitab *syarah al-‘ubab* dan *irsyad*, jika imam itu *ummi* tetapi pandai membaca dengan kadar yang biasa, itu tidak mengapa dan sah Jumaat itu. Jika imam yang *ummi* masih belajar dengan kejahilannya dan gurunya juga kurang pandai dalam bab pembacaan al-Quran dengan baik, Jumaat itu dikira sah jua. *Ummi* merujuk pada seseorang yang bacaan *fatiyah*nya kurang memuaskan.⁴⁸⁴
11. Hendaklah semua 39 orang makmum itu dapat mendengar segala rukun khutbah.⁴⁸⁵
12. Hendaklah didahului dengan dua khutbah. Apabila selesai sahaja dua khutbah barulah didirikan sembahyang Jumaat secara berjemaah. Setengah daripada

⁴⁸⁴ Pendapat ini termaktub dalam kitab *Munyah al-Musolli*.(Al-Fatani, 2006 : 57). Inilah juga yang dijelaskan di dalam *syarah al-ubbab* dan *al-irsyad* serta mengikut pandangan pendapat dalam kitab *fi syarhi al-raud*.(Al-Dimyati , 1993, jilid 2 : 68).

⁴⁸⁵ Seperti khatib memuji Allah S.W.T, membaca selawat, berwasiat supaya agar bertaqwah kepada Allah S.W.T dan membaca doa bagi orang-orang mukmin pada khutbah kedua.

syarat sah Jumaat ialah orang yang hendak menjadi imam Jumaat itu hendaklah mendengar khutbah Jumaat hingga habis.⁴⁸⁶

4.31.3 Rukun dua khutbah

(شهدان) Bermula rukun dua khutbah itu lima perkara :

1. Pertamanya memuji akan Allah dengan lafaz **الحمد لله** atau **أحمد الله** atau **الحمد لله** atau **أصلى على سيدنا محمد** dan barang seumpama yang demikian itu daripada segala lafaz puji. Tetapi tertentu dengan lafaz **الحمد للرحمٰن** **الله** maka tiada memada **الحمد للرحمٰن** dan seumpamanya.
2. Keduanya selawat atas nabi S.A.W seperti katanya :

اللهم صل على سيدنا محمد أصلى على سيدنا محمد

Dan tiada disyaratkan lafaz **محمد** tetapi memada dengan lafaz **النبي** **أحمد** atau **الحاشر** atau **الماحى** dan seumpama yang demikian itu daripada segala nama yang tertentu dengan Nabi S.A.W pada itu *maqam*. Dan tiada memada dengan *domir* yang kembali kepadanya pada hal tiada disebut namanya dan tiada memada pula *sighah* yang lain daripada selawat seperti **رحم الله محمدًا** **رَحْمَةُ مُحَمَّدٍ** yang pula seumpamanya.

3. Wasiat dengan taqwa ertinya dengan suruh takut akan Allah seperti katanya :

⁴⁸⁶ Sekiranya seseorang itu tidak mendengar khutbah Jumaat, maka dia tidak boleh menjadi imam Jumaat walaupun dia imam besar di sesebuah negeri itu. Melainkan jika imam besar negeri tersebut itu menjadi maknum di belakang imam sesebuah kampung di dalam sembahyang Jumaat, kemudian imam di sebuah kampung itu terbatal, kemudian diganti oleh imam besar tersebut, maka sembahyang Jumaat itu dikira sah.

Bermula yang tiga ini iaitu jadi rukun pada dua khutbahnya.

4. Keempatnya membaca satu ayat daripada quran yang memberi faham ia pada salah satu daripada dua khutbahnya. Tetapi dibaca akan dia pada khutbah yang pertama itu *afdal*.
5. Kelimanya doa bagi segala mukminin dan mukminat iaitu tertentu pada khutbah yang kedua.

Dan sunat tertib pada segala rukun yang lima ini seperti aturan yang tersebut itu).

Penjelasan

Rukun dua khutbah melibatkan lima perkara berikut:

1. Memuji Allah S.W.T dengan lafaz أَحْمَدَ اللَّهَ ، الْحَمْدُ لِلَّهِ أو dan yang seumpama lafaz puji,⁴⁸⁷ dengan syarat hendaklah dengan lafaz الله sahaja. Maka, tidak memadai dengan الحمد للرحمٰن dan seumpamanya.
2. Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W,⁴⁸⁸ seperti اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّداً نَصْلِي عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّداً أَصْلِي. Namun tidak disyaratkan dengan lafaz Muhammad sahaja, dibolehkan juga dengan lafaz Ahmad, al-Nabi al-Mahi atau al-Hasyir dan segala nama bagi Nabi Muhammad S.A.W pada kedudukannya sebagai seorang nabi. Tidak sah rukun khutbah jika nama nabi hanya disebut sebagai ganti nama tanpa disebut nama nabi. Tidak sah juga

⁴⁸⁷ Dilakukan memuji Allah S.W.T itu di dalam kedua-dua khutbat.

⁴⁸⁸ Selawat kepada Nabi juga di dalam kedua-dua khutbah.

khutbah itu jika selawat lain disebut selain daripada selamat yang telah ditentukan seperti رَحْمَةُ مُحَمَّدٍ dan yang seumpamanya.

3. Berwasiat supaya bertakwa kepada Allah S.W.T.,⁴⁸⁹ iaitu menyuruh manusia takut kepada Allah S.W.T. seperti اتقوا الله أو اطعوه الله atau اعبدوا الله أو اقروا الله. Memuji Allah S.W.T , membaca selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W, dan berwasiat supaya bertakwa kepada Allah S.W.T itu menjadi rukun kepada kedua-dua khutbah.
4. Membaca satu ayat al-Quran yang boleh memberi fahaman pada salah satu daripada dua khutbah, tetapi lebih *afdal* jika dibaca pada khutbah yang pertama.
5. Berdoa bagi sekalian orang-orang yang beriman di dalam khutbah yang kedua.⁴⁹⁰ Sunat segala rukun khutbah ini hendaklah dilakukan secara tertib.

4.31.4 Syarat dua khutbah

(Dan bagi dua khutbah itu sepuluh syarat :

1. Pertamanya bahawa adalah khatib itu suci daripada hadas kecil dan hadas besar.
2. Keduanya bahawa suci badannya dan pakaianya dan tempatnya daripada najis yang tiada dimaaf akan dia.
3. Ketiganya bahawa ada ia menutup aurat.

⁴⁸⁹ Berwasiat supaya manusia bertaqwa kepada Allah S.W.T itu juga di dalam kedua-khutbah.

⁴⁹⁰ Sekurang-kurangnya dengan lafaz رَحْمَةُ حُكْمٍ .

4. Keempatnya bahawa berdiri ia bagi membaca khutbah jika ketiadaan uzur.
5. Kelimanya bahawa duduk ia antara dua khutbah lebih sedikit daripada kadar *tumakninh* sembahyang.
6. Keenamnya hendak berturut-turut antara dua khutbahnya.
7. Ketujuhnya berturut-turut antara khutbah yang kedua dan sembahyang. Bermula *dabit*⁴⁹¹ berturut-turut itu dengan sekira-kira tiada lulus antara keduanya itu dua rakaat sembahyang yang ringan keduanya.
8. Kedelapannya bahawa ada dua khutbah itu dengan Bahasa Arab. Ertinya segala rukunnya jua.
9. Kesembilannya bahawa memperdengar akan dua khutbah itu bagi sekalian yang empat puluh.
10. Kesepuluhnya bahawa jatuh dua khutbah itu di dalam waktu Zohor).

Penjelasan

Syarat dua khutbah adalah seperti berikut :

1. Khatib hendaklah suci daripada hadas kecil atau besar.⁴⁹²
2. Khatib hendaklah suci pada pakaian, badan dan tempatnya daripada najis yang tidak dimaafkan.

⁴⁹¹ ضَابطٌ iaitu sesuatu yang diletakkan tanda pada sesuatu masaalah.(Al-Jailani, 1988 : 763).

⁴⁹² Adapun orang yang mendengar khutbah itu tidak disyaratkan suci daripda hadas dan najis.

3. Khatib hendaklah menutup aurat dalam kedua-dua khutbah sama seperti dalam sembahyang.⁴⁹³
4. Khatib hendaklah membaca khutbah dengan keadaan berdiri jika tidak berlaku keuzuran.⁴⁹⁴
5. Khatib hendaklah duduk seketika antara dua khutbah sekadar *thumakninah* seperti duduk antara dua sujud.⁴⁹⁵
6. Hendaklah berturut-turut antara dua khutbah itu dan antara segala rukunnya.
7. Hendaklah berturut-turut antara khutbah kedua dengan sembahyang. Jika berlaku masa yang boleh memisahkan khutbah kedua dengan sembahyang itu, janganlah mengambil masa terlalu lama seperti seseorang yang sedang sembahyang sunat dua rakaat yang ringkas.⁴⁹⁶
8. Hendaklah khatib membaca dua khutbah dalam Bahasa Arab, iaitu dibaca pada sekalian rukun Jumaat.⁴⁹⁷

⁴⁹³ Adapun orang yang mendengar khutbah tidak disyaratkan menutup aurat.

⁴⁹⁴ Ini berpandukan kepada perbuatan Nabi Muhammad S.A.W. Jika tidak berkuasa berdiri hendaklah dia duduk dan jika dia tidak berkuasa membaca khutbah keadaan duduk maka dia boleh membacanya hal keadaan berbaring.(Al-Banjari, 1343H : 47).

⁴⁹⁵ Ini hukum bagi orang yang membaca khutbah hal keadaan berdiri dan berkuasa untuk duduk di antara dua khutbah. Jika khatib tidak berkuasa untuk duduk maka hendaklah dia memisahkan antara dua khutbah itu dengan diam. Dan sunat lamanya diam antara dua khutbah itu ialah sekadar membaca surah al-ikhlas.(Al-Banjari, 1343H : 47).

⁴⁹⁶ Apabila selesai sahaja khatib membaca khutbah, maka khatib hendaklah segera melakukan sembahyang Jumaat. Jika perceraian masa itu terlalu lama seperti seseorang itu melakukan sembahyang sunat walaupun sembahyang sunat itu terlalu ringkas maka tidak sah sembahyang Jumaat pada hari itu. Maka hendaklah dilakukan khutbah semula untuk menentukan sahnya Jumaat tersebut.

⁴⁹⁷ Rukun-rukun Jumaat yang wajib dibaca di dalam Bahasa Arab itu ialah, Memuji Allah S.W.T , membaca selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W, dan berwasiat supaya bertakwa kepada Allah S.W.T, membaca satu ayat al-Quran, dan berdoa bagi sekalian orang-orang yang beriman. Jika tiada seorang pun yang tahu Bahasa Arab dan tiada seorang pun yang dapat untuk mempelajarinya setelah bersusah payah mencari guru untuk mempelajari Bahasa Arab maka pada ketika itu dimaafkan khatib tersebut membaca rukun khutbah itu di dalam bahasanya. Sekiranya di sebuah mukim itu tiada seorang pun yang mengetahui Bahasa Arab tetapi ada guru yang mengajarnya, maka wajiblah sebahagiannya belajar kepada guru tersebut. Jika semuanya tidak belajar Bahasa Arab maka kesemuanya dianggap berdosa dan tidak haruslah bagi mereka itu Jumaat kerana kesemuanya jahil tentang solat Jumaat. Pada ketika itu hendaklah mereka sembahyang fardu Zohor sahaja.(Al-Banjari, 1343H : 47).

9. Hendaklah memperdengarkan segala rukun khutbah itu kepada 40 orang yang sah Jumaat sekalipun mereka tidak faham makna khutbah daripada awal khutbah hingga selesai sembahyang.⁴⁹⁸
10. Hendaklah kedua-dua khutbah itu dilakukan dalam waktu Zohor.

4.31.5 Perkara sunat bagi khatib

(شهادن) Disunat bagi khatib dan lainnya mengangkat dua tapak tangan pada ketika dibaca doa pada khutbah yang kedua, inilah jika tiada takut khatib itu gugur daripada mimbar. Dan jika takut ia maka ditinggal akan dia. Dan sunat bagi orang yang mendengar akan khatib mengangkat akan suaranya dengan selawat atas Nabi S.A.W pada ketika menyebut oleh khatib akan nama Nabi seperti katanya :

اللهم صل وسلام عليه او صلی الله وسلام عليه

Dan seumpama selawat atas Nabi itu اللَّرَضِيُّ daripada sahabat Nabi dan keluarganya pada ketika disebut oleh khatib akan nama mereka itu seperti katanya :

رضى الله عنه او رضى الله عنها او رضى الله عنهم او رضى الله عنهم او رضى الله عنهم

⁴⁹⁸ Dan jika khatib itu tuli sekalipun dianggap sah Jumaat tersebut kerana khatib itu mengetahui apa yang dibacanya. Dan tidak disyaratkan bagi khatib itu mengetahui segala makna yang terkandung di dalam rukun khutbah asalkan khatib itu boleh membacanya dengan baik di dalam Bahasa Arab maka itu sudah memadai.

Dan apabila berlaku pada khatib menyebut nama Allah, harus bagi orang yang mendengar berkata :

جل الله عز الله أو جل جلاله

Kerana membesar akan dia.

(انتهى غاية التلخيص)

Penjelasan

Perkara sunat yang perlu diberi perhatian oleh khatib dan ahli jemaah sewaktu sembahyang Jumaat berlangsung ialah:

1. Ahli jemaah disunatkan mengangkat kedua-dua tangan sewaktu khatib sedang membaca doa pada khutbah kedua. Khatib juga disunatkan mengangkat kedua-dua tangannya, tetapi jika khatib takut sewaktu mengangkat tangan ketika berdoa boleh menjatuhkan tongkatnya daripada mimbar, bolehlah khatib tersebut tidak mengangkat tangan sewaktu berdoa.
2. Sunat juga bagi ahli jemaah mengangkat suara mereka berselawat kepada Nabi S.A.W ketika khatib mengangkat suaranya membaca selawat ke atas Nabi S.A.W seperti kata khatib:

اللهم صل وسلام عليه

صلی اللہ وسلم علیہ

Para maknum boleh menjawab seperti yang diperkatakan oleh khatib dan jika khatib menyebut nama para-para sahabat pula, maka maknum boleh menjawab seperti berikut:

رضی اللہ عنہ

رضی اللہ عنہا

رضی اللہ عنہما

رضی اللہ عنہم

رضی اللہ عنہن

Sekiranya khatib menyebut nama Allah S.W.T, maknum diharuskan menyebut seperti berikut:

جل الله

عز الله

جل جلاله

Kesemuanya ini bertujuan untuk membesarakan Allah S.W.T.

4.31.6 Amalan selepas memberi salam

قل (فوائد) *Dan datang warid⁴⁹⁹ bahawasanya barang siapa membaca akan fatihah dan* قل أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ *dan* قل أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ *هو الله أحد tujuh-tujuh kali pada tiap-tiap*

⁴⁹⁹ Hadis ini telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik. Hadis ini tersebut di dalam kitab *Hasyiah i'anatu al-Tolibin* (al-Dimyati, 1993, jilid 2 : 105-106) yang berbunyi :
وَأَن يَفْرَا عَيْبَ سَالِمَةَ مِنَ الْجَمْعَةِ قَبْلَ أَن يَتَّشَّى رَجُلَيْهِ. وَفِي رِوَايَةِ قَبْلَ أَن يَتَكَلَّمَ، الْفَاتِحَةُ وَالْإِخْلَاصُ
وَالْمَعْوَذَتَيْنِ سَبْعَاً سَبْعَاً، لَمَّا وَرَدَ أَن "مَن قَرَأَهَا غَفَرَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأْخَرَ وَأَعْطَى مِنْ الْأَجْرِ بَعْدَ مِنْ آمِنَ بِالله
وَرَسُولِهِ ...

Hadis tersebut juga telah dinukulkan oleh al-Suyuti di dalam kitabnya *al-Jami' al-Soghir*, bahawa hadis ini adalah Hadis Hasan.(al-Suyuti, t.th : 8955). Begitu juga al-Albani di dalam kitabnya *Doif al-*

satunya itu kemudian daripada salam sembahyang jumaat dahulu daripada memindah akan dua kakinya nescaya diampun baginya barang yang telah terdahulu daripada dosanya. Dan barang yang kemudiannya dan diberi akan dia daripada pahalanya dengan sebilang-bilang mereka yang beriman ia dengan Allah dan rasulnya. Dan diajauh akan dia daripada yang dibencinya hingga jumaat yang dihadapannya).

Penjelasan

Setelah selesai sembahyang Jumaat, terdapat beberapa amalan yang dikenali sebagai wirid. Antara wirid yang dikenal pasti datangnya daripada Nabi S.A.W. adalah seperti yang berikut:

1. Membaca surah *al-fatihah* tujuh kali
2. Membaca surah *al-Nas* tujuh kali
3. Membaca surah *al-Falaq* tujuh kali
4. Membaca surah *al-Ikhlas* tujuh kali

Seseorang yang membaca tujuh kali surah-surah berkenaan setelah selesai salam dan sebelum berubah kedudukannya, nescaya akan diampunkan dosa-dosanya yang lalu dan dosa-dosa akan datang. Pahala diberikan kepada mereka yang membacanya sebanyak mana orang yang beriman kepada Allah S.W.T dan rasul-Nya serta

Jami', beliau menjelaskan bahawa hadis tersebut adalah Hadis Maudu' (Palsu).(al-Albani, t.th : 5758). Seterusnya al-'Asqalani di dalam kitabnya *al-Khisol al-Mikaffarah*, beliau menjelaskan bahawa hadis ini, sanadnya sangat lemah.(al-'Asqalani, t.th, jilid 1 : 49).

dijauhkan daripadanya perkara yang dibencinya sehingga bertemu pula dengan Jumaat akan datang.⁵⁰⁰

4.31.7 Amalan yang disunatkan melakukannya pada hari jumaat

Dan sunat membanyak minta doa pada harinya kerana menuntut waktu *ijabah* dan membanyak membaca surah al-kahfi dan selawat atas nabi pada harinya dan malamnya.

Dan sunat membanyak daripada bagai-bagai kebajikan pada keduanya dan hendaklah dijadikan harinya itu hari amalan akhirat jua.

Dan sunat mandi pada harinya dengan niat mandi sunat jumaat bagi orang yang berkehendak hadir pada sembahyangnya.

Dan sunat membersihkan dirinya daripada segala yang kotor-kotor yang ada pada badannya dan pakaianya dan daripada bau yang keji-keji daripada keduanya. Kerana harinya itu hari raya yang berulang-ulang pada tiap-tiap tujuh hari sekali lagi yang terlebih *afdal* daripada segala hari yang lain daripadanya.) وَاللهُ أَعْلَم .)

Penjelasan

Selain itu, seseorang disunatkan melakukan beberapa perkara sebagai amalan pada hari Jumaat. Antaranya adalah seperti yang berikut:

1. Pada siang hari Jumaat, disunatkan memperbanyakkan doa kerana hari Jumaat ialah hari yang dimakbulkan segala doa.

⁵⁰⁰ Kenyataan ini tercatat juga dalam kitab *I'anatu al-Tolibin*.(Al-Dimyati, jilid 2, 1993 : 105.

2. Banyak membaca surah al-Kahfi.
 3. Banyak berselawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W pada malam dan siang harinya.
 4. Disunatkan membanyakkan amalan kebajikan pada malam dan siangnya disamping memenuhkan waktu siangnya dengan amalan akhirat semata-mata.
 5. Sunat mandi pada siang harinya dengan niat mandi sunat Jumaat bagi orang yang hendak hadir ke masjid bagi mendirikan sembahyang Jumaat⁵⁰¹, sama ada dia diwajibkan Jumaat ataupun sebaliknya.⁵⁰²
 6. Disunatkan membersihkan diri daripada segala kekotoran yang terdapat pada tubuh badan dan pakaianya, termasuk daripada segala rupa bentuk bau-bauan yang busuk, bermula daripada malam hingga kepada siangnya. Ini kerana hari Jumaat ialah hari raya yang datang pada tiap-tiap minggu kepada orang Islam dan hari itu terlebih *afdal* berbanding hari-hari yang lain.⁵⁰³

4.31.8 Hukum meninggalkan sembahyang jumaat

(فصل) Barangsiapa yang wajib atasnya jumaat dan meninggal ia akan dia dengan tiada uzur, maka bermula *qaul* yang *asahnya* dibunuh akan dia apabila tinggal lagi waktu Zohor kadar yang tiada lulus padanya dua rakaat sembahyang Jumaat dan dua khutbahnya. Dan jika berkata ia aku sembahyang akan dia Zohor sekalipun. ١٥. بَعْنَيَةٌ .

Masaalah barang siapa meninggal ia akan sembahyang atau satu rukun daripada segala rukunnya atau satu syarat daripada segala syaratnya yang ijma' ulama pada

⁵⁰¹ Bagi orang yang tidak berniat untuk hadir ke masjid maka dia tidak digalakkan mandi sunat Jumaat. Waktunya bermula daripada terbit fajar sodiq dan yang paling *afdal* iaitu ketika hendak menuju ke masjid.

⁵⁰² Sunat mandi pada siang harinya juga dengan niat mandi sunat Jumaat samaada mereka itu orang yang bermustautin, mukim atau orang yang sedang di dalam musafir.

⁵⁰³ Pendapat ini termaktub juga dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*. (Al-Banjari, 2006 : 55).

kedua dengan sengajanya lagi diketahui akan tiada sah sembahyang dengan ketiadaan keduanya iaitu *fasiq* ia dengan ijma' ulama padanya. Seperti meninggal memberi zakat jua. Dan wajib dibunuh akan dia dengan pedang kemudian daripada disuruh ia taubat. Dan jikalau meninggal ia akan satu sembahyang sekalipun pada hal ditakut atasnya mati dengan ketiadaan iman و العياذ بالله .

Dan tiada harus diberi makan atau diberi minum akan mereka yang tersebut itu apabila ia lapar atau dahaga kerana bahawasanya tiada dihormati akan nyawanya seperti anjing yang menggigit jua. Dan sayugia bagi orang yang mempunyai agama bahawa tiada hadir ia pada majlis yang ada ia padanya dan pada jamuannya dan pada jenazahnya dan tiada disembahyang atas mayatnya pada zahir supaya takut oleh yang lain. Dan sayugia dikubur akan dia pada tempat yang jauh pada tempat perkuburan orang Islam yang tiada *fasiq*. Dan dinamakan perkuburannya itu perkuburan orang *fasiq*. Demikianlah seperti barang yang berkata akan dia oleh sayyid Ahmad somit،^١

بِعْدِهِ ..

نَتَبِيهُ Telah berkata Imam Ghazali rahimahullah ta'ala, barang siapa mendakwa bahawasanya antaranya dan antara Allah ta'ala satu hal yang menggugur ia padanya akan wajib sembahyang atau mengharus baginya minum arak atau makan harta manusia dengan tiada sebenarnya seperti menyangka oleh setengah daripada orang yang mengaku dirinya ahli tasawwuf maka tiada syak pada wajib bunuh akan dia. Tetapi bermula bunuh orang yang demikian itu terlebih *afdal* daripada bunuh seratus kafir yang asli. Kerana bahawasanya mudharatnya itu terlebih banyak daripada mudharat kafir yang asli.

Penjelasan

Menurut pendapat yang asahnya, sesiapa yang diwajibkan menunaikan sembahyang Jumaat, tetapi meninggalkannya tanpa sebab yang munasabah boleh dijatuhi hukuman bunuh. Mereka yang sengaja melewatkhan sembahyang Jumaat sehingga hampir kepada penghujungnya seperti sudah tidak sempat jika dilakukan dengan dua rakaat sembahyang dan dua khutbah boleh dijatuhi hukuman bunuh juga sekalipun dia telah menunaikan sembahyang fardu Zohor.

Sesiapa yang mengetahui bahawa perkara itu wajib dilakukan ke atas dirinya tetapi sengaja meninggalkan sembahyang atau salah satu rukun sembahyang atau segala syarat sembahyang yang telah diijma'kan oleh para ulama, maka ulama mengijma'kan bahawa dia tergolong dalam orang-orang yang *fasiq*. Sekiranya pemerintah memberi arahan kepadanya supaya bertaubat, tetapi dia masih tidak mahu bertaubat, pemerintah boleh membunuhnya dengan menggunakan pedang dengan memancung kepalanya, walaupun dia hanya meninggalkan satu sembahyang fardu. Ini kerana ditakuti ke atasnya jika berlaku kematian, maka dia dikira mati dalam ketiadaan iman.⁵⁰⁴

Mereka juga tidak harus diberikan makanan dan minuman kerana mereka dianggap nyawa yang tidak dihormati dalam Islam. Mereka dianggap seperti anjing yang menggigit sahaja. Bagi orang yang berilmu, mereka tidak digalakkan hadir ke dalam

⁵⁰⁴ Masalah ini telah difatwakan oleh Syekh 'Atiyyah Saqr di dalam fatwanya al-Fatawa, sila lihat *al-Fatawa Min Ahsani al-Kalam Fi Fatawa Wa al-Ahkam*. ("Atiyyah Saqr, t.t, jilid 1 : 526-527). Dibincangkan juga oleh al-Sayyid Sabiq dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah*. (Al-Sayyid Sabiq, 1993, jilid 1 : 71-73).

majlis jamuan atau kenduri, ziarah jenazah, dan sembahyang jenazah bagi mereka yang secara zahir tidak menunaikan sembahyang sebagai satu pengajaran kepada orang lain. Mereka yang tidak menunaikan sembahyang juga hendaklah dikebumikan di suatu tempat yang jauh daripada perkuburan orang-orang Islam yang tidak *fasiq* dan perkuburan mereka hendaklah dinamakan perkuburan orang-orang *fasiq*. Perkara sedemikian telah dijelaskan oleh Sayyid Ahmad Somih.

Imam al-Ghazali berkata, sesiapa yang mendakwa bahawa antara dirinya dengan Allah S.W.T itu boleh menggugurkan kefarduan sembahyang, boleh meminum arak, dan boleh mangambil harta manusia tanpa hak atau menganggap dirinya seorang ahli tasawuf, maka mereka hendaklah dijatuhi hukuman bunuh. Membunuh orang ini adalah lebih *afdal* daripada membunuh 100 orang kafir yang asli kerana kemudaratannya lebih banyak daripada kemudaratatan orang-orang kafir yang asli.

4.32 Penutup kitab

4.32.1 Beberapa peringatan bagi orang yang sedang sakit

(فصل) Dan wajib atas tiap-tiap mukallaf bersegera dengan taubat daripada segala dosanya supaya tiada mengejut akan dia oleh mati yang meluput ia bagi taubat. Bermula orang yang sakit itu iaitu sangat dituntut daripadanya dengan taubat. Dan sunat bagi orang yang sudah putus harap ia daripada hidup bahawa membanyak akan berkata :

اللَّهُمَّ أَعِنْنِي عَلَى غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَسَكَرَاتِ الْمَوْتِ⁵⁰⁵

اللَّهُمَّ اغْفِرْنِي وَارْحَمْنِي وَالْحَقْنِي بِالرَّفِيقِ الْأَعْلَى⁵⁰⁶

Dan sunat baginya pada ketika itu bahawa membanyak ia daripada membaca al-Quran dan segala zikir dan tasbih dan selawat atas Nabi S.A.W dan قل هو الله أحد
sekurang-kurangnya seratus kali. Dan demikian lagi segala bagai-bagai kebajikan. Dan makruh keluh kesah pada ketika sakitnya. Dan demikian lagi berperangai dengan perangai yang jahat dan berbantah-bantah pada yang lain daripada pekerjaan agama. Dan sunat bahawa *mulahazah*⁵⁰⁷ ia akan bahwasanya inilah akhir waktunya daripada dunia).

Penjelasan

Bagi orang yang mukalaf, dia diwajibkan segera melakukan taubat sama ada dosa kecil mahupun besar kerana dengan itu boleh mengelakkan berlakunya kematian secara tiba-tiba.⁵⁰⁸ Dan sunat bagi seseorang yang sudah sampai pada tahap tiada harapan untuk hidup membanyakkan membaca :

⁵⁰⁵ Hadis ini telah diriwayatkan oleh ‘Aisyah r.a. Hadis tersebut telah dijelaskan oleh al-Tarmizi di dalam kitabnya *Sunan al-Tarmizi*, bahawa hadis ini adalah Hadis Hasan Gharib.(al-Tarmizi, 2005, jilid 2 : 294). Hadis ini juga terdapat di dalam kitab Sunan Ibnu Majah.(Ibnu Majah, 2009, jilid 2 : 280). Seterusnya al-Albani telah menerangkan di dalam kitabnya *Doif al-Jami*’, bahawa hadis ini adalah hadis daif.(al-Albani, t.th : 117). Begitu juga di dalam kitab *Riyad al-Solihin lil al-Nawawi Takhrij al-Albani*, al-Albani menjelaskan bahawa hadis ini isnadnya daif.(al-Nawawi, 1992 : 360).

⁵⁰⁶ Hadis ini telah diriwayatkan oleh ‘Aisyah r.a. Hadis tersebut telah diperincikankan oleh al-‘Asqalani di dalam kitabnya *Fathul al-Bari*, bahawa hadis ini adalah Hadis Sohih.(al- Asqalani, 1989, jilid 8 : 175). Hadis ini juga terdapat di dalam kitab Sohih Muslim, bahawa hadis ini adalah Hadis Sohih.(al-Nawawi, 1996, jilid 14 : 350).

⁵⁰⁷ ملاحظة iaitu memberi perhatian atau tumpuan.(Al-Marbawi, 1354H : 212).

⁵⁰⁸ Ini kerana apabila ajal sudah sampai kepada *qhargarah* (halkum), pintu taubat sudah tertutup. Maka sayugia bersegera bertaubat sebelum sampai saat ajal menjelma.

اللَّهُمَّ أَعِنْنِي عَلَىٰ غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَسَكِّرَاتِ الْمَوْتِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَالْحَقْنِي بِالرَّفِيقِ الْأَعْلَى⁵⁰⁹

Selain itu, sunat juga bagi orang yang hampir mati membanyakkan bacaan al-Quran dan zikir, tasbih dan selawat ke atas nabi S.A.W serta membaca *قل هو الله أحد* sekurang-kurangnya 100 kali di samping membanyakkan amalan kebajikan. Makruh jika berkeluh kesah pada ketika terasa sakit dan berperangai keji serta berbalah dalam hal berkaitan agama. Disunatkan juga bagi orang yang hendak mati memberi perhatian atau tumpuan bahawa inilah saat akhir dia hidup di dunia ini.

(Dan bersungguhlah ia akan menuntut barang yang direndai Allah ta'ala supaya dimati akan dia atas iman yang sempurna. Dan bersegeralah ia kepada membayar akan *huquq*⁵¹⁰ yang wajib atasnya membayar akan dia dan *taqsir*⁵¹¹ ia daripadanya daripada hak Allah ta'ala dan hak anak Adam. Dan mengembali ia akan segala *mazolim*⁵¹² dan segala amanah orang dan minta halal dan minta maaf ia daripada segala isterinya dan anak-anaknya dan karabatnya dan jirannya dan sahabatnya dan segala orang yang *lazim*⁵¹³ kira bicara dengan dia).

Penjelasan

Bagi orang yang merasakan dirinya sudah sampai saat kematian hendaklah :

⁵⁰⁹ Maksudnya, “Ya Allah tolonglah aku di dalam menghadapi sengsara kematian. Ya Allah ampunilah dosa-dosaku dan kasihanilah aku dan tempatkanlah aku bersama rakan handai dan sahabat-sahabat di tempat yang paling tinggi.”

⁵¹⁰ حقوق iaitu hak-hak orang atau kepunyaan orang.(Al-Jailani, 1988 : 338).

⁵¹¹ تقصیر iaitu pekerjaan yang telah dicuainya atau pekerjaan yang telah cacat yang belum ditunaikannya.(Al-Jailani, 1988 : 990).

⁵¹² ظالم iaitu barang yang diambil secara zalim.(Al-Jailani, 1988 : 810).

⁵¹³ لازم iaitu orang-orang yang dia berhajat berbual sewaktu hidupnya.(Al-Jailani, 1988 : 1084).

1. Mengharapkan serta menuntut sesuatu yang diredayai oleh Allah S.W.T supaya mendapat kesudahan yang baik seperti mati dengan keimanan kepada Allah S.W.T dengan sempurna.
2. Bersegera membayar segala hutang yang wajib yang telah lalu⁵¹⁴ serta melunaskan hak-hak manusia dan hak-hak Allah S.W.T dengan mengqadakan semuanya segera.
3. Mengembalikan segala barang yang telah diambil semasa hayatnya kepada empunya barang atau amanah orang kepada yang berhak menerimanya.
4. Meminta maaf dan dihalalkan semua perkara kepada isterinya, anak-anak, keluarga, jiran, sahabat, dan kawan-kawan seperjuangan dengannya.⁵¹⁵

(Dan syukur ia bagi Allah dengan segala nikmatNya yang dikurnia akan dia kepadanya seperti nikmat Islam dan Iman. Dan harap ia akan dia bahawa mati akan dia atas keduanya. Dan bahawa diampun segala dosanya dan bahawa diterima segala kebijikannya dan bahawa dijauhkan daripada siksanya. Dan hendaklah ia baik sangka dengan Allah dan yakin ia bahwasanya Allah ta'ala itu terlebih kasih sayang kepadanya daripada ibu bapanya dan sangat maaf dan mengampun segala dosa hambanya. Dan redolah ia daripada Allah dengan segala pencubaannya yang datang akan dia atasnya daripada sakitnya dan lemah segala anggotanya. Dan sunat berwasiat ia bagi ahlinya dengan sabar atasnya di dalam sakitnya dan kemudian daripada matinya. Dan bahawa jangan dihinggar bingar di dalam majlisnya dengan menangis dan berbantah-bantah kemudian daripada matinya dan sakitnya. Dan berwasiat ia bagi orang yang kepercayaan dengan segala pekerjaan anak-anaknya dan hartanya dan utang piutangnya dan lainnya daripada segala kesungutan dan yang

⁵¹⁴ Kenyataan tersebut terdapat di dalam kitab *al-Adzkar*. (Al-Nawawi, 1990 : 153).

⁵¹⁵ Kenyataan yang sama juga terdapat dalam kitab *al-Adzkar*. (Al-Nawawi, 1990 : 153).

jadi keberatan atas dirinya. Dan sunat bahawa membanyak ia daripada menyebut ﷺ ﴿إِلَهُ إِلَهٌ﴾ muda-mudahan dijadi akan dia akhir *kalamnya* daripada dunia dan dimati akan dia atasnya. Dan sunat bagi sekalian orang yang hadir padanya mendoakan baginya dengan tetap imannya dan dimati akan dia dengan dia. Dan sunat mengajar akan dia ﷺ ﴿إِلَهُ إِلَهٌ﴾ jika tiada berkata ia akan dia. Dan sunat membaca ﷺ pada sisinya *muhtadir*⁵¹⁶ supaya mudah keluar rohnya).

Penjelasan

Selain itu, perlu juga:

1. Bersyukur kepada Allah S.W.T dengan segala nikmat yang telah dikurniakan seperti nikmat Islam dan Iman.⁵¹⁷
2. Berharap agar dimatikan oleh Allah S.W.T dalam iman dan Islam.
3. Mengharapkan segala dosanya diampunkan Allah S.W.T; diterima segala amalan keajikan dan dijauhkan daripada seksa-Nya di akhirat kelak.
4. Bersangka baik kepada Allah S.W.T dan yakin bahawa sesungguhnya Allah S.W.T mengasihi hamba-Nya melebihi kasih dan sayang kedua ibu bapa kepada seseorang hamba itu dan sangat pemaaf dan pengampun segala dosa yang telah dilakukan oleh hamba-Nya.
5. Reda dengan setiap perkara, cubaan dan dugaan yang dihadapinya seperti sakit yang bersangatan dan lemah segala anggota tubuh.
6. Seseorang disunatkan berwasiat kepada ahli keluarganya supaya dapat bersabar dengan kesakitan yang dihadapinya dan setelah ketiadaannya nanti.

⁵¹⁶ مُحْتَضَرٌ iaitu orang yang hendak mati. (Al-Jailani, 1988 : 327).

⁵¹⁷ Bersyukur dengan menggunakan lidah atau hati (Muhammad Zainuhum, 1990 : 153).

Ahli keluarga hendaklah mengelakkan perbuatan bising dalam majlis kematian, menangis serta berbalah setelah salah seorang daripada keluarganya sedang sakit atau telah meninggal dunia.

7. Disunatkan berwasiat kepada orang yang dipercayainya supaya dapat melaksanakan tugas seperti menjaga anak-anak dan hartanya serta mengurus segala hutangnya, melaksanakan apa-apa yang berat serta perkara yang sukar dilaksanakan semasa hayatnya dan lain-lain.
8. Sunat menyebut kalimah ﷺ لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ لا dengan banyak agar dijadikan akhir kehidupan di dunia ini serta mati di atas keimanan dengan kalimah tersebut.
9. Sunat bagi yang hadir untuk mendoakannya supaya tetap imannya dan mati dalam keimanan kepada Allah S.W.T.
10. Sunat bagi yang hadir atau ahli keluarga mengajarnya menyebut ﷺ لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ لا di tepi telinganya jika tidak menjadi keberatan kepada orang yang sedang sakit itu.
11. Sunat membaca surah Yasin di sisi orang yang hendak mati supaya mudah keluarnya roh.

4.32.2 Setelah meninggal dunia

(Maka apabila diyakin akan matinya sunatlah dikejam⁵¹⁸ akan dua matanya dan lembut segala sendi-sendinya dan letak akan dia bertelentang hunjur kaki kepada

⁵¹⁸ Kejam dengan maksud ditutup.(Noresah, 2005 : 704).

kiblat dan ditutup akan dia dengan kain yang nipis-nipis supaya keluar hawanya dan disegera dengan *mentajhiz*⁵¹⁹ akan dia.

Ketahui olehmu bahwasanya wajib atas tiap-tiap mukallaf atas jalan fardu kifayah mengerjakan dengan mayat yang muslim yang lain daripada syahid dan yang lain daripada kanak-kanak yang gugur iaitu empat perkara :

1. Pertamanya dimandi akan dia jikalau matinya sebab tengelam air sekalipun.
2. Keduanya dikafan⁵²⁰ akan dia.
3. Ketiganya disembahyang atasnya.
4. Keempatnya ditanam akan dia.

Adapun kafir yang lain daripada *harbi* dan murtad maka wajib atas kita kafan akan dia dan ditanam akan dia dan haram disembahyang atasnya dan harus dimandi akan dia.

Dan adapun mayat yang syahid iaitu orang Islam yang mati ia kerana berperang dengan kafir kerana dunia atau kerana meninggi akan agama Allah maka wajib dikafan akan dia dengan kain yang dipakai berperang yang mati ia di dalamnya. Dan jika tiada cukup ditambah akan dia. Dan wajib ditanam akan dia dan haram dimandi akan dia dan haram disembahyang atasnya.

Dan adapun kanak-kanak yang gugur iaitu kanak-kanak yang gugur ia pada hal belum sampai enam bulan masa kandungnya maka hukumnya jika tiada dizahir padanya tanda hidupnya dan tiada dizahir pula kejadian anak Adam maka tiada wajib

⁵¹⁹ تجهيز iaitu mengsegerakan penyelengraan mayat.(Al-Jailani, 1988 : 273).

⁵²⁰ كفن iaitu membungkus akan mayat.(Al-Jailani, 1988 : 1048).

atas kita sesuatu daripada yang empat perkara itu. Tetapi sunat dibalut akan dia dengan kain dan ditanam akan dia.

Dan jika tiada dizahir padanya tanda hidupnya tetapi ada zahir padanya kejadian anak Adam maka wajib atas kita kerjakan padanya tiga perkara yang lain daripada sembahyang dan haram disembahyang atasnya. Dan jika ada zahir padanya tanda hidup seperti bersuara atau bergerak-gerak kemudian daripada keluarnya dan jika kurang daripada empat bulan masa kandungnya itu sekalipun maka iaitu seperti orang yang besar jua. Maka wajib kita kerja daripadanya empat perkara yang tersebut itu. Adapun kanak-kanak yang diperanak akan dia kemudian daripada enam bulan masa kandungnya maka wajib kita mandi akan dia dan dikafan akan dia dan sembahyangkan atasnya dan ditanam akan dia jika keluar ia pada hal mati dan jika tiada zahir padanya kejadian anak Adam sekalipun jika diketahui akan dia anak Adam kerana keluar ia daripada takrif gugur).

Penjelasan

Sunat bagi seseorang yang telah diyakini meninggal dunia:

1. Memejamkan mata mayat tersebut jika didapati terbuka.
2. Dilembutkan segala sendi mayat tersebut dengan menggerak-gerakkan bahagian sendi.⁵²¹
3. Membaringkan mayat tersebut dengan kaki menghala ke arah kiblat.

⁵²¹ Boleh juga diurut dengan menggunakan sedikit minyak untuk memudahkan ketika urusan memandikan dan mengapangkan mayat.

4. Ditutup mukanya dengan kain yang nipis supaya keluar segala bau mayat tersebut.
5. Bersegera menguruskan mayat tersebut seperti memandikannya jika yakin dia telah meninggal dunia.

Perkara yang menjadi kewajipan bagi seseorang yang mukallaf, iaitu fardu kifayah, adalah dengan melaksanakan tanggungjawab terhadap mayat yang Islam selain daripada yang mati syahid dan kanak-kanak yang gugur ketika melahirkannya, iaitu seperti berikut:

1. Memandikan mayat walaupun jika mayat itu mati kerana lemas di dalam air.
2. Dikapankan mayat tersebut.
3. Disembahyangkan mayat tersebut.
4. Kemudian ditanamkannya.

Bagi orang kafir *harbi* (orang kafir yang memusuhi pemerintahan Islam) dan orang Islam yang murtad pula, adalah menjadi kewajipan kepada orang Islam mengapangkan dan menanam terus mayat mereka. Hukumnya ialah haram menyembahyangkan mayat mereka, namun hukumnya harus dalam memandikan mayat mereka.

Orang Islam yang mati dalam perjuangan menegakkan Islam dan menentang orang-orang kafir dianggap mati syahid, maka wajib orang Islam melakukan perkara berikut:

1. Mengapangkan mayat mereka dengan kain yang dipakai mereka ketika berperang. Jika pakaian itu tidak cukup untuk mengapangkan mereka, maka boleh ditambah kain lain untuk menutupi mayat tersebut.
2. Wajib ditanam mayat tersebut dan haram dimandikan serta disembahyangkannya.

Kanak-kanak yang mati kerana keguguran sebelum cukup enam bulan di dalam kandungan ibunya dan jelas sudah mati dan tidak hidup sama sekali semasa lahirnya atau kurang sempurna kejadiannya sebagai anak Adam, hukumnya adalah tidak wajib bagi individu Muslim yang mukallaf melakukan empat perkara yang tersebut,⁵²² tetapi disunatkan membalutnya dengan kain dan ditanam mayat kanak-kanak tersebut.

Namun, jika nyata kanak-kanak itu telah mati, iaitu tidak hidup sama sekali semasa lahirnya, tetapi jelas kejadiannya seperti anak Adam, maka wajib bagi individu Muslim melakukan upacara memandikan mayat, mengapangkan dan menanamkan mayat tersebut. Adapun sembahyang ke atas kanak-kanak itu hukumnya haram.

Jika nyata kanak-kanak itu hidup semasa lahirnya, seperti bergerak-gerak atau menangis semasa melahirkannya, walaupun jika kurang daripada empat bulan dalam kandungan ibunya, maka hukumnya adalah seperti orang besar juga, iaitu wajib bagi individu Muslim melaksanakan empat perkara berikut: memandikan, mengapangkan, menyembahyangkan dan menanamkannya.

⁵²² Memandikan, mengapangkan, menyembahyangkan dan menanamkannya.

Bagi kanak-kanak yang keluar daripada kandungan ibunya selepas enam bulan, wajib bagi orang Islam memandikan, mengapangkan, menyembahyangkan dan menanamkannya walaupun kanak-kanak ini dilahirkan dalam keadaan mati dan tidak cukup sempurna kejadiannya seperti seorang anak Adam. Hal ini kerana terkeluar daripada makna kanak-kanak yang gugur daripada kandungan ibunya.

4.32.3 Memandikan mayat

(شهادان) Bermula sekurang-kurang mandi iaitu merata akan air pada segala zahir badannya kemudian daripada dihilang akan najis yang ada pada badannya. Dan tiada wajib padanya niat dan sunat mengambil wuduk baginya serta wajib niat padanya dan memada orang yang mandi akan dia itu kanak-kanak maka tiada mumayyiz sekalipun dan orang gila dan kafir dan perempuan yang haid dan nifas dan jin.

Dan tiada memada mandi malaikat. Bersalahkan kafan dan tanam maka memada keduanya daripada malaikat. Dan jika ditanam mayat dahulu daripada mandi akan dia maka wajib dibongkar akan dia kerana memandi akan dia. Dan tiada dibongkar bagi kerana kafan dan sembahyang.

Dan barang siapa uzur mandinya dengan sebab ketiadaan air atau ia mati terbakar dan umpamanya maka dimandi akan dia nescaya luruh kulitnya dan dagingnya atau dengan sebab tiada hadir pada mayat yang perempuan itu melainkan laki-laki yang *ajnabi*⁵²³ atau *akasnya*⁵²⁴, nescaya ditayammum akan dia dan disembahyangkan atasnya. Atau ada atas badannya najis yang tiada dimaaf akan dia dan uzur

⁵²³ أجنبى maksudnya orang luar atau orang asing. Iaitu lelaki yang bukan mahramnya.(Al-Jailani, 1988 : 266).

⁵²⁴ عكس maksudnya sebaliknya.(Al-Jailani, 1988 : 857).

menghilang akan dia seperti najis yang dibawah kulit kulub⁵²⁵ yang tiada didapat disuci akan dia, maka kata Syekh Ibnu Hajar ditayammum akan dia dan disembahyangkan atasnya. Dan kata Syekh Ramli tiada ditayammum akan dia dan ditanam akan dia dengan tiada sembahyang atasnya.

Dan jika keluar najis pada mayat jikalau pada farajnya sekalipun kemudian daripada mandinya dan dahulu daripada kafannya, kata Syekh Ramli dan Ibnu Hajar jikalau kemudian daripada sembahyang sekalipun maka wajib membasuh akan dia kata ijma' jika keluar ia kemudian daripada sembahyangkan atasnya. Maka tiada wajib menghilang akan dia jika berlumur ia dengan kafannya sekalipun.

Bermula sekurang-kurang kafan iaitu satu kain yang menutup auratnya jua. Atau satu kain yang menutup sekelian badannya. Yang pertama itu hak Allah ta'ala dan yang kedua itu hak mayat dan yang lebih daripada itu hak warisnya.

Bermula yang terlebih *afdal* bagi mayat laki-laki itu dikafan akan dia di dalam tiga helai kain yang bersamaan lebarnya dan panjangnya yang menutup sekelian badannya. Dan harus ditambah baju dan serban jadi lima jika tiada ia ihram. Dan yang *afdal* bagi mayat perempuan dan khunsa itu lima lapis, iaitu dua helai yang menutup sekelian badannya dan kain pakai dan baju dan telekung. Dan jika tiada dikafan akan dia di dalam lima lapis maka hendaklah dikafan akan dia dengan tiga lapis seperti laki-laki jua. Dan makruh dilebih akan dia daripada lima lapis seperti ditambah *sirwal*⁵²⁶ atau lainnya. Dan demikian lagi makruh dikafan akan dia dengan kain yang mehal-mehal harganya. Itupun jika tiada ada di sana itu waris yang

⁵²⁵ Kulup iaitu kulit pada hujung kemaluan lelaki yang dibuang ketika dikhatakan.(Noresah, 2005 : 846).

⁵²⁶ سروال ertiannya seluar panjang.(Al-Jailani, 1988 : 621).

*mahjur*⁵²⁷ atau yang *ghaib*⁵²⁸. Dan jika ada maka iaitu haram melebih-lebihkan dan bermehalkan pada kafannya. Dan sunat dihembur di dalam segala lapis-lapis kafan dan atas mayat itu akan *hanut*⁵²⁹ dan sunat ditaruh kapas yang digaul akan dia dengan *hanut* itu pada segala lubang-lubang dan segala anggota sujudnya dan sendi-sendinya). وَاللَّهُ أَعْلَم

Penjelasan

Sekurang-kurangnya ketika mandi mayat itu, air hendaklah diratakan ke seluruh tubuh mayat tersebut setelah menghilangkan segala najis yang terdapat pada badannya. Tidak wajib niat ketika memandikan mayat.⁵³⁰ Namun, disunatkan mengambil wuduk untuk mayat dan diwajibkan niat ketika mengambil wuduk ke atas mayat tersebut.⁵³¹ Orang yang dibolehkan memandikan mayat itu terdiri daripada:

1. Kanak-kanak yang mumayyiz.

⁵²⁷ Sertinya tertegah atau tertahan ke atas waris itu untuk membelanjakan hartanya.(Al-Jailani, 1988 : 293).

⁵²⁸ ertynya harta waris yang hilang, tersembunyi atau yang tertutup.(Al-Jailani, 1988 : 908).

⁵²⁹ حنوط iaitu ubat yang diletakkan ditubuh mayat supaya tidak hancur.(Al-Jailani, 1988 : 359). Ketika penulis menumeramah Tuan Guru Hj. Ali bin Ahmad dikediamannya pada hari Khamis 17.3.2011, beliau menyatakan *Hanut* itu ialah serbuk kuning yang ditaburkan disisi mayat ketika sedang dikafankan, dan *Hanut* juga dikenali sebagai kapur barus.

⁵³⁰ Lafaz niat ketika memandikan mayat jalah :

نوبت الغسل لهذا الميت الله تعالى

Jika mayat itu perempuan :

نوبت الغسل لهذه المنيت لله تعالى

Ertinya, sahaja aku memandikan jenazah (lelaki/perempuan) ini kerana Allah ta'ala.(Ismail Kamus dan Muhsin Azrul Azlen, 2009 : 24).

⁵³¹ Lafaz niat mengambil wuduk untuk mayat terebut ialah :

نوبت الوضوء على هذا الميت لله تعالى

Jika mayat itu perempuan :

نوبت الوضوء على هذه المبتلة تعالى

Ertinya, sahaja aku mengambil wuduk untuk jenazah (lelaki/perempuan) ini kerana Allah ta'ala (Mohd Khairi, 2000 : 47).

2. Orang gila.
3. Orang kafir.
4. Perempuan yang sedang dalam haid dan nifas.
5. Para golongan jin.

Para malaikat tidak boleh memandikan manusia yang telah mati kerana mereka tidak dijatuhan hukum taklif.⁵³² Para malaikat hanya dibolehkan melakukan upacara mengapangkan dan menanam mayat manusia yang telah meninggal dunia. Jika mayat itu ditanam tanpa dimandikan terlebih dahulu, adalah wajib digali semula kemudian dimandikan mayat tersebut. Jika mayat tersebut memang ditanam tanpa dikapangkan atau tanpa disembahyangkan, maka kuburnya tidak boleh digali semula. Sembahyang hanya boleh dilakukan di atas kuburnya sahaja.

Jika berlaku masalah ketika hendak mandi mayat dengan sebab ketiadaan air; mayat tersebut mati terbakar hingga rentung dan jika dimandikan akan gugur kulit serta dagingnya, ketiadaan orang perempuan untuk memandikan mayat tersebut dan yang ada hanya lelaki *ajnabi* (orang asing yang bukan mahramnya) atau sebaliknya, maka hendaklah ditayatumkan mayat tersebut lalu disembahyangkannya. Jika ada najis pada badan mayat yang tidak boleh dimaafkan atau sukar untuk menghilangkannya seperti terdapat najis di bawah kulit kemaluan yang payah untuk dibersihkannya bagi kanak-kanak yang belum berkhatan, menurut pendapat Syekh Ibnu Hazar, hendaklah ditayatumkan mayat tersebut lalu disembahyangkan. Namun bagi Syekh Ramli, mayat itu tidak boleh ditayatum dan hendaklah ditanam tanpa disembahyangkan.

⁵³² Temubual bersama Ustaz Wan Hafiz bin Wan Salleh pada hari ahad 27.03.2011.

Jika setelah memandikan mayat dan dikapangkan didapati keluar najis melalui kemaluannya, mengikut pendapat Syekh Ibnu Hajar dan Syekh Ramli, najis itu hendaklah dibersihkan. Walau bagaimanapun menurut ijma' ulama pula, najis tersebut tidak wajib dibersihkan sekalipun najis tersebut berlumuran dengan kain kapannya. Ini kerana sekurang-kurang kain kafan itu dapat menutupi aurat mayat atau seluruh badannya.⁵³³ Kain yang pertama ialah hak Allah S.W.T, kain yang kedua ialah hak mayat tersebut, dan kain yang selebihnya ialah hak para warisnya.

Selain daripada sehelai kain, yang lain ialah hak warisnya. Ini bermakna duit untuk membeli kain kafan menjadi harta peninggalan si mati kepada warisnya bagi difaraidkan setelah selesai pengurusan jenazah termasuklah membeli kain kafan untuk mayat.

Yang lebih *afdal* dalam mengapangkan mayat sama ada lelaki dan perempuan adalah seperti yang :

1. Dikapangkan mayat lelaki⁵³⁴ dengan tiga helai kain yang bersamaan lebar dan panjang yang boleh menutupi seluruh badannya serta harus dipakaikan baju serta seban. kecuali jika mayat tersebut berada dalam ihram.⁵³⁵ Oleh itu, semuanya berjumlah lima helai.

⁵³³ Tujuan mengkafarkan mayat dengan sehelai kain itu ialah :

1. Mengkafan mayat dengan sehelai kain itu adalah tuntutan daripada hak Allah S.W.T.
2. Dengan sehelai kain itu juga menjadi hak mayat tersebut untuk dikafarkan dengan harta yang dimilikinya.

⁵³⁴ Sama ada kanak-kanak atau orang dewasa.

⁵³⁵ Kenyataan ini terdapat juga dalam kitab al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu.(Al-Zuhaili, jilid 2, 2006 : 1501).

2. Dikapankan mayat perempuan dan khunsa⁵³⁶ dengan lima lapis kain. Dua helai daripadanya menutupi sekalian badannya untuk yang luar, satu lapis lagi untuk kain sarung, satu lapis untuk baju dan satu lapis lagi untuk tudung atau telekung.⁵³⁷ Jika tidak dilakukan dengan lima lapis kain, maka bolehlah dikapankan seperti mayat orang lelaki dengan tiga helai kian.

Adalah makruh jika melebihi lima lapis kain, misalnya memakaikan mayat tersebut dengan seluar atau yang lainnya. Makruh juga dikapankan mayat tersebut dengan kain yang mahal. Sekiranya ada waris yang terhalang daripada membelanjakan harta peninggalan si mati atau ada waris yang hilang, maka dilarang dan haram menggunakan wang si mati untuk mengapangkan mayat tersebut dengan kain yang mahal. Jika sebaliknya, itu tidak mengapa. Selain itu, disunatkan agar ditaburkan serbuk cendana (*hanut* iaitu kapur barus) di atas kain yang dibentangkan dan di atas kapas yang berada di atas jenazah di samping meletakkan bau-bauan seperti kapur barus dan serbuk kayu cendana serta lainnya yang digaul dengan kapas serta ditutupkan segala lubang yang terdapat pada diri mayat dan segala anggota sujud serta sendi-sendi mayat tersebut.⁵³⁸

4.32.4 Rukun sembahyang mayat

(Bermula rukun sembahyang mayat itu tujuh perkara :

⁵³⁶ Sama ada kanak-kanak ataupun yang telah baligh.

⁵³⁷ Perbincangan ini juga dibahaskan dalam kitab Pengurusan Jenazah, sila lihat perbincangan lebih lanjut di dalam buku Pengurusan Jenazah oleh Mohd Khairi, 2000 : 76.

⁵³⁸ Perbahasan yang sama dibahaskan dalam kitab Pengurusan Jenazah.(Mohd Khairi, 2000 : 81).

1. Pertamanya niat dengan hati dan wajib diserta akan dia dengan takbir yang pertama dan wajib padanya niat fardu jika yang sembahyang itu kanak-kanak yang mumaiyyiz dan perempuan sekalipun. Kerana gugur fardu dengan keduanya pada ketika ketiadaan laki-laki yang baligh tetapi yang gugur fardu dengan perempuan itu pada ketiadaan kanak-kanak laki-laki yang mumaiyyiz. Dan tiada wajib *ta'yin*⁵³⁹ mayat dengan namanya atau dengan laki-laki dan perempuan. Dan jika *dita'yin* akan dia dan tersalah ia padanya dan tiada isyarat kepadanya dengan kata ini mayat umpamanya, maka tiada sah sembahyangnya. Inilah lafaz niatnya :

أَصْلَى عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرْضَ الْكَفَايَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku sembahyang atas mayat ini empat takbir fardu kifayah kerana Allah ta'ala. Dan wajib bagi maknum niat mengikut imam atau niat berjamaah dengan imam.

2. Rukun keduanya berdiri betul bagi yang kuasa berdiri jika yang sembahyang itu kanak-kanak dan perempuan sekalipun.
3. Rukun ketiganya empat takbir dan sunat angkat dua tangan padanya seperti yang diangkat pada takbiratulihram juga. Dan jika melebih ia daripada empat takbir jika dengan sengaja sekalipun maka tiada batal sembahyangnya selama-lama tiada iktikad ia akan batalnya dengan dia dan tiada membawa kepada berturut-turut angkat dua tangannya.
4. Rukun keempatnya membaca *fatihah* dan yang *afdalnya* dibaca akan dia kemudian daripada takbir yang pertama. Dan harus dibaca akan dia pada takbir yang kedua dan yang ketiga dan yang keempat dan tiada wajib tertib

⁵³⁹ تعین iaitu menentukan.(Al-Jailani, 1988 : 882).

antaranya dan antara zikir yang pada segala takbir itu melainkan salam, maka iaitu wajib tartib antaranya dan *fatihah*.

5. Rukun yang kelimanya selawat atas Nabi S.A.W kemudian daripada takbir yang kedua sekurang-kurangnya :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Dan yang terlebih *akmal*⁵⁴⁰nya iaitu selawat ibrahimiah yang dibaca akan dia pada tahiyyat akhir.

6. Rukun yang keenamnya doa bagi mayat kemudian daripada takbir yang ketiga. Dan disyaratkan padanya itu doa yang bangsa akhirat dan ditentu akan dia bagi mayat yang kita sembahyangkan atasnya sekurang-kurangnya :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَاعْفُ عَنْهُ وَأَكْرَمْ نِزْلَهُ
وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالبَرَدِ وَنَفْهِ مِنْ خَطَايَاهُ كَمَا يُنْقَى التَّوْبُ الْأَبِيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهُ دَارًا
خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَأَعْدِهُ مِنْ عَذَابِ الْقَفْرِ وَفَتْنَتِهِ وَمِنْ
عَذَابِ النَّارِ .⁵⁴¹

7. Rukun yang ketujuh memberi salam iaitu tertentu ia kemudian daripada takbir yang akhir. Dan sunat dibaca dahulu daripada salamnya :

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَقْبِلْنَا بَعْدَهُ وَأَغْفِرْ لَنَا وَلَهُ وَلَا خُوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غُلَامًا لِلَّذِينَ
آمُوا رَبَّنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .⁵⁴²

⁵⁴⁰ اكمal iaitu yang lebih sempurna.(Al-Jailani, 1988 : 1054)

⁵⁴¹ Ertinya, ya Allah ampunilah dia dan rahmatilah dia, afiatkanlah dia dan ampunilah dia. Muliakanlah tempat persinggahannya dan luaskanlah tempat masuknya. Basuhkanlah dia dengan air, salji dan embun. Sucikanlah dia daripada segala kesalahan sebagaimana disucikan pakaian putih daripada sagala kekotoran. Gantikanlah rumuahnya dengan rumah yang lebih baik. Ahli keluarganya dengan ahli keluarga yang lebih baik dan pasangannya dengan pasangan yang lebih baik.

Masukkanlah dia ke dalam syurga dan peliharalah dia daripada fitnah kubur dan azab api neraka.

⁵⁴² Ertinya, ya Allah jaganlah Engkau menghalang kami daripada mendapat pahalanya dan janganlah kami terfitnah selepas kematiannya. Ampunilah kami dan ampunilah dia dan saudara-saudara kami

Bermula sekurang-kurang tanam akan dia di dalam satu lubang yang menegah ia akan zahir bau pecah-pecah mayat itu dan menegah ia akan dibongkar oleh binatang yang buas. Bermula yang *akmalnya* iaitu diluas akan kuburnya dan di dalam akan dia kadar seperunjungnya. Dan berliang *lahad*⁵⁴³ itu *afdal* daripada *syaq*⁵⁴⁴ jika keras bumi itu dan jika gembur ia maka *afdal syaq* daripada *lahad*.

Maka liang *lahad* iaitu digali di bawah rusuk kubur yang pada pihak kiblat kadar luas baring mayat di dalamnya. Dan *syaq* itu iaitu digali pada pertengahan kubur seperti parit kadar luas baring mayat di dalamnya juga. Dan wajib dibaring akan mayat itu di dalam keduanya. Dan wajib memperhadap akan mukanya dan dadanya kepada kiblat kemudian ditutup akan keduanya itu dengan papan atau lainnya. Dan dikambus akan kuburnya itu dengan tanah. Dan sunat membaca talkin ertinya mengajar akan mayat kemudian daripada sempurna tanamnya).

Penjelasan

Rukun sembahyang jenazah itu ada tujuh perkara,⁵⁴⁵ iaitu:

1. Niat dalam hati dan wajib disertakan bersama takbir yang pertama serta niat fardu kifayah walaupun jika dilakukan oleh kanak-kanak yang mumaiyyiz atau perempuan. Kanak-kanak lelaki yang mumaiyyiz dan perempuan wajib

yang beriman mendahului kami. Wahai Tuhan kami Engkaulah yang maha belas kasihan lagi maha penyayang.

⁵⁴³ لَدُّنْ iaitu menanam orang yang telah meninggal dunia. Sama erti juga dengan دُفْنٌ.(Al-Jailani, 1988 : 1076)

⁵⁴⁴ مَسْقُوفٌ iaitu digali tengah-tengah kubur seperti parit yang kadarnya itu seperti tubuh mayat.(Al-Jailani, 1988 : 696)

⁵⁴⁵ Kenyataan ini terdapat juga dalam kitab *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*.(Al-Zuhaili, jilid 2, 2006 : 1519).

melakukan sembahyang jenazah jika tidak ada lelaki baligh di dalam sebuah kampung itu manakala orang perempuan wajib menunaikan sembahyang jenazah jika tidak terdapat kanak-kanak lelaki yang mumaiyyiz di dalam sesebuah kampung tersebut.⁵⁴⁶ Tidak diwajibkan (*ta'yin*) menentukan jenazah dengan menyebut namanya atau menentukan jenazah itu lelaki ataupun perempuan. Ini kerana jika ditentukan jenazah itu perempuan ketika niat, namun tiba-tiba nyata yang disembahyangkan itu jenazah lelaki, maka sembahyangnya itu terbatal. Memadailah dengan menyebut “sahaja aku sembahyang ke atas mayat ini”.⁵⁴⁷

Lafaz niat sembahyang jenazah :

أَصْلَى عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فِرْضَ الْكِفَايَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang atas mayat lelaki ini empat takbir fardu kifayah kerana Allah ta’ala.⁵⁴⁸

⁵⁴⁶ Kenyataan ini terdapat juga dalam kitab *al-Majmuk Syarh al-Muhazzab* oleh Muhammad Najib al-Muti’i.(Al-Muti’i, 2006, jilid 5 : 121-122).

⁵⁴⁷ Perbincangan ini terdapat dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*.(Al-Banjari, 1343H : 74).

⁵⁴⁸ Lafaz niat sembahyang jenazah perempuan :

أَصْلَى عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فِرْضَ الْكِفَايَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang atas mayat perempuan ini empat takbir fardu kifayah kerana Allah ta’ala.

Bagi maknum hendaklah niat mengikut imam atau niat berjemaah dengan imam. Hanya ditambah sahaja iaitu mengikut imam.

Lafaz niat sembahyang jenazah kanak-kanak lelaki :

أَصْلَى عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ الطَّفَلُ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فِرْضَ الْكِفَايَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya, Sahaja aku sembahyang atas mayat kanak-kanak lelaki ini empat takbir fardu kifayah kerana Allah ta’ala.

Lafaz niat sembahyang jenazah kanak-kanak perempuan :

أَصْلَى عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ الطَّفَلَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فِرْضَ الْكِفَايَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang atas mayat kanak-kanak perempuan ini empat takbir fardu kifayah kerana Allah ta’ala.

Lafaz niat untuk orang yang tidak mengetahui jenazah itu lelaki atau perempuan ialah :

أَصْلَى عَلَى مَنْ صَلَى عَلَيْهِ إِلَمَانٌ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فِرْضَ الْكِفَايَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang atas mayat ini seperti yang diniatkan atau yang disembahyangkan oleh imam empat takbir fardu kifayah kerana Allah ta’ala.

2. Berdiri betul bagi yang mampu untuk berdiri sama ada orang yang menyembahyangkan jenazah itu kanak-kanak mahupun perempuan.
3. Empat kali takbir dan disunatkan mengangkat tangan ketika takbir seperti takbiratulihram. Jika seseorang melebihkan takbir sehingga lima kali walaupun dengan sengaja, sembahyangnya tidak batal, kecuali dia iktikad atau yakin bahawa perbuatannya itu boleh menyebabkan terbatalnya sembahyangnya atau takbir yang kelima itu berturut-turut dengan sengaja dia lakukan yang boleh membawa kepada batal sembahyangnya.
4. Membaca *fatihah* dan lebih *afdal* jika dibaca selepas takbir pertama. Jika dibaca pada takbir kedua, ketiga atau keempat, hukumnya ialah harus dan tidak membawa kepada batal sembahyangnya. Antara takbir dan membaca *fatihah* atau zikir-zikir lain tidak diwajibkan tertib. Yang wajib tertib adalah pada takbir yang pertama dan salam sahaja, iaitu bermula daripada takbir yang pertama, kedua, ketiga dan keempat kemudian salam .
5. Selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W selepas takbir yang kedua. Selawat ke atas Nabi sekurang-kurangnya ialah :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Yang lebih *afdal* ialah selawat Ibrahimiah yang dibaca ketika tahiyyat akhir.⁵⁴⁹

6. Membaca doa kepada mayat pada selepas takbir ketiga. Doa itu hendaklah menepati syaratnya, iaitu berdoa kepada mayat tersebut untuk kebahagiaannya di akhirat. Bacaan doa bagi mayat tersebut ialah :

⁵⁴⁹ Bacaannya seperti berikut :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ

atau

اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ

Namun, yang paling sempurna ialah :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَاعْفُ عَنْهُ وَأَكْرَمْ نُزُلَّهُ وَوَسْعَ مَدْخَلَهُ وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالبَرَدِ وَنَفْهُ مِنْ خَطَايَاهُ كَمَا يُنْفِي التَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَأَعْدُهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفَتَّتْهُ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ .

7. Memberi salam yang pertama, iaitu selepas sahaja takbir yang keempat (terakhir) serta sunat membaca doa sebelum memberi salam dengan doa yang tersebut:

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَقْبِنَا بَعْدَهُ وَاجْفِرْ لَنَا وَلَهُ وَلَا حُوَانَّا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِاللَايْمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلَّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

Dalam hal menanam mayat pula,⁵⁵⁰ kubur bagi mayat itu ialah satu lubang yang dapat menghalang bau mayat serta dapat melindunginya daripada dibongkar oleh binatang buas. Seelok-eloknya lubang kubur hendaklah luas dan dalam sekadar untuk mayat tersebut dan lebih baik liang lahadnya liang kembal budi (*syaq*). Sekiranya tanah itu keras serta sukar untuk digali, lebih baik digalikan di tengah-tengah kubur

⁵⁵⁰ Cara meletakkan mayat di dalam kubur ialah :

1. Hendaklah mayat itu dimasukkan dengan menghulurkan kepalanya ke dalam.
2. Disambut oleh tiga orang yang menanti di dalamnya.
3. Baringkan di atas lambung kanan serta menghadap kiblat.
4. Ditutup liang lahad atau liang kembal budi itu dengan papan atau yang seumpama dengannya.
5. Serta yang terakhir dikampus mayat tersebut.(Temu bual bersama Tuan Guru Haji Ali bin Ahmad pada 21/02/2010M, di rumah beliau Jalan Pegawai belakang Maktab Mahmud Alor Setar Kedah. Beliau adalah pesara guru).

seperti parit yang kadarnya itu seperti tubuh mayat, iaitu kembal budi (*syaq*), daripada dibuat liang lahad.

(Maka liang *lahad* iaitu digali di bawah rusuk kubur yang pada pihak kiblat kadar luas baring mayat di dalamnya. Dan *syaq* itu iaitu digali pada pertengahan kubur seperti parit kadar luas baring mayat di dalamnya juga. Dan wajib dibaring akan mayat itu di dalam keduanya. Dan wajib memperhadap akan mukanya dan dadanya kepada kiblat kemudian ditutup akan keduanya itu dengan papan atau lainnya. Dan dikambus akan kuburnya itu dengan tanah. Dan sunat membaca talkin ertinya mengajar akan mayat kemudian daripada sempurna tanamnya).

Penjelasan

Liang lahad bermaksud dikorek ke arah kiblat seluas dengan badan mayat daripada tepi kubur, manakala liang kembal budi pula (*syaq*) bermaksud dibentuk satu lubang kecil di tengahnya seperti parit seluas badan mayat di sebelah bawah kubur. Selain itu, wajib dibaringkan mayat ke dalam mana-mana yang patut daripada kedua-dua lubang tersebut. Wajib juga menghadapkan muka dan dada mayat ke arah kiblat serta ditutup liang lahad atau liang kembal budi itu dengan papan atau yang seumpamanya lalu dikambus kubur itu dengan tanah. Malah disunatkan juga dibaca talkin kepada si mayat, iaitu memberi peringatan kepada si mati⁵⁵¹ selepas daripada upacara pengebumian.

⁵⁵¹ Terutamanya peringatan kepada yang masih hidup agar beramal untuk menuju ke alam kubur (Mohd Khairi, 2000 : 138).

4.32.5 Menziarahi kubur orang Islam

(نبیه) Dan sunat ziarah kubur orang Islam bagi segala laki-laki dan makruh bagi perempuan dan sunat memberi salam atas mereka itu dengan katanya :

السَّلَامُ عَلَى أَهْلِ الدَّارِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى بِكُمْ لَا حُفُونَ أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمُ الْعَافِيَةَ⁵⁵²

Dan sunat bagi kita yang hidup membanyak membaca doa dan bersedekah dan bagai-bagai kebijakan hadiahkan pahalanya kepada segala mayat karabat kita dan lainnya daripada segala muslimin kerana sekeliannya mereka itu sangat berhajat kepada doa orang yang hidup. Demikianlah yang disebut akan dia daripada beberapa hadis Nabi S.A.W). والله أعلم

Penjelasan

Hukum bagi orang lelaki menziarahi kubur ialah sunat, namun makruh bagi orang perempuan. Selain itu, disunatkan memberi salam ke atas penghuni kubur dengan ucapan salam seperti berikut:

السَّلَامُ عَلَى أَهْلِ الدَّارِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى بِكُمْ لَا حُفُونَ أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمُ الْعَافِيَةَ

Orang yang hidup disunatkan banyak berdoa kepada si mayat, bersedekah dengan pelbagai kebijakan kemudian dihadiahkan pahala tersebut kepada kaum kerabat yang seagama (Islam) yang telah meninggal dunia. Ini kerana mereka sangat berhajat doa

⁵⁵² Ertinya, salam sejahtera ke atas penghuni kubur di kalangan orang-orang Islam. Sesungguhnya kami juga akan turut serta bersama kamu suatu hari nanti insyaAllah. Aku mohon kepada Allah S.W.T agar Allah S.W.T mengampun dosa-dosa kami dan kamu sekalian .

dari pada orang yang hidup memandangkan ada hadis yang menggalakkan manusia berbuat demikian.⁵⁵³

Bab al-Zakat

(بَابُ الزَّكَاةِ)

4.33 Bab zakat

4.33.1 Dalil al-Quran tentang zakat

1. FIRMAN ALLAH S.W.T

(Ini suatu bab pada menyatakan zakat firman Allah ta'ala :

وَوَيْلٌ لِلْمُشْرِكِينَ الَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ الزَّكَاةَ.⁵⁵⁴

Ertinya bermula siksa neraka itu bagi segala musyrikin yang tiada memberi mereka itu akan zakat.

Maka menama Allah ta'ala akan mereka itu yang tiada memberi zakat itu dengan musyrikin. Dan lagi firmannya :

وَلَا يَحْسِبَنَّ الَّذِينَ يَيْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيِطُوقُونَ مَا بَخْلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

⁵⁵⁵.

⁵⁵³ Hadis tersebut berbunyi seperti berikut :

اسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ وَسُلُّوا لَهُ التَّشْبِيهَ فَإِنْهُ الْآنَ يَسْأَلُ

Maksudnya, minta ampunlah sekalian kamu kepada saudara kamu yang telah meninggal dunia dan mintalah kepada Allah S.W.T supaya dia senang menjawab soalan di dalam kubur kerana dia sekarang sedang ditanya oleh malaikat (Sunan Abi Daud, kitab al-janaiz, bab Istighfar ‘Inda al-Qabri lil mayyit dan Bulugh al-Muram, kitab al-janaiz, bab istaghfiru li akhikum).

⁵⁵⁴ Fussilat : 41 : 6-7

إلى آخر الآية .

Ertinya dan jangan engkau sangka akan segala mereka yang bakhil mereka itu dengan barang yang mendatang akan mereka itu oleh Allah daripada kurniaNya daripada beberapa harta akan kebajikan bagi mereka tetap, iaitu jadi kejahatan bagi mereka itu lagi akan direlang⁵⁵⁶ pada leher mereka itu dengan dia pada hari kiamat, hingga akhir ayat. Dan lagi firmanNya :

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْدَّهَبَ وَالْفَضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعِذَابٍ أَلِيمٍ⁵⁵⁷

Ertinya bermula segala mereka yang menaruh mereka itu akan emas dan perak dan tiada manfaat mereka itu akan dia pada suruh Allah, ertinya tiada diberinya zakat maka ceritakan olehmu ya Muhammad akan mereka itu dengan seksa yang amat sakit).

Penjelasan

Ini suatu perbahasan tentang zakat.⁵⁵⁸

Firman Allah S.W.T tentang zakat :

⁵⁵⁵ Ali Imran : 3 : 180

⁵⁵⁶ Relang iaitu lingkaran daripada rotan dan lain-lain seperti yang dipasang pada tenguk kambing. (Noresah, 2005 : 1307)

⁵⁵⁷ Al-Taubah : 9 : 34

⁵⁵⁸ Zakat dari segi bahasa bererti bersih dan suci.(Al-Mursofi, 2007, jilid 2 : 3). Ia membawa makna pembersihan dan kesuburan, kerana dengan mengeluarkan zakat. Maka harta pencarian dan simpanan menjadi bersih. Bersih daripada sesuatu yang haram dimiliki iaitu hak-hak orang lain yang telah diwajibkan kita mengeluarkannya serta hasil pencarian dan pendapatan tersebut akan diberkati oleh Allah S.W.T.

Dari segi syarak pula, zakat bermakna mengeluarkan sebahagian harta atau hak milik kepada mereka yang layak menerimanya dengan kadar yang tertentu setelah mencukupi *nisabnya* dan sampai masanya satu tahun atau setelah sempurna menuai bagi tanam-tanaman.(Al-Khatib al-Syarbini, 1994, jilid 2 : 62 dan Mahmud Syaltut, 2004 : 106). Dan telah difardukan mengeluarkan zakat ini pada bulan Sya'ban tahun kedua hijrah.(Hindawi, 2009, jilid 1 : 1015).

Orang yang mampu dan cukup hartanya setiap tahun wajib mengeluarkan zakat. Sebaliknya orang Islam yang tidak cukup hartanya satu *nisab*, tidak wajib baginya mengeluarkan zakat.

1. وَوَيْلٌ لِلْمُشْرِكِينَ الَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ الزَّكَاةَ.

Ertinya: Dan ingatlah, kecelakaan besar bagi orang-orang yang mempersekuatkan Allah S.W.T dengan sesuatu yang lain, iaitu orang-orang yang tidak memberi zakat untuk membersihkan jiwa dan harta benda mereka.⁵⁵⁹

Firman Allah S.W.T lagi tentang kewajiban mengeluarkan zakat:

2. وَلَا يَحْسِنَ الَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيِطُوقُونَ مَا بَخْلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Ertinya: Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada mereka daripada sifat kemurahan Allah itu, menyangka bahawa keadaan sifat bakhil mereka itu baik bagi mereka. Bahkan sifat bakhil itu adalah seburuk-buruk sifat bagi mereka. Mereka akan diseksa dengan sifat bakhil mereka di hari akhirat kelak.

Fiman Allah S.W.T lagi tentang perihal zakat ini.

3. وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الدَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ.

Ertinya: Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak, mereka tidak membelanjakan harta tersebut ke jalan Allah S.W.T , maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan azab seksa yang tidak terperi sakitnya di akhirat kelak.

4.33.2 Dalil daripada hadis Nabi tentang zakat

⁵⁵⁹ Di dalam ayat di atas Allah s.w.t menyebut orang-orang yang tidak mengeluarkan zakat, mereka ini seperti orang-orang yang musyrikin.

(Dan sabda Nabi S.A.W :

مَا مِنْ أَحَدٍ لَا يُؤْدِي زَكَّةَ مَالِهِ إِلَّا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شُجَاعًا مِنْ نَارٍ فَتُكَوَى بِهَا جَبَّهَةُ وَجَبَّهَةُ وَظَهَرَةُ إِلَى آخِرِهِ⁵⁶⁰

Ertinya tiada daripada seorang yang tiada memberi ia akan zakat hartanya melainkan datanglah ia pada hari kiamat akan ular daripada api neraka maka dicucuk dengan dia akan ubun-ubunnya dan rusuknya dan belakangnya hingga akhir hadis.

Dan lagi sabdanya :

مَا تَلَفَّ مَالٌ فِي بَرٍْ وَلَا بَحْرٍ إِلَّا بَحْسَ الرَّزْكَةِ مَانِعُ الزَّكَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي النَّارِ⁵⁶¹

Ertinya, tiada binasa harta pada daratan dan pada laut melainkan dengan sebab ditegah akan zakat daripadanya. Bermula orang yang menegah zakat pada hari kiamat di dalam neraka. Dan lagi sabdanya :

مَا مَنَعَ قَوْمَ الرَّزْكَةِ إِلَّا حَبَسَ اللَّهُ عَنْهُمُ الْقَطْرَ مِنَ السَّمَاءِ⁵⁶².

⁵⁶⁰ Hadis ini telah diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud' r.a. Hadis tersebut telah dijelaskan oleh al-Nasa'i di dalam kitabnya *Sunan al-Nasa'i*.(al-Nasa'i, 2008, jilid 5 : 14). Hadis ini juga terdapat di dalam kitab *Sunan Ibnu Majah*.(Ibnu Majah, 2009, jilid 2 : 369). Seterusnya al-Tarmizi di dalam kitabnya *Sunan al-Tarmizi*.(al-Tarmizi, 2005, jilid 5 : 14). Al-Albani telah menerangkan di dalam kitabnya *Sohih al-Targhib*, bahawa hadis ini adalah Hadis Sohih.(al-Albani, t.th : 756). Dan al-Munziri menjelaskan di dalam kitabnya *al-Targhib wa al-Tarhib*, bahawa hadis ini sanadnya adalah Sohih.(al-Munziri, t.th : 26).

Pengkaji meniliti matan (taks) hadis ini dimulai dengan kalimah sahaja. Adapun kalimah pengkaji tidak dapat di dalam mana-mana kitab hadis. Hanya yang terdapat selepas kalimah disusuli dengan kalimah

إِلَّا مِثْلُهِ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ شُجَاعًا أَقْرَعَ حَتَّى يَطْوُفَ بِهِ عَنْهُ . Matan yang ditulis oleh Tuan Husein Kedah seperti di atas, pengkaji tidak mendapatinya di dalam sepanjang kajian ini.

⁵⁶¹ Hadis ini telah diriwayatkan oleh Umar bin al-Khattob r.a. Hadis tersebut telah dijelaskan oleh al-Munziri di dalam kitabnya *al-Targhib wa al-Tarhib*, bahawa hadis ini adalah Hadis Mungkar (daif).(al-Jauzi, 1993, jilid 2 : 225). Dan al-Albani di dalam kitabnya *Silsilah al-Ahadiyah al-Doifah Wa al-Maudu'*, bahawa hadis ini adalah Hadis Mungkar (daif).(al-Albani, 1992, jilid 2 : 45). Demikian juga telah dinukilkan oleh al-Albani di dalam kitab beliau *Silsilah al-Ahadiyah al-Doifah Wa al-Maudu'*, bahawa al-Tibrani menyatakan di dalam kitabnya *al-Awsat*, bahawa hadis ini adalah hadis daif.

Pengkaji meniliti matan (taks) hadis ini dimulai dengan kalimah sahaja. Adapun kalimah pengkaji tidak dapat di dalam mana-mana kitab hadis. Hanya yang terdapat kalimah tersebut berhenti pada مَانِعُ الزَّكَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي النَّارِ . Matan yang ditulis oleh Tuan Husein Kedah seperti di atas, pengkaji tidak mendapatinya di dalam sepanjang kajian ini.

Ertinya tiada menegah satu kaum akan zakat melainkan menegah oleh Allah daripada mereka itu akan ujan⁵⁶³ daripada langit.

Dan lagi sabdanya tiada mengetahui satu kaum akan janji Allah dengan mengerja yang disuruh dan menjauh yang ditegah melainkan mengerasi⁵⁶⁴ Allah ta'ala atas mereka itu dengan seteru mereka itu dan tiada menghukum mereka itu dengan yang lain daripada hukum Allah ta'ala melainkan merata ia pada mereka itu akan penyakit mati. Dan tiada menegah mereka itu akan zakat melainkan ditegah akan mereka itu ujan dan tiada mengurang mereka itu akan sukatan dan timbangannya melainkan ditahan daripada mereka itu tumbuh-tumbuhan dan diseksa mereka itu dengan kemarau dan lapar.⁵⁶⁵

Dan lagi sabdanya jikalau tiada beberapa orang yang muda-muda itu khusyuk bagi Allah ibadat mereka itu dan tiada segala binatang itu menuntut makanan pada segala padang-padang dan tiada beberapa orang tua-tua itu berbuat ibadat akan Allah dan

⁵⁶² Hadis ini telah diriwayatkan oleh Buraidah bin al-Hasib al-Aslami r.a. Hadis tersebut telah dijelaskan oleh al-Haitami al-Makki di dalam kitabnya *al-Zawajir*, bahawa hadis ini adalah Hadis Sohih.(al-Haitami al-Makki, t.th, jilid 1 : 170).

Pengkaji meniliti matan (taks) hadis ini dimulai dengan kalimah *ما منع قوم الزكاة إلا حبس الله عذبهم القطر من السماء*. Sedangkan pengkaji mendapati matan tersebut tidak menyebut hanya terhenti pada kalimah *ما منع قوم الزكاة إلا حبس الله عذبهم القطر* sahaja. Matan yang ditulis oleh Tuan Husein Kedah seperti di atas, pengkaji tidak mendapatinya di dalam sepanjang kajian ini.

⁵⁶³ Ujan iaitu hujan.(Noresah, 2007 : 1757)

⁵⁶⁴ Mengerasi iaitu memaksa, menggagahi atau bertindak (bersikap) keras kepada seseorang.(Noresah, 2007 : 754)

⁵⁶⁵ Sepanjang kajian, pengkaji tidak menemui matan hadis yang sebenarnya. Hanya yang penulis dapat matan hadis yang berbunyi :

ما نقص قوم العهد قط إلا كان القتل بينهم ولا ظهرت الفاحشة في قوم قط إلا سلط الله عليهم الموت ولا منع قوم الزكاة إلا حبس الله
عذبهم القطر

Ertinya, Tidaklah suatu kaum mengingkari janji mereka melainkan akan ada pembunuhan di antara mereka. Tidaklah nampak perbuatan keji di tengah-tengah suatu kaum melainkan Allah akan menimpakan kematian pada mereka. Dan tidaklah suatu kaum enggan mengeluarkan zakat melainkan Allah akan menahan hujan untuk mereka. Hadis Buraidah bin al-Hasib al-Aslami ini sanadnya sangat baik. Telah dijelaskan oleh al-Zahabi di dalam kitabnya *al-Muhazzab*.(al-Zahabi, t.th, jilid 7 : 3805). Dan terdapat juga di dalam kitab *al-Targhib wa al-Tarhib*, bahawa hadis ini sanadnya adalah baik.(al-Munziri, t.th, jilid 3 : 270). Matan yang ditulis oleh Tuan Husein Kedah seperti di atas, pengkaji tidak mendapatinya di dalam sepanjang kajian ini.

tiada segala kanak-kanak yang kecil itu meminun air susu nescaya dicurah atas kamu itu seksa yang amat pedih dengan sebab zalim kamu.⁵⁶⁶

Dan memadalah bagi kamu dengan beberapa ayat dan hadis ini mengkuatkan).

Penjelasan

Antara sabda Nabi Muhammad S.A.W pula tentang perihal zakat:

1. مَا مِنْ أَحَدٍ لَا يُؤْدِي زَكَةَ مَالِهِ إِلَّا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَجَاعًا مِّنْ نَارٍ فَتَكُوَى بِهَا جَبَهَةُ وَجْهِهِ وَظَهِيرَهُ.

Ertinya: Tidaklah bagi mereka yang tidak mengeluarkan zakat itu melainkan di akhirat nanti akan keluar ular daripada api neraka, maka ular itu akan mematuk ubun-ubun kepalanya, rusuknya dan belakangnya.

2. مَا تَلَفَّ مَالٌ فِي بَرٍّ وَلَا بَحْرٍ إِلَّا بَحْسَ الزَّكَاةَ مَانِعُ الزَّكَاةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي النَّارِ.

⁵⁶⁶ Sepanjang kajian ini juga, pengkaji tidak menemui matan hadis yang sebenarnya. Hanya yang penulis dapati matan hadis yang berbunyi :

لَمْ تَنْظِهِ الْفَاحِشَةُ فِي قَوْمٍ قُطُّ حَتَّى يُعْلَمُوا بِهَا إِلَّا فَتَنَاهُمُ الطَّاغُوتُ وَالْأُونَاجُ الَّتِي لَمْ تَكُنْ مَضَتْ فِي أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا وَلَمْ يَنْتَصِرُوا الْمُكَيَّلُ وَالْمَيْزَانُ إِلَّا أَخْدُوا بِالسَّيِّئِينَ وَشَدَّدَ الْمُؤْنَةُ وَجَرَّ السُّلْطَانُ عَلَيْهِمْ وَلَمْ يَمْتَهُوا زَكَةً أَمْوَالَهُمُ إِلَّا مُنْعَرُوا الْقَطْرَ مِنَ السَّمَاءِ وَلَوْلَا الْبَهَامُ لَمْ يَنْمِطُرُوا وَلَمْ يَنْتَصِرُوا عَهْدَ اللَّهِ وَعَهْدَ رَسُولِهِ إِلَى سُلْطَانِ اللَّهِ عَلَيْهِمْ عَذْرًا مِنْ غَيْرِهِمْ فَأَخْدُوا بَعْضًا مَا فِي أَتْبِيِّهِمْ وَمَا لَمْ تَحْكُمْ أَنْتُمُ بِكِتابِ اللَّهِ وَيَنْهَا بِرَبِّهِمْ مَمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَى حَلْلِ اللَّهِ بِأَسْهَمِ بَيْتِهِمْ".

Ertinya, tidak akan berlaku perbuatan yang keji pada sesuatu kaum sehingga hal mereka mempamerkannya pada khalayak ramai, maliankan Allah akan sebarkan kepada mereka suatu penyakit ta'un dan kelaparan. Di mana perkara ini tidak pernah berlaku kepada orang yang terdahulu daripada mereka. Dan tidaklah mereka ini mengurangkan sukat dan timbangan melaikan akan ditahan hujan daripada turun, sukar untuk mencari makanan dan pembesar akan melakukan kezalim ke atas mereka. Dan tidaklah mereka enggan mengeluarkan zakat melaikan akan tertahan kepada mereka titisan air daripada langit (hujan), kalau tidaklah ada binatang yang memakan tanaman dan minum air nescaya tidak akan diturunkan air hujan itu. Tidaklah meraka ini mengingkarai janji Allah dan rasulnya melainkan Allah akan mengerasi ke atas mereka itu dengan musuh-musuh yang ada selain daripada mereka. Maka akan mengambilah mereka itu sebahagian yang ada di sisi mereka serta pemerintah mereka pula tidak menghukum dengan kitab al-Quran dan mereka memilih yang lain perkara yang telah dirunkan oleh Allah melainkan Allah akan menjadikan mereka itu kesempitan di dalam kehidupan.(Hadis yang diriwayat oleh Ibnu Majah ini sanadnya juga sangat baik. Dijelaskan di dalam kitab *Sunan Ibnu Majah*.(Ibnu Majah, 2009, jilid 4 : 367). Matan yang ditulis oleh Tuan Husein Kedah seperti di atas, pengkaji tidak mendapatinya di dalam sepanjang kajian ini.

Ertinya: Tidak binasa harta di atas daratan dan di dalam lautan, melainkan dengan sebab mereka tidak mengeluarkan zakat. Dan orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat pada hari kiamat mereka itu tempatnya di dalam api neraka.

. 3. مَا مَنَعَ قَوْمًّا إِلَّا حَبَسَ اللَّهُ عَنْهُمُ الْقَطْرَ مِنَ السَّمَاءِ.

Ertinya: Tiada menegah satu kaum itu daripada mengeluarkan zakat melainkan Allah S.W.T pula akan menahan kepada mereka hujan daripada turun ke bumi.

Sabdanya lagi yang bermaksud:

”Tidaklah mengetahui satu kaum itu janji Allah S.W.T melainkan mereka melakukan apa-apa yang disuruh dan menjauhkan apa-apa yang ditegah oleh Allah S.W.T melainkan Allah ta’ala akan bersikap keras kepada mereka itu dengan musuh mereka, dan tidaklah mereka itu menghukum dengan yang lain daripada hukum Allah ta’ala melainkan Allah S.W.T akan menimpakan kepada mereka itu dengan suatu penyakit yang boleh membawa kepada kematian. Dan tiada menegah mereka itu akan zakat melainkan ditegah akan mereka itu hujan dan tiada mengurang mereka itu akan sukatan dan timbangan melainkan ditahan daripada mereka itu tumbuh-tumbuhan dan diseksa mereka itu dengan kemarau dan lapar”.

Yang terakhir, sabda Nabi Muhammad S.A.W lagi yang bermaksud:

“Jikalau tiada terdapat beberapa orang muda yang sedang khusyuk mereka itu di dalam melakukan ibadat, tidak ada binatang yang sedang berdoa kepada Allah meminta makanan dan minuman, tidak ada orang-rang tua yang sedang berbuat ibadat kepada Allah S.W.T, tidak ada

kanak-kanak yang kecil sedang meminum susu ibunya, nescaya Allah S.W.T akan mencurahkan seksa yang amat dahsyat kerana kezaliman yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia”.

Dengan ayat al-Quran dan hadis yang dipaparkan di atas, memadailah sebagai pedoman kepada semua manusia di dunia ini tentang kepentingan zakat.

4.33.3 Pembahagian zakat

4.33.3.1 Zakat binatang

(فصل) Bermula segala binatang yang wajib zakat padanya itu lima perkara. Iaitu unta dan kerbau dan lembu dan kambing dan biri-biri.

Dan iaitu dengan enam syarat iaitu Islam dan merdeka dan milik yang sempurna dan wujud *nisab* dan binatang yang tiada diperbuat kerja dan *haul* iaitu sempurna tahun).

Penjelasan

Zakat diwajibkan kepada binatang ternakan seperti berikut:

1. Kambing / biri-biri
2. Kerbau / lembu
3. Unta.

Syarat wajib zakat binatang ternakan pula adalah seperti yang berikut:

1. Pemilik ternakan itu beragama Islam.
2. Pemilik ternakan itu hendaklah orang yang merdeka.
3. Binatang ternakan itu mestilah hak miliknya sendiri.
4. Binatang ternakan itu telah sampai *nisab* (cukup kadar yang wajib dikenakan zakat).
5. Binatang ternakan itu tidak digunakan untuk membuat sesuatu pekerjaan seperti membajak sawah dan membuat binatang itu sebagai kenderaan.
6. Binatang ternakan itu hendaklah cukup *haul* (genap setahun).

4.33.3.2 Zakat perbelanjaan

(Bermula segala perbelanjaan yang wajib zakat itu dua perkara iaitu emas dan perak. Dan iaitu dengan lima syarat iaitu Islam dan merdeka dan milik yang sempurna dan wujud *nisab* dan *haul*).

Penjelasan

Barang kemas yang wajib dikenakan zakat itu ialah emas dan perak. Syarat wajib zakat barang kemas pula adalah seperti berikut:

1. Yang memiliki barang kemas itu hendaklah beragama Islam.
2. Pemilik barang kemas itu hendaklah merdeka.
3. Barang kemas itu hendaklah hak miliknya sendiri.
4. Barang kemas itu sampai *nisab* (cukup kadar yang wajib dikenakan zakat),
5. Barang kemas itu genap *haulnya* (genap setahun).

4.33.3.3 Zakat buah-buahan

(Bermula segala buah-buahan yang wajib zakat padanya iaitu dua perkara, iaitu *rutob*⁵⁶⁷ dan ‘*enab*⁵⁶⁸. Dan iaitu dengan lima syarat. Iaitu Islam dan merdeka dan milik yang sempurna dan wujud *nisab* dan baik masak).

Penjelasan

Buah-buahan yang dikenakan zakat itu ialah *rutob*, iaitu buah kurma yang sudah masak sebelum dikeringkan menjadi buah tamar dan buah anggur. Syarat wajib zakat buah-buahan ialah:

1. Pemilik buah-buahan itu beragama Islam.
2. Pemilik buah-buahan itu hendaklah orang yang merdeka.
3. Buah-buahan itu hak miliknya sendiri.
4. Sampai *nisab* (cukup kadar yang wajib dikenakan zakat).
5. Genap *haulnya* (genap setahun).

4.33.3.4 Zakat biji-bijian

⁵⁶⁷ رُطْبَةٌ ertinya buah kurma yang sudah masak sebelum dikeringkan menjadi buah tamar. Rutob buah kurma yang telah masak dan tamar pula buah kurma yang telah pun masak tetapi dikeringkan.(Al-Jailani, 1988 : 530).

⁵⁶⁸ عَنْبَةٌ ertinya buah anggur.(Al-Jailani, 1988 : 870).

(Bermula biji-bijian yang wajib zakat padanya iaitu tiap-tiap biji-bijian yang dapat ditaruh akan dia dan mengenyang ia pada waktu *ikhtiar*⁵⁶⁹, seperti padi dan gandum dan kacang dan lain-lainnya.

Dan iaitu dengan enam syarat iaitu Islam dan merdeka dan milik yang sempurna dan *nisab* dan bahawa ada ia yang ditanam akan dia oleh anak adam dan biji-bijian yang mengeyang ia pada waktu *ikhtiar*).

Penjelasan

Zakat biji-bijian melibatkan makanan asasi yang boleh mengenyangkan seseorang. Biji-bijian tersebut yang diwajibkan zakat ialah padi, gandum, kacang dan lain-lain.⁵⁷⁰ Syarat wajib zakat pada biji-bijian adalah seperti berikut:

1. Pemilik itu beragama Islam.
2. Merdeka.
3. Biji-bijian itu adalah hak miliknya sendiri.
4. Sampai *nisab* (cukup kadar yang wajib dikenakan zakat).
5. Biji-bijian itu hendaklah yang ditanam oleh manusia.
6. Biji-bijian itu menjadi makanan asasi dan mengenyangkan.⁵⁷¹

4.33.3.5 Zakat perniagaan

⁵⁶⁹ اختیار ialitu yang dikehendaki oleh seseorang.(Al-Jailani, 1988 : 430).

⁵⁷⁰ Seperti kacang soya, jagung, kacang tanah, kacang putih, kacang kuda dan sebagainya.

⁵⁷¹ Serta biji-bijian itu tahan apabila disimpan.

(Bermula harta perniagaan iaitu wajib zakat padanya dengan enam syarat iaitu Islam dan merdeka dan milik yang sempurna dan *nisab* dan *haul* dan dimiliki akan dia dengan *mu'awadah*⁵⁷²).

Penjelasan

Zakat perniagaan itu wajib dikenakan zakat. Antara syarat yang wajib dikenakan zakat itu ialah :

1. Pemiliknya beragama Islam.
2. Merdeka.
3. Perniagaan itu hak miliknya sendiri.
4. Sampai *nisab* (cukup kadar yang wajib dikenakan zakat).
5. Genap *haulnya* (genap setahun).
6. Niat untuk menjalankan perniagaan.⁵⁷³

4.33.3.6 Zakat fitrah

(Bermula wajib zakat fitrah itu dengan empat syarat iaitu Islam dan merdeka dan dapat ia akan akhir Ramadan dan awal syawal dan dapat akan makanan yang hendak difitrahkan dengan dia. Iaitu yang lebih daripada makanan dirinya dan makanan orang yang wajib atasnya nafkahnya.

⁵⁷² معارضة ialah ganti atau tukar.(Al-Jailani, 1988 : 878)

⁵⁷³ Harta yang dimiliki oleh seseorang itu jika digunakan untuk membeli kereta kemudian dia niat untuk membuat perniagaan dengan kereta tersebut, maka kereta itu juga perlu dikeluarkan zakat apabila cukup (*haul*) genap setahun. Temu bual bersama Ustaz Wan Hafiz bin Wan Salleh pada hari ahad 27.3.2011.

Dan jika berkehendak engkau akan *tafsil*⁵⁷⁴ segala yang tersebut itu maka tuntut olehmu akan dia di dalam kitab yang panjang-panjang).

Penjelasan

Zakat fitrah diwajibkan apabila memenuhi empat syarat berikut:

1. Islam, yang bukan Islam tidak diwajibkan berzakat.
2. Merdeka, hamba tidak wajib mengeluarkan zakat.
3. Wajib mengeluarkan zakat bagi orang yang mati dalam bulan Ramadan sehingga matahari jatuh pada awal bulan Syawal (malam hari raya).⁵⁷⁵
4. Mempunyai harta yang lebih daripada keperluan untuk diri dan tanggungannya.⁵⁷⁶

Perbahasan masalah zakat fitrah yang lebih mendalam boleh didapati di dalam kitab yang muktabar.⁵⁷⁷

4.34 Beberapa masalah perihal zakat

4.34.1 Wajib berniat

⁵⁷⁴ نَفْصِيلٌ iaitu yang lebih panjang atau yang lebih dalam.(Al-Jailani, 1988 : 937).

⁵⁷⁵ Kerana si mati itu mendapat satu juzuk daripada bulan Ramadan dan satu juzuk lagi di bulan Syawal.

⁵⁷⁶ Iaitu pada hari raya dan pada waktu malamnya.

⁵⁷⁷ Seperti, kitab *Kifayah al-Akhyar* karangan Takiyuddin Abi Bakar bin muhammad al-Husaini pada muka surat 186, kitab *Tanwirul Qulub* karangan al-Syekh Muhammad Amin al-Kurdi pada muka surat 214. Dan kitab *Majmu'* karangan Muhammad Najib al-Muti'i pada muka surat 40.

(فصل) Dan wajib berniat pada segala zakat yang tersebut itu dengan hati. Dan tiada memada jika dilafaz akan dia dengan lidah jua pada *qaul*⁵⁷⁸ yang *asahnya*⁵⁷⁹. Seperti diniatnya inilah zakat yang wajib atasku, atau inilah sedekah hartaku yang fardu, atau inilah fitrahku dan fitrah orang yang wajib atasku, atau inilah zakat padi aku. Dan memada niat itu pada waktu diasing akan zakat itu daripada hartanya atau kemudian daripada sudah diasing akan dia daripadanya atau pada ketika diberi akan dia kepada *mustahiqnya*⁵⁸⁰).

Penjelasan

Mengeluarkan zakat memerlukan niat yang dilakukan dalam hati. Jika dilafazkan dengan lidah sahaja tanpa hati, maka tidak memadai niat tersebut mengikut satu pendapat dalam mazhab Syafi'i. Lafaz-lafaz niat adalah seperti berikut:

1. Jika bagi diri sendiri: “Inilah wang bagi menggantikan beras fitrah yang wajib bagi diriku pada tahun ini kerana Allah ta’ala”.
2. Jika bagi diri sendiri atau tanggungan: “Inilah wang bagi menggantikan beras fitrah yang wajib bagi diriku dan tanggunganku pada tahun ini kerana Allah ta’ala.”

⁵⁷⁸ قول iaitu satu pendapat.(Al-Jailani, 1988 : 1015).

⁵⁷⁹ الاصح ini suatu istilah daripada imam al-Syafi'i. Di mana الاصح ini bermaksud dua pendapat atau satu pendapat yang berbeza dikalangan ulama-ulama al-Syafi'iyyah di dalam sesuatu masalah. Masalah yang berlaku ini mereka berpandukan kepada asal masalah yang disebutkan oleh Imam al-Syafi'i. Kemudian mereka mengeluarkan sesuatu hukum itu berpandukan kepada kaedah-kaedah yang telah diputuskan oleh Imam Syafi'i. Perselisihan pendapat ini di dalam sesuatu masalah amat ketara di kalangan mereka ulama-ulama al-Syafi'i. Apabila berlaku sesuatu masalah seperti, wajib dipasang niat di dalam hati dan tidak dikira niat jika hanya dilafazkan niat mengeluarkan zakat mengikut qaul yang asah. Maka disebutkan sebagai qaul yang asah kerana perselisihan di kalanagan pengikut-pengiku al-Syafi'i itu sangat ketara.(Al-Zuhaili, 2006, jilid 1 : 79).

⁵⁸⁰ مُسْتَحْقٌ ertiya yang berhak memiliki atau yang patut dapat.(Al-Jailani, 1988 : 338).

3. “Inilah zakat padi aku”.⁵⁸¹

Seseorang dibolehkan memasang niat pada waktu siang dan ketika mengasingkan hak zakat daripada hartanya, misalnya beras itu diasinkan untuk dirinya segantang dan untuk tanggungannya, iaitu isterinya, segantang. Boleh berniat juga ketika sedang memberi zakat kepada orang-orang yang berhak menerima zakat.

4.34.2 Wajib bersegera memberi zakat

(واجب تبییه Wajib bersegera memberi zakat apabila hadir hartanya pada waktu wajibnya dan apabila sudah kering tamar dan ‘enab dan apabila suci biji-bijian itu daripada jeraminya dan tangkainya dan hampanya dan hadir pula orang yang menerimanya. Dan tiada sah dikeluar akan zakat biji-bijian dahulu daripada suci daripada yang tersebut itu).

Penjelasan

Seseorang itu wajib segera mengeluarkan zakat apabila sudah ada harta yang diwajibkan untuk zakat, atau apabila sudah kering buah tamar dan anggurnya dan sudah bersih biji-bijian daripada jerami, tangkai dan hempa kerana orang yang berhak menerima zakat sedang menunggu untuk menerima zakat tersebut. Zakat biji-bijian tidak sah dikeluarkan kecuali setelah dibersihkan biji-bijianya terlebih dahulu.

⁵⁸¹ Atau zakat wang bagi menggantikan beras.

4.34.3 Orang yang berhak menerima zakat

(تَنْبِيَهٌ) Bahawasanya tiada sah diberi akan zakat bagi yang lain daripada *mustahiqnya*.

(Bermula) *mustahiq* zakat itu delapan orang iaitu :

1. *Fuqara'*.
2. Dan masakin.
3. Dan 'amil pada zakat.
4. Dan orang yang muallaf.
5. Dan *makatib*.
6. Dan orang yang berhutang.
7. Dan orang yang perang sabil.
8. Dan orang yang hendak musafir yang lain daripada maksiat pada hal tiada cukup belanja perginya).

Penjelasan

Orang yang berhak menerima zakat adalah seperti yang berikut:

1. Orang fakir.⁵⁸²
2. Orang miskin.⁵⁸³

⁵⁸² Orang fakir ialah, mereka yang tidak berharta, tiada mata pencarian atau mempunyai hasil pendapatan yang tidak sampai separuh keperluan asas.(Ibrahim, 1972 : 722).

3. Amil yang mengambil zakat.⁵⁸⁴
4. Mualaf.⁵⁸⁵
5. Hamba yang *mukatab*.⁵⁸⁶
6. Orang yang berhutang.⁵⁸⁷
7. *Fi sabilillah*.⁵⁸⁸
8. *Ibnu sabil*, iaitu mereka yang kehabisan belanja di dalam musafir untuk meneruskan perbelanjaan dengan niat yang baik.

4.34.4 Masalah pertama

(﴿ مَسْئَلَةٌ ﴾ Dan harus beri wakil seseorang akan seseorang yang lain pada memberi zakat kepada *mustahiqnya* dan pada berniat akan dia).

Penjelasan

Seseorang yang hendak memberi zakat, harus berwakilkan seseorang untuk mengeluarkan zakat bagi dirinya kepada orang yang berhak menerima zakat. Ketika

⁵⁸³ Orang miskin ialah, mereka yang mempunyai harta tetapi sekadar dapat menampung separuh atau lebih keperluan semasa bagi diri dan tanggungannya.(Ibrahim, 1972 : 457).

⁵⁸⁴ Pemungut zakat yang ditauliahkan oleh pemerintah.

⁵⁸⁵ Mereka yang baru memeluk Islam yang keIslamannya masih terumbang-ambing.

⁵⁸⁶ Hamba yang *mukatab*, iaitu hamba yang dijanjikan oleh tuannya untuk dimerdekakannya. Jika hamba tersebut dapat menebus dirinya dengan sejumlah wang yang tertentu di dalam masa yang tertentu. Ataupun hamba yang diberi peluang oleh tuannya untuk menebus diri tetapi tidak berkemampuan untuk berbuat demikian.(Al-Marbawi, 1354 H : 173).

⁵⁸⁷ Penanggung hutang yang menepati syarak seperti berhutang untuk kepentingan umum tetapi tidak mampu untuk melunaskannya.

⁵⁸⁸ Iaitu mereka yang berjuang atau berjihad demi kepentingan menegakkan Islam.

seseorang itu mewakilkan seseorang untuk mengeluarkan zakat bagi dirinya, dia harus berniat untuk mengeluarkan zakatnya.

4.34.5 Masalah kedua

ا ه غاية مسئللة (Harus bagi isteri mengeluarkan fitrah dirinya dengan tiada izin suaminya التلخيص

Dan tersebut di dalam بخية المسترشدين harus bagi orang yang diberi orang akan fitrahnya seperti isteri mengeluarkan fitrah dirinya daripada harta dirinya dengan tiada izin daripada *muaddi* iaitu orang yang wajib atasnya memberi akan dia iaitu seperti suami dan gugur fardu daripada *muaddi*.

Dan tiada harus ia beri daripada harta *muaddi* melainkan dengan izinnya atau dizon akan redanya).

Penjelasan

Seseorang isteri harus mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya dan zakat fitrah daripada harta yang dimiliki tanpa terlebih dahulu meminta izin daripada suaminya. Dalam hal ini kewajipan suami gugur apabila isteri mengeluarkan zakat untuk dirinya. Namun, seorang isteri tidak harus mengeluarkan zakat daripada harta suaminya tanpa izinnya terlebih dahulu atau menyangka bahawa suaminya pasti reda atau menyetujui tindakannya.

4.34.6 Masalah ketiga

(مسئللة) Tiada harus bagi nenek mengeluarkan fitrah segala cucunya yang belum baligh yang *ghaib* bapa mereka itu dengan ketiadaan wakil daripada bapa mereka itu. Tetapi mengeluar akan dia oleh hakim daripada harta mereka itu. Dan jika tiada maka harta bapa mereka itu .^{١٠} بغية .)

Penjelasan

Seorang nenek tidak harus mengeluarkan zakat fitrah bagi cucunya yang belum baligh walaupun ayah mereka tiada atau tidak ada wakil daripada ayah mereka untuk mengeluarkan zakat itu. Yang paling berhak untuk menguruskan zakat terhadap cucunya ialah hakim (pemerintah) yang berperanan mengambil sedikit harta cucu itu atau sebahagian harta ayah mereka untuk tujuan urusan pengeluaran zakat fitrah.

Bab as-Siyam

(باب الصيام)

4.35 Bab puasa

4.35.1 Hukum puasa

(Ini suatu bab pada menyatakan hukum puasa. Ketahui olehmu bahwasanya wajib puasa Ramadan itu dengan salah satu daripada sembilan sebab :

1. Pertamanya dengan sebab melihat sehari bulan Ramadan.
2. Keduanya dengan sebab sempurna bilangan bulan Syaaban tiga puluh hari pada waktu tebal awan.
3. Ketiganya dengan khabar yang *mutawatir*⁵⁸⁹ dengan melihat akan dia. Dan jikalau daripada kafir sekalipun.
4. Keempatnya dengan sebab menerima oleh kadi akan perkhabaran orang yang adil dengan melihat akan dia.
5. Kelimanya dengan menghukum oleh kadi yang mujtahid dengan sabit Ramadan jika nyata ia akan dalil tempat berpegang.
6. Keenamnya dengan sebab membenar ia akan khabaran orang yang melihat akan dia. Dan jikalau ada ia kanak-kanak dan orang yang *fasik* sekalipun.
7. Ketujuhnya dengan *zon* timbul bulan Ramadan dengan ijтиhad. Iaitu bagi orang yang kena tawan dan umpamanya.

⁵⁸⁹ متواتر iaitu yang berturutan dan yang berikutan.(Al-Jailani, 1988 : 1287).

8. Kedelapannya dengan sebab percaya ia dengan hisab dan orang yang mengecam dengan timbul bulan Ramadan maka wajib atas keduanya dan atas orang yang membenar akan kedua-dua puasa, telah berkata akan dia oleh syekh Ramli.
9. Kesembilannya dengan sebab melihat kepada beberapa tanda timbul bulan Ramadan. Seperti ia lihat akan beberapa *qindil*⁵⁹⁰ yang terpasang dan mendengar meriam yang dipasang akan dia dengan tertentu bagi Ramadan).

Penjelasan

Bab yang membincangkan perihal puasa pada bulan Ramadan. Antara sebab wajib puasa Ramadan ialah:

1. Terbuktinya nampak anak bulan di sisi hakim syarie, maka keesokan harinya ialah hari bermulanya puasa.⁵⁹¹
2. Sempurna bulan Syaaban 30 hari.
3. Dapat dilihat anak bulan Ramadan pada hak orang yang melihatnya dengan perkhabaran orang yang ramai walaupun dalam kalangan mereka ada yang kafir.
4. Kadi menerima keterangan saksi yang adil walaupun saksi itu seorang diri sahaja yang melihatnya.
5. Kadi yang mujtahid memutuskan bahawa esok bermulanya tarikh puasa Ramadan dengan dalil serta rujukannya yang jelas.

⁵⁹⁰ قنديل iaitu lampu yang digantung di dalam masjid dan tempat-tempat ibadat seperti surau dan madrasah.(Al-Marbawi, 1354H : 157).

⁵⁹¹ Wawancara bersama Ustaz Wan Hafiz bin Wan Sallah pada hari ahad 27.03.2011.

6. Para kadi menyetujui atau membenarkan perkhabaran orang yang menyatakan bahawa dia melihat anak bulan Ramadan walaupun seseorang itu *fasik* ataupun kanak-kanak.
7. Timbulnya sangkaan bahawa esok bermulanya bulan Ramadan untuk berpuasa bersandarkan ijтиhad seseorang, misalnya yang ditawan oleh satu sepasukan tentera atau berada di dalam penjara.
8. Dengan sebab percaya pada orang yang berpegang dengan ilmu falak atau dia dapat memastikan bahawa esok adalah bulan Ramadan, maka wajib bagi mereka dan orang yang percaya dengan pendapat mereka berpuasa, mengikut pendapat Syekh Ramli.
9. Dengan sebab timbulnya beberapa tanda yang menunjukkan bulan Ramadan telah masuk, seperti melihat lampu-lampu dipasang di menara, tembakan meriam atau sebagainya menurut adat kebiasaan yang dilakukan oleh sesebuah kampung.

4.35.2 Syarat wajib puasa

(Maka bermula segala syarat wajib puasa itu empat perkara :

1. Pertamanya Islam
2. Keduanya baligh
3. Ketiganya ‘*akil*
4. Keempatnya kuasa atas puasa).

Penjelasan

Syarat wajib puasa pula adalah seperti berikut:

1. Islam.⁵⁹²
2. Baligh.⁵⁹³
3. Berakal.⁵⁹⁴
4. Berkuasa melaksanakan ibadah puasa bagi mereka yang berkemampuan.⁵⁹⁵

4.35.3 Syarat sah puasa

(Bermula syarat sahnya itu empat perkara pula :

1. Pertamanya Islam
2. Keduanya ‘*akil*
3. Ketiganya suci daripada haid dan nifas
4. Keempatnya waktu yang menerima bagi puasa).

Penjelasan

Syarat sah puasa ialah :

⁵⁹² Puasa tidak wajib kepada mereka yang bukan beragama Islam.

⁵⁹³ Tidak diwajibkan berpuasa kepada mereka yang belum baligh atau belum cukup umur. Namun digalakkan melatih kanak-kanak itu berpuasa.

⁵⁹⁴ Orang gila tidak diwajibkan berpuasa.

⁵⁹⁵ Bagi orang yang uzur, dan yang sakit maka tidak diwajibkan berpuasa, tetapi diwajibkan membayar fidyah.(Al-Khatib al-Syarbini, 1994 : jilid 1 : 469).

1. Islam.
2. Berakal dan *mumayyiz* (tahu membezakan yang mana najis dan yang mana tidak).
3. Suci daripada haid dan nifas.
4. Nyata masuk bulan Ramadan.

4.35.4 Rukun puasa

(شَهْدَان) Bermula rukun puasa itu tiga perkara :

1. Pertamanya niat dengan hati
2. Keduanya *as-soim* ertinya orang yang puasa
3. Ketiganya *al-imsak* ertinya menahan diri daripada barang yang membatal akan puasanya).

Penjelasan

Rukun puasa terdiri daripada perkara berikut:

1. Niat di dalam hati.
2. Orang yang berpuasa itu sendiri.
3. Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

4.35.5 Niat puasa

(Dan disyaratkan *ta'yin*⁵⁹⁶ pada niat puasa fardu iaitu bahawa berniat ia pada tiap-tiap malam bahawa ia puasa esok hari daripada Ramadan atau daripada nazar atau daripada kafarah. Dan tiada wajib niat fardu.

(Dan disyaratkan padanya bahawa menjatuh akan niat itu pada malam, iaitu antara jatuh matahari dan naik fajar. Inilah lafaz niatnya :

نَوَيْتُ صَوْمَ عَدِّ عَنْ رَمَضَانَ

Ertinya sahaja aku puasa esok hari daripada Ramadan.

(تنبیه Telah berkata syekh Qulyubi dan sunat bahawa berniat ia pada malam yang pertama daripada Ramadan itu dengan :

نَوَيْتُ صَوْمَ شَهْرِ رَمَضَانَ كُلُّهُ هَذِهِ السَّنَةِ

Ertinya sahaja aku puasa satu bulan Ramadan sekeliannya yang pada ini tahun. Supaya memberi manfaat akan dia taklid akan Imam Malik pada satu hari yang ia lupa akan niat puasa pada malamnya kerana memada pada Imam Malik dengan satu niat pada malam yang pertama daripada sebulan Ramadan ini، انتهى .

Dan harus berniat pada puasa sunat pada siang hari dahulu daripada gelincir matahari).

⁵⁹⁶ تَعْبِينٌ iaitu menentukan sesuatu perkara.(Ibrahim, 1985 : 664).

Penjelasan

Disyaratkan bahawa seseorang itu menentukan (*ta'yin*) niat puasa fardunya sama ada puasa Ramadan, nazar, qada ataupun a kafarah. Seseorang yang hendak puasa Ramadan, nazar, qada atau kafarah, diwajibkan memasang niat dalam hati pada setiap malam,⁵⁹⁷ namun tidak diwajibkan menyebut fardu ketika berniat.⁵⁹⁸ Tempohnya bermula sesudah tenggelam matahari sehingga terbit fajar. Lafaz niatnya adalah seperti berikut:

نَوَيْتُ صَوْمَ عَدِ عَنْ رَمَضَانَ.

Ertinya: Sahaja aku berpuasa pada esok hari dalam menunaikan fardu daripada bulan Ramadan.

Mengikut sebahagian ulama seperti Syekh Qalyubi, pada malam bulan Ramadan adalah sunat berniat untuk sepanjang bulan berkenaan. Lafaz niatnya adalah seperti berikut:

نَوَيْتُ صَوْمَ شَهْرَ رَمَضَانَ كُلَّهُ هَذِهِ السَّنَةِ

Ertinya: Sahaja aku berpuasa satu bulan Ramadan sekaliannya tahun ini.

⁵⁹⁷ Seperti :

1. Sahaja aku berpuasa pada esok hari dalam menunaikan fardu bulan Ramadan,
2. Sahaja aku berpuasa pada esok hari dalam menunaikan fardu nazar,
3. Sahaja aku berpuasa pada esok hari dalam menunaikan fardu qada,
4. Sahaja aku berpuasa pada esok hari dalam menunaikan fardu kafarah.

⁵⁹⁸ Memadai dengan katanya sahaja aku berpuasa pada esok hari dalam menunaikan puasa pada bulan Ramadan, nazar, qada atau kafarah.

Ini mengikut atau bertaqlid kepada mazhab Imam Malik kerana apabila seseorang berniat pada malam pertama untuk berpuasa sebulan dalam bulan Ramadan pada tahun itu, puasanya dikira sah jika dia terlupa niat pada malam berikutnya.⁵⁹⁹

Diharuskan juga bagi orang yang berpuasa sunat memasang niat sebelum tergelincir matahari selagi seseorang itu tidak melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasanya.⁶⁰⁰

4.35.6 Beberapa masalah tentang perihal puasa

4.35.6.1 Perkara yang membatalkan puasa

(فصل) Bermula yang membatal akan puasa itu sembilan perkara :

1. Pertamanya memasuk akan sesuatu ‘ain dunia ke dalam rongga badan jikalau atas jalan berubat sekalipun dengan segaja lagi dengan ikhtiarnya serta diketahui akan haramnya daripada lubang yang asal seperti mulut dan dubur atau lubang yang baharu seperti menikam oleh seorang akan perutnya, maka sampai ke dalam rongganya.

⁵⁹⁹ Harus bagi mazhab Syafi’i bertaqlid (mengikut) mazhab Imam Malik supaya tidak berhajat kepada qada (supaya tidak kena qada puasa Ramadan) jika terlupa daripada melakukan niat tiap-tiap malam (Zakaria Ahmad, 1998 : 84).

⁶⁰⁰ Ini adalah pendapat yang muktamad dalam kalangan ulama. Walau bagaimanapun, ada pendapat lain menyatakan bahawa boleh juga memasang niat selepas matahari tergelincir dan ada pula menyatakan boleh juga diteruskan puasa bagi seseorang yang telah melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasanya. Namun, pendapat ini ialah pendapat yang lemah di kalangan ulama (Zakaria Ahmad, 1998 : 84).

2. Keduanya muntah dengan segaja lagi diketahui akan haramnya dan dengan ikhtiarnya dan jika yakin ia akan tiada kembali sesuatu ke dalam rongganya sekalipun.
3. Ketiganya *jima'* dengan segaja lagi dengan ikhtiarnya lagi diketahui akan haramnya. Dan jikalau pada dubur sekalipun.
4. Keempatnya menyehaja mengeluarkan mani.
5. Kelimanya kedatangan haid.
6. Keenamnya nifas.
7. Ketujuhnya *wiladah*. Maka membatal ia akan puasa atas *qaul* yang *asahnya*⁶⁰¹.
8. Kedelapannya kedatangan gila pada suku harinya atau pitam pada sekelian harinya.
9. Kesembilannya murtad berlindung kita dengan Allah daripadanya).

Penjelasan

Perkara-perkara yang membatalkan puasa adalah seperti yang berikut:

1. Memasukkan sesuatu dengan sengaja ke dalam rongga badan seperti mulut, dubur dan lubang yang baru terjadi (seperti seseorang yang terkena tikaman di mana tikaman itu menembusi terkena rongga perutnya) walaupun atas

⁶⁰¹ Mengikut *qaul* yang *asah*, jika berlaku *wiladah* maka batallah puasa seseorang itu. Sila lihat footnote 577 mengenai pengertian istilah di dalam Mazhab Syafi'i iaitu *al-asah*.

sebab perubatan atau dilakukannya sendiri dan mengetahui bahawa perbuatan sedemikian haram.⁶⁰²

2. Muntah dengan sengaja serta mengetahui perbuatan tersebut haram jika dilakukan dengan sengaja dan dengan ikhtiarnya⁶⁰³ walaupun seseorang itu yakin bahawa tidak ada sesuatu di dalam rongganya selepas dia muntah.⁶⁰⁴
3. Bersetubuh dengan isteri pada siang hari bulan Ramadan dengan sengaja dan dengan ikhtiarnya serta mengetahui haram perbuatan demikian.⁶⁰⁵ Walaupun persetubuhan itu melalui dubur sekalipun, maka batal puasanya dengan ijma' ulama.
4. Mengeluarkan air mani dengan perbuatan secara langsung yang disengajakan.⁶⁰⁶
5. Kedatangan haid, dengan ijma' ulama.⁶⁰⁷
6. Kedatangan nifas, dengan ijma' ulama.⁶⁰⁸
7. Melahirkan anak.
8. Gila walaupun sekejap⁶⁰⁹ dan pengsan sepanjang hari.⁶¹⁰

⁶⁰² Dalam Mazhab Syafi'i, puasa itu terbatal dengan memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan iaitu, rongga halkum ke perut, rongga kepala ke otak, usus dan pundi kencing melalui saluran yang terbuka di badan. Sama ada benda yang dimasukkan itu kecil atau besar, makanan atau bukan makanan. Yang dimaksudkan saluran terbuka pada badan itu ialah mulut, hidung, telinga, kemaluan (faraj) saluran kencing dan dubur (saluran berak) semuanya itu membawa kepada terbatalnya puasa.

⁶⁰³ Misalnya dia mengetahui di suatu tempat itu ada bangkai, jika dia melihat bangkai itu dia akan muntah, lalu dia melihatnya juga dengan sengaja. Jika berlaku muntah maka batallah puasanya itu. Jika muntah berlaku dengan tidak sengaja, maka tidak batal puasanya dengan ijma' ulama.

⁶⁰⁴ Maknanya, walaupun seseorang itu muntah dengan sengaja atau dengan usahanya, kemudian dia yakin tidak ada sesuatu pun di dalam rongganya hasil daripada muntah tersebut, seperti dia yakin tidak ada sebiji nasi pun di rongganya apabila berlaku muntah dengan sengaja itu tadi, maka tetap batal puasanya.(Temu bual bersama ustaz Wan Hafiz bin Wan Salleh pada 20.6.2011).

⁶⁰⁵ Begitu juga persetubuhan yang berlaku yang tidak mengeluarkan air mani.

⁶⁰⁶ Seperti mengeluarkan dengan menggunakan tangan, sama ada tangan sendiri atau tangan isteri, bercium atau berpelukan dengan isteri dan sebagainya. Adapun jika keluar mani kerana melihat atau berfikir dan khayal, tidaklah membatakan puasa kerana ia seumpama mimpi. Kecuali orang yang menjadi kebiasaan baginya. Namun begitu perbuatan tersebut adalah makruh. Begitu juga jika yang keluar adalah air mazi, tidaklah membatakan puasa.

⁶⁰⁷ Wanita apabila datang haid, maka batallah puasanya dengan sendirinya. Kemudian wajib ia menggantikan puasanya pada hari-hari lain di luar Ramadan.

⁶⁰⁸ Wanita apabila datang nifas, maka batallah puasanya dengan sendirinya. Kemudian wajib ia menggantikan puasanya pada hari-hari lain di luar Ramadan.

9. Murtad, iaitu keluar daripada agama Islam.

4.35.6.2 Orang yang diharuskan berbuka puasa

(مُسْلِمٌ) Tiada harus membuka puasa bagi umpama orang potong padi dan orang menggali tanah dan orang tanam padi dan umpamanya melainkan dengan enam syarat:

1. Pertamanya bahawa tiada dapat *ditakhir*⁶¹¹ akan kerjanya itu kepada bulan syawal.
2. Keduanya bahawa tiada dapat dikerja akan dia pada malam atau dapat dikerja akan dia pada malam tetapi tiada memada ia maka membawa kepada binasa ia.
3. Ketiganya bahawa *masyaqqa*⁶¹² atasnya puasa akan sebagai *masyaqqa* yang tiada tanggung pada adat.
4. Keempatnya bahawa berniat akan puasa pada malam pada hal berpagi-pagi ia puasa maka jangan ia buka melainkan apabila hasil *masyaqqa* dan *uzur*⁶¹³.
5. Kelimanya bahawa berniat ia akan *tarakhkhus*⁶¹⁴ dengan membukanya itu.

⁶⁰⁹ Jika seseorang itu menjadi gila, batallah puasanya kerana ia telah hilang darinya kelayakan untuk beribadah.

⁶¹⁰ Perkara sedemikian akan membatalkan puasa dengan disepakati sekalian ulama. Adapun tidur sepanjang hari tidak membatalkan puasa dengan ijma' ulama.

⁶¹¹ تَأْخِيرٌ iaitu lewat, lengah dan melambat-lambatkat kerja.(Karim, 2009 : 10).

⁶¹² مُسْتَهْوِيٌّ iaitu menjadi susah atau sukar.(Al-Marbawi, 1354H : 323).

⁶¹³ عَذْرٌ iaitu kepayahan dan kesukaran.(Karim, 2009 : 611).

⁶¹⁴ ثُرْحَصٌ ertiinya kelonggaran dan mengambil yang mudah di dalam sesuatu pekerjaan.(Karim, 2006 : 298).

6. Keenamnya bahawa jangan *qasad*⁶¹⁵ ia dengan kerjanya itu bagi kerana hendak membuka puasa juar.

Maka apabila ia dapat segala syarat yang enam ini maka haruslah ia buka puasa sama ada pekerjaan itu bagi dirinya atau bagi orang lainnya tetapi wajib ia qada apabila selesai daripada kerjanya (وَاللَّهُ أَعْلَم).

Penjelasan

Bagi orang yang bekerja memotong padi, menggali tanah, menanam padi dan sebagainya tidak diharuskan berbuka puasa melainkan enam perkara berikut:

1. Pekerjaannya tidak boleh ditangguhan sehingga bulan Syawal atas sebab-sebab tertentu.⁶¹⁶
2. Pekerjaan seperti menanam padi tidak dapat dilakukan pada waktu malam, atau jika dilakukan ia tidak memadai serta boleh membawa kebinasaan padi tersebut dan perlu dilakukan juga pada siang hari.⁶¹⁷
3. Jika ada sesuatu kesukaran bagi seseorang petani yang sedang berpuasa seperti sakit yang berlarutan dan boleh mendatangkan kemudaratan jika terus berpuasa sewaktu dia bekerja sebagai petani, harus baginya berbuka puasa.
4. Apabila berniat puasa pada waktu malam dan waktu siangnya terdapat suatu kesulitan dan keuzuran semasa bekerja, maka harus baginya berbuka puasa.

⁶¹⁵ فَصَدَّ مِنْ نِيَاتِهِ وَمُرْكَسُدٌ مِنْ مَعْنَاهُ.

⁶¹⁶ Ini kerana kalau menuai padi pada bulan Syawal besar kemungkinan padi itu boleh rosak. Maka jika menuai padi di bulan Ramadan akan memerlukan tenaga yang banyak maka perlu kepada makan dan minum, maka pada ketika itu diharuskan berbuka.

⁶¹⁷ Maka pekerjaan tersebut memerlukan kepada makan dan minum. Oleh itu diharuskan berbuka puasa jika membawa kepada kebinasaan.

5. Petani yang berbuka puasa hendaklah berniat sebagai satu *rukhsah* (satu keringanan) sewaktu berbuka puasa.
6. Jangan ada niat dalam hati untuk bekerja pada keesokan hari dengan tujuan untuk berbuka puasa.

Apabila beberapa syarat itu berlaku, maka haruslah baginya berbuka puasa sama ada pekerjaan itu dilakukan untuk menyara dirinya sendiri, keluarganya atau bagi orang lain. Namun dia wajib mengqadakan puasanya suatu hari nanti.⁶¹⁸

⁶¹⁸ Perbincangan mengenai harus berbuka puasa bagi mereka yang bekerja sebagai pesawah ini terdapat dalam kitab *Sullam al-Sibyan* karangan Chik bin Ahmad al-Kedahi.(Al-Kedahi, 2004 : 400-401).

Bab al-Haj Wa al-Umrah

(باب الحج و العمرة)

4.36 Bab Haji dan Umah

4.36.1 Syarat wajib Haji dan Umrah

(Bermula syarat wajib haji dan Umrah itu lima perkara :

1. Pertamanya Islam
2. Keduanya ‘*akil*
3. Ketiganya *baligh*
4. Keempatnya merdeka
5. Kelimanya kuasa).

Penjelasan

Syarat wajib bagi haji dan Umrah adalah seperti berikut:

1. Islam.⁶¹⁹
2. Berakal.⁶²⁰
3. *Baligh*.⁶²¹
4. Merdeka.⁶²²

⁶¹⁹ Tidak wajib dan tidak sah orang yang bukan Islam.

⁶²⁰ Tidak wajib bagi orang yang gila dan bodoh.

⁶²¹ Tidak wajib bagi kanak-kanak.

5. Berkuasa.⁶²³

(Bermula syarat jatuh keduanya fardu Islam itu tujuh perkara :

1. Pertamanya Islam
2. Keduanya ‘*akil*
3. Ketiganya *baligh*
4. Keempatnya merdeka
5. Kelimanya waktu keduanya
6. Keenamnya mengetahui akan kaifiat keduanya
7. Ketujuhnya mengetahui dengan segala amal keduanya).

Penjelasan

Syarat bagi orang yang diwajibkan melakukan ibadah haji dan Umrah pula ialah :

1. Islam.⁶²⁴
2. Berakal.⁶²⁵
3. *Baligh*.⁶²⁶
4. Merdeka.⁶²⁷

⁶²² Tidak wajib kepada hamba sahaya.

⁶²³ Tidak wajib bagi orang yang tidak berupaya.

⁶²⁴ Tidak wajib ke atas orang kafir dan murtad.

⁶²⁵ Tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak, tetapi sah haji dan umrahnya. Apabila cukup umur wajib diulanginya sekali lagi.(Al-Khin dan al-Bugha, 1996, jilid 1 : 384).

⁶²⁶ Tidak wajib ke atas orang gila. Jika dilakukannya juga tidak sah haji dan umrahnya.

5. Waktu bagi ibadah Umrah itu sepanjang masa. Maka seseorang itu boleh melakukan ibadah Umrah selain dari masa ia berihram dengan haji. Waktu ibadah haji pula bermula dari satu Syawal hingga sembilan Zulhijah.⁶²⁸
6. Mengetahui cara melakukan ibadah haji dan Umrah.
7. Mengetahui segala gerak kerja yang terkandung dalam ibadah haji dan Umrah.

4.36.2 Kaifiat mengerjakan Haji dan Umrah

(Bermula kaifiat menunai akan keduanya itu atas empat wajah :

1. Pertamanya *itlak* iaitu masuk ia kepada ihram dengan tiada tertentu kapada haji dan Umrah seperti diniatnya :

نَوَّيْتُ الْاِحْرَامَ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Ertinya sahaja aku ihram kerana Allah *azza wajalla*.

2. Keduanya *ifrad* iaitu mendahului ia akan haji atas Umrah iaitulah yang *afdal* jika mengerja ia akan Umrah pada tahun itu jua. Inilah niatnya :

نَوَّيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Ertinya sahaja aku mengerja akan haji dan ihramlah aku dengan dia kerana Allah *azza wajalla*.

⁶²⁷ Hamba sahaya tidak diwajibkan haji dan Umrah. Tetapi sah dan diberi pahala jika dilakukannya.

⁶²⁸ Inilah dinamakan bulan haji, dan tidak sah haji jika dilakukan di luar masa yang ditentukan bahkan jika dilakukan juga akan menjadi ihram Umrah.(Al-Khin dan al-Bugha, 1996, jilid 1 : 385).

3. Ketiganya *tamattu'* iaitu mendahulu ia akan Umrah atas haji. Tetapi jikalau mengerja ia akan Umrah di dalam bulan haji kena dam inilah niat umrah :

تَوَيَّبْتُ الْعُمْرَةَ وَأَخْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Ertinya sahaja aku mengerja akan Umrah dan ihramlah aku dengan dia kerana Allah *azza wajalla*.

4. Keempatnya *qiran* iaitu bahawa ihram ia dengan keduanya pada hal berserta seperti diniatnya :

تَوَيَّبْتُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ وَأَخْرَمْتُ بِهِمَا لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Ertinya sahaja aku mengerja akan haji dan Umrah dan ihramlah aku dengan keduanya kerana Allah *azza wajalla*.

Tetapi pada *qiran* ini wajib *dam*).

Penjelasan

Kaifiat menunaikan haji dan Umrah itu melibatkan empat keadaan, iaitu:

1. Berada di *Miqa* untuk melakuan niat ihram semata-mata⁶²⁹ tanpa menentukan niat ihram itu sama ada haji atau Umrah⁶³⁰, niatnya seperti :

تَوَيَّبْتُ إِلَيْهِ رَمَادَ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Ertinya: Sahaja aku berihram kerana Allah *azza wajalla*.

⁶²⁹ Niat ihram semata-mata terlebih dahulu, kemudian barulah ditentukan sama ada hendak niat ihram haji *ifrad*, *tamattu'* atau *qiran* (temubual bersama Ustaz Wan Hafiz bin Wan Salleh pada 20.6.2011).

⁶³⁰ Sebelum seseorang itu berniat ihram di *Miqat*, hendaklah dia memakai pakaian ihram terlebih dahulu.

2. Melakukan haji *ifrad*, iaitu mengerjakan haji dahulu dalam bulan-bulan haji kemudian barulah mengerjakan ‘umrah di luar bulan haji. Yang lebih *afdal*, ialah Umrah dilakukan pada tahun itu juga. Niat haji *ifrad* ialah :

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Ertinya: Sahaja aku mengerjakan haji dan aku berihram dengannya kerana Allah *azza wajalla*.

3. *Tamattu'*, iaitu mengerjakan Umrah dahulu dalam bulan haji kemudian barulah mengerjakan haji pada tahun yang sama. Jika seseorang itu mengerjakan Umrah dalam bulan haji, maka dia dikenakan *dam*. Niat Umrah adalah seperti berikut:

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Ertinya: Sahaja aku mengerjakan Umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah *azza wajalla*.

4. *Qiran*. Terdapat dua cara bagi haji *qiran*, iaitu :

1. Berniat ihram haji dan Umrah serentak pada bulan haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib haji. Umrah pula dikira selesai sebaik sahaja selesai menunaikan haji.
2. Berniat mengerjakan Umrah sahaja, tetapi sebelum tawaf dia berniat mengerjakan haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib haji.

Orang yang melakukan haji *qiran* dikenakan *dam*.

4.36.3 Rukun-rukun Haji

(Bermula rukun haji itu enam perkara :

1. Pertamanya niat ihram seperti yang tersebut itu.
2. Keduanya *wuquf* pada *yaumu ‘arafah*. Maka masuk waktunya daripada tergelincir matahari pada hari yang kesembilan pada bulan zul hijjah hingga naik fajar hari yang kesepuluh padanya.
3. Ketiganya tawaf pada baitullah tujuh keliling.
4. Keempatnya sa’ie antara sofa dan marwah tujuh kali. Dimulai daripada sofa dan disudahi kepada marwah.
5. Kelimanya bercukur rambut. Ertinya menghilang akan rambut kepala dengan berapa kaifiat sekurang-kurangnya tiga helai.
6. Keenamnya tertib pada kebanyakan rukun yang tersebut itu).

Penjelasan

Rukun haji adalah seperti yang berikut:

1. Niat ihram haji.
2. *Wuquf* (berhenti) di ‘Arafah; bermula tergelincir matahari (waktu Zohor) 9 Zulhijah hingga terbit fajar pada 10 Zulhijah.
3. Tawaf, iaitu mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali.
4. Sa’ie di antara Bukit Sofa dan Bukit Marwah sebanyak tujuh kali, iaitu bermula daripada Bukit Sofa dan diakhiri dengan Bukit Marwah.

5. Bercukur atau bergunting, iaitu menghilangkan rambut sekurang-kurangnya tiga helai rambut.
6. Tertib pada sebahagian rukun.

4.36.4 Rukun-rukun Umrah

(Bermula rukun Umrah itu lima perkara :

1. Pertamanya niat ihram seperti yang tersebut dahulu itu.
2. Keduanya tawaf.
3. Ketiganya sa'ie.
4. Keempatnya bercukur.
5. Kelimanya tertib).

Penjelasan

Rukun Umrah pula adalah seperti berikut:

1. Memakai ihram serta niat berihram.
2. Tawaf dengan mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali.
3. Sa'ie di antara Bukit Sofa dan Bukit Marwah sebanyak tujuh kali.
4. Bercukur.
5. Tertib.

4.36.5 Syarat melakukan Tawaf

(شهادان) Bermula syarat tawaf itu sepuluh perkara :

1. Pertamanya niat iaitu bagi yang lain daripada tawaf haji dan Umrah.
2. Keduanya bersuci daripada hadas kecil dan hadas besar.
3. Ketiganya suci daripada najis pada badannya dan pakaianya dan tempat tawafnya.
4. Keempatnya menutup aurat iaitu seperti di dalam sembahyang jua.
5. Kelimanya bahawa memulai akan dia daripada Hajarul al-Aswad daripada hal membetuli baginya atau bagi juzuknya dengan rusuknya yang kiri.
6. Keenamnya bahawa menjadi ia akan baitullah itu pada pihak kirinya pada sekelian tawafnya.
7. Ketujuhnya bahawa ada ia di dalam masjid.
8. Kedelapannya keluar ia daripada baitullah dan *syazrawannya* dan *hijirnya* dengan sekelian badannya dan pakaianya.
9. Kesembilannya jangan *qasad* ia dengan segala lalunya itu akan yang lain daripada tawaf.
10. Kesepuluhnya bahawa ada ia tujuh keliling dengan yakinnya).

Penjelasan

Antara syarat tawaf ialah:

1. Niat bagi mereka yang melakukan tawaf selain daripada tawaf haji dan Umrah.⁶³¹
2. Suci daripada hadas besar dan hadas kecil.

⁶³¹ Seperti tawaf *wada'*, sunat, *qudum* dan nazar. Tawaf haji dan Umrah tidak memerlukan niat.

3. Suci daripada najis sama ada pada pakaian, badan dan tempat tawaf.
4. Menutup aurat seperti mereka yang berada dalam sembahyang.
5. Bermula pada sudut Hajarul al-Aswad atau sebahagian daripada Hajarul Aswad dengan bahu kiri diberikan kepadanya.⁶³²
6. Menjadikan Baitullah di sebelah kiri pada setiap saat seseorang itu berjalan melakukan tawaf dan berjalan ke hadapan.
7. Dilakukan di dalam Masjidil al-Haram.
8. Hendaklah dilakukan tawaf itu di luar dari Baitullah, *Hijir Ismail* ataupun *Syazarwan* (tapak Kaabah).⁶³³
9. Hendaklah tujuan melakukan tawaf itu semata-mata tawaf sahaja bukan dengan tujuan yang lain.⁶³⁴
10. Berjalan tujuh kali keliling Kaabah dengan yakin.

4.36.6 Syarat melakukan sa’ie

(Bermula syarat sa’ie itu empat perkara :

1. Pertamanya bahawa ada ia tujuh kali yang yakin dan dibilang perginya daripada sofa kepada marwah itu sekali dan kembalinya daripada marwah kepada sofa itu sekali yang lain pula.
2. Keduanya bahawa dimulai akan dia daripada sofa dan disudahi akan dia kepada marwah.

⁶³² Hendaklah berniat tawaf jika tawaf itu tawaf *wada'*, sunat, *qudum* dan nazar. Pada tawaf haji dan Umrah dikecualikan daripada berniat.

⁶³³ Jika badan ataupun pakaian terkena Ka’bah atau *Syazarwan* maka batallah tawaf tersebut.(Muhibb Najib, 2008 : 99).

⁶³⁴ Seperti tawaf dengan tujuan hendak mencari kawan atau sebagainya.

3. Ketiganya bahawa jatuh ia kemudian daripada tawaf yang sahih sama ada ia tawaf rukun atau tawaf *qudum*.
4. Keempatnya bahawa menjadi ia dengan lalunya itu akan sekalian tempat sa'ie).

Penjelasan

Syarat-syarat sa'ie pula ialah:

1. Hendaklah dilakukan sebanyak tujuh kali dengan yakin, bermula dari Bukit Sofa ke Bukit Marwah. Dari Bukit Sofa ke Bukit Marwah dikira sekali kemudian daripada Bukit Marwah ke Bukit Sofa dikira sekali.
2. Bermulai dari Bukit Sofa dan berakhir di Bukit Marwah.
3. Dilakukan selepas tawaf yang betul-betul sah, sama ada tawaf rukun mahupun tawaf *qudum*.
4. Sa'ie hendaklah dilakukan di dalam *Batul al-Wadi* (kawasan sa'ie).

4.36.7 Perkara-perkara wajib Haji

(Bermula segala wajib haji itu lima perkara :

1. Pertamanya ihram pada *Miqatnya*. Bermula *Miqatnya* yang *zamani* iaitu bulan syawal dan bulan zul qaidah dan sepuluh malam yang awal daripada bulan bulan zul hijjah. Dan yang *makani* bagi orang yang jauh yang datang ikut laut Yaman Yalamlam atau di Jiddah.
2. Keduanya bermalam di Mina.

3. Ketiganya bermalam di Muzdalifah.
4. Keempatnya melontar segala jamrah yang tiga pada segala hari *tashreq* yang tiga dan melontar jamrah ‘aqabah sahaja pada hari nahar.
5. Kelimanya meninggal akan segala yang haram dengan sebab ihram.

Penjelasan

Perkara-perkara wajib haji itu ialah:

1. Niat ihram di *Miqat*. *Miqat* itu ada dua iaitu:
 - i. *Miqat zamani* (masa untuk melakukan ibadah haji), iaitu pada bulan Syawal, Zulkaedah, dan Zulhijah.
 - ii. *Miqat makani* (tempat) adalah bagi mereka yang datang dari jauh dengan kapal laut dari Yaman dan mereka niat ihram haji di Yalamlam,⁶³⁶ atau di tanah halal jika mereka berada di Makkah.⁶³⁷
2. *Mabit* (bermalam) di Mina pada 11,12, dan 13 Zulhijah.
3. *Mabit* di Muzdalifah.
4. Melontar ketiga-tiga jamrah pada hari *tasyreq*, iaitu jamrah *ula*, jamrah *wusto* dan jamrah *al-‘Akobah*. Waktu melontar pula bermula dari tergelincir matahari (waktu Zohor) setiap hari *tasyreq* hingga jatuh matahari hari pada 13 Zulhijah. Melontar di jamrah *‘Akobah* dilakukan apabila selesai sahaja bermalam di Muzdalifah dan menuju ke Mina. Masa bagi melontar di jamrah *‘Akobah* adalah apabila masuk malam hari raya haji, iaitu lebih kurang

⁶³⁶ Bagi orang yang datang dari Yaman dan orang yang melalui negara tersebut, seperti Malaysia, Indonesia India dan lain-lain.

⁶³⁷ Pemakaian ihram dan niat ihram haji hendaklah dimulakan dari rumah mereka.

separuh malam daripada malam hari raya haji sehingga jatuh matahari pada hari ke-13 *tasyreq*. Melontar di jamrah ‘Akobah sunat dilakukan pada waktu *duha* pada siang hari raya haji.

5. Meninggalkan perkara-perkara yang dilarang semasa ihram.(Muhsin Najib, 2008 : 124).

4.36.8 Perkara-perkara wajib Umrah

(Bermula barang yang wajib pada Umrah itu dua perkara :

1. Pertamanya ihram pada *Miqat* yang *zamani* padanya sekalian tahun dan *makani* padanya bagi orang jawi⁶³⁸ di Yalamlam dan di Jiddah.
2. Keduanya meninggal segala yang haram dengan sebab ihram).

Penjelasan

Wajib Umrah pula melibatkan dua perkara, iaitu:

1. Niat ihram Umrah di *Miqat zamani* dilakukan pada bila-bila masa sahaja dalam tahun itu. Niat ihram haji *Miqat makani*, iaitu bagi mereka yang datang daripada jauh yang menggunakan kapal laut dari Yaman, dilakukan di Yalamlam atau di tanah halal jika mereka berada di Makkah.⁶³⁹
2. Meninggalkan perkara-perkara yang dilarang semasa ihram.

⁶³⁸ Orang jawi iaitu orang Melayu.(Noresah, 2007 : 615).

⁶³⁹ Sama seperti *Miqat* haji kecuali bagi mereka yang berkeinginan mengerjakan Umrah dari Makkah maka *Miqat* mereka itu ialah di Tanah Halal.(Mohd Azrul Azlen, 2009 : 180).

4.36.9 Perkara-perkara yang dilarang semasa ihram

(Bermula yang haram dengan sebab ihram itu sebelas perkara :

1. Pertamanya memakai akan yang meliputi erti yang bersantung.
2. Keduanya menutup kepala, yang dua perkara ini tertentu bagi laki-laki.
3. Menutup muka ini bagi perempuan.
4. Keempatnya memakai yang harum-harum.
5. Kelimanya memakai minyak pada kepalanya atau kepada bulu mukanya dan janggutnya.
6. Keenamnya menghilang akan bulu yang pada jasadnya dengan dicukur atau lainnya.
7. Ketujuhnya menghilang akan kukunya dengan dikerat atau lainnya.
8. Kedelapannya *jima'*.
9. Kesembilannya *muqaddimahnya*.
10. Kesepuluhnya memburu perburuan yang liar yang bangsa daratan.
11. Kesebelasnya akad nikah.

Maka sekelian itu mewajib akan dam dengan syaratnya melainkan akad nikah, maka iaitu tiada sah nikah jua. Maka sekelian yang hamba sebut ini dengan *ijmal* jua maka hendaklah engkau tuntut akan *tafsilnya* di dalam kitab yang panjang jika berkehendak padanya، (وَاللَّهُ أَعْلَم).

Penjelasan

Terdapat 11 perkara larangan semasa ihram itu, iaitu:

1. Memakai pakaian bersarung, berjahit atau yang bercantum bagi orang lelaki.
2. Menutup kepala atau sebahagian daripadanya bagi orang-orang lelaki.
3. Menutup muka bagi orang perempuan.
4. Memakai minyak wangi.⁶⁴⁰
5. Memakai minyak di kepala atau janggut dan semua bulu muka.⁶⁴¹
6. Menanggalkan rambut atau bulu yang terdapat di tubuh seseorang dengan mencukurnya atau seumpamanya.
7. Mengerat kuku, memotong dan sebagainya.
8. Melakukan persetubuhan.
9. Melakukan pendahuluan persetubuhan.
10. Memburu binatang buruan.⁶⁴²
11. Akad nikah.⁶⁴³

Apabila seseorang itu melanggar salah satu daripada larangan tersebut, dia wajib dikenakan Dam melainkan akad nikah. Ini kerana jika berlaku akad nikah, akad itu tidak sah.

⁶⁴⁰ Memakai bau-bauan sama ada pada badan, pakaian, makanan, minuman atau menghidunya masuk ke dalam hidung.

⁶⁴¹ Selain daripada yang tumbuh di pipi dan di dahi sama ada lelaki ataupun perempuan.

⁶⁴² Sama ada yang halal dimakan atau membinasakannya di tanah haram atau di tanah halal.

⁶⁴³ Berkahwin, mengahwinkan atau menerima wakil kahwin sama ada lelaki atau perempuan.

Dalam buku Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah Madinah oleh Hj Muhd Najib bin hj Abdul Kadir (Muhd Najib, 2008 : 134-137). Di dalam buku ini dinyatakan jenis-jenis larangan dalam masa ihram itu ada tiga belas perkara. Selain yang terdapat di atas ada sebelas perkara maka di tambah lagi dua perkara iaitu, memakai sarung tangan bagi lelaki atau perempuan dan Menebang, memotong atau mencabut pokok-pokok di tanah haram.

Perbicaraan masalah haji dan umrah ini hanya dibahaskan secara ringkas sahaja. Adapun perbincangan yang lebih mendalam boleh rujuk di dalam kitab-kitab yang muktabar.⁶⁴⁴

⁶⁴⁴ Kitab-kitab tersebut ialah :

1. *Al-Fiqh al-Minhaji*, Mustafa al-Bugha dan Mustafa al-Khin, jilid 1, hlm. 369.
2. *Al-Iqna'*, Shamsuddin Muhammaad bin Muhammad al-Khatib al-Syarbini, jilid 1, hlm. 498.
3. *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Wahbah al-Zuhaili, jilid 3, hlm. 2180.
4. *Kifayatul al-Akhyar*, Takiyuddin Abi Bakar bin Muhammad al-Husaini, hlm. 211-231.
5. *Tanwir al-Qulub*, Muhammad Amin al-Kardi, hlm. 221.
6. Indahnya Hidup Bermasyarakat, Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen Abd Hamid, hlm. 167-180 terbitan Telaga Biru Sdn Bhd, 2009.
7. Ibadat haji dan umrah serta ziarah Madinah al-Munawwarah, Muhd Najib Abdul Kadir, terbitan Pena Gemilang Sdn Bhd tahun 2008.
8. Buku Panduan Ibadah Haji dan Umrah Serta Ziarah, Lembaga Tabung Haji Malaysia, tahun 1986.

4.37 MUHASABAH DIRI

(حَاتَمَةُ نَسَأْلُ اللَّهَ حَسْنَهَا) Hai saudara aku hendaklah engkau *tahqiqkan* yang empat perkara ini. Mudah-mudahan engkau dapat pertunjuk kepada jalan yang betul :

1. Pertamanya hendaklah engkau *tahqiq* akan lemah engkau daripada menyempurna akan barang yang engkau kehendak bagi diri engkau seperti ilmu dan umur dan sihat dan dunia dan rezeki dan lainnya. Maka engkau ketahulah dengan yang demikian itu lemah itu sejatilah sifat engkau. Dan *qudrat* ertinya kuasa, itu sifat tuhan engkau.
2. Keduanya hendaklah engkau ketahui akan daif engkau daripada mendiri akan kekuatan tabiat engkau daripada menggerak segala anggota engkau daripada berbuat ibadat kepada tuhan engkau. Dan kepada berbuat barang yang beradat oleh diri engkau seperti berkata-kata dan berkahwin dan lainnya melainkan dengan engkau minta tolong dengan barang yang terlebih daif daripadamu daripada segala makanan dan minuman dan lainnya hingga jadi tersalah engkau daripada jalan yang sebenarnya pada setengah ketika dengan sebab engkau berpegang atas yang demikian itu pada mendirikan kekuatan engkau dan engkau tinggal akan tuhan engkau, maka engkau ketahuilah dengan yang demikian itu bahawasanya daif itu sejatilah sifatmu dan kuat itu sifat tuhanmu.
3. Ketiganya hendaklah engkau ketahui bahawasanya engkau hina dijadikan nenek engkau Adam itu daripada tanah dan dijadi akan engkau itu daripada air yang sangat hina dikeluar akan dia daripada titisan lubang yang sangat keji maka yang patutnya ditimbang akan harga engkau itu dengan setitik air kencing juga dan lagi dijadi akan badan engkau itu rumah najis dan kotor dan

akhir engkau itu kembali kepada tanah dan ulat. Maka engkau ketahuilah dengan yang demikian itu bahawasanya hina itu sifat yang sejatilah bagi engkau dan mulia itu sifat tuhan engkau.

4. Keempatnya hendaklah engkau ketahui bahawasanya fakir ertinya berhajat sesuatu kepada Allah ta'ala iaitu sifat yang *lazim* bagi engkau sama ada pada ketika '*adam* engkau dan pada ketika wujud engkau sedikit dan banyak kerana engkau itu sentiasa berpakai dengan kain kekurangan dan kepapaan. Maka engkau ketahuilah bahawa fakir itu sifat yang sejatilah ia bagimu dan kaya dan kurnia itu sifat tuhanmu maka apabila engkau ketahui akan yang demikian itu maka hendaklah engkau serah akan kelih⁶⁴⁵ mu itu kepada tuhanmu dan diamlah kamu dibawah perintah tuhanmu dan redalah kamu baginya pada apa yang dihukumkan bagimu pada zahir dan batinmu dan kamu ikut akan dia sebarang perintahnya atasmu daripada segala suruhnya dan tegahnya. Dan janganlah derhaka kamu akan tuhan kamu dan jangan *takabbur* kamu atas tuhanmu dan jangan *riak* kamu ertinya perlihat kebajikan kamu itu kepada orang yang lain daripada tuhanmu. Dan jangan '*ujub* kamu dengan segala kebajikan kamu itu dan hendaklah kamu ikhlas akan dia bagi tuhanmu dan jangan kamu sekutu akan dia di dalam ibadat kamu padanya hingga inilah sempurna '*ubudiahmu* kepada tuhan kamu، وَاللهُ أَعْلَمِ).

Penjelasan

⁶⁴⁵ Kelih iaitu dapat melihat, celik mata dapat memandang.(Noresah, 2007 : 718).

Sebagai muhasabah diri, pengarang berpesan agar seseorang itu hendaklah memerhati empat perkara berikut. Semoga seseorang itu akan mendapat hidayah ke jalan yang lurus.

1. Pertamanya, hendaklah memastikan bahawa dirimu itu lemah daripada menyempurnakan segala urusan yang dihajati dalam hidupmu seperti mencari ilmu, menginginkan umur yang panjang, kebahagiaan dunia, rezeki yang banyak dan lain-lainnya. Ketahuilah semua yang engkau hajati itu sangat lemah untuk engkau kecapi kerana sifat engkau. Adapun sifat Allah S.W.T itu iaitu *qudrat*, maka Allah S.W.T itu bersifat dengan maha berkuasa mengatasi segalanya.
2. Hendaklah engkau ketahui bahawa engkau ialah insan yang sangat lemah untuk melakukan sesuatu ibadat dengan tubuh badan yang sangat kerdil. Segala bentuk tingkah laku seperti bercakap, mendirikan rumah tangga dan selainnya, engkau pasti meminta serta berhajat kepada sesuatu yang lebih lemah daripada Tuhanmu, iaitu kepada makhluk ciptaan-Nya dalam kehidupan. Misalnya, engkau menuntut mencari makanan dan minuman sehingga tersasar dari jalan yang sebenar pada suatu ketika. Apabila engkau berpegang dengan kekuatan selain daripada Allah S.W.T untuk meneruskan kehidupan di dunia ini, engkau melupakan Tuhanmu, maka ketika itu ketahuilah bahawa engkau ialah manusia yang bersifat lemah. Pastilah sifat lemah itu adalah sifat yang engkau miliki. Adapun sifat Allah S.W.T itu sangat kuat, maka kuat itu ialah sifat Tuhanmu yang mengatasi segalanya.
3. Hendaklah engkau mengetahui bahawa engkau berada di dalam hina. Datuk nenek engkau dahulu, iaitu Nabi Adam a.s dijadikan daripada tanah manakala engkau pula dijadikan daripada air mani yang sangat hina di mana,

iaitu air yang keluar daripada lubang yang sangat keji. Maka sepatutnya engkau bandingkan dirimu itu dengan setitik air kencing dan batang tubuh itu seperti sebuah tandas yang sangat kotor yang akhirnya engaku akan dikembalikan ke dalam tanah jua bersama dengan ulat-ulat di dalam tanah. Maka ketika itu engkau ketahuilah bahawa engkau bersifat hina dan pastilah sifat hina itu adalah sifat engkau. Adapun sifat Allah S.W.T itu adalah yang sangat mulia, maka mulia itu ialah sifat Tuhanmu yang mengatasi segalanya.

4. Hendaklah engkau ketahui bahawa engaku berada di dalam kefakiran, iaitu sangat berhajat kepada Allah S.W.T., iaitu satu sifat yang lazim ada pada dirimu ketika engku tiada hingga lah kepada ketika engkau dilahirkan ke dunia ini. Walaupun hajatmu itu sedikit atau banyak, engkau tetap berada dalam serba kekurangan dan kepapaan. Maka engkau ketahui sifat fakir ialah sifat yang sejati denganmu dan kaya itu sifat Tuhanmu. Apabila engkau ketahui hal ini, maka hendaklah engkau menyerahkan dirimu kepada Allah S.W.T dan menunaikan segala perintah-Nya serta reda dengan apa-apa yang telah ditentukan kepadamu sama ada pada zahir ataupun batin. Ikutilah segala perintah-Nya dan tinggalkanlah segala larangan-Nya. Janganlah engkau derhaka kepada Allah S.W.T, membesarlu diri serta *riak*, iaitu memperlihatkan kebajikan engkau kepada manusia. Hendaklah engkau ikhlas dalam segala pekerjaanmu kepada Allah S.W.T semata-mata. Dan janganlah engkau menyekutukan Allah di dalam ibadatmu itu sehingga lah tercapai sifat kehambaanmu itu kepada tuhanmu، وَاللَّهُ أَعْلَمْ.

(Inilah) akhir barang yang hamba pungut akan dia daripada kalam ulama yang *muhaqqiqin*⁶⁴⁶ bagi segala kanak-kanak yang maksud mereka itu daripada hafaz dan faham daripada barang yang tak dapat tiada bagi mereka itu mengetahui akan dia pada iktikad dan ibadat dan dinamakan pungutan ini dengan هداية الصبيان في معرفة الاسلام والایمان . (Dan adalah) khatamnya itu pada hari isnin lapan belas Muharram tahun hijrah seribu tiga ratus tiga puluh.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ أَوَّلًا وَآخِرًا وَمُصْلِيًّا وَمُسْلِمًا عَلٰى طَهَ وَآلِهِ . رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ النَّوَابُ الرَّحِيمُ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِبَيَانِنَا وَلِأَمَمَاتِنَا وَلِمَشَايخِنَا وَلِإِخْوَانِنَا وَلِاصْحَابِ الْحُقُوقِ عَلَيْنَا وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ رَبَّنَا تَوَقَّنَا مُسْلِمِينَ وَالْحِقْنَا بِالصَّالِحِينَ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ تَسْبِيْنَا أَوْ أَخْطُلْنَا رَبَّنَا لَا تُسْلِطْ عَلَيْنَا بُدُّونْنَا مَنْ لَا يَخَافُكَ وَلَا يَرْحَمُنَا

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَسَلَّمَ

وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ آمِينَ ...)

Penjelasan

⁶⁴⁶ iaitu ulama-ulama yang melaksanakan dan memastikan kebenaran sesuatu masalah hukum.(Mohd Khairi Zainuddin, 2008 : 1561).

⁶⁴⁷ Ertinya, segala puji bagi Allah S.W.T. Dialah tuhan yang awal dan yang akhir serta selawat dan salam ke atas junjungan besar kita nabi Muhammad S.A.W yang dikenali sebagai Toha serta ahli keluarga beliau. Wahai tuhan kami terimalah permintaan daripada kami ini. Sesungguhnya Engkau ya Allah maha mendengar dan maha mengetahui terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkau penerima taubat lagi bersifat dengan penyayang kepada hamba-hambaMu. Ya Allah ya tuhan kami, ampunilah dosa-dosa kami, dosa ibu bapa kami, datuk nenek kami, saudara mara kami, para sahabat yang membenarkan sesuatu perkara tentang agama kepada kami, seluruh orang-orang Islam samaada lelaki ataupun perempuan. Wahai tuhan kami matikanlah kami di dalam agama Islam. Masukkanlah kami di kalangan hambaMu yang soleh. Wahai tuhan kami janganlah Engkau ambil tindakan kepada kami jika kami melakukan sesuatu tindakan jika tindakan itu kami lakukannya secara terlupa atau tersilap. Wahai tuhan kami jaganlah Engku mengambil tindakan ke atas kami dengan sebab dosa-dosa yang telah kami lakukan terhadap orang-orang yang tidak takutkan Engkau dikalangan orang-orang kafir dan orang yang munafiq, walaupun dikalangan mereka itu mereka yang tidak mengasihi kami, serta mereka sering mengAsari kami. Selawat dan salam ke atas penghulu kami Nabi Muhammad, ke atas keluarganya dan para sahabatnya. Dan segala pujian itu bagi Allah tuhan sekelian alam. Terimalah doa kami ya Allah.

Semuanya ini pengarang ambil daripada perkataan para ulama yang telah memberi kata putus yang memastikan serta menjamin kebenaran sesuatu hukum untuk kanak-kanak mengetahui dan menghafaz segala ilmu yang berkenaan dengan ketuhanan serta yang berkaitan dengan ilmu ibadah. Maka ilmu yang dihimpunkan daripada perkataan ulama serta dinamakan sebagai، هداية الصبيان في معرفة الإسلام والإيمان.

Pengarang telah pun selesai daripada menganalisis kitab ini pada hari Isnin, 18 Muharram 1330H.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ أَوَّلًا وَآخِرًا وَمُصَلِّيَا وَمُسْلِمًا عَلٰى طَهَ وَآلِهِ . رَبَّنَا تَقْبَلْ مِنَ إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ
الثَّوَابُ الرَّحِيمُ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِأَبَائِنَا وَلِأَمَّهَاتِنَا وَلِمَشَايخِنَا وَلِإِخْرَانَا وَلِأَصْحَابِ الْحُقُوقِ عَلَيْنَا وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَ
الْمُسْلِمَاتِ رَبَّنَا تَوَقَّنَا مُسْلِمِينَ وَلِحَقِّنَا يَالصَّالِحِينَ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ تَسْيِئْنَا أَوْ أَخْطُلْنَا رَبَّنَا لَا تُسْلِطْ عَلَيْنَا يَدُنُوبِنَا مَنْ
لَا يَخَافُكَ وَلَا يَرْحَمُنَا

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ آمِينَ ...

4.38 Penutup

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dirumuskan bahawa ilmu tentang ibadah ini khususnya dalam persoalan yang menyentuh isu tentang sembahyang Tuan Husein Kedah mengiktiraf kesesuaian mazhab Imam al-Syafi'i dalam menghuraikan hukum ibadah di Malaysia ini. Tuan Husein Kedah bukan sahaja banyak menggunakan pendekatan pandangan Imam al-Syafi'i dalam penulisannya, malah beliau sendiri turut menyusun karya ilmiahnya yang dihasilkannya berdasarkan kepada metodologi yang diketengahkan oleh Imam al-Syafi'i.

Memandangkan Tuan Husein Kedah berbicara secara langsung dengan persoalan ibadah di dalam kitabnya Hidayah al-Sibyan ini, maka tidak hairanlah kalau kitabnya dijadikan bahan ilmiah atau rujukan kepada setiap pelajar yang ingin mendalami ilmu tentang ibadah dengan lebih mendalam lagi berpandukan kepada pandangan mazhab Imam al-Syafi'i.

BAB LIMA

ANALISIS BEBERAPA ASPEK IBADAH DI DALAM KITAB *HIDAYAH AL-SIBYAN*

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dan menganalisis pandangan Tuan Husein Kedah berkaitan beberapa isu yang mendapat reaksi berbeza dalam kalangan para ulama dan aliran mazhab. Huraian yang lebih mendalam dikemukakan dengan mengetengahkan pandangan-pandangan daripada aliran yang bertentangan di samping menjelaskan pandangan Tuan Husein Kedah dalam isu tersebut.

5.2 Isu-isu Ibadah

Dalam perbahasan berkaitan ibadah, antara isu yang akan dibincangkan ialah bacaan talqin, menghadiahkan pahala bacaan mereka yang hidup kepada yang telah meninggal dunia dan perbahasan tentang najis anjing dan babi.

5.2.1 Bacaan Talqin

Tuan Husein Kedah cenderung menyatakan bahawa adalah sunat membaca talqin selepas mengebumikan mayat seperti yang dinyatakan dalam kitabnya *Hidayah al-Sibyan*:

... Dan sunat membaca talqin, ertiya mengajar akan mayat kemudian daripada sempurna tanamnya (al-Mas'udi al-Banjari, t.th : 30).

Ini sama dengan pendekatan Imam al-Syafi'i dan sebahagian daripada ahli ilmu seperti yang telah dinukilkhan oleh al-Sayyid Sabiq, dalam kitabnya *fiqh al-Sunnah*, iaitu membaca talqin selepas mengebumikan mayat adalah sunat (al-Sayyid Sabiq, 1993 , jilid 1 : 291). Namun, ini agak berbeza dengan pandangan Ibnu al-Qayyim yang dinukilkhan oleh al-Sona'ani dalam kitabnya *Subul al-Salam* yang menyebut bahawa bacaan talqin dianggap sebagai bid'ah kerana berpegang dengan hadis yang da'if (al-Sona'ani, 1992 , jilid 2 : 241). Perkara ini ditegaskan juga oleh al-Utsaimin dalam kitab *Fatawa Arkan al-Islam* yang menyatakan bahawa membaca al-Quran di atas kubur setelah selesai menanam jenazah merupakan amalan yang terkeluar daripada amalan Nabi S.A.W, iaitu bid'ah kerana amalan sedemikian tidak ada dalam hadis Nabi S.A.W dan amalan para sahabat (al-Utsaimin, 1426H : 413).

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa disunatkan membaca talqin selepas mengebumikan mayat secara *tafsil* berdasarkan dalil yang terang. Abdul Kadir Isa Diyab misalnya, beliau menyatakan dalam kitabnya *al-Mizan al-'Adil*, bahawa membaca talqin selepas mengebumikan mayat adalah harus berpandukan beberapa hadis yang sanadnya sangat baik (Abdul Kadir, 2005 : 60).

Bagi Tuan Husein Kedah, membaca talqin selepas mengebumikan mayat adalah sunat bahkan banyak dilakukan di negara yang berpegang pada mazhab Syafi'i. Kenyataan yang sama diutarakan oleh al-Kurdi dalam *Tanwir al-Qulub*, iaitu adalah sunat bagi seseorang yang berada kawasan perkuburan membaca talqin dengan bahasa yang boleh difahaminya, terutama sekiranya mayat itu ialah mereka yang telah mencapai umur baligh dan berakal. Namun begitu, bacaan talqin tidak digalakkan kepada orang tertentu seperti kepada Nabi S.A.W dan mereka yang mati

syahid (al-Kurdi, 1995 : 206). Oleh itu, kedua-dua pandangan ini memberi isyarat bahawa membaca talqin selepas mengebumikan mayat itu adalah sunat.

Dari sudut lain, Abdul Kadir Isa Diyab berpandangan bahawa *khilaf* membaca talqin setelah selesai mengebumikan mayat dengan merujuk pada sanad hadis yang menyatakan sahih dan sebaliknya. Seperti yang dinukilkhan dalam kitab beliau, *al-Mizan al-'Adil*, beliau menjelaskan bahawa hadis yang diriwayatkan oleh Abu Umamah r.a mempunyai sanad yang sangat baik. Hadis tersebut yang bermaksud :

Rasulullah S.A.W bersabda apabila telah mati seseorang daripada saudara kamu maka hendaklah kamu menanamnya dengan tanah ke atas kuburnya. Maka hendaklah kamu berdiri berbetulan kepala mayat itu kemudian berkata, wahai fulan bin fulanah. Maka mayat itu berkata tunjuklah kepadaku semoga Allah merahmati engkau, sedangkan kamu semua tidak terasa dengan keadaan aku sekarang. Maka katakanlah kepada mayat itu, aku mengingatkan engkau maka janganlah engkau keluar dari dunia ini melainkan dengan penyaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu hamba dan pesuruh-Nya. ‘Maka sesungguhnya engkau telah reda Allah itu tuhan engkau, Islam itu agamamu, Nabi Muhammad itu Nabimu, Quran itu ikutanmu (Majma’ al-Zawaid, kitab al-Janaiz, bab talqin al-Mayyit La Ilaha IllaAllah).

Abdul Kadir Isa Diyab turut menjelaskan dalam kitabnya dengan mengambil pandangan daripada Rashid bin saad, Damrah bin Habib dan Hakim bin ‘Umair (mereka bertiga ini adalah orang-orang tabi’in) yang menyatakan seperti yang berikut:

Apabila tanah kubur telah diratakan, kemudian manusia pun mula beredar daripada tanah perkuburan itu, maka ada sebahagian para sahabat berkata sesuatu kepada mayat yang telah ditanam di sisi kubur mayat tersebut dengan katanya wahai fulan katakanlah aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah S.W.T (sebanyak tiga kali), dan berkata lagi wahai fulan katakanlah tuhanku Allah, agamaku Islam, Nabiku Nabi Muhammad S.A.W, kemudian barulah mereka bersurai (Bulugh al-Muram, kitab al-Janaiz, bab Idh Suwwiya ‘Ala al-Mayyit Qabruhu).

Ibnu Hajar pula hanya mendiamkan diri terhadap isu bacaan talqin pada kenyataan di atas, manakala al-Daraqtoni menyatakan bahawa kedua-dua kenyataan itu sebagai hujah yang menyatakan bahawa membaca talqin adalah harus (Abdul Kadir, 2005 : 60). Al-Sona'ani pula menyatakan sanad hadis di atas sangat baik dan boleh dibuat sebagai hukum bahawa melakukan bacaan talqin adalah dibolehkan (al- Sona'ani, 1992, Jilid 2 : 240). Namun ada golongan yang menyatakan bahawa kenyataan hadis di atas adalah daif seperti Ibnu Hazmin yang telah dinukilkhan oleh Abdul Kadir Isa Diyab dalam kitabnya, *al- Mizan al- 'Adil* (Abdul Kadir, 2005: 60).

Golongan yang berpendapat ia suatu bid'ah, seperti al-'Utsaimin, menegaskan bahawa tidak ada nas daripada Nabi S.A.W sendiri serta para sahabat yang berbuat demikian. Oleh sebab itu bukan suatu perbuatan daripada Nabi dan para sahabat, maka membaca al-Quran di sisi kubur itu harus ditinggalkan, termasuklah membaca talqin kerana berdasarkan sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud seperti berikut:

Setiap perkara yang baharu itu dianggap bid'ah, dan setiap yang bid'ah itu sesat dan setiap yang sesat itu tempatnya di dalam neraka Allah S.W.T (Abu Daud, Kitab al-Sunnah, Bab Fi Luzum al-Sunnah).

Oleh itu, beliau berpendapat, setiap orang Islam wajib mengikut apa-apa yang telah dilakukan oleh golongan terdahulu seperti para sahabat dan tabi'in agar berada di jalan kebaikan dan petunjuk daripada Allah S.W.T seperti sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud seperti berikut :

Sebaik-baik perkataan itu ialah perkataan yang datang daripada Allah S.W.T dan sebaik-baik petunjuk itu pula petunjuk yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W (Muslim. Kitab al-Jumu'ah. Bab Takhfif al-Solat Wa al-Khutbah).

Al-‘Utsaimin turut menegaskan bahawa tidak ada nas yang menetapkan tempat untuk orang Islam berdoa. Maka seseorang itu tidak boleh berdoa di sisi kubur kerana tidak terdapat nas yang menyuruh mereka berbuat demikian. Berdoa boleh dilakukan di mana-mana sahaja, tetapi jika menetapkan tempat untuk membaca doa itu seperti hendaklah di atas kubur atau di sisi kubur orang yang baru meninggal dunia, maka ia dianggap perbuatan bid’ah (al-‘Utsaimin, 1426H : 413-414).

Pandangan yang sama diutarakan oleh al-Jazairi yang menyokong pandangan al-‘Utsaimin, iaitu apabila selesai sahaja mengebumikan mayat, sunat bagi orang yang hadir berdoa supaya dosa-dosa si mati diampunkan oleh Allah S.W.T dan tenang semasa menjawab soalan malaikat Mungkar dan Nakir di dalam kubur. Ini berpandukan hadis Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud :

Minta ampunlah sekalian kamu kepada saudara kamu yang telah meninggal dunia dan mintalah kepada Allah S.W.T supaya dia senang menjawab soalan di dalam kubur kerana dia sekarang sedang ditanya oleh malaikat (Sunan Abi Daud, kitab al-janaiz, bab Istighfar ‘Inda al-Qabri lil mayyit dan Bulugh al-Muram, kitab al-janaiz, bab istaghfiru li akhikum).

Selain itu, terdapat sebahagian orang-orang salaf, yang apabila hadir ke majlis pengebumian, hanya berdoa apabila selesai sahaja upacara pengebumian seperti berikut:

Ya Allah ya Tuhan kami, yang telah ditanam ini adalah seorang hamba-Mu, dia telah turun ke dalam kubur, Engkau adalah sebaik-baik yang menurunkannya ke dalam kubur. Maka oleh itu ampunilah dosanya dan luaskanlah serta lapangkanlah kuburnya (Majma’ al-Zawaaid, kitab al-janaiz, bab talkqin al-mayyit ba’da dufnihi).

Ini menunjukkan al-Jazairi tidak menghukum bacaan talqin itu sesuatu yang dibolehkan dan hanya menyatakan bahawa seseorang itu disunatkan beristighfar dan

berdoa kepada si mayat berpandukan hadis di atas (al-Jazairi, t.th : 242). Ini bermakna tidak perlu ada bacaan talqin selepas pengebumian seperti yang dilakukan dewasa ini.

Pandangan Tuan Husein Kedah mengenai sunat membaca talqin yang di dalamnya terdapat ayat-ayat suci al-Quran juga diperincikan oleh Dr ‘Ali Jum’ah yang berpandangan bahawa membaca al-Quran itu sememangnya telah disyariatkan kepada orang Islam tanpa mengira di mana-mana sahaja. Untuk menegah daripada membacanya tidak memerlukan dalil untuk mengaitkannya. Jika terdapat pandangan yang menyatakan bahawa membaca al-Quran di atas kubur ialah bid’ah, ia boleh dipertikaikan kerana Allah S.W.T dan rasul-Nya telah meluaskan konsep membaca al-Quran itu, iaitu al-Quran dibaca walau di mana-mana juga. Oleh yang demikian, membaca al-Quran di sisi kubur ketika selesai majlis pengebumian telah pun ada pengsyariatannya yang bermula dengan nas mengenai keharusan membaca al-Quran. Ini menunjukkan terdapat hadis dan perbuatan daripada ulama salaf yang berbuat demikian (‘Ali Jum’ah, 2007 : 176-177) seperti yang berikut.

1. Diriwayatkan oleh Abdul Rahman bin al-‘Ala’ bin Lajlaj daripada ayahnya. Katanya ayah saya telah berkata kepada saya, wahai anakku apabila aku telah meninggal dunia nanti, masukkanlah aku ke liang lahad. Apabila engkau letakkan aku ke dalam liang lahad maka katalah, dengan nama Allah dan di atas agama Rasulullah, kambuslah aku dengan tanah dengan keadaan yang baik, kemudian bacalah di sisi kepala ku surah al-Baqarah hingga habis. Kerana aku telah dengar Nabi S.A.W bersabda dengan katanya, katakanlah dengan nama Allah dan di atas agama Rasulullah serta bacalah surah al-Baqarah hingga habis (Majma’ al-Zawaaid, kitab al-janaiz, bab talkqin al-mayyit ba’da dufnihi).
2. Daripada Ibnu Umar beliau telah berkata, aku mendengar Nabi S.A.W bersabda jika salah seorang daripada kamu meninggal dunia maka jangan tunggu lama untuk upacara menanam mayat. Bersegeralah hantar mayat itu ke kubur. Maka bacalah surah al-

Fatihah di kepala mayat dan di dua belah kakinya surah al-Baqarah (Majma' al-Zawaid, kitab al-janaiz, bab talkqin al-mayyit ba'da dufnihi).

Dalil di atas jelas menunjukkan bahawa membaca ayat-ayat suci al-Quran di atas kubur bukan amalan bid'ah, bahkan telah dilakukan oleh ramai para sahabat dan tabi'in selepas zaman Nabi Muhammad S.A.W.

Antara perbuatan para ulama salaf yang melakukan demikian ialah :

1. Ibnu Abi Syaibah daripada imam al-Sya'bi telah berkata, adalah golongan al-Ansar mereka membaca al-Quran di sisi mayat dengan surah al-Baqarah.
2. Al-Khalla' daripada Ibrahim al-Nakha'i telah berkata, tidak mengapa membaca al-Quran di sisi kubur. Juga daripada Hassan bin al-Sabbah al-Za'farani berkata, aku telah bertanya Imam Syafi'i tentang membaca al-Quran di kubur, maka beliau berkata tidak mengapa membaca al-Quran di atas kubur ('Ali Jum'ah, 2007 : 181).

Selain itu, banyak lagi dalil yang menunjukkan bahawa diharuskan membaca al-Quran dan talqin di atas kubur yang telah disepakati oleh para mazhab seperti yang terdapat dalam kitab Dr 'Ali Jum'ah ('Ali Jum'ah, 2007: 182) berikut:

1. Dalam *al-Fatawa al-Hindiah* di atas, mazhab al-Hanafi menyatakan adalah sunat seseorang itu duduk selama sejam di sisi kubur selepas upacara pengebumian dengan kadar masa seperti mereka sedang menyembelih binatang korban serta membahagikan daging korban tersebut kepada orang apabila selesai menanam mayat. Maka pada masa tersebut lakukanlah amalan membaca al-Quran dan berdoa untuk si mayat tersebut.
2. Muktamad di dalam mazhab al-Malikiah menyatakan sunat berbuat demikian. Ibnu Habib menyatakan sunat membaca surah Yasin.
3. Pandangan ulama al-Syafi'iyyah, seperti al-Imam al-Nawawi menyatakan sunat bagi yang menziarahi kubur memberi salam kepada penghuni kubur dan berdoa kepada orang yang telah meninggal dunia serta seluruh ahli kubur. Yang terlebih *afdal* ialah memberi salam dan

berdoa seperti yang telah sabit di dalam hadis. Dan membaca al-Quran serta berdoa kepada yang telah meninggal dunia. Inilah yang telah dinaskan oleh al-Syafi'i dan telah dipersetujui oleh semua para ulama Syafi'i.

4. Ulama Hanabilah dan ulama hadis menyokong pendapat al-Hafiz al-Zahabi menyatakan sunat jua membaca al-Quran di sisi kubur.

Oleh itu, walaupun ada pandangan ulama seperti Ibnu Taimiah yang menyebut bahawa membaca al-Quran di atas kubur itu bid'ah, ia sebenarnya bersalahan dengan apa-apa yang telah diamalkan oleh ulama salaf dan khalaf ('Ali Jum'ah, 2007 : 183).

Amalan bacaan talqin juga dibahaskan oleh Dr 'Ali Jum'ah di dalam kitabnya *al-kalimu al-Toyyib Fatawa 'Asriyyah* berpandukan hadis Rashid bin Saad, Damrah bin Habib dan Hakim bin 'Umair serta hadis yang diriwayatkan oleh Abi Umamah al-Bahili yang berbunyi :

1. Apabila tanah kubur telah diratakan, kemudian manusia pun mula beredar daripada tanah perkuburan itu, maka ada sebahagian para sahabat berkata sesuatu kepada mayat yang telah dikuburkan di sisi kubur mayat tersebut dengan katanya, wahai fulan katakanlah aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah S.W.T (sebanyak tiga kali), dan berkata lagi, wahai fulan katakanlah tuhanku Allah, agamaku Islam, Nabiku Nabi Muhammad S.A.W, kemudian barulah mereka bersurai (*Majma' al-Zawaid*, kitab al-Janaiz, bab talqin al-Mayyit la ilaha ilaAllah).⁶⁴⁸
2. Rasulullah S.A.W bersabda apabila telah mati seseorang daripada saudara kamu maka hendaklah kamu menimbusnya dengan tanah ke atas kuburnya. Maka hendaklah kamu berdiri berbetulan kepala mayat itu kemudian berkata, wahai fulan bin fulanah. Maka mayat itu berkata tunjuklah kepadaku semoga Allah merahmati engkau. Sedangkan kamu semua tidak terasa dengan keadaan aku sekarang. Maka katakanlah kepada mayat itu, aku mengingatkan engkau maka janganlah engkau keluar dari dunia ini melainkan dengan penyaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu hamba dan pesuruh-Nya. Maka sesungguhnya

⁶⁴⁸ Hadis ini telah dinukilkan oleh Dr 'Ali Juma'h di dalam kitabnya *al-kalimu al-Toyyib Fatawa 'Asriyyah* ('Ali Juma'h, 2007, jilid 2 : 184) dan dinukilkan juga oleh Abdul Kadir Isa Diyab di dalam kitabnya *al-Mizan al-'Adil* dengan menyatakan hadis ini di dalam kedudukan yang baik (Abdul Kadir, 2005 : 60). Hadis ini dijelaskan juga oleh al-Syaukani di dalam kitabnya *Nail al-Autar*, bahawa kedudukan hadis ini juga baik (al-Syaukani, 1996, jilid 2, : 408).

engkau telah reda Allah itu tuhan engkau, Islam itu agamamu, Nabi Muhammad itu Nabimu, Quran itu ikutammu (Majma' al-Zawaid, kitab al-Janaiz, bab talqin al-Mayyit ba'da duhnihi).⁶⁴⁹

Kedua-dua hadis di atas, menurut Dr 'Ali Jum'ah adalah jelas menyatakan bahawa amalan membaca talqin kepada orang yang telah meninggal dunia itu adalah sunat dilakukan mengikut hadis serta amalan orang-orang salaf yang terdahulu.

Pandangan Tuan Husein Kedah ini juga disokong oleh al-Ghazali yang menyatakan bahawa bacaan talqin telah diamalkan oleh generasi terdahulu kerana jelas mempunyai dalil yang kukuh seperti yang telah dinyatakan oleh kebanyakan ulama. Al-Ghazali menyatakan bahawa adalah sunat membaca talqin dan berdoa kepada si mati berpandukan hadis Abu Umamah al-Bahili (al-Ghazali, 1994, Jilid 6: 128). Ternyata al-'Uthaimin tidak sependapat dengan aliran sebahagian ulama masa kini yang menurutnya menyimpang daripada perbuatan Nabi S.A.W dan para sahabat.

Pada pandangan kebanyakan ulama, amalan membaca talqin bersabitan dengan penerangan syarak. Oleh itu, sesuatu yang sabit daripada hadis dan nas yang umum hendaklah dijadikan hujah tanpa sebarang keraguan atau mengabaikan apa-apa makna. Ini kerana setiap Muslim mestilah beriman dengan segala yang terdapat dalam hadis Nabi Muhammad S.A.W tanpa membezakan hadis sahih dengan hadis yang daif. Maka, membaca al-Quran dan bacaan talqin tidak perlu dipertikaikan kerana amalan tersebut mempunyai nas yang tersendiri.

Walaupun demikian, pandangan ulama yang menyatakan disunatkan membaca talqin dan yang sebaliknya tidak berbeza dengan pandangan berkaitan membaca al-Quran

⁶⁴⁹ Hadis ini juga telah dinukilkhan oleh Dr 'Ali Juma'ah dalam kitabnya *al-kalimu al-Toyyib Fatawa 'Asriyyah* ('Ali Juma'ah 2007, jilid 2 : 184) beliau menyatakan hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Abi Umamah. Dan dinukilkhan juga oleh Abdul Kadir Isa Diyab menyatakan hadis ini dalam kedudukan yang baik dan senada dengan Dr 'Ali Jum'ah iaitu al-Hafiz al-Diya' pada kitab Ahkamnya (*al-Mizan al-'Adil*, 2005 : 60), serta al-Syaukani dalam kitabnya *Nail al-Autar* (al-Syaukani, 1996, jilid 2, : 408).

atau talqin. Yang menjadi pertelingkahan ialah perbuatan sedemikian tidak pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W serta para sahabat di samping kedudukan sanad hadis yang menyatakan sunat berbuat demikian.

Imam al-Qurtubi dalam *al-Tazkirah* berpendapat, hadis yang diriwayatkan oleh Abi Umamah al-Bahili itu sanadnya daif. Al-Qurtubi juga menukilkan bahawa al-Tabrani dalam *al-Kabir*, al-Haitsami dalam *Majma' al-Zawa'id* dan al-'Ajluni dalam *Kashfu al-Khafa'* menyatakan hadis yang diriwayatkan oleh Abi Umamah al-Bahili itu, sanadnya daif. Namun demikian menurut al-Qurtubi, walaupun hadis tersebut daif, tetapi ia dikuatkan dengan kenyataan lain seperti yang dinyatakan Ibnu al-Diya' dalam *al-Ahkam* dan al-Hafiz Ibnu Hajar. Al-Imam Ahmad misalnya menyatakan bahawa amalan membaca talqin telah dilakukan oleh penduduk negeri Syam manakala Ibnu 'Arabi pula menyatakan perbuatan membaca talqin juga telah dilakukan oleh penduduk Madinah. Senada dengan al-Imam Ahmad dan Ibnu 'Arabi, Ibnu Hajar menerusi kitabnya *al-Tuhfah* menyatakan bahawa disunatkan membaca talqin kepada orang yang baligh, berakal, dan orang yang gila yang sebelumnya adalah waras serta orang yang mati syahid setelah selesai upacara pengebumian (al-Qurtubi, 2006 : 108).

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa pembacaan talqin ketika selesai pengebumian bertujuan mengajar si mayat dengan soalan-soalan yang akan ditanya oleh malaikat serta mengingatkan kepada mayat itu supaya berkata Allah tuhanku, Islam agamaku, Nabi Muhammad S.A.W itu Nabiku (al-Qurtubi, 2006 : 109) Seperti hadis yang telah dinukilkan oleh Abdul Kadir Isa Diyab dalam *al-Mizan al-'Adil* daripada Rashid bin saad, Damrah bin Habib dan Hakim bin 'Umair yang bermaksud seperti berikut:

Apabila tanah kubur telah diratakan, kemudian manusia pun mula beredar daripada tanah perkuburan itu, maka ada sebahagian para

sahabat berkata sesuatu kepada mayat yang telah dikuburkan di sisi kubur mayat tersebut dengan katanya wahai fulan katakanlah aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah S.W.T (sebanyak tiga kali), dan berkata lagi wahai fulan katakanlah tuhanku Allah, agamaku Islam, nabiku Nabi Muhammad S.A.W, kemudian barulah mereka bersurai (*Bulugh al-Muram*, kitab *al-Janaiz*, bab *Idh Suwwiya ‘Ala al-Mayyit Qabruhu*).

Oleh itu, pada pandangan pengkaji tiada pertembungan antara yang menyatakan sunat membaca talqin dan sebaliknya kerana amalan tersebut merupakan *khilaf* ulama dari segi sanad hadis serta amalan para sahabat dan tabi'in dalam kalangan ulama salaf. Maka, dapat disimpulkan bahawa pendekatan ulama seperti al-Qurtubi, al-Syaukani, Abdul Kadir Isa Diyab, Dr ‘Ali Jum’ah dan lain-lain dalam persoalan sunat membaca talqin kepada si mayat merupakan pendekatan yang lebih mudah diterima dalam konteks negara kita Malaysia yang bermazhab Syafi’i. Malah, pendekatan yang diperkatakan Tuan Husein Kedah juga merupakan pendekatan kebanyakan ulama yang bermazhab Syafi’i yang sewajarnya diberi perhatian.

5.2.2 Hadiah pahala amalan kebajikan kepada orang yang telah meninggal dunia.

Seperti yang dijelaskan, Tuan Husein Kedah menyatakan bahawa sunat menghadiahkan pahala amalan kebajikan kepada orang yang telah meninggal dunia.

Menurut beliau dalam kitabnya *Hidayah al-Sibyan*:

... Dan sunat bagi kita yang hidup membanyakkan membaca doa dan bersedekah dan bagai-bagai kebajikan hadiahkan pahalanya kepada segala mayat kerabat kita dan lainnya daripada segala Muslimin kerana sekaliannya mereka itu sangat berhajat kepada doa orang yang hidup (*al-Mas’udi al-Banjari*, t.th : 30).

Secara umumnya, semua mazhab dalam Islam menerima konsep melakukan amalan yang makruf seperti membaca al-Quran, berzikir, bertahlil, melakukan sedekah dan lain-lain amalan yang baik. Namun dalam hal menghadiahkan pahala daripada amalan kebaikan kepada mereka yang telah meninggal dunia, wujud pandangan yang pelbagai disebabkan perbezaan pemahaman terhadap dalil-dalil al-Quran serta hadis Nabi S.A.W sendiri. Dalam hal ini, Tuan Husein Kedah menyatakan sunat bagi mereka yang masih hidup melakukan amalan kebaikan dan menghadiahkan pahala tersebut kepada mereka yang telah meninggal dunia. Ini bertepatan dengan pegangan para ulama yang empat, Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Syafi'i dan Hanbali sebagai pegangan atau jawapan kepada kejumudan pihak yang menafikan sampainya pahala amalan kebaikan seseorang yang masih hidup apabila dia menghadiahkannya kepada mereka yang telah meninggal dunia. Ini berdasarkan kenyataan beberapa ayat seperti dalam surah al-Najmi ayat 39 yang berbunyi seperti berikut:

وَأَن لَّيْسَ لِلَّإِنْسَنِ إِلَّا مَا سَعَى

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya tidak ada balasan bagi seseorang itu melainkan balasan apa yang diusahakannya.

Walaupun zahirnya ayat tersebut menafikan bahawa seseorang selepas mati boleh mendapat manfaat melalui apa-apa yang dikerjakan oleh orang lain yang berada bersama-samanya dan memberi manfaat kepadanya selain apa-apa yang diusahakannya sendiri, terdapat banyak nas lain mensabitkan bahawa seseorang itu boleh mendapat manfaat daripada usaha orang lain. Para ulama *muhaqqiqin*, khususnya ulama salaf seperti al-Syeikh Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim yang memahami ayat tersebut dengan fahaman yang betul mensabitkan manfaat kepada orang yang mati hasil daripada amalannya dan amalan orang lain. Mereka

menerangkan makna ayat ini dan menyesuaikannya dengan nas-nas yang lain yang berkaitan.

Menurut al-'Allamah al-Syeikh Fakhruddin 'Othman bin 'Ali al-Zila'i seperti yang dinukilkan oleh Abdul Majib bin Muhammad Noor, iaitu berkaitan mengambil manfaat seseorang Muslim daripada amalan kebaikan saudara Muslimnya.(Abdil Majid, t.th : 4-5), merujuk firman Allah S.W.T dalam surah al-Najmi ayat 39 seperti yang dinyatakan Ibnu 'Abbas bahawa ayat itu telah pun dimansuhkan dengan ayat lain dalam surah al-Thur ayat 21 yang berbunyi seperti berikut:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعُوهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانِ الْحَقِّ نَابِهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ

Maksudnya: Dan orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan cara beriman, kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka dalam syurga.

Namun terdapat sedikit perbezaan pandangan antara Imam al-Syafi'i seperti yang dipetik daripada al-Sona'ani dalam kitabnya, *Subulu al-Salam Syarh Bulugh al-Muram Min Jami' Adillah al-Ahkam Li Ibn Hajar al-'Asqalani*, iaitu sejauh manakah amalan tersebut dapat memberi pahala kepada mereka yang telah mati. Bagi Imam al-Syafi'i, berdoa dan minta ampun dengan mereka yang telah meninggal dunia memberi manfaat kepada mereka, tetapi membaca al-Quran kemudian menghadiahkan pahalanya tidak akan sampai kepada mereka (al-Sona'ani, 1992, Jilid 2 : 251). Perkara ini juga dibincangkan oleh al-Syaukani di dalam kitabnya *Nail al-Autar* yang menyatakan bahawa mazhab Muktazilah juga berpendapat bahawa pahala amalan kebaikan seseorang itu tidak akan sampai kepada orang yang telah meninggal dunia jika dihadiahkan kepadanya (al-Syaukani, 1996, Jilid 2 : 410).

Dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah*, Sayyid Sabiq menjelaskan bahawa telah disepakati oleh Imam al-Bukhari dan Muslim yang orang yang telah meninggal dunia mendapat manfaat daripada apa-apa yang telah diusahakannya semasa hidupnya berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud :

Apabila mati seorang anak Adam itu maka terputuslah amalan kebaikannya melainkan tiga perkara, sedekah yang telah dia usahakan semasa hidupnya, ilmu yang memberi manfaat kepada manusia dan memiliki anak yang soleh dan yang beriman kepada Allah S.W.T.(Al-Nasai, kitab al-Wasoya, bab Fadli al-Sodaqah ‘an al-Mayyit).

Hadis yang telah diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang pula bermaksud:

Sesungguhnya akan mengalir pahala amalan kebaikan selepas matinya seseorang anak Adam itu jika semasa hayatnya dia telah melakukan seperti menyebarkan ilmu pengetahuan kepada manusia, meninggalkan anak yang soleh dan beriman kepada Allah S.W.T, sedekah al-Quran, membina masjid atau rumah untuk orang yang berjuang ke jalan Allah S.W.T, mengorek tanah untuk dibuat anak sungai untuk orang ramai dan hartanya dia mengeluarkannya semasa hayatnya.(Ibnu Majah, kitab al-Sunnah, bab Thawabu Mu'allimi al-nas al-Khair).

Selain itu, al-Sayyid Sabiq menjelaskan dengan terperinci bahawa yang mendatangkan manfaat kepada mereka yang telah meninggal dunia adalah seperti berikut:

- i. Berdoa dan beristighfar kepadanya.

Hadis Nabi yang bermaksud, “apabila kamu sembahyang mayat, maka ikhlaskanlah membaca doa kepada mayat tersebut.” Dan sabdanya lagi yang bermaksud, “katakanlah, ya Allah ya tuhan kami, ampunilah dosa-dosa orang yang masih hidup ataupun mereka yang telah meninggalkan kami.” Dan para ulama salaf dan khalaf mengamalkannya hingga ke hari ini (Ibnu Majah, kitab al-Janaiz, Bab Ma Ja’ Fi al-Doa Fi Solat ‘ala al-Janaiz).

- ii. Bersedekah untuk mayat tersebut.

Al-Sayyid Sabiq memetik, “berkata Imam al-Nawawi bahawa pahala bersedekah itu akan sampai kepada si mati sama ada yang bersedekah itu anaknya atau orang lain” berpandukan hadis Imam Muslim yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a yang bermaksud, “sesungguhnya seorang lelaki berkata kepada Nabi S.A.W, wahai Rasulullah, ayah saya telah meninggal dunia lalu dia telah meninggalkan harta dan dia tidak berwasiat apa-apa pun dengan harta tersebut, bolehkan saya gunakan untuk membayar kafarah untuknya atau bersedekah untuknya? Lalu Nabi Muhammad S.A.W bersabda, boleh.”(Ibnu Majah, kitab al-Wasoya, bab Man Mata Wa Lam Yusi). Selain itu, daripada al-Hassan daripada Sa’d bin ‘Ubadah katanya, “ibu saya telah meninggal dunia, lalu dia bertanya kepada nabi S.A.W , wahai Rasulullah bolehkah saya bersedekah untuk ibu saya? Sabda Nabi S.A.W boleh, bersedekahlah untuk ibu engkau. Katanya lagi, apakah sedekah yang paling baik ya Rasulallah? Nabi S.A.W bersabda, memberi minum kepada orang ramai. Maka berkata al-Hassan, itulah cebok yang telah diberikan oleh keluarga Sa’d di Madinah untuk diberi minum kepada orang ramai (Imam Muslim, Kitab al-Sodaqah, Bab Wusul Shawabi al-Sodaqat Ila al-Mayyit).

- iii. Berpuasa bagi orang yang telah meninggal dunia.

Hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu ‘Abbas yang bermaksud, “Telah datang seorang lelaki kepada Nabi Muhammad S.A.W lalu berkata, wahai Rasulullah ibu saya telah meninggal dunia, dan dia ada meninggalkan puasa sebulan yang belum diqadanya, bolehkah saya menolong untuk mengqada untuknya? Maka sabda Nabi S.A.W jika ibumu ada meninggalkan hutang, adakah engkau akan menolong

untuk melunaskan hutangnya? Kata lelaki tersebut ya, sabda Nabi S.A.W maka hutang kepada Allah S.W.T itu lebih mustahak untuk ditunaikan” (Muslim, kitab al-Siyam, bab Qada’ al-Saum ‘an al-Mayyit Wa Jawazuhu).

iv. Menunaikan Haji.

Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Ibnu ‘Abbas katanya, ada seorang perempuan daripada bangsa Juhainah datang kepada Nabi S.A.W lalu bertanya kepada Nabi, “sesungguhnya ibu saya telah bernazar untuk menunaikan haji, lalu ibu saya telah pun meninggal dunia, bolehkan saya menunaikan haji untuknya?” Lalu Nabi Muhammad S.A.W bersabda, “buatlah haji untuk ibumu, adakah jika ibumu mempunyai hutang engkau akan melunaskannya?” Oleh itu tunaikanlah hak Allah S.W.T kerana hak Allah S.W.T lebih berhak untuk ditunaikan (al-Bukhari, Kitab al-Muhassir, Bab al-Haj Wa al-Nuzur ‘an al-Mayyit).

v. Membaca al-Quran.

Menurut al-Sayyid Sabiq, membaca al-Quran kemudian menghadiahkan pahala bacaan tersebut kepada orang yang telah meninggal dunia dikatakan akan sampai kepada mereka selari dengan pandangan Jumhur daripada Ahli al-Sunnah. Al-Sayyid Sabiq menukilkan lagi dengan katanya, “berkata al-Nawawi, pandangan yang paling masyhur dalam kalangan mazhab al-Syafi’i menyatakan, tidak sampai pahala tersebut kepada si mayat”, namun, Imam Ahmad bin Hanbal dan sebahagian sahabat Imam al-Syafi’i menyatakan bahawa pahala itu akan sampai kepada si mati. Dalam menjelaskan hal ini, al-Syaukani menukilkan di dalam kitabnya, *Nail al-Autar*, bahawa anak yang soleh yang mendoakan kedua ibu bapanya yang telah meninggal dunia itu mestilah anaknya sendiri. Jika orang yang melakukannya bukan anaknya,

maka tidak akan sampai pahala kepada si mati. Dalil tersebut terhenti sehingga muncul dalil lain menjelaskan kedudukan tersebut (al-Syaukani, 1996, jilid 2 : 410).

Dalam menjelaskan dalil daripada al-Quran surah al-Najmi ayat 39, iaitu “bahawa sesungguhnya tidak ada balasan bagi seseorang itu melainkan balasan yang dia telah usahakan sahaja” yang zahirnya menafikan seseorang boleh mendapat manfaat dengan apa-apa pekerjaan daripada orang lain selepas matinya kecuali apa-apa yang telah diusahakannya sendiri semasa di dunia ini (Abdul Majid, t.th : 4), Ibnu Qudamah menerusi *al-Mughni* seperti yang telah dinukilkan oleh al-Sayyid Sabiq, “telah berkata Imam Ahmad bin Hanbal bahawa orang yang telah mati akan sampai pahala kepadanya daripada amalan-amalan kebaikan yang dilakukan oleh orang yang masih hidup di atas muka bumi ini. Ini berdasarkan dalil-dalil yang yang telah nyata datang menjelaskan perkara tersebut. Menjadi kebiasaan manusia di seluruh dunia ada yang membaca al-Quran kemudian menghadiahkan pahala bacaan tersebut kepada si mayat tanpa ada sebarang pertikaian.” Ini ialah ijma’ para ulama (al-Sayyid Sabiq, 1993, Jilid 1 : 309).

Walaupun mendapat kritikan kerana pegangan dalam kalangan mazhab al-Syafi’i yang menyatakan bahawa tidak sampai sedekah pahala amal kebaikan kepada si mati, pandangan jumhur daripada Ahli al-Sunnah tidak wajar diketepikan kerana pandangan ini bersandarkan al-Quran dan hadis. Bagi menjelaskan hal ini, Dr ‘Ali Jum’ah berkata di dalam kitabnya, *Fatawa ‘Asriyyah*, seseorang yang membaca al-Quran kepada si mati sama ada di kubur atau berjauhan dari kubur tersebut,

hukumnya ialah harus manakala pahala yang dihadiahkan akan sampai kepadanya dengan izin Allah S.W.T dengan syarat orang yang membaca al-Quran itu berniat untuk menghadiahkan pahala tersebut kepada mereka yang meninggal dunia ('Ali Jum'ah, 2007, Jilid 2 : 186). Al-Syaukani pula ketika membicarakan hal tersebut di dalam kitabnya, *Nail al-Autar*, menyatakan bahawa seseorang yang melakukan amalan kebaikan sama ada melakukan sembahyang, puasa, haji, sedekah, membaca al-Quran, dan lain-lain amalan baik, lalu menghadiahkan pahala itu kepada mereka yang meninggal dunia, maka pahala itu akan sampai kepadanya dan memberi manfaat kepadanya menurut pendapat Ahli Sunnah (al-Syaukani, 1996, jilid 2 : 410).

Selain Dr 'Ali Jum'ah dan Al-Syaukani, al-Ghazali sebagai salah seorang tokoh besar telah memperjelas masalah ini dengan perbahasan yang memuaskan. Dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, beliau menjelaskan "aku mendengar Ahmad bin Hanbal berkata, apabila kamu masuk ke kawasan kubur maka bacalah surah al-Fatiyah, surah al-Falaq dan al-Nas serta surah al-Ikhlas. Kemudian hadiahkanlah pahala bacaan ayat suci al-Quran itu kepada ahli kubur kerana pahala itu akan sampai kepada mereka" (al-Ghazali, 1994, Jilid 5: 129). Kenyataan ini disokong kuat oleh al-Qurtubi menerusi *al-Tazkirah*, dengan berdalilkan hadis daripada 'Ali bin Abi Talib berkata, aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud, sesiapa yang berjalan ke kawasan kubur, dia membaca surah al-Ikhlas sebanyak 11 kali kemudian menghadiahkan pahala bacaan itu kepada orang yang mati di kawasan itu, maka akan diberi kepadanya pahala bilangan orang mati yang ditanam kawasan perkuburan itu⁶⁵⁰(al-Qurtubi, 2006 : 76).

⁶⁵⁰ Hadis ini di kategorikan sebagai hadis yang *maudu'*. Kenyataan ini terdapat di dalam kitab *Silsilah al-Ahadis al-Doifah Wa al-Maidu'* oleh al-Albani (al-Albani, 1977, jilid 3 : 452).

Walaupun dalil yang dinyatakan oleh al-Qurtubi di atas ialah hadis *maudu'*, kenyataan dilanjutkan dengan menjelaskan bahawa tiada perselisihan pendapat sama ada pahala itu sampai atau tidak kepada si mati. Yang pasti, membaca al-Quran, berdoa dan meminta ampun kepada si mati akan sampai kepadanya jika semuanya itu dianggap sebagai suatu sedekah kepada mereka yang telah meninggal dunia kerana sedekah tidak semestinya dikhususkan dengan harta benda. Penjelasan al-Qurtubi ini berdalikan bab qasar sembahyang daripada sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud seperti berikut:

Qasar sembahyang itu adalah suatu anugerah daripada Allah S.W.T (sedekah) kepada kamu semua umat Nabi Muhammad S.A.W, oleh itu terimalah sedekah tersebut daripada Allah S.W.T.(Muslim, Kitab Solat al-Musafirin Wa Qasruha, Bab Solat Qasar).

Merujuk pandangan seperti di atas, ternyata bahawa fahaman Ahli al-Sunnah berkaitan menghaddahkan pahala daripada amalan kebaikan seseorang yang masih hidup kepada yang telah meninggal dunia mempunyai asas yang kuat dan bertepatan dengan fahaman para ulama muktabar. Ini selari dengan pandangan keempat-empat mazhab yang bersetuju bahawa pahala yang dihaddahkan oleh orang yang hidup akan sampai kepada mereka yang telah meninggal dunia. Kenyataan tersebut diperincikan oleh Abdul Majid bin Muhammad Noor di dalam risalahnya seperti berikut:

1. Pendapat ulama Hanafi, al-'Allamah al-Marghinani menyatakan seperti berikut:

Seseorang itu harus baginya menjadikan pahala amalannya kepada orang lain sama ada sembahyang , puasa, sedekah atau lainnya di sisi Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Ini kerana diriwayatkan bahawa nabi S.A.W telah mengorbankan dua ekor kibas yang elok, seekor untuk dirinya dan seekor lagi untuk umatnya untuk mengesakan Allah S.W.T (Abdul majid, t.th : 10).

2. Pendapat ulama Maliki, al-Imam al-qodi Abu Fadli ‘Iyad menyatakan :

Difaham oleh para ulama daripada hadis yang menyatakan sunat membaca al-Quran ke atas orang mati kerana kalau pelelah tamar dari jenis yang beku dan kaku boleh meringankan siksanya, maka bacaan al-Quran tentulah lebih utama (Abdul Majid, t.th : 13).

3. Pendapat ulama Hanbali, al-Syeikh al-Imam Abu Muhammad bin Qudamah al-Maqdisi menyatakan :

Tiada tegahan membaca al-Quran di atas kubur, sesungguhnya diriwayatkan daripada Ahmad ia berkata, apabila kamu memasuki kawasan tanah perkuburan maka bacalah ayat kursi dan tiga kali baca surah al-Ikhlas. Kemudian katakanlah ya Allah sesungguhnya kelebihan pahala membaca ayat suci al-Quran itu aku hadiahkan kepada ahli kubur ini (Abdul Majid, t.th : 17).

4. Pendapat ulama Syafi’i, seperti al-Nawawi menyatakan :

Sunat bagi orang yang menziarahi kubur membaca apa-apa yang mudah baginya daripada al-Quran dan berdoa untuk mereka selepasnya.

Berkata al-Syabramlisi ke atas pandangan Syekh al-Ramli, dengan kenyataannya yang bermaksud :

...bahawasanya jika berniat seseorang pada pahala bacaannya atau berdoa ia selepas membaca al-Quran untuk dihadiahkan pahala tersebut kepada si mati atau dia membaca al-Quran di atas kubur si mati maka akan terhasillah pahala kepada si mayat itu. Begitu juga pembaca al-Quran akan mendapat pahala juga ketika dia membacanya. Apabila pembaca al-Quran membaca dengan niat selain Allah S.W.T sekalipun, pahala tetap akan sampai kepada si mayat jika dihadiahkan kepadanya. Namun pembaca itu tidak akan mendapat apa-apa pahala bacaannya kerana perbuatan itu dilakukan selain Allah S.W.T (Abdul Majid, t.th : 24-25).

Ini jelas menunjukkan kesepakatan antara semua aliran mazhab bahawa menghadiahkan pahala amalan kebaikan akan berhasil dan sampai kepada orang yang telah meninggal dunia.

Jika ditinjau fatwa negeri Kedah Darul Aman pula, amalan menghadiahkan atau niat menyedekahkan pahala kebaikan kepada orang yang telah meninggal dunia adalah harus, dan pahala-pahala tersebut akan disampaikan oleh Allah S.W.T kepada mereka yang telah meninggal dunia (Himpunan Fatwa Negeri Kedah Darul Aman, Bil. 3, t.th : 5). Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa keterangan Tuan Husein Kedah dalam persoalan ini hanyalah menjelaskan fahaman dan pegangan sebenar seperti yang difahami oleh para ulama muktabar sebelumnya.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan pada pandangan pengkaji seperti keterangan di atas bahawa pandangan Tuan Husein Kedah dalam menjelaskan amalan bacaan talqin kepada orang telah meniggal dunia dan amalan menghadiah pahala amalan kebijakan kepada orang yang telah meninggal dunia itu mempunyai sandaran yang kukuh daripada pandangan para ulama mazhab yang empat khususnya mazhab al-Syafi'iyyah. Setiap pandangan beliau ternyata mempunyai hujah dan sandaran dalil daripada ulama muktabar sebelumnya. Justeru itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa pandangan Tuan Husein Kedah dalam menjelaskan amalan bacaan talqin kepada orang telah meniggal dunia dan amalan menghadiah pahala amalan kebijakan kepada orang yang telah meninggal dunia itu ternyata bertepatan dengan fahaman *Ahlu Sunnah wa al-Jama'ah*.

5.2.3 Najis anjing dan babi

Seperti yang dijelaskan, Tuan Husein Kedah menyatakan bahawa anjing dan babi termasuk di dalam kategori binatang yang najis. Menurut beliau dalam kitabnya *Hidayah al-Sibyan*:

...Bermula *dabit* najis iaitu engkau kata: Bermula sekelian binatang suci sekeliannya pada ketika hidupnya melainkan anjing dan babi. Bermula segala *juzuk* bangkai iaitu najis sekeliannya melainkan bangkai manusia dan ikan dan belalang.(al-Mas'udi al-Banjari, t.th : 11).

Di dalam al-Quran, Allah S.W.T mengkategorikan khinzir atau babi sebagai binatang yang haram dimakan. Adapun anjing merupakan binatang yang membawa najis *mugallazah* (najis yang berat). Kedua-dua binatang ini adalah najis dan haram dimakan oleh umat Islam.

Namun perbahasan mengenai anjing agak panjang di kalangan ulama. Ini kerana ada ketikanya anjing boleh dimanfaatkan seperti mengajar memburu dan membantu di dalam menjalankan siasatan seperti mana anjing-anjing yang diajar oleh polis untuk mengawal keselamatan dan sebagainya.

Dalam pengharaman khinzir (babi), Allah S.W.T berfirman yang bermaksud :

...Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang ketika disembelih disebut nama selain Allah. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa memakannya sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha penyayang (al-Baqarah, 1732 : 2).

Menurut al-Zuhaili, ayat ini menjelaskan bahawa haram bagi orang Islam memakan daging babi dan babi termasuk dalam kategori binatang yang kotor dan najis serta boleh membawa kepada kemudaratannya(al-Zuhaili, 1991, jilid 1-2: 79).

Di dalam memanfaatkan anjing Allah S.W.T berfirman yang bermaksud :

...Mereka menanyakan kepadamu, apakah yang dihalalkan bagi mereka? Katakanlah, dihalalkan bagimu yang baik-baik dan buruan yang ditangkap oleh binatang yang telah kamu ajar dengan melatihnya untuk memburu, kamu mengajarnya menurut apa yang telah diajarkan Allah kepadamu. Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untukmu dan sebutlah nama Allah atas binatang buas itu waktu melepasnya dan bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat cepat hisabNya (al-Maidah, 4 : 5).

Maksud binatang buas itu, iaitu anjing yang dilatih menurut kepandaian yang diperoleh daripada pengalaman fikiran manusia yang diilhamkam daripada Allah tentang melatih binatang buas itu dan cara memburu. Selain itu buruan yang ditangkap oleh binatang yang buas itu semata-mata untuk tuannya dan tidak dimakan sedikitpun oleh binatang tersebut. Seterusnya pada waktu melepaskan binatang buas itu hendaklah disebut nama Allah sebagai ganti binatang buruan itu sendiri menyebutkan waktu menerkam buruan (al-Zuhaili, 1991, jilid 5-6 : 93).

Perkara yang berkaitan dengan anjing ini ditegaskan lagi di dalam hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud :

Apabila anjing meminum air atau menjilat pada bekas air kapunyaan salah seorang di antara kamu, maka hendaklah bekas air itu dibasuh sebanyak tujuh kali (menyamak) salah satunya dengan air tanah.(Imam Mulim, kitab toharah, bab hukum anjing menjilat bekas air).

Adapun pengharaman anjing dapat dilihat melalui hadis Rasulullah S.A.W di atas. Walaupun pada asasnya hadis ini menyuruh orang Islam membersihkan bekas yang dijilat oleh anjing, tetapi ia membawa maksud yang luas sehingga para ulama mengistinbatkan (mengeluarkan hukum) bahawa jika mulutnya dikira membawa najis apatah lagi tubuhnya serta apa-apa sahaja yang keluar daripada anjing maka

dihukumkan juga sebagai najis. Termasuk juga anjing yang diajar untuk memburu atau sebaliknya seperti anjing peliharaan atau anjing yang hidup berkeliaran di kampung-kampung tanpa ada penjaganya. Maka semua jenis anjing tersebut dikira najis.(al-Nawawi, 1996, jilid 3 : 520).

Seperti yang telah dijelaskan, Tuan Husein Kedah cenderung kepada pendekatan bahawa anjing dan babi itu adalah dua binatang yang najis dan termasuk di dalam kategori najis yang *mughallazoh* (iaitu najis berat). Pendekatan tersebut merupakan pendekatan al-Imam Taqiyuddin Abi Bakar Muhammad al-Husaini salah seorang daripada ulama Syafi'i yang berpegang kepada asas yang menyatakan semua binatang yang ada di atas bumi ini dianggap bersih suci, melainkan anjing dan babi serta setiap binatang yang lahir hasil daripada perkongsian dengan salah satu daripada keduanya.(al-Damsyiqi al-Syafi'i, 1992 : 69). Mengikut pandangan al-Zuhaili di dalam kitabnya al-Tafsir al-Munir, beliau menjelaskan bahawa yang dimaksudkan daging babi itu, termasuklah lemak dan sekelian anggota tubuh badannya, begitu juga anjing. Maka binatang anjing dan babi termasuk di dalam perkara yang najis dan kotor seperti bangkai dan darah. Tafsiran ulama al-Syafi'iyyah itu berdasarkan firman Allah S.W.T yang bermaksud :

...Kerana sesungguhnya ia adalah kotor.(al-An'am, 145 : 6).

Ayat di atas menunjukkan bahawa babi adalah binatang yang najis. Hal yang sedemikian berdasarkan kepada *domir* (kata ganti nama) di dalam ayat di atas kembali kepada binatang yang bernama babi. Kerana kata ganti nama itu lebih hampir kepada perkataan khinzir iaitu babi. Lalu ditafsirkan bahawa babi itu adalah binatang yang jelas najis.(al-Zuhaili, 1991, jilid 7-8 : 80-81). Keterangan yang sama

dijelaskan oleh Jalaluddin Muhammad bin Ahmad al-Mahalli di dalam kitabnya al-Qalyubi Wa ‘Umairah, iaitu anjing dan babi serta binatang yang lahir hasil daripada perkongsian daripada keduanya itu adalah najis. Dan bukti yang menyatakan bahawa anjing itu dianggap najis berpandukan kepada hadis nabi S.A.W yang bermaksud :

Apabila anjing meminum air atau menjilat pada bekas air kapunyaan salah seorang di antara kamu, maka hendaklah bekas air itu dibasuh sebanyak tujuh kali (menyamak) salah satunya dengan air tanah.

(Imam Mulim, kitab toharah, bab hukum anjing menjilat bekas air).

Hadis di atas jelas menyatakan bahawa anjing dan babi sama-sama najis. Yang berbezanya hanyalah anjing, kerana anjing boleh mendatangkan manfaat kepada manusia seperti digunakan untuk tujuan memburu dan sebagainya.(Hindawi, 2009, jilid 1 : 202).

Pendekatan di atas agak berbeza dengan pandangan yang *muktamad* di kalangan ulama Malikiyyah yang megisbatkan tentang daging babi di dalam al-Quran itu, iaitu babi yang hidup (tidak mati), peluh babi, air mata babi, dan air liur babi, mereka menganggapnya sebagai bersih. Adapun anjing pula, *al-Asoh* disisi ulama al-Hanafiyyah berpendapat bahawa batang tubuh anjing itu tidak najis. Ini kerana anjing digunakan untuk memburu binatang dan dugunakan juga untuk mengawasi harta benda manusia. Adapun babi pula dianggap najis sekelian badannya. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T di atas yang menunjukkan kata ganti nama di dalam al-Quran itu merujuk kepada babi. Adapun mulut anjing, air liurnya dan tahinya maka dianggap najis. Mulut anjing, air liur dan tahinya itu tidak boleh *diqiasikan* kepada tubuh badannya yang lain. Selain daripada itu tubuh badan anjing tidak najis. Adapun pandangan ulama Malikiyyah tentang anjing pula, sekelian tubuh badan

anjing itu bersih. Kecuali apabila anjing meminum air atau menjilat pada bekas air kepunyaan salah seorang di antara kamu, maka hendaklah bekas air itu dibasuh sebanyak tujuh kali (menyamak) salah satunya dengan air tanah dengan tujuan untuk mengikut tuntutan syarak sahaja.(al-Zuhaili, 2006, jilid 1 : 306). Ini kerana hadis Nabi S.A.W di atas menyuruh manusia menyamak bekas yang terkena air liur anjing sahaja. Suruhan Rasulullah S.A.W supaya bekas yang terkana air liur anjing itu disamak. Ini kerana mulut anjing adalah tempat anjing memakan pelbagai benda serta terdedah kepada kekotoran. Maka dilihat oleh ulama Malikiyyah itu bahawa yang membawa bahaya adalah apa-apa yang keluar dari mulut anjing dan bukannya badan anjing tersebut. Maka jelaslah bahawa anjing adalah binatang yang najis dari segi air liurnya sahaja.

Berhubung pandangan Imam Malik tentang najis anjing ini, beliau membahagikan kepada empat kategori jenis anjing sama ada najis atau tidak, pertama, semua jenis anjing itu dianggap bersih. Kedua semua jenis anjing dianggap najis. Ketiga bersih bekas minuman anjing yang dikhaskan untuk memburu binatang ternakan. Ini pandangan yang telah diriwayatkan oleh Imam Malik sendiri. Dan yang keempat pula membezakan anjing yang hidup dikampung dan yang ditugaskan untuk menjaga ketenteraman awam. Maka yang hidup di kampung itu bersih dan suci dan yang ditugaskan untuk menjaga ketenteraman awam adalah najis ('Atiyyah Saqr, t.t : 426).

Perkara ini ditegaskan oleh 'Atiyyah Saqr ('Atiyyah Saqr, t.t : 426-427) bahawa sebahagian ulama Syafi'iyyah berpendapat anjing adalah najis keseluruhannya, sama

ada kecil atau besar. Ini berdasarkan adanya perintah supaya dicuci bejana yang dijilatnya sebanyak tujuh kali. Menurut mereka, jikalau anjing itu tidak najis, kenapa Nabi S.A.W memerintah kepada umatnya supaya dibasuh bejana yang dijilatnya sebanyak tujuh kali. Bahkan, menurut pendapat Imam al-Syafi'e tentang najisnya anjing ini termasuk najis yang *mughallazoh* (najis berat). Bagi pendapat 'Atiyyah Saqr juga, jika seseorang itu terkena air kencing anjing, tahi, darah, peluh, air liur, bulunya hal keadaan basah atau seluruh anggota badannya yang basah maka wajib dibasuh sebanyak tujuh kali dan salah satunya dengan air tanah. Al-Syarbini menukilkan di dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* (al-Syarbini, 1994, jilid 1 : 227) di dalam suatu hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Daraqtoni yang bermaksud :

Sesungguhnya Nabi S.A.W dipelawa ke sebuah rumah suatu kaum, lalu Nabi S.A.W memenuhi kehendak kaum itu. Kemudian Nabi S.A.W dipelawa pula ke sebuah rumah yang lain, lalu Nabi S.A.W enggan memenuhi jemputan tersebut kerana terdapat di sana anjing yang sedang dipelihara oleh tuan rumah itu. Sebaliknya rumah yang memelihara kucing Nabi S.A.W bersabda kucing bukanlah binatang yang najis.(al-Syarbini, 1994, jilid 1 : 227).

Di dalam hadis tersebut dapat difahami bahwasanya anjing adalah binatang yang najis berdasarkan kepada hadis di atas. Senada dengan pandangan al-Syarbini ini ialah al-Zuhaili yang menyatakan bahwasanya anjing adalah binatang yang najis berpandukan kepada hadis tersebut (al-Zuhaili, 2006, jilid 1 : 306).

Kenyataan yang sama diutarakan oleh Muhammad Najib al-Muti'e (*al-Majmu'*, 2006, jilid 2 : 390) bahawa anjing dan babi kedua-duanya adalah najis. Begitu juga pandangan al-Syarbini di dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* iaitu, "yang disebut najis itu adalah setiap cecair yang memabukkan, anjing dan babi serta apa-apa yang lahir daripada keduanya" (al-Syarbini, 1994, jilid 1 : 226-227). Kenyataan yang sama

telah dinukilkan oleh ‘Atiyyah Saqr, bahawa disepakati oleh kaum Muslimin bahawa cecair seperti air kencing anjing juga najis (‘Atiyyah Saqr, t.t : 426).

Dari sudut yang lain, al-Qurtubi berpandangan bahawa babi ini ditafsirkan pada firman Allah S.W.T di dalam surah al-Baqarah ayat 173 yang bermaksud,

...Dan daging babi.. (al-Baqarah, 173 :2).

Di dalam ayat di atas membawa maksud bahawa Allah S.W.T mengharamkan daging babi yang merangkumi seluruh anggotanya sama ada yang disembelih atau tidak tetapi tidak termasuk yang diharamkan itu lemaknya. Maka ada satu golongan hanya mengharamkan lemaknya sahaja. Seperti Imam Malik dan pengikutnya berpendapat serta membuat ibarat seperti berikut, sesipa yang bersumpah bahawa dia tidak akan makan lemak tetapi dia memakan daging sahaja, maka dia dikira tidak melanggar sumpahnya dan tidak berdosa. Dan jika seseorang itu bersumpah bahawa dia tidak akan makan daging tetapi dia memakan lemaknya sahaja maka dia dikira melanggar sumpahnya dan berdosa, kerana daging tidak termasuk dalam kategori lemak. Apabila Allah S.W.T menyebut daging babi, maka di sana terhasillah dalam erti kata berlaku pengharaman itu hanya pada daging sahaja bukannya lemak. Dari sudut yang lain pula Allah S.W.T telah mengharamkan lemak kepada Bani Isra’el dengan firmanNya yang bermaksud :

...dan dari lembu dan kambing pula kami haramkan kepada mereka lemaknya (al-An’am, 146 : 6).

Di dalam ayat di atas, jelaslah bahawa berlaku pengharaman itu hanya kepada daging sahaja tidak termasuk lemaknya. Dalam hal yang demikian, Imam Malik memisahkan di antara orang yang bersumpah tentang memakan daging dan lemak.

Melainkan jika seseorang itu bersumpah dan berniat hendak memakan daging bukan lemak, maka dia tidak berdosa. Pada pandangan Imam Syafi'i dan Abi Shaur, apabila seseorang itu bersumpah tidak akan memakan daging tetapi dia memakan lemak, maka dia tidak berdosa. Bagi Imam Ahmad pula apabila seseorang itu bersumpah tidak akan memakan daging tetapi dia makan lemak, maka hukumnya tidak mengapa kecuali dia berkehendak menghampiri lemak maka ketika itu dia berdosa. Kenyataan ini telah dinukilkan oleh al-Qurtubi di dalam kitabnya *al-Jami' al-Ahkam* (al-Qurtubi, 1995, jilid 1 : 222-223).

Daripada keterangan yang telah dibincangkan di atas ternyata bahawa Al-Syarbini (ulama Syafi'i) menjelaskan bahawa setiap bekas atau benda yang dijilat atau digigit oleh anjing atau babi, sama ada terkena sebahagian daripada anggota badan keduanya ketika basah, atau terkena air liur dan air kencing daripada keduanya, maka hendaklah dibasuh sebanyak tujuh kali salah satunya dengan air tanah.(al-Syarbini, 1994, jilid 1 : 232). Oleh itu, tiada pertembungan pendapat al-Syarbini dengan al-Bugha dan al-Bujairimi (juga daripada kalangan ulama Syafi'i) pada masaalah anjing dan babi dengan menghukumkan najis ke atas keduanya. al-Bujairimi menegaskan bahawa setiap binatang itu dianggap bersih pada ketika hidupnya kecuali anjing. Sama ada anjing yang diajar untuk menangkap binatang buruan atau sebaliknya kecuali anjing yang hidup bersama penghuni gua iaitu yang dikenali sebagai *Ashabul al-Kahfi*.(al-Bujairimi, 2007, jilid 1 : 325).

Oleh itu pada hemat pengkaji pendekatan Imam Syafi'i dalam persoalan najis anjing dan babi ini merupakan pendekatan yang lebih mudah diterima. Di samping itu, pendekatan Imam Syafi'i tentang najisnya babi dan anjing merupakan pendekatan

jumhur ulama Islam yang sewajarnya diberi perhatian.(al-Zuhaili, 2006, jilid 1 : 306).

5.3 Penutup

Dari perbincangan di atas, para fuqaha berbeza pandangan dalam masaalah bacaan talqin, menghadiahkan pahala bacaan mereka yang hidup kepada yang telah meninggal dunia dan perbahasan tentang najis anjing dan babi. Ini dapat dilihat dalam kebanyakan buku-buku fiqh dan tidak keterlaluan juga ada yang berpendapat bahawa anjing dikatakan najis merupakan ijma' ulama. Walaupun begitu terdapat juga sebilangan ulama fiqh yang lain tidak bersetuju dengan pandangan sebilangan ulama yang menyatakan anjing itu najis.

Pelbagai hujah telah diberikan di dalam masaalah bacaan talqin dan mengahadiahkan pahala kepada mereka yang telah meninggal dunia. Masaalah ini telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam bab lima ini. Di antara hujah yang kuat ialah kedudukan hadis-hadis tentang talqin dan mengahadiahkan pahala kepada mereka yang telah meninggal dunia boleh dipertikaikan dari kedudukan (*darajah*) dan kesahihannya. Ada pula yang menganggap bahawa perbuatan membaca talqin dan mengahadiahkan pahala kepada mereka yang telah meninggal dunia itu tidak pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Begitu juga pandangan, mereka yang mempertikaikan kekuatan hadis-hadis di dalam ketiga-tiga masaalah di atas.

Dari perbincangan ini, pengkaji berpendapat walau apapun pandangan terhadap hukum bacaan talqin dan mengahadiahkan pahala kepada mereka yang telah meninggal dunia serta najisnya anjing dan babi itu, kerajaan Islam mempunyai kuasa untuk melaksanakan sebarang amalan dan hukum yang telah dilakukan sejak dahulu lagi dengan menerima pakai hukum-hukum yang ditetapkan oleh Majlis Fatwa serta mengambilkira *Maqasid Syari'ah*.

BAB ENAM

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, rumusan berkaitan penerangan dan perbincangan dalam bab-bab terdahulu akan dilakukan. Selain itu, pengkaji juga mengutarakan saranan penting hasil penyelidikan yang dilakukan terhadap kitab *Hidayah al-Sibyan*.

6.2 Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mentahqiq kitab *Hidayah al-Sibyan*, terutama berkaitan akidah dan ibadah. Namun pengkaji mendapati kajian ini telah memberi tumpuan yang besar terhadap aspek ibadah secara keseluruhannya.

Dari segi perbahasan mengenai ibadah, kitab ini mempunyai keistimewaan yang tinggi berbanding kitab lain. Walaupun kitab ini telah ditulis melebihi satu abad yang lampau, sebahagian khazanah kitab-kitab kuning masih menjadikan kitab *Hidayah al-Sibyan* sebagai bahan kajian sehingga hari ini.

Pengarang *Hidayah al-Sibyan*, Tuan Husein Kedah membesar dalam suasana kegawatan ilmu pengetahuan kerana masyarakat Islam di Tanah Melayu dijajah dan

ditindas sehingga memberi kesan besar terhadap penyebaran ilmu pengetahuan kepada umat Islam. Sejak dari kecil, Tuan Husein Kedah mempunyai minat mendalam terhadap ilmu pengetahuan. Beliau telah berguru dengan para ulama muktabar di beberapa tempat seperti Tanah Melayu, Pattani, Medan, Aceh dan Makkah, malah usaha mencari ilmu memberi impak yang sangat positif terhadap keilmuan beliau yang meluas dan penghasilan karya ilmiah yang bernilai.

Dalam usaha menjawab objektif pertama kajian ini, pengkaji cuba menghuraikan struktur ayat yang ditulis oleh Tuan Husein Kedah dalam gaya bahasa tradisional dengan pendekatan kontemporari. Selain itu, maksud perkataan bahasa Arab istilah lama serta dan loghat negeri Kedah yang terkandung di dalam kitab *Hidayah al-Sibyan* cuba dijelaskan juga.

Bagi menjawab objektif kedua pula, permasalahan dalam kitab *Hidayah al-Sibyan* dijelaskan secara holistik dengan membuat penambahan huraian terhadap teks yang ditulis oleh Tuan Husein Kedah. Huraian tersebut tidak tersasar jauh daripada tajuk asal yang diutarakan kerana penambahan dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan catatan nota kaki sebagai huraian kepada teks kitab tersebut dalam usaha menjelaskan permasalahan yang timbul serta huraian teks yang kurang jelas.

Dalam objektif kajian yang ketiga, pengkaji cuba mentakhrij hadis-hadis yang terkandung dalam kitab *Hidayah al-Sibyan* yang umumnya berkaitan akidah dan ibadah. Pengkajian yang dilakukan ke atas kitab *Hidayah al-Sibyan* mendapat-

bahawa sebahagian hadis di dalamnya dapat dikesan sumbernya, namun terdapat juga yang tidak dapat dikesan sumbernya melalui kitab-kitab hadis. Hal ini berlaku mungkin kerana Tuan Husein Kedah menukilkan hadis tersebut daripada kitab-kitab yang dikarang oleh para ulama selain daripada hadis.

Hadis-hadis yang terdapat dalam kitab ini, ada yang dimasukkan teks asalnya dan ada juga yang hanya dilampirkan maksudnya sahaja yang diolah oleh Tuan Husein Kedah dengan menjadikannya sebagai amalan hukum. Setelah ditakhrij, didapati hadis-hadis tersebut telah diriwayatkan oleh para ulama hadis yang muktabar seperti Bukhari, Muslim, Ibnu Majah, al-Baihaqi, al-Hakim, Tarmizi, al-Nasai, al-Tabrani dan lain-lain lagi.

Hasil kajian juga mendapati kitab *Hidayah al-Sibyan* tidak banyak mengandungi hadis da’if. Ini kerana riwayat-riwayat yang da’if dan tiada sumber tidak boleh dijadikan dalil dan pegangan yang kukuh untuk dijadikan hujah. Oleh itu, para pembaca harus memberi perhatian terhadap amalan dan hadis yang terdapat di dalam kitab ini bagi menjauhkan diri daripada unsur-unsur mendustakan Rasulullah S.A.W. Pengkaji juga cuba menentukan surah, bilangan surah dan ayat bagi setiap ayat al-Quran yang terkandung dalam kitab *Hidayah al-Sibyan*.

Bagi objektif yang keempat, analisis secara kritis cuba dilakukan terhadap beberapa isu semasa yang dikenal pasti dalam aspek ibadah masa kini dengan menggunakan pelbagai pandangan ulama. Semuanya ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah

permasalahan ini boleh diperincikan serta boleh diguna pakai dalam kehidupan masyarakat dewasa ini berdasarkan dalil-dalil yang sahih.

6.3 Cadangan

6.3.1 Cadangan Umum

Menerusi kajian ini, beberapa saranan penting ke arah pengukuhan ilmu akidah dan ibadah secara khususnya dan kefahaman Islam secara amnya dikemukakan. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- i. Menghidupkan kembali karya-karya ulama terdahulu seperti karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Tuan Husein Kedah dalam bidang akidah dan ibadah untuk bacaan masyarakat. Namun, karya-karya tersebut wajar disemak dan ditransliterasikan ke bahasa Melayu moden agar semua lapisan masyarakat dapat mempelajarinya dengan penuh minat.
- ii. Keperluan mengembangkan pengajaran akidah dan ibadah, khususnya dengan mengambil kira tahap kefahaman masyarakat Islam dan realiti musuh akidah Islam semasa. Namun sebarang usaha pembaharuan ini haruslah dibina atas pegangan akidah Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah seperti yang digariskan oleh Tuan Husein Kedah dan para ulama muktabar. Ini kerana usaha ke arah pembaharuan bukanlah bererti mengubah dan merobek pengajaran lama, tetapi mencari cara yang sesuai bagi memastikan bahawa yang lama terus diamalkan agar segar dan sesuai dengan tuntutan peredaran zaman dan pemikiran semasa.

- iii. Pendekatan Sifat 20 dan perihal sembahyang atau solat yang sempurna wajar diteruskan dan dikembangkan di peringkat prasekolah sehingga ke peringkat menengah dengan mengambil kira kemampuan kognitif pelajar. Ini kerana pengajian ilmu agama sewajarnya bukan sekadar difahami dan dihafal bahkan perlu dihayati dalam kehidupan seharian.
- iv. Pengajian konsep akidah dan ibadah menerusi Modul Pendidikan Islam atau Tamadun Islam di peringkat pengajian tinggi sama ada di kolej, politeknik mahupun universiti yang mengetengahkan pendekatan pengajian Sifat 20 dan solat yang sempurna mestilah tidak bercanggah dengan fahaman jumhur ulama Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah.

6.3.2 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Dalam tradisi mempelajari ilmu agama, terdapat tiga aspek utama yang sering dibincangkan oleh para ulama: akidah, ibadah dan tasawuf. Apabila menyentuh perbahasan berkaitan ketuhanan yang menjadi asas terpenting dalam akidah Islam, setiap individu wajib mempelajarinya dengan penuh minat. Begitu juga dengan aspek kenabian dan para rasul yang wajib dipelajari, aspek *sam'iyyat* yang membahaskan perkara-perkara akidah yang hanya berpandukan dalil naqli seperti persoalan hari akhirat, syurga dan neraka serta lain-lain yang hanya diketahui menerusi penjelasan wahyu.

Permasalahan ibadah menyentuh melibatkan perkara penting yang perlu dan wajib diketahui oleh setiap individu yang akil baligh. Antaranya ialah syarat wajib sembahyang, hadas kecil dan fardu wuduk; hadas besar dan fardu mandi; wuduk, mandi dan tayamum; perkara-perkara yang ditegah bagi orang yang berjunub, orang yang haid dan nifas melakukannya; istinjak dan syarat sah istinjak; najis dan cara menghilangkan najis, pembahagian najis; mengetahui masuk waktu sembahyang, ‘ain kiblat, menutup aurat, kaifiyat dan tempat sembahyang, perkara yang membatalkan sembahyang, sembahyang fardu lima waktu, azan dan iqamah, rukun-rukun sembahyang dan banyak lagi.

Oleh sebab kajian ini memberi fokus pada tahqiq *Hidayah al-Sibyan* dalam aspek akidah dan ibadah sahaja, maka terdapat beberapa aspek dalam perbincangan ini yang masih boleh dijadikan subjek kajian. Antaranya ialah aspek akidah mengenai sifat yang wajib, mustahil dan yang harus bagi Allah S.W.T dan sifat yang wajib, mustahil dan yang harus bagi Nabi S.A.W serta perbahasan tentang ibadah mengenai rukun, syarat sah, perkara-perkara yang membatalkan sembahyang dan lain-lain lagi yang perlu diperhalusi.

6.4 Penutup

Pengkaji berharap kajian yang berupa tahqiq kitab *Hidayah al-Sibyan* oleh al-‘Alim al-Syeikh Abu Abdullah Husein Nasir bin Muhammad Thayyib al-Mas’udi al-Banjari memberi hasil yang baik, memandangkan pengarangnya seorang sarjana Islam berjiwa besar yang melihat dunia dengan pandangan seorang pendidik dan pembimbing. Beliau memerhati kehidupan umat manusia dengan pandangan yang tajam dan percaya bahawa ada jaminannya apabila mereka berada di bawah naungan Islam manakala mereka yang berada di luar Islam akan menghadapi kemusnahan dan keruntuhan walaupun mempunyai ketamadunan dan peradaban yang tinggi. Ini kerana tamadun ciptaan Barat moden hanya mampu menjamin kebahagiaan material tanpa menjanjikan kesejahteraan spiritual.

Oleh itu, ini diharap dapat memberi ilham dan semangat kepada generasi kini untuk melipat-gandakan usaha dan menjadi mata rantai bagi menyumbang kesinambungan perjuangan ulama terdahulu dalam mengembangkan dan mempertahankan pengajaran akidah yang betul melalui akidah dan ibadah yang sempurna berdasarkan Ahli Sunnah Wa al-Jama’ah. Selain itu, usaha kecil ini juga diharap dapat menonjolkan al-‘Alim al-Syeikh Abu Abdullah Husein Nasir bin Muhammad Thayyib al-Mas’udi al-Banjari atau lebih dikenali sebagai Tuan Husein Kedah sebagai seorang tokoh ulama yang terkenal dalam usaha penyebaran dan perkembangan ilmu agama melalui kitab beliau *Hidayah al-Sibyan* di Tanah Melayu amnya dan di negeri kedah secara khususnya memandangkan beliau dilihat dapat memulihkan keyakinan umat Islam terhadap jati diri mereka dengan menegaskan

bahawa mereka sahajalah yang memiliki penawar paling berkesan untuk mengubati segala kemasuhan, keruntuhan dan kebekuan yang terjadi dalam masyarakat sejagat.

BIBLIOGRAFI

- Al- ‘Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar (1989). *Fathu al-Bari Syarh Sohih al-Bukhari*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- ‘Atiyah Saqar (t.th). *al-Fatawa Min Ahsani al-Kalam Fi al-fatawa Wa al-Ahkam*. Kaherah : Al-Maktabah al-Taufiqiyqh.
- Al- ‘Utsaimin, Muhammad bin Soleh (1426H). *Fatawa Arkanu al-Islam*. Al-Riyad : Dar al-Suria.
- Abdul Kadir Isa bin Diyab (2005). *al-Mizan al-‘Adil. Tahqiq* (Abdul Mu’ti bin al-Tarki). Damsyiq : Dar al-Taqwa.
- Abdul Majid bin Muhammad Noor (t.th). *Mengambil Manfaat seseorang Muslim Dari Amanalan Kebajikan Saudaranya Yang Muslim*. Alor Setar Kedah : Percetakan Siaran Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Siddiq bin Muhammad Afif al-Banjari (2005) *Shajarat al-Arsyadiah*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah.
- Abi Isa Muhammad bin Isa bin Saurah (2005). *Sunan al-Tarmizi. Tahqiq*, Ahmad Syakir dan Fuad Abdul Baqi. Beirut : Dar al-Fikr.
- Ahmad Faisol bin Omar (t.th) *Panduan Meyambut Hari Raya*. Alor Setar Kedah : Percetakan Siaran Sdn. Bhd.
- Ahmad Fathi al-Fatani (2009) *Ulama Besar Dari Fatani*. Kota Bharu Kelantan : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Al-Albani, Muhammad bin Nasir (1988). *Silsilah al-Ahadis al-Doifah Wa al-Maudhu’*. Al-Riyad : Maktabah al-Ma’arif.
- Ali Jumu’ah bin Muhammad (2007). *Al-Kalimu al-Toyyibu Fatawa ‘asriyyah*. Kaherah : Dar al-Salam.
- Aminuddin bin Abdul Rahim (2006). ‘*Adab-adab Berdoa*’. Di Selenggarakan Oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kedah. *Himpunan Doa*. Alor Setar Kedah : Percetakan Shamim (M) Sdn. Bhd.
- Ba ‘Alawi, Abdul Rahman bin Muhammad bin al-Husein bin Umar (2004). *Bughyah al-Mustarsyidin*. Beirut : Dar al-Kutub al- ‘Alamiah.

Al-Banjari, Muhammad Arsyad bin Abdullah (t.th). *Sabil al-Muhtadin*. Pulau Pinang : Maktabah Wa Matba'ah Dar al-Ma'arif.

Al-Bujairimi, Sulaiman al- Bujairimi (2007). *Bujairimi 'Ala al-Khatib*. Beirut : Dar al-Fikr.

Al-Damsyiqi al-Syafi'i, Takiyuddin Abi Bakar bin Muhammad (1992). *Kifayah al-Akhyar Fi Hal Ghayah al-Ikhtisar. Tahqiq* (Ali Abdul Hamid dan Muhammad Wahab Sulaiman). Beirut : Dar al-Khair.

Al-Dimyat, Abi Bakar Ibnu al-Sayyid Muhammad Syato (1993). *Hasyiah i'Anah al-Tolibin*

'Ala Hil Alfaz Fath al-Mu'in. Beirut : Dar al-Fikr.

Fadzil bin Ahmad (1993). *Hidup Ibadat*. Alor Setar Kedah : Darul 'Ulum.

Al-Fatani, Abdul Aziz bin Ismail (1994). *Risalah al-Misbah al-Munir*. Kelantan : Pustaka Aman Prees Sdn. Bhd.

Al-Fatani, Ahmad bin Muhammad bin Mustafa (200). *Mutiara Ilmu Akidah*. Kota Bharu Kelantan : Jabal Maraqqi Enterpraise.

Al-Fatani, Ahmad Ibnu Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad (t.th) *Faridah al-Faraaid Fi Ilmi al-'Aqaид*. Fatani : Matba'ah bin Halabi.

Al-Fatani, Daud bin Abdullah (2006). *Munyah al-Musolli*. Kota Bahru Kelantan : Jabal Maraqqi Enterpraise.

Al-Fatani, Daud bin Abdullah bin Idris (t.th). *Bughyatu al-Tullab*. Thailand : Maktabah Wa Matba'ah Muhammad al-Hindi Wa Auladuhu.,

Al-Fatani, Ismail bin Abdul Kadir (t.th). *Bakurah al-Amani*. Fatani : t.pt.

Al-Fatoni, Daud bin Abdullah (t.th). *al-Duraru al-Tsamin*. Pulau Pinang : Al-Ma'arif Sdn. Bhd .

Al-Fudali, Muhammad bin al-Syafi'i (t.th). *Hasyiah Thqiqi al-Maqam 'Ala kifayatul 'awam Fima Yajibu 'Alaihim Min Ilmi al-Kalam*. Mesir : Mustafa Albani al-Halabi Wa Auladuh.

Al-Ghazali, Muhammad bin Abi Hamid (1994). *Ihya' 'Ulumi al-Din*. Damsyiq : Dar al-Khair.

Al-Haithami, Al-Hafiz Nuruddin ‘Ali bin Abi Bakar (1994). *Bughyatu al-Raid Fi Tahqiq Majma’ al-Zawaaid Wa Manba’ al-Fawaaid. Tahqiq* (Abdullah Muhammad al-Darwish). Beirut : Dar al-Fikri.

Himpunan Fatwa bilangan 3 Negeri Kedah Darul Aman (t.th). Kedah Darul Aman : Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

Ibnu Manzur, Abi al-Fadli Jamal al-Din Muhammad bin Mukram (2005). *Lisan al-Arab*.

Beirut : Dar Sodir.

Ibrahim Madkur (1985). *Al-Mu’jam al-Wasit*. Mesir : Syarikat al-‘Ilamat al-Syarqiyyah.

Ibrahim Madkur (1995). *al-Mu’jam al-Wajiz*. Mesir : Keluaran khas daripada kementerian pendidikan dan pelajaran Mesir.

Ishak bin Mohd Rejab (1354H). *Tokoh Ulung Tuan Husein bin Mohd Nasir bin Mohd Taib al-Mas’udi al-Banjari*. Seberang Perai : Terbitan Persatuan Bekas-bekas Pelajar al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiah.

Ishak bin Mohd Rejab (2009). *Tokoh Ulung*. Kepala Batas Seberang Perai : Terbitan Persatuan Bekas-Bekas Pelajar al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah Pokok Sena.

Ismail bin Che Daud (2007) *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu* (2). Kota Bharu Kelantan : Nivea Enterprise.

Ismail Hamid (1991). *Masyarakat Dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur : Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid (2009). *Indahnya Hidup Bermasyarakat*. Kuala Lumpur : Terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.

Ismail Mat (1992). *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Saleh (1997). *Biografi Ulama Kedah Darul Aman jilid Satu*. Kedah : Terbitan Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman.

Jabatan Pelajaran Negeri Kedah (2006) *Himpunan Doa*. Alor Setar Kedah : Percetakan Shamim (M) Sdn. Bhd.

Jama’ah Min Kibar al-Lughawiyin al-Arab (1988). *Al-Mu’jam al-Arabi al-Asasi*, t.tp : t.tp.

Al-Jauzi, Abu al-Qasim Ismail bin Muhammad bin al-Fadl (1993). *Kitab al-Targhib wa al-Tarhib*. Kaherah : Dar al-Hadis.

Al-Jazairi , Abu Bakar Jabir (1997). ‘Akidotul al-Mukmin. Kaherah : Maktabah Darussalam.

Al-Jazairi, Abu Bakar bin Jabir (t.th). *Minhaj al-Muslim*. Madinah al-Munawwarah : al-Maktabah al-tsaqafi.

Al-Jistani, Abu Daud Sulaiman bin al-Asy’as al-Azdi (1998). *Sunan Abi Daud. Tahqiq* (Muhammad ‘Awamah). Beirut : Dar al-Makahah.

Karim Sayyid Muhammad Mahmud (2009). *Mu’jam al-Tolib al-Wasit*. Lubnan : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Kedahi, Haji Chik bin Ahmad (2004). *Sullam al-Shibyan*. t.tp : t.pt.

Al-Khatib al-Syarbini, Syamsuddin Muhammad bin Muhammad (1994). *Al-Iqna’ Fi Hal al-Alfaz Abi Syuja’*. *Tahqiq* (Ali Muhammad Mu’awad dan ‘Adil Ahmad Abdul al-Maujud). Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Khatib al-Syarbini, Syamsuddin Muhammad bin Muhammad (1994). *Mughni al-Muhtaj. Tahqiq* (‘Ali Muhammad Mu’awwid dan ‘Adil Ahmad Abdul al-Maujud). Beirut : Dar al-Kutub al-‘Alamiah.

Al-Khin dan al-Bugha , Doktor Mustafa al-Khin dan Doktor Mustafa al-Bugha (1996). *al-Fiqh al-Manhaji ‘Ala Mazhab al-Imam al-Syafi’i*. Damsyiq : Dar al-Qalam dan Beirut : al-Dar al-Syamiah.

Al-Kurdi, al-Syekh Muhammad bin Amin (1995). *Tanwir al-Qulub Fi Muamalati ‘ulumi al-Ghuyub*. Beirut : Dar al-fikri.

Lembaga Urusan Dan Tabung Haji Malaysia (1986). Buku Panduan Ibadah Haji, ‘Umrah Dan Ziarah. Kuala Lumpur : Utusan Print Craft Sdn. Bhd.

Al-Mahalli, Jalaluddin Muhammad bin Ahmad (2009) *Hasyiyata al-Qalyubi wa ‘Umairah. Tahqiq* (Abdul Hamid bin Ahmad bin Yusuf bin Hindawi). Beirut : al-Maktabah al-‘Asriyyah.

Mahmud Syaltut (2004). *Al-Fatawa Dirasah Li Mushkilati al-Muslim al-Mu’asir Fi Hayatihi al-Yaumiyah al-‘Ammah*. Kaherah : Dar al-Syuruq.

Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd Rauf (1354H). *Kamus al-Marbawi*. Mesir : Terbitan Mustafa al-albani al-Halabi wa auladuhu.

Marbu al-Banjari, Muhammad Nur al-Din (2007). *Al-Aurad al-Ziniah al-Makkiah*. Alor Setar Kedah : Pustaka Darussalam.

Mohd Khairi bin Zainuddin (2000). *Kursus Ilmiah Dan Amali Pengurusan Jenazah Serta Soal Jawab Hukum Berkaitan*. t_tp : t.pt.

Mohd Khairi Zainuddin dan rakan-rakan (2008). *Al-Miftah*. Selangor : Al-Azhar Media Enterprise.

Mohd Khalil Mohd Yusoff (1992). *Sejarah Perkembangan Maktab Mahmud, Institut Perguruan Darulaman Jitra Kedah*. Terbitan Arkib Neraga Malaysia Cawangan Kedah/Perlis.

Mohd.Saleh Haji Ahmad (1999). *Pengantar Syari'at Islam*. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid.

Muhammad Nuruddin (1997). *Darah-darah Haid, Nifas dan Istihadah*. Edisi terjemahan oleh Muhammad Ramzi bin Omar. Derang Kedah : Terbitan al-Maahad 'Ali Litahaqquh Fi al-Din.

Muhammad Zamri bin Umar (1999). *Terjemahan Syarah Matan al-Sanusiah al-Aqaid al-Duriaah*. Kuala Lumpur : Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Muhd Najib bin Abdul Kadir (2008). *Ibadat Haji, 'Umrah Dan Ziarah Madinah*. Selangor : Pena Gemilang Sdn. Bhd.

Muhammad Yunus (1969). *Tafsir Quran Karim 30 juzuz*. Jakarta : Terbitan Lajnah Tashih Mushaf al-Quran.

Munif Zariruddin Fikri bin Nordin (2000). 'Kertas Kerja Seminar Kedah 100 Tahun ll'. (Diselenggara) *UUM 20-21 Ogos 2000*. Kedah Darul Aman. Terbitan Universiti Utara Malaysia.

Al-Mursofi, Al-Syekh al-Kabir Muhammad (2007). *Hasyiah al- Bujairimi 'Ala Syarhi Minhaj al-Tullab*. Beirut : Dar al-Fikri.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Mahyuddin bin Syarf (1992). *Riyad al-Solihin. Tahqiq (Jama'ah Min al-Ulama)*. Beirut : Al-Makta al-Islami.

Al- Nawawi, Abu Zakaria Mahyuddin bin Syarf (2006). *Majmu' Syarh al-Muhazzab li-Syairazi. Tahqiq* (Muhammad Najib al-Muti'i). Al-Riyad : Dar 'Alim al-Kutub.

Al- Nawawi, Al-Imam al-Hafiz Syekh al-Islam Mahyuddin Abi Zakaria Yahya Syarf (1990M). *al-Adzkar*. Kaherah : Dar al-Ghad al-Arabi.

Noresah bt Baharom (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Qalyubi dan ‘Umairah, Shihabu al-Din Ahmad bin Salamah dan Shihabu al-Din Ahmad al-Barlasi (2009M). *Hasyiata al-Qalyubi Wa ‘Umairah ‘Ala Kanzi al-Raghibin Syar Minhaj al-Tolibin Lil Nawawi Bi Syarhi Jalaluddin Muhammad bin Ahmad al-Mahalli, Tahqiq* (Abdul al-Hamid bin Ahmad bin Yusuf bin Hindawi). Beirut : terbitan al-Maktabah al-‘Asriah.

Al-Quran al-Karim, tafsir pimpinan al-rahman kepada pengertian al-Quran (2000). Cet. Ke 11, Kuala Lumpur : Darul Fikr.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-ansori (1995). *Al-Jami’ al-Ahkam al-Quran*. Beirut : Dar Ihya’ al-Turas al-Arabi.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar (2006). *Al-Tazkirah, Tahqiq* (Ahmad Abdul Razak al-Bakri dan Muhammad ‘Adil Muhammad). Kaherah : Dar al-Salam.

Salleh Karimi bin Haji Muhammad Kari (2002). *Kitab al-Tauhid al-wadeh*. Kedah : Diterbitkan di Teluk Cengai jalan Kuala Kedah.

Al-Sayuti, Hafiz Jalaluddin Abul al-Rahman (t.th). *Faid al-Qadir, Syar al-Jami’ al-Soghir*. Syarh (Muhammad Abdul al-Rauf al-Munawi). Kaherah : Dar al-Hadis.

Sayyid Sabiq (1993). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah : al-Fathu al-I’lam al-‘Arabi.

Shafie bin Abu Bakar (1977). ‘*Melaka Sebagai Lambang Keagungan Bangsa Melayu*’. Abdul Latif bin Abu Bakar. (Diselenggara) *Sejarah Di Selat Malaka*. Melaka : Percetakan Surya Sdn. Bhd.

Al-Sindi, Abi al-Hasan al-Hanafi (2009). *Sunan Ibnu Majah. Tahqiq* (Khalil Ma’mun Shiha). Beirut : Dar al-Ma’rifah.

Al-Son’ani, Muhammad bin Ismail al-Amir al-Yamani (1988). *Syarah Bulugh al-Muram Min Jam’i Adillati al-Ahkam. Syarh* (Muhammad Abdul Kadir Ahmad ‘Ata). Beirut : Dar al-Kutub al-‘Alamiyyah.

Al-Sona’ani, Muhammad bin Ismail (1992). *Subul al-Salam Syarh Bulughul al-Muram Min Jami’i Adillati al-Ahkam. Tahqiq* (Muhammad al-Dali Baltoh). Beirut : al-Maktabah al-‘Asriyyah.

Al-Suyuti, Al-Hafiz Jalaluddin al-Suyuti (2008). *Sunan al-Nasa’i. Tahqiq* (Maktab Tahqiq al-Turath al-Islami). Beirut : Dar al-Ma’rifah.

- Al-Suyuti, Jalaluddin bin Abdul Rahman (2006). *Al-Ashbah Wa al-Nazair, Tahqiq* (Muhammad Muhammad Tamir dan Hafiz ‘Asyur Hafiz). Kaherah : Dar al-salam.
- Al-Syaukani, Muhammad bin ‘Ali (1996). *Nail Autar Min Ahadis Sayyid al-Akhyar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Damsyiq : Dar Al-Khair.
- Tajuddin Saman (1993). *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn.Bhd.
- Wan Mohd Shaghir bin Abdullah (2009). *Koleksi Ulama Nusantara (Jilid 1)*. Kuala Lumpur : Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara.
- Wan Shamsudin Bin Mohd Yusof (1999). *Kertas Kerja Perkembangan Dakwah Islamiah Dan Penulis-Penulis Dari Golongan Agama Di Utara-Barat Malaysia*. Narathiwat : Diselenggarakan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).
- Zahidi Haji Zainol Rashid (1996). *Islam Di Kedah Darul Aman*. Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman II : Anjuran Majlis Kebudayaan Negeri Kedah darul Aman.
- Zakaria bin Ahmad (t.th). *Terjemahan Kitab al-Qaul al-Tam*. t.tp : t.pt.
- Zakaria bin Ahmad wan Besar (2000). *Matla’al-Nurain Untuk Menghuraikan Ibarat Kitab Matla’ al-Badrain*. Malaysia : Pustaka Darussalam.
- Zakiah Haji Tajudin (1984/85). *Madrasah al-Nahdhatul Hasanah, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera*. Bangi : Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Zuhaili, Wahbah Zuhaili (1996). *Nai al-Autar Min Ahadis Sayyid al-Akhyar Syarhu Muntaqa al-Akhbar*. Kaherah : Dar al-Salam.
- Zuhaili, Wahbah al-Zuhaili (1996M). *Sahih Muslim Bi Syarh al-Imam Muhyuddin Abi Zakariayah bin Syarfu al-Nawawi*. Kaherah : Darul al-Salam.
- Zuhaili, Wahbah al-Zuhaili (2006). *Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Damsyiq : Dar al-Fikri.

Wawancara

Temubual dengan Tuan Guru Hj Hanafi bin Salleh, pada 21/02/2010M, di rumah beliau Pondok Titi Besi Alor Setar Kedah. Beliau adalah pesara guru.

Wawancara dengan cucu Tuan Husein Kedah yang bernama Hj Abdullah bin Hj Ahmad bin Husein pada 15.2.2010 bertempat di al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah. Beliau adalah pesara guru.


Temubual dengan Tuan Guru Hj Ali bin Ahmad, pada 21/02/2010M, di rumah beliau Jalan Pegawai belakang Maktab Mahmud Alor Setar Kedah. Beliau adalah pesara guru.

Wawancara dengan Ustaz Wan Hafiz bin Wan Saleh pada 23.8.2010 bertempat di rumah beliau Jitra. Beliau adalah seorang pendakwah bebas.

LAMPIRAN

- 1. NAMA DAN SUSURGALUR KETURUNAN TUAN HUSEIN
KEDAH**
- 2. GAMBAR PONDOK, MASJID DAN PUSARA TUAN HUSEIN
KEDAH**
- 3. TEKS KITAB *HIDAYAH AL-SIBYAN* OLEH TUAN HUSEIN
KEDAH**

NAMA DAN SUSUR GALUR KETURUNAN TUAN HUSEIN KEDAH



Sumber temubual dengan cucu Tuan Husein Kedah

NAMA DAN SUSURGALUR KETURUNAN TUAN HUSEIN
KEDAH

Muhammad Arsyad

Mus'ud

Qadhi Abu Su'ud

Muhammad Thayyib

Muhammad Nasir

Abu Abdullah Husein

CUCU TUAN HUSEIN KEDAH IAITU ABDULLAH BIN AHMAD BIN
HUSEIN, NAMA GELARAN PAKUDA.



KINI TELAH MENJADI SEKOLAH MENENGAHAGAMA BANTUAN
KERAJAAN (SABK).







SURAU YANG TELAH DIBINA OLEH ANAK TUAN HUSEIN KEDAH IAITU
HAJI AHMAD BIN TUAN HUSEIN KEDAH.







MASJID DAN TANAH PERKUBURAN TUAN HUSEIN KEDAH DI MASJID
TITI GAJAH ALOR SETAR





PUSARA TUAN HUSEIN KEDAH



